



MEMUPUK KETAHANAN DEMI  
**KEMAMPAHAN  
MASA HADAPAN**



**Membina masa hadapan persaraan  
yang lebih baik untuk rakyat Malaysia**

**LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**  
Menara KWSP Kwasa Damansara  
1, Persiaran Kwasa Utama, Seksyen U4  
40150 Shah Alam, Selangor

[www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)

LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU 2023



LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU 2023



# KANDUNGAN

Tentang Laporan Ini.....	02
Fakta Sekilas Pandang.....	04

## 1 MESEJ UTAMA

Mesej Pengerusi.....	06
Mesej Ketua Pegawai Eksekutif.....	10

## 2 TENTANG KWSP

Visi, Misi dan Nilai Bersama.....	16
Menyusuri Jejak Kejayaan KWSP (1951-2022).....	18
Peristiwa Penting 2023.....	20
Struktur Korporat Kumpulan.....	22
Lokasi Operasi KWSP.....	24
Bagaimana KWSP Mencipta Nilai.....	29
Model Penciptaan Nilai KWSP.....	30

## 3 STRATEGI DAN TINJAUAN PERNIAGAAN

Strategi.....	32
Persekitaran Operasi.....	33
Penglibatan Pihak Berkepentingan.....	37
Perkara Material.....	38
Ulasan Pelaburan.....	48
Ulasan Perniagaan.....	52
Prospek Perniagaan.....	68

## 4 PRESTASI

Sorotan Lima Tahun Kewangan.....	69
Petunjuk Prestasi.....	71

## 5 TADBIR URUS

Pernyataan Tadbir Urus Korporat.....	80
Pernyataan Tadbir Urus Syariah bagi Simpanan Syariah KWSP.....	88
Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah.....	95
Pengurusan Risiko.....	97
Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.....	106
Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga.....	111
Pernyataan Audit Dalam.....	115
Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan.....	117



## 6 PENGURUSAN

Ahli Lembaga.....	118
Ahli Panel Pelaburan.....	125
Ahli Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan.....	128
Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah.....	129
Struktur Organisasi.....	132
Kepimpinan Eksekutif.....	134
Pengurusan Kanan.....	137

## 7 KEWANGAN

Ringkasan Kewangan dan Analisis.....	144
Sijil Ketua Audit Negara.....	148
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga.....	152
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Lembaga KWSP.....	153
Penyata Kewangan.....	154
Hartanah KWSP di Malaysia.....	349
Glosari.....	350



# LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU 2023



**Rasional**

Di KWSP, kami menasarkankan untuk melangkaui amalan pengurusan kewangan konvensional dan menjadi tonggak ketahanan negara, menyumbang kepada vitaliti ekonomi jangka panjang demi manfaat ahli kami. Kami memberi keutamaan kepada amalan mampan, dengan tumpuan kepada faedah berkekalan.

Hasrat KWSP untuk membina masa hadapan melalui inisiatif mampan yang mengekalkan kestabilan sepanjang masa, serta memastikan asas yang kukuh demi kesejahteraan generasi akan datang. Melalui komitmen ini, KWSP berusaha mencipta impak kestabilan kewangan, fleksibiliti, dan kejayaan berterusan untuk semua pihak berkepentingan.



# TENTANG LAPORAN INI

Laporan Tahunan Bersepadu (LTB atau Laporan) Ketiga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ini bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan dan pemahaman tentang prestasinya untuk tahun kalendar 2023 (1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023).

## > TUJUAN

Pada tahun ketiga penerbitannya, LTB2023 ini bertujuan untuk memberikan gambaran mengenai prestasi KWSP bagi tahun kalendar 2023 (1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023). Laporan ini menggariskan inisiatif KWSP untuk melindungi dan meningkatkan dana persaraan ahli. Sepanjang tahun 2023, KWSP telah meneruskan perjalanannya dalam Laporan Bersepadu (IR) dengan tujuan untuk meningkatkan prosedur pelaporannya.

Dalam usaha mencipta nilai jangka pendek, sederhana, dan panjang, KWSP berhasrat untuk menyediakan penilaian yang lebih telus dan menyeluruh mengenai strategi, tadbir urus, prestasi, dan prospeknya dalam persekitaran luaran yang lebih meluas. Selain dari aspek pelaporan, KWSP bertekad untuk membantu ahli memastikan masa hadapan yang lebih stabil melalui fokus berterusan terhadap perkhidmatan yang cemerlang, memperkukuh daya tahan pelaburan dan mengamalkan amalan lestari demi kepentingan semua pihak berkepentingan dalam jangka masa panjang.

## > SKOP

KWSP ialah badan berkanun persekutuan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan diberi mandat untuk menguruskan simpanan persaraan tenaga kerja di Malaysia mengikut Akta KWSP 1991.

Laporan ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai prestasi kewangan dan bukan kewangan KWSP pada tahun 2023 merentasi semua operasinya, serta pandangannya untuk jangka pendek, sederhana, dan panjang. Ia bertujuan untuk memaklumkan pihak berkepentingan tentang proses penciptaan nilai KWSP secara telus dan menyeluruh.

## > RANGKA KERJA PELAPORAN

Laporan ini dan penyata-penyata kewangan telah disediakan mengikut:

- Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu (IR) oleh International Integrated Reporting Council (IIRC);
- Akta KWSP 1991;
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS);
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS); dan
- Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI).

## > PERNYATAAN LEMBAGA

Ahli Lembaga KWSP bertanggungjawab ke atas integriti Laporan ini dan mendapati bahawa kandungan Laporan ini adalah berdasarkan fakta dan melaporkan prestasi KWSP dengan wajar bagi tahun 2023.

## > KENYATAAN PANDANGAN KE HADAPAN

Laporan ini merangkumi perbincangan mengenai prestasi perniagaan dan kewangan KWSP melalui kenyataan pandang ke hadapan, yang melibatkan risiko dan ketidakpastian berkaitan dengan peristiwa serta keadaan masa hadapan yang mungkin atau mungkin tidak berlaku. Semua kenyataan pandang ke hadapan yang disampaikan adalah berdasarkan kedudukan semasa KWSP, trajektori yang dijangkakan, dan maklumat yang tersedia pada masa ini.

## PETUNJUK DAN IKON



Kami menasarkankan untuk menghasilkan laporan yang interaktif, menarik dan mudah difahami. Untuk membantu pembaca menavigasi Laporan ini, KWSP telah menggunakan ikon navigasi berikut yang menekankan pelaporan kami mengenai enam (6) modal penciptaan nilai seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja IR, serta perkara material yang mempengaruhi proses penciptaan nilai kami:

### Enam Modal

- MK** Modal Kewangan
- MI** Modal Insan
- MIT** Modal Intelektual
- MP** Modal Pembuatan
- SH** Modal Sosial dan Hubungan
- MSJ** Modal Semula Jadi

### Pihak Berkepentingan

- S1** Ahli
- S2** Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah
- S3** Kerajaan dan Badan Kawal Selia
- S4** Majikan
- S5** Kakitangan KWSP
- S6** Syarikat Penerima Pelaburan
- S7** Rakan Niaga
- S8** Komuniti Tempatan

### Perkara Material


- M1** Jaminan Pendapatan Persaraan
  - M2** Liputan KWSP dan Sokongan Ahli
  - M3** Pembentukan Polisi dan Penglibatan Kawal Selia
  - M4** Literasi Kewangan
  - M5** Gaji Saksama dan Wajar
  - M6** Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi
  - M7** Kesan Sosial yang Lebih Besar
  - M8** Pelepasan GHG Organisasi
  - M9** Penggunaan dan Pengurusan Sisa yang Bertanggungjawab
  - M10** Liputan Hijau
  - M11** Peningkatan Kemahiran KWSP
  - M12** Kesihatan dan Kesejahteraan Kakitangan
  - M13** Amalan Pekerjaan yang Adil dan Inklusif
  - M14** Prestasi Kewangan
  - M15** Pelaburan Lestari
  - M16** Ketelusan, Etika Perniagaan dan Anti-rasuah
  - M17** Pendigitalan, Inovasi dan Keselamatan Siber
  - M18** Pengalaman dan Penglibatan Pelanggan
  - M19** Pengurusan Rantaian Bekalan yang Lestari
- Memangkin Kehidupan dan Mata Pencarian yang Lebih Baik
 ● Memaksimumkan Potensi Modal Insan
- Mendorong Tindakan Iklim
 ● Mengekalkan Pertumbuhan dan Tadbir Urus

### MAKLUM BALAS

KWSP memberi tumpuan untuk membina keyakinan dan hubungan telus dengan pihak berkepentingannya. Sekiranya anda mempunyai maklum balas dan/atau pertanyaan mengenai kandungan Laporan ini, sila hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di

**Tel** : +603 8922 6000

**Web** : [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)



# FAKTA SEKILAS PANDANG

**16,073,317**

ahli dan

**8,524,975**

merupakan ahli aktif yang masih mencarum

**606,187**

majikan mencarum kepada KWSP

**RM97.56**  
bilion

caruman tahunan diterima daripada pekerja dan majikan

**RM50.57**  
bilion


jumlah pengeluaran dan pengembalian caruman

**RM1,141.90**  
bilion

jumlah aset, kenaikan sebanyak **13.22%** daripada **RM1,008.59 bilion** pada 2022

**RM67.39** bilion

jumlah pendapatan pelaburan kasar, kenaikan **21.80%** daripada **RM55.33 bilion** pada 2022



**5.50%**

kadar dividen  
Simpanan  
Konvensional dan  
**RM50.33 bilion**  
bayaran dividen

**STRATEGI UTAMA**

Teras hala tuju strategik KWSP adalah komitmennya untuk membantu ahli mencapai masa hadapan persaraan yang lebih baik melalui pendapatan persaraan yang mencukupi dan mampan. Komitmen ini diperkukuhkan lagi dengan memberi tumpuan kepada lima (5) keutamaan utama: meningkatkan kecukupan, meluaskan liputan, meningkatkan pengalaman pelanggan, menjana pulangan yang optimum, dan mengukuhkan kepercayaan. KWSP mengkaji semula pelan ini setiap tahun untuk bertindak dengan lebih berkesan dalam memenuhi keperluan ahli yang berubah, peralihan demografi populasi, dan transformasi dunia pekerjaan.

**PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN****387,116 jam** Latihan Direkodkan**KETAHANAN  
PELABURAN****Pecahan Aset Pelaburan****46%** Instrumen  
Pendapatan Tetap**7%** Hartanah dan  
Infrastruktur**42%** Ekuiti**5%** Instrumen  
Pasaran Wang**PENERAPAN  
KELESTARIAN****134** Penilaian Kelestarian  
ke atas Cadangan Pelaburan**BERFOKUSKAN  
PELANGGAN****95%** Indeks  
Kepuasan Pelanggan**KECEKAPAN OPERASI  
DAN PERNIAGAAN****22.9 sen**  
Kos bagi Aset di bawah  
Pengurusan (untuk RM100  
Aset di bawah Pengurusan)**KESEJAHTERAAN  
PERSARAAN****33%** Ahli Aktif dari  
Sektor Formal yang  
Mencapai Simpanan  
Minimum Mengikut Umur**5.40%**

kadar dividen  
Simpanan Shariah dan  
**RM7.48 bilion**  
bayaran dividen

**PENGUPAYAAN  
DIGITAL****SIFAR** Insiden dan Pencerobohan Keselamatan Siber

“ Paling ketara, KWSP mengisytiharkan dividen Simpanan Konvensional sebanyak 5.50%, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM50.33 bilion, dan dividen Simpanan Shariah sebanyak 5.40%, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM7.48 bilion. ”

➤ **TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR**  
Pengerusi

# MESEJ PENGERUSI



Jumlah Aset

**RM1,141.90**  
bilion



Bayaran Dividen  
Simpanan Konvensional

**RM50.33**  
bilion



Bayaran Dividen  
Simpanan Shariah

**RM7.48**  
bilion



Jumlah Pendapatan  
Pelaburan Kasar

**RM67.39**  
bilion

Saya berbesar hati memperincikan gambaran keseluruhan prestasi KWSP tahun 2023 yang merekodkan pembayaran dividen yang bertambah baik, meskipun persekitaran makroekonomi yang mencabar. Pencapaian ini menunjukkan komitmen KWSP untuk memenuhi keperluan persaraan rakyat Malaysia, hari ini dan yang akan datang. Komitmen ini telah mendorong KWSP untuk mengekalkan polisi pelaburan yang berhemat lagi strategik, yang mana pada hari ini juga merangkumi tumpuan lebih besar terhadap kemampuan.

Peralihan KWSP ke arah ini didorong oleh isu kemampuan yang semakin kritikal dan juga komitmen jangka panjang KWSP untuk menyumbang secara positif kepada pihak berkepentingan melalui pelaburan yang bertanggungjawab dan beretika. KWSP percaya ini bukan sahaja mencipta nilai alam sekitar dan sosial yang besar, tetapi juga memperkukuh relevansi serta daya maju jangka panjang KWSP.

### **PRESTASI YANG CEMERLANG TATKALA PERTUMBUHAN GLOBAL LEMAH**

Tahun 2023 memperlihatkan peningkatan tekanan geopolitik, kenaikan kadar faedah, inflasi, konflik serantau, dan masalah sektor hartanah China. Namun begitu, cabaran-cabaran ini tidak menghalang pertumbuhan ekonomi global yang menunjukkan daya tahan dan berprestasi lebih baik dari yang dijangka. Meskipun faktor-faktor ini mempengaruhi landskap pelaburan, namun masih ada peluang yang boleh dimanfaatkan oleh KWSP. Pendekatan proaktif ini membolehkan KWSP untuk menguruskan pelbagai portfolionya secara aktif dan merebut peluang untuk meningkatkan pulangan.

Paling ketara, KWSP mengisytiharkan dividen Simpanan Konvensional sebanyak 5.50%, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM50.33 bilion, dan dividen Simpanan Syariah sebanyak 5.40%, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM7.48 bilion. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pembayaran dividen sebanyak RM57.81 bilion. Pengagihan dividen sebanyak RM57.81 bilion ini telah memanfaatkan lebih 16 juta orang ahli KWSP, merangkumi individu daripada sektor formal dan tidak formal.

### **MEMBANTU LEBIH RAMAI RAKYAT MALAYSIA MENYIMPAN LEBIH BANYAK**

Selain daripada prestasi pelaburan KWSP yang kukuh, Lembaga berasa gembira dengan peningkatan dalam jumlah ahli KWSP serta ahli yang aktif. Sepanjang tahun ini, seramai 460,447 ahli baharu mendaftar dengan KWSP, menjadikan jumlah keseluruhan ahli kepada 16.07 juta. Daripada jumlah ini, 8.52 juta merupakan ahli aktif yang mewakili 50% daripada 17.03 juta tenaga kerja Malaysia pada akhir tahun 2023. Peningkatan ini amat memberangsangkan dan ini boleh dikaitkan dengan inisiatif-inisiatif yang dijalankan untuk memperluaskan liputan KWSP,

termasuk i-Saraan yang membuka perkhidmatan KWSP kepada sektor tidak formal. Pada tahun 2023, terdapat 370,047 pendaftaran baharu i-Saraan, dengan jumlah sumbangan sebanyak RM525.01 juta. Pada masa yang sama, KWSP terus menyaksikan peningkatan dalam pendaftaran majikan dengan 82,005 pendaftaran baharu pada 2023 dan menjadikan jumlah majikan yang diliputi kepada 606,187.

Sementara itu, KWSP telah giat mempromosikan peningkatan simpanan dan usaha KWSP telah membuahkan hasil yang positif. Sepanjang tahun ini, kadar Caruman Sukarela dan Caruman Melebihi Kadar Berkanun meningkat dengan ketara. Sumbangan Caruman Sukarela oleh ahli meningkat sebanyak 71% daripada RM4.9 bilion pada 2022 kepada RM8.4 bilion, manakala jumlah berdaftar untuk Caruman Melebihi Kadar Berkanun juga meningkat dengan ketara. Pada penghujung 2023, sebanyak 59,000 orang pekerja telah mendaftar dalam program Caruman Melebihi Kadar Berkanun, berbanding 50,900 pada tahun 2022. Peningkatan ini didorong oleh inisiatif strategik yang dilaksanakan di seluruh cawangan KWSP dan melalui program jangkauan. Salah satu elemen utama usaha ini adalah peningkatan literasi kewangan, yang dicapai melalui sesi taklimat yang dikendalikan oleh pegawai Khidmat Nasihat Persaraan (RAS).

Selaras dengan misi untuk meningkatkan literasi kewangan dan menggalakkan tabiat menabung, Panduan Perbelanjaan Belanjawanku yang diperluaskan telah dilancarkan pada Jun 2023. Panduan tersebut memberikan maklumat terperinci berkenaan kos keperluan harian yang menyediakan anggaran perbelanjaan isi rumah di samping panduan bagaimana untuk menabung. Panduan yang diperluaskan kini meliputi Lembah Klang dan 11 lagi bandar utama di seluruh negara.

## MESEJ Pengerusi

Menyedari bahawa kaum wanita di Malaysia kebanyakannya menjalankan kerja-kerja penjagaan dan mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk tidak menyimpan secukupnya bagi persaraan, maka pada 2023, KWSP telah memperkenalkan program i-Sayang yang membolehkan suami yang bekerja di sektor swasta untuk memindahkan 2% caruman syer pekerja ke dalam akaun KWSP isteri. Selain itu, KWSP juga membenarkan caruman sukarela dibuat bagi pihak ahli oleh pihak ketiga yang diluluskan, termasuk pasangan, ibu bapa, anak atau kerajaan.



Mengakui akan kepentingan kesejahteraan kewangan majikan bagi mengekalkan perniagaan dan memastikan pekerjaan yang stabil, KWSP telah memberikan sokongan kepada majikan semasa tempoh yang mencabar ini. Sejak permulaan pandemik, KWSP telah menyediakan Khidmat Nasihat Majikan untuk membantu majikan, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana, menguruskan cabaran kewangan dan mengekalkan kemampuan untuk membayar. Inisiatif ini menunjukkan komitmen KWSP untuk merangsang daya tahan dan pertumbuhan ekonomi dalam komuniti perniagaan.

### BERKHIDMAT KEPADA NEGARA MERENTASI BIDANG EKONOMI, ALAM SEKITAR DAN SOSIAL

Pertumbuhan KWSP yang pesat telah menempatkan kami dengan peranan yang sama pentingnya: menyokong pembangunan ekonomi negara.

Selama bertahun-tahun, KWSP telah menjadi pelabur terbesar dalam pasaran domestik. Setakat Disember 2023, aset pelaburan KWSP mencecah RM1,135.82 bilion dengan 62% daripadanya dilaburkan di pasaran tempatan. Pelaburan antarabangsa pula bermula pada tahun 1996, 45 tahun selepas KWSP ditubuhkan, untuk mempelbagaikan portfolio kami di luar pasaran domestik, yang mempunyai kapasiti terhad untuk mengurus aset Dana.



➤ Setakat Disember 2023, aset pelaburan KWSP mencecah

## RM1,135.82 bilion

dengan 62% daripadanya dilaburkan di pasaran tempatan. Pelaburan antarabangsa pula bermula pada tahun 1996, 45 tahun selepas KWSP ditubuhkan, untuk mempelbagaikan portfolio kami di luar pasaran domestik, yang mempunyai kapasiti terhad untuk mengurus aset Dana.

Sesuatu yang bermula sebagai keperluan telah menjadi pemacu utama dalam meningkatkan prestasi pelaburan KWSP, mencipta peluang-peluang baharu di samping mengurangkan risiko pasaran tunggal. Walaupun begitu, KWSP tetap komited dalam menyokong Malaysia terutamanya dari segi ekonomi.

Seterusnya, sebagai tindak balas terhadap isu kemampanan yang semakin mendesak, KWSP komited untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam bidang ini. Sebagai pelabur tempatan terbesar, KWSP memiliki keupayaan untuk memberi pengaruh yang signifikan terhadap keputusan yang diambil oleh syarikat pelaburan miliknya. KWSP sentiasa terlibat dalam aktivisme pemegang saham dan fokus kami sebelum ini adalah untuk membimbing keputusan perniagaan yang beretika. Kini, KWSP telah meluaskan skopnya dengan menetapkan amalan perniagaan beretika yang merangkumi operasi lestari, dan mengharapkan syarikat pelaburan KWSP dapat mencipta impak positif terhadap alam sekitar dan sosial.

Peralihan ini digariskan dalam Polisi Pelaburan Lestari KWSP yang diterbitkan pada 2022. Bagi memastikan pemahaman yang komprehensif oleh semua pihak berkepentingan terhadap pendekatan KWSP dalam pelaburan lestari, KWSP telah mengadakan lebih daripada 100 sesi dialog dengan syarikat tersenarai, kawal selia, pengurus dana luar, serta lain-lain pihak yang relevan sepanjang tahun ini. KWSP juga telah menilai sejumlah 3,389 entiti terhadap pematuhan yang mewakili 84% daripada jumlah aset di bawah pengurusan KWSP (tidak termasuk tunai dan derivatif). Polisi Pelaburan Lestari ini merangkumi keenam-enam Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang

digariskan di bawah Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI) dan ditambah dengan dua (2) Polisi Keutamaan berkenaan perubahan iklim dan kesejahteraan pekerja serta Polisi Sektor Keutamaan yang menerangkan harapan KWSP terhadap syarikat-syarikat dalam enam (6) buah industri yang berisiko/berimpak tinggi dalam alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), iaitu minyak dan gas, minyak sawit, penjaan tenaga, perlombongan, pembinaan dan perbankan. Matlamat KWSP adalah untuk memastikan portfolio asetnya mematuhi 100% ESG menjelang 2030 dan mencapai neutraliti karbon menjelang 2050.

Di peringkat dalaman, pasukan berdedikasi KWSP membangunkan Pelan Kelestarian Organisasi (ESP). Berpandukan ESP ini, KWSP mengintegrasikan amalan lestari ke dalam setiap aspek operasinya untuk mencipta organisasi yang lebih mampan dan cekap. Dalam proses pembangunan ESP, penilaian materialiti yang komprehensif telah dijalankan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Perkara material yang diperbaharui ini adalah selaras dengan keperluan dan harapan pihak berkepentingan kami serta isu kemampan yang kritikal di peringkat negara dan antarabangsa. Kami berharap untuk menyaksikan kesan ESP apabila dilaksanakan dalam tahun-tahun mendatang.

Sementara itu, kejayaan KWSP dalam melaksanakan peralihan ke arah organisasi yang berpandukan ESG bergantung kepada tadbir urus yang baik, yang merupakan keutamaan tertinggi di peringkat Lembaga. Walaupun KWSP bukan syarikat tersenarai dan tidak tertakluk kepada keperluan peraturan yang ketat, namun KWSP mengambil inisiatif untuk mengekalkan tahap ketelusan dan integriti yang tinggi. Hal ini disebabkan tanggungjawab besar yang dipikul KWSP dalam menjaga dana persaraan lebih dari 16 juta ahli. Lembaga KWSP secara berterusan mengkaji semula polisi dan prosedur KWSP untuk memastikan keberkesanan dan relevansinya. Pada 2023, kami telah mengemaskini garis panduan KWSP berkenaan klasifikasi maklumat, pengendalian dan pelabelan serta rangka kerja Pencegahan Kehilangan Data. Seiring dengan pendigitalan yang semakin pesat, KWSP akan terus meningkatkan semua sistem dan mekanisme untuk memastikan pengurusan dan perlindungan data yang cekap.

## PENGHARGAAN

Beberapa tahun kebelakangan ini amat mencabar bagi pelabur institusi memandangkan ketidaktentuan ekonomi dan pasaran yang diburukkan lagi oleh pandemik dan peristiwa geopolitik. Namun, KWSP telah memberikan hasil yang cemerlang secara konsisten, menunjukkan ketahanan yang dipacu oleh kepimpinan yang bijaksana. Untuk ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga KWSP, Panel Pelaburan,



KWSP telah memberikan hasil yang cemerlang secara konsisten, menunjukkan ketahanan yang dipacu oleh kepimpinan yang bijaksana. Untuk ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga KWSP, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Penasihat Syariah serta pasukan Pengurusan Kanan atas sumbangan yang tidak ternilai mereka.

Jawatankuasa Penasihat Syariah serta pasukan Pengurusan Kanan atas sumbangan yang tidak ternilai mereka. Di bawah bimbingan mereka, KWSP telah dapat memberikan nilai yang mampan kepada pihak berkepentingan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan Lembaga kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, yang telah meletakkan jawatan beliau setelah dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua pada Disember 2023. Datuk Seri Amir menyertai KWSP pada 1 Mac 2021 dan memainkan peranan penting dalam mengemudi KWSP mengharungi ujian dan kesusahan akibat pandemik, membawa KWSP bangkit lebih kuat berbanding sebelumnya.

Tidak lengkap sekiranya saya tidak mengucapkan terima kasih kepada setiap ahli pasukan KWSP yang menghayati nilai-nilai organisasi, dan memainkan peranan masing-masing dengan sebaik mungkin. Melalui dedikasi mereka, KWSP diiktiraf secara meluas sebagai institusi yang menyediakan perkhidmatan yang luar biasa.


Akhir sekali, bagi pihak seluruh warga KWSP, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua majikan yang mencarum kerana memainkan peranan dalam menjamin kesejahteraan kewangan masa hadapan populasi bekerja. Yang paling penting, KWSP ingin merakamkan penghargaan kepada semua ahli yang menyumbang atas kepercayaan berterusan terhadap keupayaan KWSP untuk terus membantu ahli mencapai masa hadapan yang lebih baik.

# MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pada tahun 2023, persekitaran makro global merupakan cabaran besar buat para pelabur, termasuk ketegangan geopolitik yang tiada penghujungnya dalam konflik Rusia-Ukraine dan meletusnya perang Israel-Palestin. Tambahan pula, isu seperti peningkatan kadar inflasi, kenaikan kadar faedah, dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan memburukkan lagi cabaran-cabaran ini. Namun begitu, kebimbangan terhadap ketidakstabilan dan kemelesetan yang diramal ini tidak terjadi. Sebaliknya, pasaran terbukti lebih menguntungkan para pelabur daripada yang dijangkakan, terutamanya di Amerika Syarikat dan negara maju yang lain.

Di sebalik kesukaran ini, saya berbesar hati ingin melaporkan bahawa KWSP telah mencatatkan prestasi yang kukuh di tengah-tengah landskap yang kompleks ini. Dengan portfolio yang pelbagai dan pengurusan portfolio yang aktif, dipandu oleh Alokasi Aset Strategik, kami mencapai peningkatan pendapatan pelaburan sebanyak 21.80%, daripada RM55.33 bilion pada 2022 kepada RM67.39 bilion. Seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi kami, prestasi yang kukuh ini membolehkan kami mengisytiharkan pembayaran dividen yang lebih tinggi sebanyak RM57.81 bilion, terdiri daripada RM50.33 bilion untuk ahli Simpanan Konvensional dan RM7.48 bilion bagi Simpanan Shariah.





“ Dengan portfolio yang pelbagai dan pengurusan portfolio yang aktif, dipandu oleh Alokasi Aset Strategik, kami mencapai peningkatan pendapatan pelaburan sebanyak 21.80%, daripada RM55.33 bilion pada 2022 kepada RM67.39 bilion. Seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi kami, prestasi yang kukuh ini membolehkan kami mengisytiharkan pembayaran dividen yang lebih tinggi sebanyak RM57.81 bilion, terdiri daripada RM50.33 bilion untuk ahli Simpanan Konvensional dan RM7.48 bilion bagi Simpanan Syariah. ”

➤ **DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### EKUITI MENERAJUI PRESTASI YANG TEGUH

Sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan kami yang teguh dan berhemat, KWSP melabur dalam pelbagai portfolio yang terdiri daripada Ekuiti, Pendapatan Tetap, Hartanah dan Infrastruktur, serta Pasaran Pertukaran Asing, yang tersebar merentasi pelbagai negara.

Dengan pengukuhan pasaran dalam ekonomi maju, portfolio Ekuiti kami mencapai Pulangan Pelaburan (ROI) yang kukuh sebanyak 8.77% yang terdiri daripada ekuiti awam serta swasta, dan menyumbang RM39.05 bilion (atau 58%) kepada jumlah pendapatan pelaburan kami. Ekuiti persendirian mengatasi prestasi saham tersenarai dan memperoleh ROI tertinggi sebanyak 9.69%. Hartanah dan Infrastruktur merekodkan ROI sebanyak 5.04% yang diterjemahkan kepada pendapatan sebanyak RM6.03 bilion iaitu 8% lebih tinggi daripada tahun 2022. Prestasi kelas aset terbaik seterusnya ialah Pasaran Wang dengan ROI sebanyak 4.93%, menghasilkan pendapatan sebanyak RM2.17 bilion, lebih daripada dua kali ganda dari tahun sebelumnya. Untuk memperoleh pulangan yang stabil dan terjamin, kami terus mengekalkan portfolio Pendapatan Tetap yang kukuh, yang menghasilkan ROI sebanyak 4.41% dan ini menyumbang kepada pendapatan kedua terbesar sebanyak RM19.74 bilion atau 30% daripada jumlah pendapatan kami.

Dari segi geografi, pada penghujung tahun ini, daripada jumlah aset pelaburan sebanyak RM1,135.82 bilion, 62% telah dilaburkan di pasaran domestik dan menjana sebanyak RM31.71 bilion atau 47% daripada jumlah pendapatan pelaburan kami. Pelaburan domestik kami menjurus kepada memajukan ekonomi negara dengan KWSP sebagai pembekal modal terbesar tunggal kepada syarikat Malaysia. KWSP memegang kira-kira 28% dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia yang belum jelas serta Terbitan Pelaburan Kerajaan dan lebih kurang 12% dalam permodalan pasaran Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia.

Bagi tujuan mempelbagaikan dan untuk menyokong pengurus dana domestik, lebih daripada RM7 bilion dana pelaburan

kami diuruskan oleh pengurus dana luar sepanjang tahun. Namun begitu, pelaburan antarabangsa merupakan strategi mempelbagaikan yang paling efektif yang memberikan penambahan kestabilan bagi KWSP dan juga mengurangkan risiko kami. Pada 2023, walaupun pelaburan asing mewakili hanya 38% daripada jumlah pelaburan, namun ia telah menyumbang 53% kepada pendapatan kami.

### MENCAPAI SASARAN PELAN BOLEH UBAH TIGA TAHUN KAMI

Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun KWSP telah diwujudkan dan disemak, serta dikemas kini setiap tahun untuk membimbing kami dalam usaha memenuhi keperluan persaraan rakyat Malaysia. Pelan ini terdiri daripada lima (5) bidang tumpuan melangkaui pelaburan strategik bagi mencapai objektif utama iaitu menyediakan dana persaraan yang mencukupi untuk seramai mungkin rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, ia memastikan pengalaman yang baik untuk ahli kami dan majikan yang mencarum apabila mereka berinteraksi dengan KWSP.

Pemulihan daripada pandemik dan penyambungan semula aliran gaji yang tetap, sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada jumlah pengeluaran pada tahun 2023 yang menyaksikan pengeluaran sebanyak RM50.57 bilion iaitu 44% kurang daripada jumlah pengeluaran pada tahun 2022, sementara caruman berkembang sebanyak 15% tahun ke tahun kepada RM97.3 bilion. Dengan demikian, KWSP merekodkan caruman bersih yang positif sebanyak RM97.56 bilion selepas dua (2) tahun berturut-turut mencatatkan caruman bersih yang negatif. Selain itu, kami juga meningkatkan had setahun bagi caruman sukarela daripada RM60,000 kepada RM100,000. Inisiatif baharu ini, bersama-sama dengan usaha yang diperkenalkan sebelum ini seperti Caruman Sukarela dan Caruman Melebihi Kadar Berkanun telah menunjukkan peningkatan dalam kadar kecukupan daripada 30% tahun sebelumnya kepada 33% melebihi sasaran kami iaitu 32%.

Walau bagaimanapun, kecukupan tetap menjadi fokus utama kami dalam membantu ahli membina simpanan persaraan mereka melalui produk dan perkhidmatan kami, memastikan mereka mencapai simpanan yang diperlukan untuk persaraan. Sehingga





KWSP sedang menjalani transformasi untuk menjadi sebuah organisasi digital yang dipacu data sepenuhnya menjelang 2025 bagi meningkatkan kecekapan operasi kami serta mewujudkan kemudahan optimum dan pengalaman yang positif melalui perkhidmatan yang lebih peribadi kepada ahli kami. Pada 2023, kami mencapai kejayaan besar dalam kedua-dua bidang ini.

tahun 2023, kurang daripada 35% ahli aktif berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran simpanan konservatif yang ditetapkan oleh KWSP. Oleh itu, salah satu keutamaan penting kami adalah untuk terus meningkatkan kecukupan. Selain daripada memberikan pulangan yang baik, kami mendidik ahli untuk tidak mengeluarkan simpanan mereka melainkan perlu, dan jika boleh, untuk menambah simpanan mereka melebihi keperluan mandatori. Adalah sangat menggalakkan melihat kedua-dua metrik ini meningkat pada tahun 2023.

Untuk meningkatkan liputan, kami terus mencari cara yang paling efektif untuk mendekati mereka yang bekerja sendiri dan yang berada dalam sektor tidak formal. Program i-Saraan, yang diperkenalkan pada 2018, terus menarik bilangan pendaftaran yang stabil. Pada tahun 2023, KWSP telah mempertingkatkan keupayaan jangkauan dengan 15 pasukan Mobile Team dan mewujudkan 10 Mobile KWSP. Mobile Team telah menjalankan 3,957 program, manakala Mobile KWSP telah melakukan 40 perjalanan ke kawasan luar bandar dan terpencil untuk memenuhi keperluan ahli KWSP yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan di cawangan kami atau yang disediakan secara dalam talian. Menerusi program ini, lebih ramai rakyat Malaysia dalam sektor pertanian telah didaftarkan seperti petani dan nelayan serta mereka yang memacu e-ekonomi seperti pemandu Grab. Sepanjang tahun ini, seramai 101,492 orang ahli telah menerima perkhidmatan daripada Mobile Team dan Mobile KWSP ini.

KWSP sedang menjalani transformasi untuk menjadi sebuah organisasi digital yang dipacu data sepenuhnya menjelang 2025. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kecekapan operasi kami serta mewujudkan kemudahan optimum dan pengalaman yang positif melalui perkhidmatan yang lebih peribadi kepada ahli kami. Pada 2023, kami mencapai kejayaan besar dalam kedua-dua bidang ini.

Antara inovasi berfokuskan pelanggan dari KWSP, salah satu perkembangan penting pada tahun 2023 adalah pengenalan aplikasi i-Akaun KWSP yang telah dinaik taraf dengan ciri mesra pengguna, membolehkan ahli menguruskan akaun mereka dengan lebih mudah dan cekap. Aplikasi ini membolehkan ahli untuk

menguruskan akaun mereka dengan lebih mudah dan cekap. Ciri-ciri baharu termasuk Kalkulator Persaraan yang memberikan anggaran jumlah simpanan yang diperlukan ketika persaraan, permohonan untuk Pengeluaran Umur 50 Tahun, pembelian insurans i-Lindung, dan pendaftaran bagi Simpanan Syariah. Aplikasi baharu ini juga dilengkapi dengan ciri e-KYC yang memudahkan ahli baharu untuk mendaftar dengan KWSP dan membolehkan ahli sedia ada mengaktifkan i-Akaun mereka secara dalam talian.

Di samping itu, untuk menyokong pekerja yang bekerja sendiri dan sektor tidak formal, KWSP telah membenarkan caruman dilakukan menggunakan kad debit melalui Mobile Team atau kaunter KWSP, dan memperkenalkan i-Invest dalam talian untuk melabur sebahagian daripada simpanan mereka. Dengan menggunakan kecerdasan buatan (AI) generatif, kami telah memulakan proses mempertingkatkan chatbot dwibahasa ELYA untuk menjawab soalan yang sering ditanya. Di samping penerokaan terhadap dunia digital yang semakin canggih, kami berharap dapat menambah baik lagi keupayaan ELYA bagi mengurangkan tempoh menunggu ahli apabila mereka memerlukan maklumat daripada KWSP.

## MENANGANI ISU STRUKTUR MEMERLUKAN REFORMASI STRUKTUR

Walaupun terdapat usaha-usaha berterusan untuk membantu ahli KWSP bersara dengan selesa, namun misi masih jauh dari tercapai. Pada 2023, hanya 33% daripada ahli aktif merentasi semua peringkat umur dalam sektor formal atau 20% daripada jumlah ahli KWSP memenuhi sasaran simpanan asas. Sasaran ini ditetapkan pada jumlah RM240,000 apabila mencapai usia 55 tahun, berdasarkan anggaran konservatif bahawa individu memerlukan RM1,000 sebulan selama 20 tahun selepas umur pengeluaran. Peratusan besar ahli yang tidak mencapai sasaran sederhana ini menimbulkan kebimbangan. Peristiwa yang tidak pernah berlaku sebelum ini seperti pandemik COVID-19 dan peningkatan kos sara hidup telah menyebabkan lebih ramai individu yang terdedah kepada masalah kewangan.

Pada 2020, KWSP telah menjalankan tinjauan konsultasi awam untuk memahami desakan dan kesulitan ahli. Tinjauan tersebut mendedahkan bahawa 67% daripada ahli mahu menyimpan lebih untuk persaraan mereka, sementara 63% menyokong pendekatan seimbang antara fleksibiliti dan penambahan peruntukan untuk akaun persaraan. Hasil tinjauan ini menunjukkan terdapat motivasi yang kuat dalam kalangan ahli KWSP untuk menambah baik simpanan persaraan mereka dan keperluan untuk pendekatan yang lebih fleksibel dan akomodatif terhadap perancangan persaraan.

KWSP menyedari bahawa menangani keperluan jangka pendek dalam tempoh krisis adalah sama pentingnya dengan menyimpan untuk persaraan. Individu boleh memberi tumpuan kepada perancangan jangka panjang apabila keperluan jangka pendek mereka dipenuhi. KWSP percaya akan kepentingan kesejahteraan kewangan secara keseluruhan dalam perancangan persaraan. Sehubungan itu, reformasi untuk menstruktur semula akaun KWSP merupakan langkah pertama dalam menangani cabaran jangka panjang ini yang akan kami mulakan dalam tahun mendatang.

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diingatkan bahawa mengutamakan keperluan masa hadapan tidak seharusnya mengorbankan keperluan masa kini. Keseimbangan antara mengutamakan keperluan masa kini dan mendapatkan kestabilan kewangan masa hadapan adalah kritikal, bukan hanya terhadap kesejahteraan diri tetapi juga untuk mengurangkan beban yang akan ditanggung oleh generasi akan datang. Mengambil kira pelbagai aspek yang membentuk kehidupan ahli, pembaharuan pada masa hadapan kami akan menggalakkan pendekatan yang holistik kepada perancangan persaraan.

### TINJAUAN

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengunjurkan bahawa pertumbuhan global adalah pada kadar 3.1% pada 2024. Bank pusat utama dijangka menurunkan kadar dasar mereka selaras dengan penurunan inflasi. Bank Negara Malaysia telah mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 4% hingga 5%, didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam permintaan dalam negeri dan pemulihan dalam permintaan luar. Namun begitu, pada 2023, peluang pelaburan yang teguh masih wujud dalam kelas pelaburan yang berbeza di mana KWSP aktif, terutamanya dalam teknologi bersih iaitu syarikat yang memanfaatkan teknologi untuk menyumbang kepada persekitaran hijau dan lebih lestari.

Peluang pelaburan ini melengkapkan hala tuju strategik baharu KWSP kerana KWSP berusaha agar pelaburan kami mematuhi prinsip ESG sepenuhnya menjelang 2030. Seperti dinyatakan oleh Pengerusi kami, KWSP telah menetapkan sasaran untuk pelaburan kami menjadi 100% patuh ESG menjelang 2030. Sehubungan ini, kami telah mendidik pihak berkepentingan berkenaan Polisi Pelaburan Kelestarian kami. Di peringkat dalaman, Jabatan Pelaburan Strategik dan Penyelidikan (SIRD) telah ditubuhkan untuk membimbing kami dalam perjalanan ini dengan mengenal pasti peluang untuk menyelaraskan semula portfolio merentasi pelbagai kelas aset. SIRD akan memacu aktivisme pemegang saham kami dengan menyokong tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat penerima pelaburan melalui rangka kerja pengawasan pelaburan dan panduan polisi pengundian mereka.



Memandangkan saiz dana kami yang besar, peralihan untuk menjadi patuh ESG sepenuhnya semestinya akan mengambil masa. Sementara itu, kami akan terus fokus terhadap kecekapan dan penambahbaikan pengalaman pelanggan melalui transformasi digital kami. Hasil daripada kajian menyeluruh yang dijalankan ke atas skim KWSP, KWSP mempunyai gambaran jelas tentang apa yang diinginkan oleh pihak berkepentingan kami, terutamanya ahli-ahli kami, dalam KWSP yang ideal. Input mereka akan dijadikan panduan semasa kami terus membentuk skim persaraan yang holistik. Antara usaha yang dilakukan termasuk mengkaji semula Tujuan, Visi, Misi dan Nilai kami yang akan diperkenalkan pada 2024.

Yang paling penting, kami akan terus memberikan penekanan paling tinggi untuk menjaga dan meningkatkan lagi nilai simpanan ahli kami semasa kami terus meningkatkan kecukupan, liputan, pengalaman, hasil dan kepercayaan kami. Ahli kami ialah keutamaan paling tinggi dan kami akan sentiasa meletakkan kesejahteraan mereka sebagai yang paling penting.

### PENGHARGAAN

Saya berundur daripada KWSP pada 12 Disember 2023 setelah dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan untuk dedikasi dan komitmen seluruh pasukan KWSP dalam melaksanakan tugas mereka untuk kebaikan rakyat Malaysia.

Ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Nasihat Syariah, sememangnya tiada tolok bandingnya dalam kebijaksanaan dan kepimpinan mereka. Rakan setugas pasukan Pengurusan Kanan telah menjadi tempat rujukan terbaik yang saya boleh harapkan dalam membuat keputusan harian. Untuk semua kakitangan KWSP, kesanggupan anda untuk bekerja lebih masa dan melakukan lebih daripada yang diharapkan adalah luar biasa.

Saya amat bertuah dapat bekerja dengan anda semua dan satu penghormatan kerana dapat berkhidmat untuk negara melalui organisasi ini. Kita mencapai banyak perkara bersama dan saya percaya bahawa KWSP akan terus berkembang ke tahap yang lebih tinggi, memenuhi semua matlamat dan mempertingkatkan kedudukannya sebagai dana persaraan pengurusan terbaik dunia.



# Tentang KWSP

## Siapa Kami

Ditubuhkan pada tahun 1951, KWSP merupakan antara dana persaraan yang terulung dan yang terbesar di dunia. KWSP telah melalui transformasi ketara sejak awal penubuhannya, sebahagian besarnya dipacu oleh visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa hadapan yang lebih baik.

### ➤ Visi

**Membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik**

### ➤ Misi

**Melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan terbaik**



## SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

KWSP memupuk budaya kerja berpasukan dengan menghapuskan pemikiran silo bagi mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan bertenaga.



## INTEGRITI

KWSP mengamalkan polisi toleransi sifar berhubung dengan pelanggaran integriti dan etika agar dapat mengekalkan tahap kepercayaan dan keyakinan yang tinggi dalam kalangan ahlinya.



## UTAMAKAN PELANGGAN

KWSP beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan yang pantas, tepat dan mudah secara konsisten kepada ahlinya, sama ada melalui kios, telefon, secara bersemuka, urus niaga atas talian, e-mel atau surat.



## PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

KWSP menggalakkan budaya yang berpacuan prestasi dan memastikan kakitangannya sentiasa menjalani latihan serta meningkatkan kemahiran agar dapat bergerak seiring dengan perubahan pesat dalam persekitaran operasi yang menggunakan teknologi terkini bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.



# MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP (1951-2022)

## 1951 hingga 1977

### 1951

KWSP ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951, dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.

### 1956

KWSP telah melabur dalam pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.

### 1958

Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.

### 1960

Bangunan ibu pejabat di Petaling Jaya, Selangor dibuka dengan rasmi pada bulan November.

### 1963

Pindaan Ordinan KWSP mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima (5) atau lebih pekerja.



### 1968

Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.

### 1975

Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan.

### 1977

Pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP untuk:

- (a) Meningkatkan kadar caruman pekerja;
- (b) Membenarkan golongan bekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP; dan
- (c) Membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.

### 1980

Caruman diterima untuk tahun ini melepasi tahap RM1 bilion. Kadar caruman pekerja dinaikkan dari 6% kepada 9% dan kadar majikan dari 7% kepada 11%.

### 1981

Bagi menyambut ulang tahun ke-30 KWSP, Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan batu asas bangunan baharu KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

### 1982

Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.

### 1983

KWSP mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal hingga tahun 1987.

### 1991

- KWSP menyambut ulang tahun ke-40.
- Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) digantikan dengan Akta KWSP 1991 untuk meliberalisasikan peraturan pelaburan dan menambah baik skim pengeluaran dan memperkukuhkan penguatkuasaan.

### 1996

Skim Pelaburan Ahli dilancarkan, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institusi Pengurusan Dana yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti.

## 1980 hingga 1996

### 2000

KWSP memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.

### 2004

KWSP memperkenalkan e-Kiosk di 13 negeri dan 28 pejabat cawangan di seluruh negara, membolehkan ahli mencetak penyata KWSP mereka menggunakan MyKad.



### 2007

KWSP memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga (3) kepada dua (2); memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.

### 2008

KWSP melanjutkan tempoh liabiliti bagi caruman KWSP dari umur 55 hingga 75 tahun.

## 2000 hingga 2010

### 2009

KWSP dianugerahkan Penarafan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

### 2010

KWSP melancarkan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudian memperluaskannya kepada suri rumah.

**2011**

KWSP memperluaskan senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55 penyakit dan turut membenarkan ahli mengeluarkan wang simpanan untuk membeli peralatan sokongan perubatan.

**2012**

KWSP telah dianugerahkan Kecemerlangan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan teratas oleh MAMPU buat kali kedua.

**2013**

- KWSP memperkenalkan e-Caruman, kemudahan dalam talian yang membolehkan majikan mencarum melalui i-Akaun di laman web KWSP.
- e-Pengeluaran diperkenalkan, membenarkan ahli KWSP mengemukakan permohonan pengeluaran secara dalam talian melalui i-Akaun mereka.

**2014**

KWSP turut memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan di cawangan Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan Jalan Gasing, Petaling Jaya.

**2016**

KWSP memperkenalkan Simpanan Syariah yang merupakan satu inisiatif yang membolehkan ahli memilih untuk simpanan diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.

**2018**

Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, melancarkan Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) di Persidangan Keselamatan Sosial KWSP 2018.

**2019**

- Menteri Kewangan ketika itu, YB Lim Guan Eng, melancarkan Belanjawanku: Panduan Perbelanjaan Untuk Individu dan Keluarga di Malaysia, hasil kolaborasi KWSP bersama Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, Universiti Malaya.
- KWSP mengumumkan telah menandatangani Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokongi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PRI) menggariskan komitmen KWSP terhadap pelaburan bertanggungjawab serta amalan terbaik ESG.
- i-Invest dilancarkan pada bulan September, KWSP terus menyampaikan nilai kepada ahli dalam menuju ke arah masa hadapan digital.

**2011 hingga 2019****2020 hingga 2022****2020**

- Kadar caruman berkanun bagi pekerja dikurangkan kepada 7% daripada 11% bermula bulan April hingga Disember 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19.
- KWSP melancarkan beberapa inisiatif untuk membantu ahli, majikan, dan perniagaan menghadapi kesan pandemik COVID-19: kemudahan Pengeluaran i-Lestari, Perkhidmatan Penasihat Majikan, Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP), dan kemudahan Pengeluaran i-Sinar.

**2021**

- KWSP telah melancarkan dana Akaun Terurus Berasingan (SMA) Pelaburan Langsung/Pelaburan Bersama Ekuiti Persendirian (PE) yang pertama dan terbesar di dunia.
- i-Citra diperkenalkan untuk membantu ahli KWSP yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**2022**

- KWSP secara rasmi membuka ibu pejabat baharu di Kwasa Damansara, Selangor.
- YB Tengku Zafrul, Menteri Kewangan melancarkan Polisi Pelaburan Lestari KWSP dan Ikrar oleh Pengurus Dana Luar.
- KWSP telah melancarkan inisiatif i-Lindungnya, suatu platform layan diri dalam i-Akaun (Ahli) yang memudahkan proses pembelian produk perlindungan di bawah Pelan Perlindungan Ahli (PPA).



## PERISTIWA PENTING 2023



**9 JANUARI 2023**

Majlis Menandatangani Perjanjian antara KWSP dan PwC - Global Tax and Audit Mandate (GTAM)



**9 JANUARI 2023**

Pelancaran KWSP SibU



**10 JANUARI 2023**

Pelancaran KWSP Limbang



**16 JANUARI 2023**

Pelancaran KWSP Bayan Baru



**7 FEBRUARI 2023**

Lawatan Rasmi oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I ke Menara KWSP



**9-12 FEBRUARI 2023**

Persidangan Pengurusan KWSP



**17 FEBRUARI 2023**

Sesi Hi-Tea Media bersama Pengurusan Kanan KWSP



**4 MAC 2023**

Taklimat Prestasi Kewangan 2022 kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)



**4 MAC 2023**

Taklimat Prestasi Kewangan 2022 kepada Media



**6 MAC 2023**

CEO Dividen Townhall



**8 MAC 2023**

Pelancaran i-Sayang oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia



**14 MAC 2023**

Pelancaran i-Sayang Peringkat Dalam oleh Pengerusi KWSP



**12 APRIL 2023**

Taklimat kepada MTUC Berkenaan Langkah Strategik dan Usaha Berterusan KWSP



**8 MEI 2023**

Pelancaran Menara KWSP oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia



**31 MEI 2023**

Rumah Terbuka Aidilfitri KWSP



**13 JUN 2023**

Pelancaran Panduan dan Aplikasi Belanjawanku oleh Menteri Ekonomi YB Rafizi Ramli



**5-6 JULAI 2023**

International Social Wellbeing Conference (ISWC) 2023



**16 JULAI 2023**

EPF Cycle dianjurkan oleh Kelab KWSP



**21 JULAI 2023**

Forum Perdana Maal Hijrah KWSP 2023



**24 JULAI 2023**

Lawatan Rasmi oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I ke KWSP Kota Bharu



**28-30 JULAI 2023**

Karnival Jom Heboh, Pulau Pinang



**3 OGOS 2023**

Sesi Libat Urus KWSP Bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan KWAP



**4 OGOS 2023**

Lawatan oleh Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Kewangan ke Menara KWSP



**4 OGOS 2023**

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KWSP dan UiTM



**18 OGOS 2023**

Majlis Makan Malam Anugerah Tahunan Pengurus Dana Luar KWSP 2023



**7 SEPTEMBER 2023**

Lawatan Rasmi oleh JPA ke Menara KWSP



**17-19 SEPTEMBER 2023**

Mesyuarat Strategi KWSP 2023



**2 OKTOBER 2023**

Sambutan Ulang Tahun ke-72 KWSP



**11-13 OKTOBER 2023**

CEO Turun Padang di KWSP Sri Aman, Sarikei dan Sibul



**25 OKTOBER 2023**

Lawatan Bhutan National Pension and Provident Fund (NPPF) ke Menara KWSP



**1-2 NOVEMBER 2023**

Private Market Summit KWSP 2023



**15 NOVEMBER 2023**

Sambutan Hari Integriti KWSP



**21 NOVEMBER 2023**

Program Akademi Pelaburan Mampun KWSP



**23 NOVEMBER 2023**

Sambutan Hari Integriti bersama Kementerian Kewangan dan Agensi



**1-4 DISEMBER 2023**

Branch Summit KWSP 2023



**20 DISEMBER 2023**

Sesi send-off YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan

# STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

Sehingga 31 Disember 2023



**Nota:**

1. ^ Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 2023.
2. \* Syarikat telah dibubarkan pada 2023.
3. # Syarikat dalam proses penggulungan setakat 31 Disember 2023.
4. Rujuk Nota 38 dan 39 kepada Penyata Kewangan KWSP 2023 untuk mendapatkan senarai lengkap syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama KWSP.



## HARTANAH

<b>100.00%</b>	Kwasa Properties Sdn Bhd	<b>85.00%</b>	PPNK – Harta Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Kwasa Land Sdn Bhd	<b>80.00%</b>	YTR Harta Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Naungan Sentosa Sdn Bhd	<b>40.00%</b>	Nusa Gapurna Development Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Kwasa Logistics Sdn Bhd	<b>34.00%</b>	Bandar Eco-Setia Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Common Icon Sdn Bhd	<b>30.00%</b>	Jelas Puri Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Tanjung Wibawa Sdn Bhd	<b>30.00%</b>	Panca Pesona Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Yarra Development Holdings (Australia) Sdn Bhd	<b>29.27%</b>	Iskandar Capital Sdn Bhd
<b>100.00%</b>	Alpha Real Estate Investment Trust	<b>20.00%</b>	Iskandar Investment Berhad
<b>100.00%</b>	Kwasa Utama Sdn Bhd	-	Symphony Insight Sdn Bhd*



## GLOBAL

<b>100.00%</b>	KWASA Global (Jersey) Limited	<b>99.50%</b>	Cengal Private Equity Investments plc
<b>100.00%</b>	KWASA Global-I (Jersey) Limited	<b>99.47%</b>	Cengal Private Equity Investments II plc
<b>100.00%</b>	KWASA Invest Limited	<b>99.53%</b>	Cengal Private Equity Investments III plc
<b>100.00%</b>	Kwasa Singapore Solo Pte. Ltd.	<b>99.44%</b>	Cengal Private Equity Investments IV plc
<b>100.00%</b>	Kwasa Singapore Duo Pte. Ltd.	<b>99.50%</b>	Merbau Investors Offshore, L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Singapore Trio Pte. Ltd.	<b>99.18%</b>	Merbau Investors Offshore, II L.P.
<b>100.00%</b>	KWASA Europe S.à r.l	<b>99.01%</b>	Merbau Investors Offshore, III L.P.
<b>100.00%</b>	KWASA Europe-I S.à r.l	<b>99.25%</b>	Meranti Fund L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure I	<b>99.25%</b>	Meranti Fund II L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Capital Limited	<b>99.25%</b>	Meranti Fund III L.P.
<b>100.00%</b>	KWASA Capital Partners Limited	<b>99.00%</b>	Jati Private Equity Fund L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Asia	<b>99.00%</b>	Jati Private Equity Fund II L.P.
<b>100.00%</b>	KWASA US	<b>99.00%</b>	Jati Private Equity Fund III L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure Alpha	<b>99.25%</b>	Nour Fund I, L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure Beta	<b>99.01%</b>	Ameen Direct Equity I, L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Infrastructure Sapphire	<b>99.01%</b>	Akasia I, L.P.
<b>100.00%</b>	Salam Private Opportunities Feeder Fund, L.P.	<b>99.01%</b>	Qamar Direct Infrastructure I, L.P.
<b>100.00%</b>	Cendana I, L.P.	<b>99.01%</b>	Equitix Najm L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Emerald ICAV	<b>99.01%</b>	GIP Ashshams, L.P.
<b>100.00%</b>	Kwasa Emerald#	<b>32.00%</b>	Asterix Investment Holdings Pte Ltd^
-	KWASA Korea Limited*		
-	ADF Kwasa Korea Professional Investment Private Real Estate Investment LLC*		

# LOKASI OPERASI KWSP

## 68 CAWANGAN DAN 6 WILAYAH DI SELURUH MALAYSIA

### ▶ WILAYAH UTARA

- Perlis
- Kedah
- Pulau Pinang
- Perak



### ▶ WILAYAH TENGAH

- Selangor
- Wilayah Persekutuan



### ▶ WILAYAH TIMUR

- Pahang
- Terengganu
- Kelantan




JANGKAUAN GEOGRAFI KAMI ↩

▶ **WILAYAH SELATAN**

- Melaka
- Negeri Sembilan
- Johor



▶ **WILAYAH SABAH**




▶ **WILAYAH SARAWAK**



**52 LOKASI**  
SEMENANJUNG MALAYSIA



**16 LOKASI**  
SABAH, SARAWAK & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



**SABAH**



- Kota Kinabalu
- Keningau
- Labuan
- Lahad Datu
- Tawau
- Sandakan
- Kudat
- Kota Marudu
- Beaufort

**SARAWAK**



- Kuching
- Sibu
- Miri
- Bintulu
- Sri Aman
- Sarikei
- Limbang

## LOKASI OPERASI KWSP

Negeri	Cawangan	Alamat
<b>WILAYAH UTARA</b>		
<b>PERLIS</b>	Kangar	Tingkat Bawah, Blok Podium Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi 01000 Kangar, Perlis
<b>KEDAH</b>	Alor Setar	Aras Bawah Mezzanine, 8 & 9 Bangunan KWSP Peladang No. 33, Jalan Sultan Badlishah 05000 Alor Setar, Kedah
	Sungai Petani	Tingkat Bawah & 1, Wisma Keladi No. 11A, Jalan Bank, 08000 Sungai Petani, Kedah
	Kulim	No. 33 & 34, Persiaran 7 Kulim Avenue, Kulim Hi-Tech Park 09000 Kulim, Kedah
	Langkawi	No. 25 (GF-1), Langkawi City Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah
<b>PULAU PINANG</b>	Pejabat Wilayah Utara	Menara KWSP Pejabat Wilayah Utara Tingkat 5 No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Georgetown, Pulau Pinang
	Seberang Jaya	Tingkat 1-5, Bangunan KWSP No. 3009, Off Lebuhr Tenggeri 2 Bandar Seberang Jaya, 13700 Prai, Pulau Pinang
	Georgetown	Tingkat 3 & 4, Menara KWSP No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Georgetown, Pulau Pinang
	Bayan Baru	Tingkat Bawah & Tingkat 1 Blok F-2, Lorong Bayan Indah 1 Bay Avenue, 11900 Bayan Baru Pulau Pinang
<b>PERAK</b>	Ipoh	Tingkat Bawah, 6, 7 & 8 Bangunan KWSP, Jalan Greentown 30450 Ipoh, Perak
	Teluk Intan	No 23, Lorong Perwira M1/38 Taman Nanas, Jalan Changkat Jong 36000 Teluk Intan, Perak
	Taiping	No. 37 (GF-2) & No. 39 (GF) Persiaran TBC, Taiping Business Centre Jalan Tupai, 34000 Taiping, Perak
	Manjung	No. 260 & 261, Jalan PPMP 3/4 Pusat Perniagaan Manjung Point 3 32040 Seri Manjung, Perak
	Parit Buntar	No. 2 & 4, Jalan Wawasan 1 Taman Wawasan Jaya 34200 Parit Buntar, Perak
	Kuala Kangsar	Tingkat Bawah & 1 No. 8B, Jalan Raja Chulan 33000 Kuala Kangsar, Perak

Negeri	Cawangan	Alamat	
<b>WILAYAH TENGAH</b>			
<b>SELANGOR</b>	Shah Alam	Tingkat G, 1 & 2 Corporate Tower IDCC Shah Alam Jalan Pahat L 15/L 40200 Shah Alam, Selangor	
	Petaling Jaya	Menara PJX HM Shah Lot A & B, Tingkat G dan Tingkat 20 No.16A, Jalan Persiaran Barat 46050 Petaling Jaya, Selangor	
	Kajang	No. 1, Jalan Hentian 3 Pusat Hentian Kajang Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor	
	Klang	Tingkat Bawah & 1, Unit B-G-1 North Tower (Tower B) BBT One The Towers Lebuhr Batu Nilam 1 Bandar Bukit Tinggi 41200 Klang, Selangor	
	Kwasa Damansara	Tingkat Bawah, Menara KWSP Persiaran Kwasa Utama Pusat Bandar Kwasa Damansara Seksyen U4, 40150 Shah Alam Selangor	
	Puchong	No.3A, The Prime @ Dataran Puchong Taman Puchong Utama 47100 Puchong, Selangor	
	Gombak	Lot 5, Sunway Batu Caves 68100 Batu Caves, Selangor	
	Rawang	No. 3S-10-G & 3S-10-1 Rawang One, Jalan Pintas Rawang 48000 Rawang, Selangor	
	Kuala Selangor	Tingkat GF & 1 No. 1, Jalan Medan Niaga 6 Medan Niaga, 45000 Kuala Selangor, Selangor	
	<b>KUALA LUMPUR</b>	Pejabat Wilayah Tengah	Tingkat 9, Bangunan KWSP Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur
		Kuala Lumpur	Tingkat Bawah, Bangunan KWSP Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur
Wangsa Maju		No. 32A, Dataran Wangsa Wangsa Melawati 53300 Kuala Lumpur	
Kepong		No. 1 & 3 Jalan Laman Rimbunan Raya 1 Laman Rimbunan 52100 Kepong, Kuala Lumpur	
Seri Petaling	No. 2, Jalan Radin Bagus 6 Bandar Baru Seri Petaling 57000 Kuala Lumpur		

Negeri	Cawangan	Alamat
<b>WILAYAH SELATAN</b>		
<b>MELAKA</b>	Melaka	Bangunan KWSP Jalan MITC, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh Melaka Bandaraya Bersejarah
	Jasin	JC 538, Tingkat Bawah & 1 Jalan Bestari 5 Bandar Jasin Bestari Seksyen 2 77200 Bemban, Melaka
	Alor Gajah	SP 34 & 34-1 Jalan Sungai Petai Permai Utama 1 Taman Sungai Petai Permai 78000 Alor Gajah, Melaka
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	Seremban	No. 1, Jalan Dato' A.S. Dawood 70100 Seremban, Negeri Sembilan
	Bahau	No. 4, 5 & 6, Jalan Kiara 1 Pusat Perniagaan Kiara 72100 Bahau, Negeri Sembilan
	Nilai	D'Nilai Convention Mall No. G-6 & M-6, PT 9946 Jalan BBN 1/3F 71800 Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan
<b>JOHOR</b>	Pejabat Wilayah Selatan	Pejabat Wilayah Selatan Tingkat 11, Bangunan KWSP Jalan Dato' Dalam 80000 Johor Bahru, Johor
	Johor Bahru	Tingkat 1 & 12-17 Bangunan KWSP Jalan Dato' Dalam 80000 Johor Bahru, Johor
	Batu Pahat	No. 6 & 8, Jalan Sulaiman 83000 Batu Pahat, Johor
	Muar	Tingkat Bawah, 1, 2 & 3 No. 9, Jalan Petrie 84000 Muar, Johor
	Kluang	No. 8 & 10, Tingkat Bawah 1 & 2, Jalan Haji Manan 86000 Kluang, Johor
	Kulai	No. 259 & 260 Jalan Kenanga 29/8 Indahpura, 81000 Kulai, Johor
	Segamat	No. 5 & 6, Jalan Genuang Perdana Taman Genuang Perdana 85000 Segamat, Johor
	Mersing	Lot. No. 2, Tingkat Bawah, 1 & 2 Bandar Tepian Sungai Jalan Jemaluang 86800 Mersing, Johor

Negeri	Cawangan	Alamat
<b>WILAYAH TIMUR</b>		
<b>PAHANG</b>	Pejabat Wilayah Timur	Pejabat Wilayah Timur Tingkat 3 Bangunan KWSP Kuantan Persiaran KWSP Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan, Pahang
	Kuantan	Pejabat KWSP Kuantan Bangunan KWSP Kuantan Persiaran KWSP Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan, Pahang
	Raub	No. 79, Jalan Tun Razak 27600 Raub, Pahang
	Temerloh	No. 128B(GF, 1F & 2F) & No. 128A(GF), Persiaran Damai 1 Damai Court 28000 Temerloh, Pahang
	Jerantut	Tingkat Bawah, No. 1 & 2 Lorong Wawasan 3 Taman Wawasan 27000 Jerantut, Pahang
	Pekan	Tingkat Bawah & Tingkat 1 No. 10, Lorong Peramu Permai 1 Taman Peramu Permai 26600 Pekan, Pahang
<b>TERENGGANU</b>	Kuala Terengganu	Bangunan KWSP Jalan Kemajuan Padang Hiliran 21100 Kuala Terengganu, Terengganu
	Kemaman	Tingkat Bawah & Tingkat 1 PT 10720 & 10721 Taman Cukai Utama, Fasa 4 Jalan Kubang Kurus 24000 Kemaman, Terengganu
	Dungun	Tingkat GF & 1 Lot PT 15824 (Unit 22) Sura Gate Commercial Centre Jalan Sura Jeti, 23000 Dungun Terengganu
	Jerteh	Tingkat GF & 1 Lot 226, Jalan Dato Kamaruddin 22000 Jerteh, Terengganu
<b>KELANTAN</b>	Kota Bharu	Tingkat 2, 3 & 5 Bangunan KWSP Jalan Padang Garong 15000 Kota Bharu, Kelantan
	Tanah Merah	Lot 655, Jalan Hospital 17500 Tanah Merah, Kelantan
	Kuala Krai	Lot PT 5556 Tingkat Bawah & 1, Taman Yani 18000 Kuala Krai, Kelantan

## LOKASI OPERASI KWSP

Negeri	Cawangan	Alamat
<b>WILAYAH SABAH</b>		
<b>SABAH</b>	Pejabat Wilayah Sabah	Pejabat Wilayah Sabah Tingkat 7, Beg Berkunci 2019 Blok A, Bangunan KWSP Lot 49, Jalan Karamuning 88598 Kota Kinabalu, Sabah
	Kota Kinabalu	Blok A, Bangunan KWSP Beg Berkunci 2019 88598 Kota Kinabalu, Sabah
	Keningau	Beg Berkunci 20 Jalan Masak 89009 Keningau, Sabah
	Labuan	Tingkat Bawah, Lot E004 Financial Park, Jalan Merdeka 87000 Wilayah Persekutuan, Labuan
	Lahad Datu	Bangunan KWSP, MDLD 3330 Lot 65, Fajar Centre Jalan Segama, Peti Surat 61828 91126 Lahad Datu, Sabah
	Tawau	Tingkat Bawah & 1 TB 308, Blok 35, Kompleks Fajar Jalan Perbandaran 91000 Tawau, Sabah
	Sandakan	Lot 3A & 5, Midtown Plaza Beg Berkunci 36 Jalan Lintas Utara 90000 Sandakan, Sabah
	Kudat	Tingkat Bawah & Tingkat 1 Lot 1, Blok G Jalan Mawar, Pekan Tomborungus 89058 Kudat, Sabah
	Kota Marudu	Lot No. 2, Taman WTK Fasa II Jalan Tandek, 89100 Kota Marudu, Sabah
	Beaufort	Tingkat GF & FF Unit No. A-005, Blok A Beaufort Square Avenue 2, Jalan Binunuk, 89800 Beaufort, Sabah

Negeri	Cawangan	Alamat
<b>WILAYAH SARAWAK</b>		
<b>SARAWAK</b>	Pejabat Wilayah Sarawak	Pejabat Wilayah Sarawak Tingkat 9 Bangunan KWSP Kuching Jalan Uplands Beg Berkunci 2089 93598 Kuching, Sarawak
	Kuching	Bangunan KWSP, Jalan Uplands Beg Berkunci 2089 93598 Kuching, Sarawak
	Sibu	No. 10-12, Tingkat Bawah & 1 Lorong Kampung Datu 5 Jalan Kampung Datu 96000 Sibu, Sarawak
	Miri	1255 & 1256 Blok 10, MCLD Centre Point Jalan Melayu, 98000 Miri, Sarawak
	Bintulu	Blok E, Sublot 7 Naim Bintulu Paragon No. 1, Old Airport Place 97000 Bintulu, Sarawak
	Sri Aman	Tingkat Bawah & Tingkat 1 Lot 654, Blok 3 Daerah Bandar Simanggang Jalan Hospital, 95000 Sri Aman, Sarawak
	Sarikei	Tingkat GF & 1 No. 5, Jalan Nenas 96100 Sarikei, Sarawak
	Limbang	Lot 1565, Tingkat Bawah & Tingkat 1 Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak



# BAGAIMANA KWSP MENCIPTA NILAI

KWSP komited untuk mencipta nilai bagi pihak berkepentingannya, yang mana ia adalah sebagai langkah utama kejayaan dan impak kami. Usaha yang berterusan bagi mencapai visi untuk ahli memperoleh masa hadapan yang lebih baik adalah penting dalam usaha ini dan mendorong kami untuk menjana dan menyampaikan nilai merentasi jangka pendek, sederhana dan panjang. Berpaksikan fokus utama untuk mencapai persaraan yang sejahtera, KWSP sebagai dana persaraan utama Malaysia berpegang teguh kepada mandatnya untuk melindungi keselamatan pendapatan masa hadapan dan kesejahteraan ahli di samping memastikan penciptaan nilai untuk semua pihak berkepentingan yang terlibat seperti ahli, pencarum, syarikat penerima pelaburan, dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

Perjalanan penciptaan nilai KWSP dipacu oleh inisiatif strategik yang digariskan dalam Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun (3YRP) 2023-2025, yang diluluskan oleh Lembaga setiap tahun. Dengan panduan Pengurusan Kanan, inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan dengan teliti di seluruh bahagian dan jabatan bagi menyampaikan nilai optimum kepada pihak berkepentingan. Menyedari akan landskap yang sentiasa berubah, KWSP telah mengubah strateginya yang berfokuskan kewangan kepada pendekatan pelbagai modal, mengintegrasikan elemen ESG yang memberi kesan ketara kepada prestasi kewangan.

Perspektif holistik ini berlandaskan keutamaan pihak berkepentingan dan isu-isu kelestarian material, membolehkan KWSP memperoleh pemahaman menyeluruh tentang landskap operasi, merangkumi jangka pendek, sederhana dan panjang. Dengan wawasan ini, KWSP membangunkan strategi yang bukan sahaja mengurangkan risiko kewangan tetapi juga memacu penggunaan modal yang cekap dan peningkatan prestasi merentasi bidang alam sekitar dan sosial.



**BERFOKUSKAN  
KEWANGAN**



**ALAM SEKITAR, SOSIAL  
DAN TADBIR URUS**



**KEPENTINGAN DAN  
KEPRIHATINAN PIHAK  
BERKEPENTINGAN**

## ENAM MODAL PENCIPTAAN NILAI KWSP

Penciptaan nilai KWSP terletak pada enam (6) modal asas, setiap satu mewakili asas penjana nilai yang penting untuk mengekalkan Dana dan memberi manfaat kepada pihak berkepentingan dari semasa ke semasa. Modal-modal ini merupakan input penting yang memacu aktiviti perniagaan kami, berubah menjadi output dan hasil yang mendorong penciptaan nilai yang mampan.

**MK** Modal Kewangan

**MP** Modal Pembuatan

**MSJ** Modal Semula Jadi

**MI** Modal Insan

**MIT** Modal Intelektual

**SH** Modal Sosial dan Hubungan

# MODEL PENCIPTAAN NILAI KWSP

TADBIR URUS >



**BERPANDUKAN VISI, KWSP MEMBANTU AHLI MENCAPAI MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK, DIDORONG OLEH MISI, KWSP MELINDUNGI SIMPANAN AHLI DAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TERBAIK**

## INPUT

## AKTIVITI PERNIAGAAN DAN PROSES

**MK**

### MODAL KEWANGAN

- **RM97.56 bilion** jumlah caruman ahli
- Pulangan dan pendapatan pelaburan

**MI**

### MODAL INSAN

- **5,537** kakitangan
- **1,047** pelatih dan protégé
- **RM1.29 bilion** jumlah perbelanjaan kakitangan
- **RM8.1 juta** dilaburkan dalam pembelajaran dan pembangunan kakitangan
- **392** program pembelajaran dijalankan, **55** modul EPFTuned ditawarkan, dan lebih daripada **8,400** pembelajaran sendiri melalui POWERLinkedIn
- Manfaat yang kompetitif

**MC**

### MODAL PEMBUATAN

- **68** pejabat dan cawangan di Malaysia
- **170** unit Terminal Layan Diri (SST)
- **166** unit Terminal Pembayaran
- Pusat Pengurusan Perhubungan (CMC)

**SH**

### MODAL SOSIAL DAN HUBUNGAN

- **16.07 juta** ahli
- **8.52 juta** ahli aktif
- **606,187** majikan
- Kod Tatakelakuan Pembekal (SCOC)

**MIT**

### MODAL INTELEKTUAL

- 3YRP 2023-2025
- Memperkasakan pengalaman pengguna, mempertingkatkan produktiviti serta penawaran digital melalui ciri-ciri dan dana baharu menerusi platform digital:
  - Aplikasi mudah alih baharu untuk ahli (KWSP i-Akaun)
  - Terminal Pembayaran secara Kad Debit seluruh Malaysia
  - Membolehkan pembelian portfolio secara dalam talian melalui i-Invest
- Strategi utama yang digariskan dalam Digitasi KWSP 2025 kekal relevan dan selaras dengan aspirasi KWSP untuk mencapai KWSP Digital

**MSJ**

### MODAL SEMULAJADI

- **100%** penilaian kelestarian bagi semua cadangan pelaburan baharu
- Inisiatif digitalisasi melalui aplikasi mudah alih dan SST memberikan kelebihan yang signifikan dalam mengurangkan impak alam sekitar berbanding lawatan ke cawangan. Inisiatif ini mengurangkan perjalanan, memudahkan proses, dan meningkatkan kecekapan, semuanya menyumbang kepada masa hadapan yang lebih lestari

### FAKTOR LUAR YANG MEMBERI KESAN KEPADA KWSP

Keadaan Ekonomi & Pasaran

Populasi Menua

Perubahan Landskap Pekerjaan

Kepesatan Kemajuan Teknologi

Fokus pada ESG & Pelaburan Lestari



Pembangunan Modal Insan



Ketahanan Pelaburan



Penerapan Kelestarian



Berfokuskan Pelanggan



Kecekapan Operasi dan Perniagaan



Kesejahteraan Persaraan



Pengupayaan Digital

## STRATEGI

3YRP  
2023-2025

**DISOKONG NILAI BERSAMA KWSP: INTEGRITI, UTAMAKAN PELANGGAN, PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN, DAN SEMANGAT KERJA BERPASUKAN****OUTPUT**

- **RM67.39 bilion** jumlah pendapatan pelaburan kasar
  - **RM1,141.90 bilion** jumlah aset
  - **RM0.23** kos setiap aset di bawah pengurusan (setiap RM100)
  - **2.91%** jumlah perbelanjaan ke atas jumlah pendapatan
  - **RM50.57 bilion** pengeluaran dan pengembalian
  - **6.36%** pulangan pelaburan
- 
- **133** lantikan baharu
  - **35.9%** perwakilan wanita di peringkat Pengurusan Kanan
  - **57.8%** kakitangan wanita
  - **89** Pegawai RAS yang terlatih dan mempunyai kelayakan dalam bidang perancangan kewangan dan persaraan
  - **387,116** jam latihan direkodkan
- 
- **2.08 juta** interaksi pelanggan di kaunter
  - **4.81 juta** interaksi pelanggan melalui SST
  - **1.04 juta** panggilan diterima oleh CMC
- 
- **1.13:1** nisbah ahli lelaki berbanding wanita
  - **2,473,235** ahli mencapai jumlah simpanan asas mengikut umur
  - **207,270** ahli menerima nasihat kewangan daripada pegawai RAS
    - **89,119** khidmat nasihat kewangan secara bersemuka
    - **151,987** Program Celik Kewangan (kempen secara bersasar dan massa)
  - **95%** indeks kepuasan pelanggan
  - Kerjasama dengan rakan kongsi, seperti Grab dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
  - **4,565** pembekal baharu disaring berdasarkan SCOC
- 
- Dana persaraan **ke-14** terbesar di dunia
  - **139,145,222** transaksi i-Akaun
  - **818,916** ahli berdaftar di i-Akaun
  - **81,454** majikan berdaftar di i-Akaun
  - **535,194** majikan menggunakan e-Bayaran
  - **533,416** majikan menggunakan e-Borang
- 
- **134** penilaian kelestarian dilaksanakan bagi cadangan pelaburan
  - **86%** ekuiti domestik diuruskan secara dalaman adalah di bawah Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia

**HASIL****S1 AHLI**

- Melancarkan aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun, meningkatkan perjalanan pelanggan dengan ciri yang membolehkan ahli melihat rekod, melakukan transaksi, dan mengakses maklumat berkaitan literasi kewangan; mencapai lebih **3 juta** muat turun menjelang akhir tahun
- **RM50.33 bilion** bayaran dividen bagi Simpanan Konvensional
- **RM7.48 bilion** bayaran dividen bagi Simpanan Syariah
- Kadar dividen: **5.50%** (Simpanan Konvensional) dan **5.40%** (Simpanan Syariah)
- **RM50.39 bilion** pengeluaran tidak termasuk Pengeluaran Khas
- **RM807.43 juta** pengeluaran pendidikan
- **RM4.21 bilion** pengeluaran perumahan
- **RM93.54 juta** pengeluaran kesihatan
- **RM28.15 bilion** pengeluaran persaraan pada umur 55 & 60 tahun

**S2 LEMBAGA, PANEL PELABURAN DAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH**

- **13** mesyuarat Lembaga pada tahun 2023
- **16** mesyuarat Panel Pelaburan pada 2023
- **13** mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Syariah pada 2023

**S3 KERAJAAN DAN BADAN KAWAL SELIA**

- **50%** tenaga kerja Malaysia dilindungi oleh KWSP (ahli aktif)
- Menyokong agenda kesejahteraan sosial dan menyampaikan hasil melangkaui kewangan
- Skim KWSP kalis masa hadapan melalui penambahbaikan yang berterusan ke atas polisi dan penawarannya supaya relevan untuk pelanggan masa hadapan dan perubahan dalam demografi
- Menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan perlindungan sosial dan melindungi keselamatan pendapatan persaraan untuk rakyat Malaysia

**S4 MAJIKAN**

- Penambahbaikan i-Akaun (Majikan) untuk mempertingkatkan pengalaman pengguna:
  - Menambah baik proses penyerahan Borang A
  - Memudahkan proses mengemas kini maklumat majikan
  - Mengurangkan kekeliruan dalam kalangan majikan
  - Meningkatkan sistem bahagian belakang

**S5 KAKITANGAN KWSP**

- **18 tahun** purata tahun perkhidmatan
- Peluang untuk meningkatkan kemahiran dan membina keupayaan dengan **70 jam latihan** bagi setiap pekerja
- Penyediaan persekitaran kerja yang kondusif
- **86%** indeks kepuasan pekerja
- **3.70%** kadar susutan pekerja
- **92%** tahap penglibatan pekerja

**S6 SYARIKAT PENERIMA PELABURAN**

- Menghadiri dan melaksanakan hak mengundi di **83 Mesyuarat Agung Tahunan** dan **20 Mesyuarat Agung Luar Biasa** syarikat penerima pelaburan
- Menyediakan sumber pendanaan dan modal

**S7 RAKAN NIAGA**

- **Tiada insiden** ketidakpatuhan kriteria alam sekitar dan sosial KWSP dalam rantaian perolehan
- **RM0.24 juta (79.44%)** bajet perolehan dibelanjakan kepada pembekal tempatan

**S8 KOMUNITI TEMPATAN**

- Kerjasama strategik dengan Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan untuk mendorong perbincangan dan perkongsian pandangan mengenai penyelesaian inovatif dalam memajukan agenda celik kewangan negara
- Kerjasama dengan Bank Negara Malaysia di bawah Jaringan Pendidikan Kewangan dalam mengukur tahap literasi kewangan Malaysia
- Perlindungan sosial dipertingkatkan termasuk penganjuran Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa ke-10, Mesyuarat Lembaga Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) ke-40 dan sambutan Ulang Tahun ke-25 ASSA dengan kerjasama PERKESO dan KWAP





# STRATEGI

Strategi KWSP yang berpandukan 3YRP, bertujuan untuk memastikan masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia dengan menitikberatkan tahap pendapatan yang mencukupi dan konsisten. 3YRP yang disemak setiap tahun, mengukuhkan kecekapan teras dalam lima (5) bidang penting iaitu:



Dari segi kelestarian, KWSP sedang merangka haluan untuk menyampaikan portfolio yang mematuhi ESG menjelang 2030, bagi mencapai matlamat neutral iklim menjelang 2050.

## TERAS STRATEGIK

Dalam usaha untuk mencapai matlamat kami, KWSP berpandu pada tujuh (7) teras strategik, yang mana frasa "Perfectly I SCOReD" telah sehati dengan setiap individu di KWSP. Setiap huruf besar dalam frasa tersebut mewakili satu teras strategik, seperti yang disenaraikan di bawah:



### PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KWSP berhasrat untuk menyediakan organisasi dan budaya yang kalis masa hadapan dengan memupuk bakat yang sesuai untuk masa hadapan serta tenaga kerja yang berdaya tahan. Matlamat KWSP adalah untuk memberikan pengalaman pekerja yang hebat dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan pekerja.



### KETAHANAN PELABURAN

KWSP akan mengoptimumkan pengurusan aset dan liabiliti untuk memastikan ketahanan kewangan. Strategi kami termasuk memperkukuh peruntukan aset untuk memberikan pulangan yang optimum. Selain itu, KWSP berhasrat untuk memperoleh nilai daripada pelaburan strategik.



### PENERAPAN KELESTARIAN

KWSP berazam untuk menerajui amalan pelaburan lestari serta menetapkan piawai untuk industri. Matlamat kami adalah untuk mengintegrasikan amalan kelestarian dalam semua aspek amalan perniagaan kami, memastikan pendekatan holistik terhadap tanggungjawab alam sekitar dan sosial.



### BERFOKUSKAN PELANGGAN

KWSP fokus dalam memperluaskan liputan dan meningkatkan kecukupan pendapatan persaraan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada ahli kami. KWSP komited untuk menawarkan penyelesaian yang relevan didorong oleh data dan menggunakan teknologi yang tepat untuk memastikan pengalaman pelanggan yang unggul. Selain itu, kami berusaha untuk memperkukuh kerjasama pengurusan pihak berkepentingan dan rakan kongsi untuk lebih memahami dan memenuhi keperluan pelanggan kami.



### KECEKAPAN OPERASI DAN PERNIAGAAN

KWSP berdedikasi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos merentasi semua aspek operasi. Strategi kami termasuk mempermudah dan mendigitalkan proses perniagaan untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan serta menyelaraskan operasi.



### KESEJAHTERAAN PERSARAAN

KWSP komited untuk menyokong kesejahteraan sosial dan menyampaikan hasil yang melangkaui kewangan untuk memastikan persaraan yang bermakna buat ahli kami. Matlamat kami adalah untuk memastikan skim KWSP kalis masa hadapan agar kekal relevan bagi pelanggan masa hadapan dan disesuaikan dengan perubahan demografi, memastikan bahawa ia terus memenuhi keperluan ahli kami yang berkembang.



### PENGUPAYAAN DIGITAL

Matlamat KWSP untuk meningkatkan infrastruktur dan keupayaan digital kami untuk kekal di barisan hadapan dalam kemajuan teknologi. Strategi kami melibatkan mempercepatkan proses membuat keputusan berdasarkan data dan keupayaan ekosistem untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak berkepentingan kami. Selain itu, KWSP komited untuk mengukuhkan keselamatan siber melalui program perusahaan yang selamat untuk melindungi aset digital dan maklumat kami.



# PERSEKITARAN OPERASI

Persekitaran makro global dan domestik memberi impak terhadap pelbagai aspek prestasi KWSP, daripada pulangan ke atas pelaburan kepada caruman dan pengeluaran yang dibuat. Risiko dan peluang yang wujud dipantau dengan rapi dan dipertimbangkan dalam pembentukan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang kami.

## TREND MAKROEKONOMI PADA 2023

### Kelembapan Ekonomi

Pemulihan ekonomi global daripada pandemik COVID-19 perlahan pada 2023 disebabkan oleh pengetatan polisi monetari, penarikan balik sokongan fiskal dan ketegangan geopolitik. Sementara ketegangan antara Rusia dan Ukraine masih berlanjutan, krisis baharu tercetus di Timur Tengah, terutamanya antara Israel dan Palestin – kedua-duanya meningkatkan ketidakstabilan geopolitik dan risiko penurunan terhadap prospek ekonomi global.

Di Malaysia, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) perlahan kepada 3.6% pada 2023 berbanding 8.9% pada 2022 berikutan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan dan permintaan luar yang lebih lemah. Sokongan daripada penggunaan isi rumah dalam negeri adalah sederhana tanpa rangsangan besar seperti pengeluaran KWSP yang berlaku pada 2022. Dari sudut positif, keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik dan menyokong permintaan isi rumah.

### Inflasi Mula Menurun

Dasar monetari penguncupan disertai dengan kejatuhan dalam harga tenaga dan makanan telah mendorong inflasi keseluruhan menurun di seluruh dunia. Walaupun kadar inflasi telah menurun, namun masih tinggi berbanding sebelumnya dan semasa pandemik.

Di Malaysia, inflasi keseluruhan menurun kepada 2.5% daripada 3.4% pada 2022, disebabkan oleh terutamanya kepada kenaikan harga pengangkutan, makanan dan minuman yang lebih perlahan serta penurunan harga perkhidmatan maklumat dan komunikasi. Walau bagaimanapun, inflasi harga pengguna untuk pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebanyak 2.7% pada 2023 adalah lebih tinggi daripada kadar inflasi keseluruhan sebanyak 2.5% walaupun menurun daripada 3.3% pada tahun sebelumnya.

### Kadar Faedah Naik, Namun Pasaran Kekal Teguh

Bank pusat utama global, iaitu Rizab Persekutuan, Bank of England, dan Bank Pusat Eropah, terus menaikkan kadar dasar mereka sehingga suku ketiga 2023 sebelum memegang pendirian dasar mereka pada suku keempat. Bank Negara Malaysia juga telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 mata asas pada Mei 2023 daripada 2.75% kepada 3.00%.

Inflasi global yang semakin reda, penurunan dalam indeks dolar, penurunan harga minyak mentah, dan jangkaan pemotongan kadar yang lebih tinggi oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat dan bank pusat lain menyumbang kepada pasaran ekuiti global yang lebih optimistik daripada yang dijangkakan, dengan kebanyakan tanda aras ekuiti global utama memberikan pulangan dua digit. Walau bagaimanapun, situasi di Asia Tenggara adalah berbeza. Pemulihan pasca-COVID China yang perlahan membawa kepada prestasi yang kurang baik FTSE ASEAN dan Bursa Malaysia berbanding indeks global lain.

### Kemerosotan Nilai Ringgit Berterusan

Faktor global, termasuk perbezaan kadar faedah dan pemulihan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan, menyumbang kepada kejatuhan nilai Ringgit yang berterusan, susut kepada RM4.79 berbanding dolar Amerika Syarikat pada Oktober 2023, paras terendah sejak Krisis Kewangan Asia. Ketidakpastian persekitaran domestik, seperti menjelang Pilihan Raya Negeri 2023, juga menambah kepada turun naik pergerakan Ringgit.

## PERSEKITARAN OPERASI

### TREND PASARAN JANGKA PANJANG DI MALAYSIA

#### Penduduk Menua

Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang 2043, dengan 14% daripada penduduk berusia 65 tahun dan ke atas. Ini disebabkan oleh jangka hayat yang lebih panjang dan kadar kelahiran yang rendah.

#### Ekonomi Gig yang Semakin Berkembang

Semakin ramai individu di seluruh dunia menjadi sebahagian daripada ekonomi gig, iaitu kontraktor bebas yang menyediakan perkhidmatan berdasarkan projek. Trend ini dijangka berterusan di luar negara dan juga di Malaysia. Di negara ini, pekerja gig, yang merangkumi pekerja bebas, bekerja sendiri, pemilik perniagaan, serta pekerja keluarga tanpa gaji, kini berjumlah kira-kira empat juta orang. Oleh kerana mereka tidak berada di bawah liputan KWSP atau skim pencen kerajaan, peningkatan pesat dalam jumlah mereka akan memperburuk lagi isu berkaitan perlindungan persaraan dan jaminan pendapatan hari tua yang rendah.

#### Tindak Balas KWSP

Walaupun berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang mencabar, KWSP terus mencatatkan kemajuan yang ketara dalam mencapai objektif selaras dengan lima (5) keutamaan utama iaitu Kecukupan, Liputan, Pengalaman, Pulangan dan Kepercayaan. Dengan pengecualian Liputan, KWSP mencapai semua sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2023. Prestasi KWSP dalam lima (5) bidang ini digambarkan dalam jadual di bawah.

#### Bidang Utama KWSP

**Kecukupan** – peratusan ahli KWSP aktif yang mencapai simpanan asas bagi kumpulan umur mereka, berdasarkan simpanan sekurang-kurangnya RM240,000 pada umur 55 tahun

#### Pencapaian KWSP

- Mencapai ROI sebanyak 6.36% melalui pelaburan strategik
- Memantau majikan dengan jayanya, menghasilkan penurunan dalam kadar kemungkiran caruman
- Melancarkan i-Sayang, memudahkan suami untuk memindahkan 2% daripada caruman mereka ke dalam akaun KWSP isteri
- Menggalakkan Caruman Sukarela menghasilkan peningkatan sebanyak 71% dalam nilai dan menaikkan had maksimum bagi caruman tahunan daripada RM60,000 kepada RM100,000
- Mencatatkan peningkatan sebanyak 72% bilangan majikan yang membuat Caruman Melebihi Kadar Berkanun
- Meluaskan khidmat nasihat untuk membantu ahli dalam meningkatkan simpanan mereka
- Mempertingkatkan Panduan Perbelanjaan Belanjawanku untuk menyokong perancangan kewangan dengan lebih baik

Sasaran 2023

32%

Prestasi pada 2023

33% (2.4 juta)

#### Bidang Utama KWSP

**Liputan** – Bilangan ahli aktif daripada sektor formal dan tidak formal yang mencarum kepada KWSP

#### Pencapaian KWSP

- Menggalakkan i-Saraan, mengakibatkan peningkatan sebanyak 31% dalam pendaftaran tahun ke tahun
- Mengukuhkan keupayaan operasi melalui mempertingkatkan usaha jangkauan dengan 15 pasukan Mobile Team dan mewujudkan 10 Mobile KWSP

Sasaran 2023

51%

Prestasi pada 2023

50% (8.5 juta)

**Bidang Utama KWSP**

**Pulangan** - Gabungan dividen sebenar tiga tahun berturut-turut untuk Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah

**Pencapaian KWSP**

- Pelaburan strategi KWSP dipacu oleh Alokasi Aset Strategik (SAA) jangka panjangnya yang secara konsisten membuktikan keberkesanannya dan telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tahan di tengah-tengah ketidakpastian pasaran
- KWSP terus mengekalkan kecairan yang teguh dan amalan pengurusan risiko, menyediakan rangka kerja yang membimbing dan melindungi dana terhadap cabaran serta kejadian yang tidak dijangka
- Pasaran yang tidak stabil pada 2023 menekankan kepentingan strategi pelaburan KWSP yang teguh dan amalan pengurusan risiko yang berhemat
- Strategi kepelbagaian KWSP merentasi pelbagai kelas aset, mandat, pasaran, dan sektor, serta pengurusan portfolio yang aktif, membolehkan KWSP mencapai pulangan yang menggalakkan pada 2023

**Sasaran 2023****>2%****Prestasi pada 2023****3.96%****Bidang Utama KWSP**

**Pengalaman** - Skor Promoter Bersih Ahli yang mengukur tahap kepuasan dengan perkhidmatan KWSP

**Pencapaian KWSP**

- Menjalankan semakan pengalaman digital untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan KWSP
- Menaik taraf aplikasi KWSP i-Akaun dengan ciri-ciri baharu merangkumi Kalkulator Persaraan, keupayaan untuk memohon Pengeluaran Umur 50 tahun, pembelian insurans i-Lindung, dan mendaftar untuk Simpanan Syariah
- Membolehkan individu bekerja sendiri dan pekerja sektor tidak formal untuk membuat caruman menggunakan kad debit
- Chatbot ELYA diprogramkan untuk mengendalikan pelbagai soalan lazim yang lebih luas
- Melancarkan Fasiliti Sokongan Akaun 2 untuk memudahkan pembiayaan peribadi bagi ahli

**Sasaran 2023****+50%****Prestasi pada 2023****+52%****Bidang Utama KWSP**

**Kepercayaan** - Tahap kepercayaan pihak berkepentingan terhadap keupayaan penyampaian KWSP

**Pencapaian KWSP**

- Mengekalkan tahap integriti yang tinggi dengan Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) yang khusus
- Mewujudkan Polisi Pencegahan Rasuah disokong oleh Polisi Tajaan dan Derma
- Melaksanakan platform Pengurusan Risiko Rasuah merentasi semua jabatan menjelang 2025
- Mengambil tindakan segera terhadap laporan yang dikemukakan melalui Saluran Pemberi Maklumat
- Melaporkan prestasi dengan telus secara suku tahun dan tahunan

**Sasaran 2023****>75%****Prestasi pada 2023****86%**

## PERSEKITARAN OPERASI

### TINJAUAN JANGKA PANJANG

Bagi tempoh jangka panjang, KWSP telah menetapkan matlamat bagi setiap lima (5) bidang tumpuan serta kelestarian, menunjukkan penekanan yang meningkat terhadap perkara berkaitan ESG. KWSP juga telah menggariskan aspirasi untuk tahun 2024 dalam setiap bidang.

**Bidang Tumpuan**  
**Kecukupan**  
**Matlamat 2030**  
 >50% ahli sektor formal yang aktif mencapai simpanan asas mengikut umur\*

**Aspirasi Masa Hadapan**  
 Penstrukturan semula akaun berdasarkan pendekatan kitaran hayat untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan dalam konteks jangkaan hayat yang lebih lama dengan ciri-ciri pra dan pasca persaraan yang baharu bagi mengukuh dan mengekalkan pendapatan persaraan ahli.

**Bidang Tumpuan**  
**Liputan**  
**Matlamat 2030**  
 >60% tenaga kerja dilindungi oleh KWSP (ahli aktif)

**Aspirasi Masa Hadapan**  
 Meluaskan liputan dalam tenaga kerja serta di luar daripada tenaga kerja, meliputi seramai mungkin dewasa umur bekerja untuk menangani perubahan landskap kerja.

**Bidang Tumpuan**  
**Pengalaman**  
**Matlamat 2030**  
 >+50% Skor Promoter Bersih

**Aspirasi Masa Hadapan**  
 Terus memperbaiki platform digital kami untuk memastikan interaksi pengguna yang lancar dan intuitif dengan menambah fungsi-fungsi baharu serta menerapkan langkah-langkah keselamatan yang lebih baik. Selain digital, kami juga akan menumpukan perhatian kepada peningkatan pengalaman pelanggan secara keseluruhan dengan menyusun proses, menawarkan perkhidmatan yang khusus, dan memastikan sokongan yang luar biasa di setiap peringkat.

**Bidang Tumpuan**  
**Pulangan**  
**Matlamat 2030**  
 >2% Kadar Dividen Sebenar Bagi 3 Tahun Berturut-turut

**Aspirasi Masa Hadapan**  
 Memastikan Alokasi Aset Strategik (SAA) kami diperhalusi, dengan meningkatkan amalan kecairan dan pengurusan risiko, serta memperluas diversifikasi merentasi kelas aset dan pasaran. Mengoptimalkan pengurusan portfolio aktif dan memanfaatkan analitik canggih untuk melakukan keputusan pelaburan yang lebih baik.

**Bidang Tumpuan**  
**Kepercayaan**  
**Matlamat 2030**  
 >75% Skor Kepercayaan

**Aspirasi Masa Hadapan**  
 Perkuatkan komitmen kami terhadap integriti dan ketelusan dengan menyokong inisiatif tadbir urus, memajukan dasar anti-rasuah, dan bergerak ke arah pelaksanaan penuh platform pengurusan risiko rasuah menjelang 2025 serta memastikan pelaporan prestasi secara suku tahunan dan tahunan dilaporkan dengan telus.

**Bidang Tumpuan**  
**Kelestarian**  
**Matlamat 2030**  
 Untuk mencapai portfolio yang patuh ESG sepenuhnya\*\* menjelang 2030.

**Aspirasi Masa Hadapan**  
 Melaksanakan Pelan Kelestarian Organisasi, dengan pelan tindakan yang terperinci untuk memastikan KWSP menyokong komitmen Malaysia ke arah pembangunan mampan.

\* Berdasarkan capaian sekurang-kurangnya RM240,000 mengikut umur

\*\* KWSP mendefinisikan portfolio yang sepenuhnya mematuhi ESG sebagai portfolio yang mematuhi semua keperluan asas yang ditetapkan dalam Polisi Pelaburan Lestarnya



# PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Dalam merangka dan melaksanakan strategi yang mencipta nilai merentasi organisasi, adalah penting untuk memahami kepentingan dan keprihatinan pihak berkepentingan. Sehubungan itu, KWSP mengadakan penglibatan dalam dialog terbuka dengan pihak berkepentingannya, menunjukkan komitmennya terhadap ketelusan dan pengurusan yang efektif sebagai entiti keselamatan sosial yang utama.

Pada 2023, KWSP telah menetapkan kumpulan pihak berkepentingan utamanya, mengambil kira keupayaan mereka untuk mempengaruhi dan dipengaruhi dengan keputusan dan tindakan KWSP dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. KWSP telah mengenal pasti lapan (8) kumpulan pihak berkepentingan utama berdasarkan kriteria kami yang telah ditetapkan:






# PERKARA MATERIAL

## MENENTUKAN PERKARA MATERIAL KWSP

Penilaian materialiti KWSP merupakan pendekatan berstruktur untuk mengenal pasti dan mengutamakan perkara-perkara yang memberi kesan ketara kepada organisasi dan pihak berkepentingan luarnya. Dengan mempertimbangkan perkara-perkara berkaitan ekonomi, alam sekitar, dan sumber manusia, KWSP menentukan perkara yang paling penting daripada segi kesejahteraan ahli, kesejahteraan dan keupayaan kakitangan, kesan terhadap alam sekitar serta prestasi organisasi. Penilaian ini mempertimbangkan tahap kesan kepada pihak berkepentingan luar berdasarkan skala, skop, dan keterukan.

Sebagai sebahagian daripada Pelan Kelestarian Organisasi, penilaian materialiti baharu dijalankan pada 2023 untuk mengemas kini dan menghalusi penilaian terdahulu yang dijalankan pada 2021. Penilaian baharu mempertimbangkan kesan isu-isu kelestarian yang pelbagai terhadap KWSP dan pihak berkepentingannya, serta maklum balas dan kebimbangan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza. Keputusan daripada penilaian baharu ini akan menentukan hala tuju strategik, objektif, dan inisiatif KWSP, serta pelaporan dan pendedahan kelestarian.

Dalam konteks penilaian materialiti, pendekatan 3-peringkat yang sistematik digunakan untuk mengenal pasti perkara-perkara material dan membentuk matriks materialiti. Yang pertama, proses bermula dengan menapis dan menghalusi senarai perkara-perkara material. Seterusnya, kepentingan dan kesan perkara-perkara ini dinilai. Akhir sekali, matriks materialiti dibangunkan, yang menyediakan rangka kerja berstruktur untuk menilai dan mengutamakan perkara-perkara tersebut. Matlamat keseluruhan ialah untuk membantu dalam membuat keputusan dengan tumpuan kepada aspek yang paling relevan dan memberi kesan kepada operasi organisasi dan kebimbangan pihak berkepentingan.






Perihal perkara ini, penilaian materialiti pada 2023 melibatkan input daripada 39 sesi temu bual dan lebih daripada 2,700 orang responden kaji selidik. Kumpulan pihak berkepentingan yang mengambil bahagian dalam proses ini merangkumi kakitangan KWSP, Lembaga, Panel Pelaburan, Majlis Penasihat Syariah, wakil syarikat penerima pelaburan, wakil rakan niaga, wakil ahli dan majikan, kerajaan dan badan kawal selia, serta wakil komuniti setempat.

Hasil daripada penglibatan permulaan ini, 19 perkara material telah dikenal pasti dan dikategorikan kepada empat (4) dimensi kelestarian. Hasil daripada penilaian ini digambarkan secara visual dalam matriks yang berikut:

### MATRIKS MATERIALITI

Berikut merupakan matriks materialiti KWSP yang menggambarkan keutamaan perkara material KWSP yang dikategorikan kepada empat (4) dimensi kelestarian.



<p><b>Memangkin Kehidupan dan Mata Pencarian yang Lebih Baik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>M1 Jaminan Pendapatan Persaraan</li> <li>M2 Liputan KWSP dan Sokongan Ahli</li> <li>M3 Pembentukan Polisi dan Penglibatan Kawal Selia</li> <li>M4 Literasi Kewangan</li> <li>M5 Gaji Saksama dan Wajar</li> <li>M6 Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi</li> <li>M7 Kesan Sosial yang Lebih Besar</li> </ul>	<p><b>Mendorong Tindakan Iklim</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>M8 Pelepasan GHG Organisasi</li> <li>M9 Penggunaan dan Pengurusan Sisa yang Bertanggungjawab</li> <li>M10 Liputan Hijau</li> </ul> <p><b>Memaksimumkan Potensi Modal Insan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>M11 Peningkatan Kemahiran KWSP</li> <li>M12 Kesihatan dan Kesejahteraan Kakitangan</li> <li>M13 Amalan Pekerjaan yang Adil dan Inklusif</li> </ul>	<p><b>Mengekalkan Pertumbuhan dan Tadbir Urus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>M14 Prestasi Kewangan</li> <li>M15 Pelaburan Lestari</li> <li>M16 Ketelusan, Etika Perniagaan dan Anti-rasuah</li> <li>M17 Pendigitalan, Inovasi dan Keselamatan Siber</li> <li>M18 Pengalaman dan Penglibatan Pelanggan</li> <li>M19 Pengurusan Rantaian Bekalan yang Lestari</li> </ul>
---	--	--

## PERKARA MATERIAL

### MEMANGKIN KEHIDUPAN DAN MATA PENCARIAN YANG LEBIH BAIK

#### M1 JAMINAN PENDAPATAN PERSARAAN

Memastikan ahli mempunyai simpanan KWSP yang mencukupi selepas bersara dan pendapatan gantian yang mencukupi semasa persaraan mereka

##### Kepentingan kepada KWSP

- Kritikal kepada peranan awam KWSP dalam memastikan kakitangan dan masyarakat secara amnya mempunyai simpanan dan pendapatan yang cukup

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Menyokong persaraan sejahtera dan kualiti hidup yang lebih baik untuk ahli
- Menyokong jaminan kewangan jangka panjang dan mengurangkan tekanan kewangan dalam kalangan ahli

#### M2 LIPUTAN KWSP DAN SOKONGAN AHLI

Mendidik dan membolehkan ahli untuk bersuara tentang hak mereka untuk perlindungan KWSP dalam pekerjaan mereka

##### Kepentingan kepada KWSP

- Kritikal kepada peranan awam KWSP dalam memastikan kakitangan dan masyarakat secara amnya mempunyai akses kepada KWSP (perlindungan ahli) sebagai dana persaraan dan perlindungan sosial semasa persaraan

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Mengurangkan kemiskinan dan kebergantungan pada jaringan keselamatan sosial semasa persaraan
- Menyokong persaraan sejahtera dan kualiti hidup yang lebih baik untuk ahli

#### M3 PEMBENTUKAN POLISI DAN PENGLIBATAN KAWAL SELIA

Bekerjasama dan menyokong badan-badan kawal selia lain dalam membentuk dasar untuk hasil persaraan yang lebih baik dan peningkatan perlindungan KWSP bagi ahli

##### Kepentingan kepada KWSP

- Penting memandangkan kedudukan, keupayaan dan pengaruh KWSP dalam membentuk dasar dan kerjasama dengan kementerian/jabatan/agensi lain

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Membolehkan dasar yang lebih efektif untuk persaraan ahli yang sejahtera
- Penambahbaikan dalam pematuhan di kalangan ahli

## MEMANGKIN KEHIDUPAN DAN MATA PENCARIAN YANG LEBIH BAIK

### M4 LITERASI KEWANGAN

Mempengaruhi tingkah laku caruman KWSP yang lebih aktif, mempertingkatkan kesedaran berkenaan perancangan kewangan/persaraan, dan menambah baik dalam membuat keputusan kewangan ahli

#### Kepentingan kepada KWSP

- Topik utama selaras dengan salah satu daripada objektif KWSP untuk menjaga simpanan persaraan ahli
- Sejarar dengan aktiviti-aktiviti KWSP yang sedang dilaksanakan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan ahli tentang kepentingan perancangan kewangan peribadi dan simpanan persaraan yang seimbang
- Mengekalkan kepercayaan pada KWSP dengan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang prestasi KWSP berbanding dengan dana-dana lain

#### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Membantu mengekalkan caruman tetap kepada KWSP dan mengurangkan pergantungan pada pengeluaran KWSP
- Potensi besar untuk meningkatkan kesedaran dan minat ahli serta masyarakat dalam perancangan kewangan jangka panjang, terutamanya berkenaan persaraan

### M5 GAJI SAKSAMA DAN WAJAR

Membolehkan masyarakat menikmati taraf kehidupan yang selesa selepas bersara

#### Kepentingan kepada KWSP

- Kritikal kepada peranan awam KWSP dalam memastikan kakitangan dan masyarakat secara amnya mempunyai akses kepada KWSP, sebagai dana persaraan dan perlindungan sosial, semasa persaraan
- Selaras dengan peranan KWSP dalam sektor awam Malaysia untuk membantu membentuk dasar yang secara langsung dan tidak langsung berkaitan dengan persaraan yang sejahtera

#### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Menyokong jaminan kewangan jangka panjang dan mengurangkan tekanan kewangan dalam kalangan ahli, terutamanya dalam kumpulan B40
- Membantu mengekalkan caruman tetap kepada KWSP dan mengurangkan pergantungan kepada pengeluaran KWSP (awal)

## PERKARA MATERIAL

### MEMANGKIN KEHIDUPAN DAN MATA PENCARIAN YANG LEBIH BAIK

#### M6 PELUANG PEKERJAAN BERNILAI TINGGI

Membolehkan penyertaan individu dalam tenaga buruh untuk memperoleh pendapatan dalam persediaan menjelang dan/atau semasa persaraan

##### Kepentingan kepada KWSP

- Selaras dengan peranan KWSP dalam sektor awam Malaysia untuk membantu membentuk dasar yang secara langsung dan tidak langsung berkaitan dengan persaraan yang sejahtera
- Kritikal kepada peranan awam KWSP dalam memastikan kakitangan dan masyarakat secara amnya mempunyai akses kepada KWSP (perlindungan ahli), sebagai dana persaraan dan perlindungan sosial semasa persaraan

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Menyokong jaminan kewangan jangka panjang dan mengurangkan tekanan kewangan dalam kalangan ahli
- Memastikan semua individu, terutamanya wanita, mempunyai akses yang sama kepada peluang pekerjaan

#### M7 KESAN SOSIAL YANG LEBIH BESAR

Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk meningkatkan kualiti hidup dan/atau membantu untuk mengurangkan perbelanjaan semasa persaraan

##### Kepentingan kepada KWSP

- KWSP boleh mempengaruhi untuk menyediakan faedah sosial yang lebih baik dalam menyokong peranan awam KWSP untuk menyediakan persaraan sejahtera kepada masyarakat

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Potensi tinggi untuk akses dan kualiti kemudahan/perkhidmatan (seperti kesihatan, penjagaan warga tua, pendidikan kewangan, dll.) yang lebih baik kepada lebih ramai ahli selain menyediakan pendapatan persaraan
- Menyokong persaraan sejahtera dengan meringankan lagi beban perbelanjaan pesara

**MENDORONG TINDAKAN IKLIM**

**M8 PELEPASAN GHG ORGANISASI**

Mengurangkan, mengawal, menjejaki dan mengurus Skop 1, 2 dan 3 pelepasan GHG

**Kepentingan kepada KWSP**

- Menunjukkan komitmen KWSP untuk mengurangkan pelepasan GHG

**Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar**

- Pelepasan Skop 1 dan 2 KWSP adalah lebih rendah berbanding Skop 3 dan pelepasan GHG syarikat penerima pelaburan
- Menggalakkan syarikat penerima pelaburan untuk komited kepada pengurangan pelepasan GHG sebagai sebahagian daripada objektif kemampanan negara

**M9 PENGGUNAAN DAN PENGURUSAN SISA YANG BERTANGGUNGJAWAB**

Meminimumkan penggunaan berlebihan dan pengurangan/pengitaran semula sisa disebabkan oleh operasi KWSP

**Kepentingan kepada KWSP**

- Menunjukkan komitmen KWSP terhadap pengurusan sisa pejabat dan perbandaran dengan betul kepada pihak berkepentingan luar

**Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar**

- Sisa utama yang dihasilkan ialah sisa pejabat dan perbandaran - sifat bahan buangan adalah kurang berbahaya dan isi padu mudah diuruskan bagi vendor pengurusan sisa

**M10 LIPUTAN HIJAU**

Kesan pembangunan hartanah terhadap kawasan liputan pokok/tumbuhan

**Kepentingan kepada KWSP**

- Liputan pokok/tumbuhan yang tinggi dalam pembangunan hartanah meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan pembeli/pelabur hartanah
- Potensi untuk menanam semula pokok untuk membantu pengasingan/mengimbangi pelepasan GHG KWSP

**Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar**

- Menggalakkan syarikat penerima pelaburan, terutamanya syarikat yang mempunyai hartanah yang besar, untuk meningkatkan liputan hijau sebagai sebahagian daripada objektif kemampanan negara

## PERKARA MATERIAL

### MEMAKSIMUMKAN POTENSI MODAL INSAN

#### M11 PENINGKATAN KEMAHIRAN KWSP

Membangun kemahiran baharu dan menarik bakat yang berkaitan dengan keperluan semasa dan masa hadapan KWSP

##### Kepentingan kepada KWSP

- Kualiti dan keupayaan kakitangan KWSP merupakan aset terbesar bagi prestasi operasi dan kewangan KWSP
- Membina kecekapan institusi tanpa menghiraukan perubahan demografi kakitangan

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Kualiti perkhidmatan yang dipertingkatkan dan interaksi dengan kakitangan KWSP yang lebih cekap

#### M12 KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN KAKITANGAN

Memastikan kesejahteraan fizikal dan mental pekerja KWSP dengan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, mempromosikan kesihatan dan keselamatan pekerjaan, memupuk hubungan buruh yang positif, menegakkan kebebasan berserikat dan perundingan kolektif, serta memerangi buruh paksa

##### Kepentingan kepada KWSP

- Sejalan dengan kepentingan KWSP dalam mengekalkan kesejahteraan kakitangan
- Patuh pada peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Penting untuk kepuasan, produktiviti dan pengkalan bakat kakitangan

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Kualiti perkhidmatan dan interaksi yang dipertingkatkan dengan kepuasan pekerja, produktiviti, dan pengkalan bakat pekerja KWSP yang lebih baik

## MEMAKSIMUMKAN POTENSI MODAL INSAN

### M13 AMALAN PEKERJAAN YANG ADIL DAN INKLUSIF

Mengurus amalan pekerjaan di beberapa bidang utama, termasuk menarik dan mengekalkan bakat, kepelbagaian dan peluang yang sama, serta gaji dan faedah yang adil

#### Kepentingan kepada KWSP

- Keupayaan untuk terus menarik dan mengekal bakat yang berkualiti tinggi
- Penting kepada reputasi KWSP sebagai majikan yang saksama dan inklusif
- Penting untuk kepuasan, produktiviti dan pengekalan bakat kakitangan
- Menggalakkan inovasi melalui pelbagai perspektif

#### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan interaksi pelanggan melalui kakitangan KWSP yang berbilang budaya dan pelbagai, seperti menawarkan sokongan dalam pelbagai bahasa di cawangan

## MENGEKALKAN PERTUMBUHAN DAN TADBIR URUS

### M14 PRESTASI KEWANGAN

Keupayaan untuk mengekalkan prestasi pelaburan yang kukuh bagi mengembangkan simpanan ahli

#### Kepentingan kepada KWSP

- Topik utama selaras dengan salah satu daripada objektif KWSP untuk meningkatkan dan melindungi simpanan persaraan ahli
- Harapan pihak berkepentingan luar dalam mengekalkan prestasi dividen yang kukuh

#### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Prestasi kewangan yang positif menyumbang kepada hasil persaraan yang lebih baik bagi ahli, mendorong pertumbuhan ekonomi di sektor swasta, dan meningkatkan kepercayaan awam serta reputasi KWSP

## PERKARA MATERIAL

### MENGEKALKAN PERTUMBUHAN DAN TADBIR URUS

#### M15 PELABURAN LESTARI

Penyepaduan pertimbangan ESG ke dalam proses pengurusan pelaburan dan amalan pemilikan dengan kepercayaan bahawa faktor-faktor ini akan meningkatkan pulangan kewangan terlaras risiko

##### Kepentingan kepada KWSP

- Seajar dengan peranan awam KWSP untuk menyokong objektif kemampanan negara sambil mengekalkan prestasi dana yang kukuh

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Seperti dana pencen global yang lain, KWSP boleh memacu kemampanan dalam masyarakat dengan lebih berkesan menerusi aktiviti pelaburannya

#### M16 KETELUSAN, ETIKA PERNIAGAAN DAN ANTI-RASUAH

Mengekalkan ketelusan sambil terus menyokong integriti dalam aktiviti pelaburan dan operasi KWSP

##### Kepentingan kepada KWSP

- Komited pada tingkah laku beretika dan ketelusan sebagai bahagian asas dalam melaksanakan tugasnya untuk melindungi dan meningkatkan simpanan ahli

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Mengekalkan kepercayaan pada KWSP dalam kalangan ahli, penerima pelaburan, rakan niaga, dan badan kawal selia

#### M17 PENDIGITALAN, INOVASI DAN KESELAMATAN SIBER

Penerapan teknologi digital untuk mempertingkatkan aktiviti merentasi fungsi dan pembangunan produk inovatif serta model perniagaan baharu sambil mencegah, mengurung dan menyelesaikan serangan siber

##### Kepentingan kepada KWSP

- Operasi dan tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan dengan mengikuti perkembangan teknologi sambil mengekalkan kesinambungan perniagaan daripada serangan siber
- Membolehkan kebolehpasaran dan produk yang lebih baik, serta kecekapan operasi
- KWSP mempunyai tanggungjawab untuk melindungi maklumat peribadi dan kewangan ahli

##### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Meningkatkan kepuasan/kemudahan pelanggan dengan kecekapan yang dipertingkatkan, perkhidmatan digital baharu, mengurangkan kesilapan manusia dan akses/liputan yang lebih baik kepada pelanggan
- Mempertingkatkan keupayaan untuk membangunkan model perniagaan baharu/aliran pendapatan untuk KWSP
- Menghindari kebocoran maklumat peribadi dan sulit yang boleh digunakan untuk tujuan tidak baik

## MENGEKALKAN PERTUMBUHAN DAN TADBIR URUS

### M18 PENGALAMAN DAN PENGLIBATAN PELANGGAN

Penambahbaikan dalam pengalaman pelanggan melalui peningkatan dalam semua peringkat interaksi pelanggan

#### Kepentingan kepada KWSP

- Mengukuh keyakinan pelanggan melalui pengalaman dan perkhidmatan yang baik
- Secara tidak langsung menggalakkan lebih ramai ahli untuk mengambil peranan aktif dalam mengurus simpanan persaraan mereka
- Menyumbang kepada reputasi KWSP dari segi kebolehpercayaan, kecekapan dan amanah yang membawa kepada peningkatan dalam kepuasan pelanggan

#### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Aksesibiliti yang lebih baik untuk pelanggan menghasilkan peningkatan dalam caruman
- Membolehkan untuk membuat keputusan dengan lebih termaklum melalui perkhidmatan nasihat peribadi

### M19 PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN YANG LESTARI

Pematuhan piawaian ESG dalam rantaian bekalan KWSP, termasuk kebolehpercayaan, layanan beretika kepada pekerja pembekal, tahap pelepasan karbon pembekal dan kecekapan logistik

#### Kepentingan kepada KWSP

- Membolehkan KWSP untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan kebolehpercayaan pembekal dan amalan beretika, mencapai penjimatan kos melalui logistik yang cekap, menyokong prestasi kewangan jangka panjang, dan memupuk kepercayaan di kalangan pihak berkepentingan, sekali gus meningkatkan reputasi dana

#### Kesan kepada Pihak Berkepentingan Luar

- Mempengaruhi pembekal lain/kecil untuk beroperasi dengan cara yang lebih mampan
- Mengekalkan reputasi KWSP dengan memastikan pematuhan kemampanan pembekal



# ULASAN PELABURAN

Bahagian Pelaburan bertanggungjawab untuk memastikan KWSP mencapai objektif dan sasaran strategik yang ditetapkan oleh strategi pelaburannya yang dipandu oleh rangka kerja Alokasi Aset Strategik atau SAA. Rangka kerja ini, yang dikaji semula setiap tiga (3) tahun, berusaha untuk mengoptimalkan pulangan pelaburan jangka panjang dalam tahap kecenderungan risikonya. Berpandukan SAA, pasukan pelaburan memperuntukkan dan melabur simpanan ahli dalam pelbagai kelas aset merentasi wilayah dan sektor yang berbeza bagi mengurangkan risiko pelaburan tunggal dan juga mengoptimalkan manfaat kepelbagaian. Setiap kelas aset berperanan penting dalam memastikan KWSP menunaikan mandatnya.

Bahagian Pelaburan mempunyai dua (2) mandat pelaburan: mengisytiharkan sekurang-kurangnya 2.50% dividen nominal setiap tahun, dan untuk mencapai dividen sebenar sekurang-kurangnya 2.00% (dilaraskan untuk inflasi) bagi purata tiga (3) tahun berturut-turut.

## ULASAN LANDSKAP PELABURAN PADA 2023

Pada 2023, prestasi pasaran modal nyata tidak sekata antara negara maju dan membangun. Sementara penanda aras ekuiti global utama mencatatkan pulangan dua (2) angka, indeks di Asia pada umumnya meleset akibat pemulihan ekonomi China yang lembap. FBM KLCI mengakhiri tahun kira-kira 2.7% lebih rendah berbanding permulaan tahun.

### Prestasi Pelaburan KWSP

Walaupun persekitaran pelaburan kurang optimum, KWSP mencapai jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM67.39 bilion pada 2023, iaitu 21.80% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya (2022: RM55.33 bilion). Ini diterjemahkan kepada ROI yang direalisasikan sebanyak 6.36%, dan menyumbang kepada ROI direalisasikan bagi tiga tahun berturut-turut sebanyak 6.35%.





ASET PELABURAN  
**RM1,135.82  
bilion**



KADAR DIVIDEN  
SIMPANAN  
KONVENSIONAL  
**5.50%**



KADAR DIVIDEN  
SIMPANAN SHARIAH  
**5.40%**



BAYARAN DIVIDEN  
**RM57.81  
bilion**

Prestasi KWSP yang membanggakan sebahagian besarnya ialah kesan daripada pematuhan kepada SAA kami, yang memastikan campuran aset yang pelbagai untuk mencipta keseimbangan risiko dan pulangan yang optimum, serta mengukuhkan daya tahan KWSP terhadap sebarang kejutan dalam ekosistem kewangan.


Sepanjang tahun 2023, aset pelaburan kami berkembang sebanyak 13% kepada RM1,135.82 bilion berbanding dengan RM1,002.67 bilion pada akhir tahun 2022. Peningkatan ini merangkumi pendapatan daripada portfolio dan pertumbuhan dalam caruman sebanyak 15% tahun ke tahun (YoY), yang berjumlah sebanyak RM97.56 bilion (2022: RM84.78 bilion). Apabila kadar pekerjaan stabil pasca pandemik, KWSP menerima caruman positif bersih sebanyak RM52.27 bilion, selepas dua (2) tahun mengalami pengeluaran bersih.

Sepanjang tahun dalam tinjauan, KWSP mengiktiraf rosot nilai bersih berjumlah RM49.42 juta iaitu peningkatan sebanyak RM39.74 juta dari tahun 2022 (RM9.68 juta). Di bawah piawaian perakaunan MFRS 9 (Instrumen Kewangan), rosot nilai tidak perlu diiktiraf ke atas pegangan instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Walau bagaimanapun, sebagai satu inisiatif untuk memastikan portfolio pelaburan diuruskan secara berhemat, Lembaga KWSP telah meluluskan polisi Turun Nilai Kos Atas Ekuiti Tersenarai yang mengalami kerugian tidak nyata pada paras 60% atau lebih. Pada tahun 2023, sebanyak RM0.40 bilion telah dicatatkan (2022: RM3.43 bilion).

### Prestasi Mengikut Kelas Aset

Daripada jumlah pendapatan, 58% adalah daripada portfolio Ekuiti yang memberikan ROI sebanyak 8.77% (85 mata asas lebih tinggi berbanding tahun 2022), terdiri daripada ekuiti awam dan swasta. Daripada jumlah pendapatan sebanyak RM39.45 bilion, penurunan nilai kos sebanyak RM0.40 bilion telah dicatatkan. Ekuiti persendirian mencatatkan prestasi yang kukuh dengan ROI sebanyak 9.69%, memberikan pulangan dua angka bagi tiga tahun berturut-turut pada kadar 14.05%.

### Pendedahan Aset Pelaburan



Instrumen Pendapatan Tetap menyumbang sebanyak 30% (atau RM19.74 bilion) daripada jumlah pendapatan kami, pada ROI sebanyak 4.41% berbanding dengan 4.37% pada 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh persekitaran hasil yang rendah pada 2023 dalam kedua-dua pasaran, domestik dan global.

Bagi pelaburan dalam Hartanah dan Infrastruktur, kebanyakan daripada pelaburan KWSP dilaksanakan melalui syarikat bersekutu dan anak syarikat. Pada 2023, kelas aset ini menjana jumlah pendapatan sebanyak RM6.03 bilion, yang memberikan ROI sebanyak 5.04%, iaitu premium berbanding pendapatan tetap. Pelaburan dalam hartanah dan infrastruktur berfungsi sebagai lindung nilai terhadap inflasi dengan menyediakan pendapatan sewa, memelihara modal, dan meningkatkan nilai aset.

Akhir sekali, portfolio Instrumen Pasaran Wang menjana pendapatan sebanyak RM2.17 bilion atau 3% daripada jumlah pendapatan, pada ROI sebanyak 4.93%.

Daripada jumlah aset pelaburan KWSP sebanyak RM1,135.82 bilion, 62% dilaburkan dalam pasaran tempatan manakala 38% dalam pasaran asing. Pelaburan domestik menjana RM31.71 bilion, atau 47% daripada jumlah pendapatan pelaburan, memberikan kestabilan kepada pendapatan pelaburan kami pada keseluruhannya. Sementara itu, aset global menjanakan pendapatan sebanyak RM35.28 bilion, atau 53% daripada jumlah pendapatan pelaburan.

## ULASAN PELABURAN

### Dividen

Selepas mempertimbangkan rosot nilai bersih, turun nilai kos ekuiti, perbelanjaan operasi dan pelaburan, caj berkanun serta pelarasan kumulatif lain, jumlah pendapatan bersih KWSP yang diagihkan sebagai dividen ialah sebanyak RM57.81 bilion (2022: RM51.14 bilion). Daripada jumlah ini, RM50.33 bilion diagihkan kepada ahli Simpanan Konvensional sementara RM7.48 bilion diagihkan kepada ahli Simpanan Syariah. Simpanan Syariah memperoleh pendapatannya hanya daripada bahagian portfolio Syariah sementara pendapatan bagi Simpanan Konvensional dijana oleh portfolio Syariah dan juga Konvensional.

Agihan ini adalah bersamaan dengan dividen Simpanan Konvensional sebanyak 5.50% (meningkat dari 5.35% pada 2022) dan 5.40% untuk Simpanan Syariah (meningkat dari 4.75% pada 2022). Kedua-dua dividen melebihi sasaran nominal sebanyak 2.50%, dengan dividen Simpanan Syariah meningkat dengan ketara tahun ke tahun oleh sebab penurunan nilai yang lebih rendah pada 2023 berbanding dengan 2022 serta pulangan yang bertambah baik, terutamanya daripada ekuiti asing. Selain itu, kadar dividen sebenar bagi tiga (3) tahun berturut-turut ialah 2.89% untuk Simpanan Konvensional dan 2.51% untuk Simpanan Syariah, melebihi sasaran 2.00%.



Simpanan Syariah memperoleh pendapatannya hanya daripada bahagian portfolio Syariah sementara pendapatan bagi Simpanan Konvensional dijana oleh portfolio Syariah dan juga Konvensional.

### Pengurusan Kecairan

KWSP menyedari akan keperluan untuk mengekalkan kecukupan kecairan bagi memenuhi permintaan pengeluaran dan komitmen kewangan lain. Sehingga kini, KWSP memantau nisbah perlindungan kecairan (LCR) dan nisbah pembiayaan bersih (NFR), untuk memastikan kedudukan yang kukuh pada setiap masa. Pada masa yang sama, berpandukan Alokasi Aset Taktikal (TAA) kami, KWSP memperuntukkan peratusan tetap AUM bagi tunai dan instrumen pasaran wang. KWSP juga mengekalkan kepelbagaian portfolio yang teguh merentasi pelbagai mandat, wilayah dan profil kecairan. Hal yang demikian membolehkan kami memanfaatkan pelaburan pada bila-bila masa, walaupun kitaran pasaran.

Secara keseluruhan, KWSP mencapai baki tunai yang teguh pada 2023 disokong oleh kecairan yang berdaya tahan sambil mencapai kadar dividen yang luar biasa walaupun pasaran yang sangat tidak menentu.

### Pelaburan Lestari

Berpegang pada objektif pelaburan lestari untuk mengukuhkan pengurusan risiko dan meningkatkan penciptaan nilai, KWSP secara beransur telah menyepadukan faktor-faktor ESG atau kelestarian ke dalam proses membuat keputusan pelaburannya dan aktiviti pengawasan. Strategi dan inisiatif pelaburan lestari kami dipandu oleh Polisi Pelaburan Lestari KWSP, yang menggariskan pendekatan menyeluruh KWSP terhadap pelaburan lestari dan penggabungan faktor-faktor ESG ke dalam proses pelaburan serta libat urus bersama pihak berkepentingan. Polisi Pelaburan Lestari ini disokong oleh Polisi Isu Perubahan Iklim, Polisi Isu Kesejahteraan Pekerja dan Polisi Sektor Keutamaan bagi enam (6) sektor, yang menyediakan butiran berkenaan pendirian KWSP dan harapan ESG terhadap syarikat penerima pelaburan kami dan pengurus dana luar.

Peranan KWSP sebagai penandatanganan kepada Prinsip-Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memainkan peranan penting dalam memajukan pelaburan lestari. PRI ini yang merangkumi enam (6) prinsip dijadikan panduan utama dalam mengintegrasikan pertimbangan ESG dalam membuat keputusan pelaburan dan



amalan pengawasan kami. Salah satu aspek penting daripada inisiatif penyepaduan ESG kami adalah Kajian Kemampunan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan dan Panel Pelaburan. Kajian ini menilai semua cadangan pelaburan baharu untuk memastikan pematuhan terhadap Polisi Pelaburan Lestari KWSP dan penglibatan dalam menangani kontroversi ESG yang material. Selain itu, peningkatan ketara dalam Penilaian Pelaporan PRI 2023 KWSP merupakan bukti usaha berterusan kami dalam memajukan amalan Pelaburan Lestari, dengan skor kami dalam setiap kategori sama ada hampir atau atas daripada median PRI.

Dalam usaha mencapai sasaran pelaburan lestari KWSP untuk memiliki portfolio patuh ESG sepenuhnya menjelang 2030, KWSP mengakui akan kepentingan pengawasan pelaburan yang aktif dalam mempengaruhi syarikat penerima pelaburan kami serta memastikan kemampunan yang lebih teguh dalam pasaran modal Malaysia. Pengawasan pelaburan yang efektif memastikan agar pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan, kompetitif, dan sejajar dengan piawaian global. Seperti yang digariskan dalam Polisi Pelaburan Lestari KWSP, falsafah pengawasan kami menjadi panduan bagi perkara-perkara berkaitan undian proksi, pemantauan, libat urus yang aktif dan inisiatif kerjasama.

#### Polisi SI KWSP disokong oleh:

- ▶ Polisi Isu Keutamaan yang menjelaskan pendirian KWSP terhadap Perubahan Iklim dan kesejahteraan Pekerja, dan terpakai kepada semua pelaburan merentasi sektor yang berbeza
- ▶ Polisi Sektor Keutamaan yang menjelaskan harapan ESG terhadap enam (6) sektor utama iaitu Minyak dan Gas, Minyak Sawit, Penjana Tenaga, Perlombongan, Pembinaan dan Perbankan

Libat urus berperanan penting dalam pengawasan yang aktif untuk memastikan penajaran kepada penciptaan nilai jangka panjang dan amalan perniagaan yang mampan. Melalui sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan, KWSP dapat mengatasi kebimbangan ESG, meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban, serta mengurangkan risiko yang material dari segi lingkungan, sosial, dan tadbir urus. Pada 2023, KWSP telah menjalankan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk syarikat-syarikat penerima pelaburan yang tersenarai, pengurus dana luar, penerbit kredit, kementerian, badan kawal selia, dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) setara termasuk Lembaga Tabung Angkatan Tentera serta Permodalan Nasional Berhad. Di samping itu, untuk mencapai pasaran yang lebih luas dan menyumbang kepada kemajuan ESG dalam pasaran modal Malaysia, KWSP secara aktif menyertai pelbagai acara dan platform sebagai penceramah seperti Astro Awani Niaga, Creator's ESG Impact Awards 2023 dan Forum Kelestarian MIDA.

KWSP memupuk amalan Pelaburan Lestari di bahagian pelaburannya melalui pelbagai inisiatif membina keupayaan, termasuk perintis Akademi Pelaburan Lestari dan modul e-pembelajaran berkaitan Polisi Pelaburan Lestari KWSP serta inisiatif di Platform LX KWSP.





# ULASAN PERNIAGAAN

## PERKHIDMATAN KEPADA AHLI DAN MAJIKAN

Perkara Material: **M1** **M2** **M4** **M18**

### Interaksi dan Transaksi Pelanggan

Ketika pasaran buruh di Malaysia terus pulih ekoran pengukuhan ekonomi, seramai 460,447 orang ahli baharu telah berdaftar dengan KWSP pada tahun 2023 (2022: 635,989), menjadikan bilangan ahli kepada 16.07 juta orang. Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2% daripada 15.72 juta orang pada akhir 2022. Daripada jumlah keahlian, 8.52 juta orang ialah ahli aktif, mewakili kira-kira 50% daripada jumlah tenaga buruh Malaysia iaitu 17.03 juta orang pada Disember 2023. Sementara itu, nisbah ahli aktif berbanding tidak aktif kekal pada 53:47.



BILANGAN AHLI

**16.07 juta orang**

(2022: 15.72 juta orang)

Jumlah caruman pada 2023 adalah sebanyak RM97.56 bilion (2022: RM84.78 bilion), menunjukkan peningkatan sebanyak 15% daripada 2022. Ini menunjukkan peningkatan keupayaan kewangan dalam kalangan ahli oleh sebab pemulihan progresif bagi pendapatan, pekerjaan, dan ekonomi. Selain itu, KWSP terus menarik bilangan pendaftaran baharu yang positif daripada sektor tidak formal, menunjukkan kepercayaan terhadap kemampuan KWSP menjaga dan mengembangkan simpanan ahli.

Sepanjang tahun 2023, seramai 370,047 orang ahli baharu telah berdaftar dengan i-Saraan dan daripada jumlah ini, seramai 150,583 orang ahli telah mencarum sebanyak RM525.01 juta. Setakat 2023, i-Saraan menerima caruman berjumlah RM1.44 bilion daripada 383,082 ahli.



### Jumlah Caruman i-Saraan



Setakat 2023, i-Saraan menerima caruman berjumlah RM1.44 bilion daripada 383,082 ahli.

### Pendaftaran Baharu i-Saraan

Seramai 370,047 orang ahli baharu telah berdaftar di bawah i-Saraan pada 2023.

Transaksi i-Akaun (Majikan) juga meningkat seiring dengan 82,005 pendaftaran majikan baharu serta penambahbaikan kepada platform. Dengan pendaftaran baharu ini, jumlah majikan yang berdaftar dengan KWSP adalah sebanyak 606,187 pada akhir 2023.



### i-AKAUN (AHLI)

BILANGAN TRANSAKSI

**468.51 juta**

(2022: 551.65 juta)



### i-AKAUN (MAJIKAN)

BILANGAN TRANSAKSI

**22.77 juta**

(2022: 21.69 juta)

### Meningkatkan Liputan KWSP

KWSP meneruskan misi meluaskan liputan perlindungan kepada individu yang bekerja sendiri dan pekerja sektor tidak formal yang merupakan 24.8% daripada populasi bekerja. Untuk mencapai matlamat ini, KWSP secara aktif mempromosikan perkhidmatannya melalui ceramah, pembentangan, dan komunikasi melalui saluran media tradisional serta media sosial. Selain itu, KWSP memastikan proses pendaftaran untuk bukan ahli menjadi lebih mudah.

KWSP telah meluaskan saluran bagi membolehkan bukan ahli mendaftar secara sukarela. Kini, pendaftaran boleh dilakukan melalui aplikasi KWSP i-Akaun (pengenalan wajah dan e-KYC), Terminal Layan Diri (SST), atau melalui surat. Pendaftaran oleh majikan juga menjadi lebih mudah melalui i-Akaun (Majikan) dan/ atau Pendaftaran Secara Auto menggunakan Borang A.

Untuk memperluaskan liputan kepada mereka yang tidak mempunyai akses fizikal atau dalam talian kepada KWSP, program jangkauan telah dimulakan pada tahun 2019 melalui Mobile Team sementara Mobile KWSP diwujudkan semenjak Ogos 2023. Kedua-dua program ini memenuhi keperluan kawasan luar bandar dan terpencil di seluruh negara dengan menggalakkan rakyat Malaysia untuk mendaftar sebagai ahli, di samping menyediakan khidmat nasihat dan perkhidmatan asas. Antara inisiatif lain termasuk mendidik ahli mengenai produk seperti Caruman Sukarela, Caruman Melebihi Kadar Berkanun, dan Pelan Perlindungan Ahli melalui i-Lindung.

Setiap Mobile KWSP dilengkapi dengan SST yang membolehkan bukan ahli mendaftar sementara ahli boleh menjalankan transaksi seperti berikut:

- Mengaktifkan i-Akaun
- Pendaftaran untuk transaksi - Kod Pengesahan (TAC)/ kemas kini maklumat perhubungan (nombor telefon mudah alih, alamat surat-menyurat, dll.)
- Mendaftar untuk Simpanan Syariah
- Mendaftar untuk i-Saraan
- Menyemak akaun KWSP

Sepanjang tahun 2023, KWSP telah mempertingkatkan keupayaan jangkauan dengan 15 pasukan Mobile Team dan mewujudkan 10 Mobile KWSP. Dalam tahun ini, Mobile Team telah menjalankan 3,957 program sementara Mobile KWSP telah melakukan 40 perjalanan ke kawasan luar bandar/terpencil.



Menurut statistik Tenaga Buruh Malaysia 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), terdapat 4.1 juta orang pekerja sektor tidak formal, manakala jumlah tenaga buruh setakat Disember 2023 adalah sebanyak 17.03 juta orang.

Saluran untuk Pendaftaran Ahli	Bilangan Pendaftaran yang Diluluskan pada 2023
Aplikasi KWSP i-Akaun menggunakan e-KYC (pengenalan wajah dan validasi myKAD)	24,369
SST	173,077
Pendaftaran Secara Auto menggunakan Borang A	147,120
i-Akaun (Majikan)	106,565
Kaunter KWSP dan Surat	9,316

## ULASAN PERNIAGAAN

### Mempertingkatkan Kecukupan

KWSP melaksanakan pilihan Caruman Sukarela dan Caruman Melebihi Kadar Berkanun untuk menggalakkan penambahan simpanan dalam kalangan ahli dan memastikan dana persaraan yang mencukupi. Caruman Sukarela membolehkan ahli membuat tambahan caruman lebih daripada bayaran bulanan mandatori pada bila-bila masa, dengan had tahunan yang mulanya ditetapkan pada RM60,000 dan kemudian dinaikkan kepada RM100,000.

Pada 2023, sumbangan bagi Caruman Sukarela meningkat sebanyak 71% daripada RM4.9 bilion. Untuk memudahkan Caruman Sukarela ini, ahli boleh mengaturkan arahan tetap (*standing instruction*) di lapan (8) buah bank untuk membayar caruman bulanan mereka. Kemudahan ini boleh didapati di RHB Bank, Bank Islam Malaysia Berhad, MBSB Bank, Hong Leong Bank, Alliance Bank Malaysia, Malayan Banking Berhad, AmBank, dan Public Bank Berhad.

Sementara itu, Caruman Melebihi Kadar Berkanun membolehkan majikan, pekerja, atau kedua-duanya untuk meningkatkan caruman bulanan mereka dengan jumlah yang tetap. Setakat 2023, 59,000 orang pekerja telah mendaftar dan mencarum kepada program Caruman Melebihi Kadar Berkanun, berbanding dengan 50,900 orang pada 2022.

### Caruman Tambahan pada 2023

	2022	2023	% peningkatan
Caruman Sukarela oleh ahli	RM4.9 bil	<b>RM8.4 bil</b>	71
Bilangan pekerja mendaftar bagi Caruman Melebihi Kadar Berkanun	50,900	<b>59,000</b>	16

Sebagai langkah tambahan untuk meningkatkan kecukupan dana persaraan, KWSP menyediakan RAS di 52 buah cawangan kami. Peningkatan dalam bilangan ahli yang memohon nasihat daripada Pegawai Perancangan Persaraan kami memperlihatkan nilai perkhidmatan ini. Sebagai tindak balas kepada peningkatan permintaan bagi khidmat ini, KWSP telah memperkukuh pasukannya dengan penambahan 10 orang pegawai terlatih, menjadikan bilangan Pegawai Perancangan Persaraan kepada 89 orang pada akhir tahun 2023.

### Memenuhi Keperluan Pelanggan

KWSP bukan hanya prihatin terhadap kepentingan persaraan ahli tetapi juga membantu ahli memenuhi keperluan kewangan semasa mereka, terutamanya dengan cara meningkatkan kesejahteraan mereka. Ini dicapai melalui produk yang membolehkan mereka menggunakan simpanan secara berkesan.

### Produk Baharu dan Penambahbaikan Produk

Produk	Penerangan	Penerimaan Produk
Pelan Perlindungan Ahli	Dilancarkan pada Julai 2022, inisiatif ini membolehkan ahli untuk membeli polisi hayat dan/atau penyakit kritikal daripada pengendali insurans/takaful yang diluluskan oleh KWSP, melalui platform i-Lindung.	Semenjak dilancarkan, seramai 61,629 orang ahli KWSP telah menggunakan kemudahan ini dengan jumlah premium sebanyak RM13.49 juta.
i-Saraan	Dilancarkan pada Ogos 2018, program ini memberi insentif kepada individu yang bekerja sendiri dan yang bekerja di sektor tidak formal (seperti pekerja gig, pekerja separuh masa, suri rumah) untuk menyimpan dengan KWSP.  Pada 2023, Kerajaan telah meningkatkan had caruman padanannya daripada RM250 kepada RM300 setahun.	Setakat 2023, i-Saraan menerima caruman berjumlah RM1.44 bilion daripada 383,082 ahli.
i-Sayang	Dilancarkan pada Mac 2023, inisiatif ini membolehkan ahli untuk memindahkan 2% daripada caruman bulanan mereka kepada akaun KWSP isteri untuk membantu membina simpanannya.	Setakat Disember 2023, seramai 35,260 orang ahli (suami) menyumbang kepada 35,319 akaun isteri.

### Penyampaian Perkhidmatan yang Lebih Baik

Sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan perkhidmatan, keutamaan KWSP mengekalkan tahap kepuasan pelanggan yang tinggi. Kami sentiasa mencari cara untuk meningkatkan pengalaman pelanggan semasa penglibatan dan transaksi, sambil mempertingkatkan keprofesionalan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan kami. Kami telah menaik taraf chatbot dan ELYA bagi mengendalikan dan menjawab pertanyaan pelanggan dengan lebih berkesan. Di samping itu, kami meningkatkan perjalanan pelanggan dalam *chatbot interface*.

Pada 2023, satu inisiatif penting ke arah mencapai matlamat ini ialah pelancaran KWSP i-Akaun. Aplikasi mudah alih ini, yang dinaik taraf, menawarkan perjalanan pelanggan yang dipertingkatkan yang membolehkan ahli untuk mengakses penyata, melakukan transaksi, dan mencari maklumat mengenai celik kewangan. Bukan ahli juga boleh menggunakan aplikasi ini untuk mendaftar sebagai ahli KWSP. Kami juga memperluaskan saluran caruman untuk menerima pembayaran menggunakan kad debit, yang kini boleh diakses melalui Mobile Team dan di kaunter KWSP.

Di samping itu, KWSP memperkenalkan Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2), kerjasama dengan bank-bank rakan niaga yang menawarkan pembiayaan peribadi. Lima (5) buah bank yang mengambil bahagian di bawah fasiliti ini ialah MBSB Bank Berhad, Bank Simpanan Nasional Berhad, CIMB Berhad, Malayan Banking Berhad, dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. FSA2 ini bertujuan untuk membantu ahli yang berhadapan dengan isu ketidakcukupan tunai sementara. Inisiatif ini membolehkan ahli yang mempunyai simpanan yang cukup dalam Akaun 2 untuk mendapatkan pembiayaan peribadi dari bank-bank yang mengambil bahagian.

### Kemudahan Pengeluaran

KWSP menawarkan pelbagai pilihan pengeluaran pra dan pasca persaraan. Semasa pandemik, beberapa kemudahan pengeluaran baharu diperkenalkan untuk mengurangkan beban kewangan dalam kalangan ahli. Kemudahan pengeluaran yang diperkenalkan termasuk i-Lestari, i-Sinar, dan i-Citra, diikuti dengan Pengeluaran Khas pada April 2022, semasa fasa pemulihan pandemik.

Jadual di bawah menyediakan ringkasan perbandingan antara bilangan transaksi dan jumlah yang diluluskan bagi pelbagai jenis pengeluaran yang ditawarkan oleh KWSP pada tahun 2022 dan 2023. Jenis pengeluaran yang disenaraikan merangkumi Perumahan, Kesihatan, Kematian, Meninggalkan Negara, Hilang Upaya, dan Pendidikan.

Secara keseluruhan, terdapat peningkatan dalam bilangan transaksi dan jumlah yang diluluskan bagi kebanyakan jenis pengeluaran dari 2022 hingga 2023, menunjukkan penggunaan dana KWSP yang lebih tinggi oleh ahli untuk pelbagai tujuan.

Bagi pengeluaran untuk pendidikan, peningkatan yang mendadak pada 2023 disebabkan oleh tawaran rebat PTPTN. Di peringkat permulaan, rebat sehingga 20% bagi tempoh Mac hingga Mei 2023 dan disusuli dengan inisiatif yang menawarkan potongan sebanyak 10% hingga 15% ke atas bayaran balik pinjaman bermula dari 14 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan pendidikan tinggi kepada peminjam. Selain itu, terdapat peningkatan yang ketara dalam permohonan pengeluaran untuk tujuan perumahan apabila permintaan mula normal.

Ringkasan Tahun	2022		2023	
	Bilangan Transaksi	Jumlah Diluluskan (RM)	Bilangan Transaksi	Jumlah Diluluskan (RM)
Perumahan	226,868	3.55 bil	<b>413,848</b>	<b>4.54 bil</b>
Kesihatan	6,546	88.14 juta	<b>8,626</b>	<b>93.32 juta</b>
Kematian	90,526	3.13 bil	<b>84,673</b>	<b>3.00 bil</b>
Meninggalkan Negara	5,435	733.39 juta	<b>4,521</b>	<b>583.81 juta</b>
Hilang Upaya	3,171	307.81 juta	<b>4,454</b>	<b>423.61 juta</b>
Pendidikan	170,918	497.60 juta	<b>330,442</b>	<b>809.96 juta</b>

## ULASAN PERNIAGAAN

### Menyampaikan Produk dan Perkhidmatan Kami

KWSP mengakui akan keperluan menggunakan pelbagai saluran untuk mencapai pelbagai kumpulan sasaran yang berbeza dan telah menerima pakai pendekatan pemasaran bersepadu untuk memastikan konsistensi dalam mesej kami. Saluran yang pelbagai ini merangkumi laman web KWSP, platform media sosial, media tradisional (bahan cetak, radio, TV), acara bersemuka, termasuk program jangkauan. Pada masa yang sama, kami menggunakan data yang diperolehi daripada saluran dalam talian kami untuk memperibadikan mesej agar selaras dengan keperluan, keutamaan, dan demografik kumpulan sasaran kami.

Menitikberatkan komitmen KWSP terhadap komunikasi yang berkesan, Kalendar Pemasaran yang berfungsi sebagai titik rujukan tunggal telah diwujudkan. Ini membolehkan semua pihak menjadual dan menjejaki kempen, acara, program jangkauan, pelancaran produk, dan usaha mencipta kandungan KWSP dengan lebih teratur.

### Pengurusan Majikan

Kami memastikan bahawa semua syarikat baharu yang berdaftar dengan KWSP juga mendaftarkan semua pekerja mereka. Pemeriksaan secara rawak dilaksanakan di ibu pejabat syarikat untuk menentusahkan pematuhan kepada Akta KWSP 1991, yang mana ianya penting demi menjaga kesejahteraan kewangan ahli-ahli kami.

### Statistik Majikan

	2023	2022	Perbezaan
Bilangan majikan aktif yang berdaftar	<b>606,187</b>	588,714	+17,473
Bilangan majikan yang gagal mencarum	<b>14,861 (2.17%)</b>	13,764 (2.06%)	+1,097
Jumlah bayaran yang dikutip daripada majikan yang gagal mencarum	<b>RM3.40 bil</b>	RM3.14 bil	+RM0.26 bil
Bilangan pengarah/pemilik syarikat dilarang meninggalkan negara kerana caruman tertunggak	<b>1,339</b>	1,741	-402
Jumlah kutipan daripada larangan ini	<b>RM26.07 juta</b>	RM18.69 juta	+RM7.38 juta
Tindakan undang-undang jenayah diambil terhadap majikan yang ingkar	<b>3,367</b>	2,109	+1,258
Saman sivil diambil terhadap majikan yang ingkar	<b>2,456</b>	1,702	+754

### Kepuasan Pelanggan


Untuk menilai keberkesanan perkhidmatan pelanggan, KWSP menjalankan kaji selidik terhadap ahli dan majikan sepanjang tahun. Pada 2023, KWSP mencapai skor kepuasan sebanyak 95% dalam kedua-dua kaji selidik, peningkatan 1% daripada 2022. Prestasi ini amat menggalakkan, mengatasi dengan ketara purata industri perbankan sebanyak 71% dan industri insurans sebanyak 85%.

Menyedari kepentingan memudahkan komunikasi antara ahli, majikan, dan KWSP, kami menawarkan pelbagai saluran penglibatan. Ini termasuk Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP (seperti *chatbot* ELYA, *Live Chat*, panggilan, emel, dan platform media sosial), kaunter KWSP, dan program jangkauan. Semua maklum balas yang diterima, sama ada komen, aduan, cadangan, atau pujian, dikumpulkan ke dalam Laporan Suara Pelanggan mingguan (*weekly Voice of Customer Report*) yang dikongsi dengan pihak berkepentingan dalaman.

## PENDIGITALAN KWSP

Perkara Material: M17 M18

Mengakui potensi besar pendigitalan dalam mencapai aspirasi perniagaan, pelan hala tuju Digitasi KWSP 2025 yang dibangunkan pada 2020, kekal sebagai daya pembimbing dalam perjalanan transformasi pendigitalan KWSP. Pelan ini berpaksikan lima (5) teras utama:



### TERAS 1

#### Menubuhkan Pasukan Teknologi Berprestasi Tinggi



Keperluan untuk memupuk kecekapan dan keupayaan digital dalam KWSP merupakan salah satu daripada teras utama perjalanan transformasi digitalnya. Pada tahun 2023, kami telah melaksanakan pelbagai program kecekapan dan keupayaan seperti Program *Lead, Engage, Accelerate Development* (i-LEAD) untuk mengembangkan peranan pimpinan dalam Bahagian Teknologi Digital. Sebagai sebahagian daripada inisiatif Rangka Kerja Penilaian Bakat, kami telah mengenal pasti 134 kecekapan fungsian dan teknikal digital yang penting. Berikutan pengenalan ini, kami telah membangunkan Program i-Fit untuk memastikan bakat-bakat kami dilengkapi dengan kecekapan ini.

### TERAS 2

#### Menyediakan Penyelesaian Inovatif dengan Pantas



Di bawah teras ini, kami berusaha untuk mempercepatkan pembangunan penyelesaian digital yang inovatif bagi membolehkan KWSP mencapai keperluan organisasi. Memanfaatkan metodologi tangkas untuk mempercepatkan masa ke pasaran, berikut merupakan pencapaian utama pada tahun 2023:

- Melancarkan terminal kad debit di seluruh negara untuk memudahkan pembayaran caruman melalui pasukan jangkauan
- Membangunkan FSA2 dalam jangka masa yang pendek
- Menyampaikan Fasa 1 bagi aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun baharu yang menggunakan platform seni bina modular baharu
- Melancarkan i-Invest pada aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun (Klasik)

Di KWSP sendiri, beberapa sistem digital baharu dilancarkan sementara yang lain dinaik taraf. Sorotan utama:

- Sistem Perakaunan Dana baharu untuk menyokong operasi pejabat belakang Pelaburan
- Sistem Pengurusan Kandungan Perniagaan untuk menyokong storan dan mendapatkan semula dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran, pengeluaran, dan penamaan

## ULASAN PERNIAGAAN

### TERAS 3

#### Menggembirakan Pelanggan dengan Perkhidmatan Cemerlang



KWSP berusaha untuk memupuk budaya berfokuskan pelanggan yang menyampaikan perkhidmatan cemerlang melalui penyelesaian digital. Kaji selidik mengenai Pengalaman Digital tahunan dijalankan bagi menilai kemajuan dalam perkara ini secara berterusan. Bagi menangani jurang dan sebagai maklum balas daripada kaji selidik ini, dua (2) program utama telah dilaksanakan:

##### Program Penglibatan Digital

Program ini melibatkan kakitangan secara proaktif di semua cawangan seluruh negara untuk mengenal pasti dan menangani isu pengalaman digital bagi memastikan perjalanan digital yang lancar terhadap semua kakitangan.

##### Latihan Duta Digital

Duta Digital yang dilantik dari setiap cawangan dan jabatan berperanan sebagai pengantara antara teknologi maklumat (IT) dan pengguna akhir, memudahkan komunikasi serta keperluan IT operasi dengan berkesan.

### TERAS 4

#### Memperkuhkan Daya Tahan Keselamatan Siber



Memandangkan teras ini memberi tumpuan kepada pengukuhan pertahanan keselamatan siber dan pelaksanaan model operasi keselamatan kepercayaan sifar semasa pembinaan seni bina digital kami, maka adalah lebih penting untuk melindungi infrastruktur ini dengan langkah-langkah keselamatan siber yang mantap bagi menjaga aset, data serta operasi KWSP yang kritikal terhadap ancaman siber, sementara meminimumkan gangguan dan memastikan kesinambungan perniagaan.

Program Keselamatan Digital lima tahun dari 2022 hingga 2026 merangkumi pelaksanaan alat kawalan dan keselamatan baharu untuk memastikan kematangan keselamatan siber yang merentasi kakitangan, proses dan teknologi.

Kami telah melaksanakan pendekatan berbilang latihan keselamatan siber dan simulasi kempen kejuruteraan sosial, meningkatkan kesedaran keselamatan siber di seluruh organisasi secara berkesan dan menganjurkan acara Cyber Security Superheroes dengan jayanya pada 2023.

### TERAS 5

#### Membangunkan Platform Teknologi yang Teguh, Modular dan Berskala



Teras ini mengutamakan infrastruktur IT yang kukuh dan dimodenkan dengan waktu gendala sifar, mempertingkatkan keselamatan dan daya tahan terbina. Bagi mencapai ini, kami berjaya memindahkan Pusat Data KWSP pada 2023 dan membina semula infrastruktur teknologi untuk mempertingkatkan kebolehpercayaan, kebolehan skala, dan ketangkasan perniagaan.

Pelaksanaan Fasa 1 Program Tempat Kerja Digital menyediakan asas untuk persekitaran tempat kerja digital yang cekap, tangkas, dan berpusatkan pengguna. Ini selaras dengan matlamat menyediakan tempat kerja moden yang tertumpu kepada transformasi digital dan memaksimumkan potensi kakitangan.

## PRIVASI DATA DAN KESELAMATAN SIBER

### Perkara Material: M17 M18

Polisi Tadbir Urus Data KWSP mewujudkan rangka kerja yang kukuh untuk mentadbir, mengurus dan melindungi data di seluruh organisasi. Polisi ini beserta garis panduan yang berkaitan, membentuk pendekatan menyeluruh dalam mentadbir data dan maklumat sepanjang kitaran hayatnya, daripada penciptaan hingga persaraan. Ini membolehkan KWSP mengekalkan integriti aset datanya serta melindungi daripada kerosakan reputasi dan risiko lain yang berkaitan.

- **Garis Panduan Pengelasan, Pelabelan dan Pengendalian Maklumat:** Garis panduan ini memastikan data dikelaskan dan diuruskan mengikut tahap sensitivitinya.
- **Rangka Kerja Pencegahan Kehilangan Data:** Rangka kerja ini diwujudkan untuk melindungi data dan maklumat sensitif dalam KWSP, mengukuhkan kebertanggungjawaban setiap peranan dalam struktur tadbir urus.
- **Polisi Pendedahan Maklumat Pihak Ketiga:** Polisi ini berfungsi sebagai garis panduan untuk mengendalikan permintaan pihak ketiga bagi maklumat daripada KWSP, memastikan pematuhan kepada piawaian undang-undang dan polisi.
- **Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian:** Mentadbir amalan pengekalan rekod KWSP, memastikan pematuhan kepada Akta Arkib Negara untuk meningkatkan kecekapan pengurusan rekod dan penyimpanan.

### Model Keselamatan Kepercayaan Sifar

KWSP telah menerima pakai Model Keselamatan Kepercayaan Sifar untuk memastikan semua aspek keselamatan siber dinilai secara menyeluruh, diurus dan risiko dikurangkan. Sehubungan itu, Program Keselamatan Digital (DSP) sedang dijalankan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif yang meningkatkan, memperbaiki dan memperkukuhkan kawalan serta kecekapan keselamatan siber kami.

Menyedari peranan penting kakitangan dalam menjaga data dan maklumat KWSP, kami menjalankan program kesedaran keselamatan siber dan kempen kejuruteraan sosial yang berterusan bagi seluruh organisasi. Inisiatif ini bertujuan mendidik dan memperkasakan tenaga kerja sedia ada untuk mengenal pasti dan mengurangkan potensi ancaman keselamatan siber dengan berkesan.

Tambahan pula, KWSP telah mewujudkan pelbagai Penunjuk Utama Risiko (KRI) bagi menilai pendedahan risiko keselamatan siber organisasi. Penunjuk-penunjuk ini berfungsi sebagai penanda aras untuk mengukur keberkesanan pematuhan dan pelaksanaan kawalan keselamatan siber serta memastikan sebarang kelemahan dapat ditangani secara proaktif, sekaligus meningkatkan postur keselamatan siber KWSP secara menyeluruh.

### Pelaksanaan Pelan Hala Tuju 3-Tahun Tadbir Urus Data

Dengan Pelaksanaan Pelan Hala Tuju 3-Tahun Tadbir Urus Data, KWSP telah memulakan perjalanannya ke arah kecemerlangan tadbir urus data. Pelan hala tuju ini menangani jurang yang dikenal pasti untuk penambahbaikan tahap kematangan data KWSP yang disasarkan bakal dicapai akhir 2025. Pelan hala tuju ini merangkumi lima (5) bidang utama: Tadbir Urus Data, Pengurusan Data, Kualiti Data, Seni Bina Data, dan Kegunaan Data. Setiap bidang menggariskan projek dan pelan tindakan khusus yang direka untuk meningkatkan kematangan data KWSP secara keseluruhan, tadbir urus, dan pematuhan kepada Polisi Tadbir Urus Data yang telah ditetapkan.

Projek dan pelan tindakan ini membantu KWSP mewujudkan asas yang kukuh bagi mengurus data sebagai aset perniagaan strategik. Ini melibatkan pembangunan polisi dan rangka kerja yang teguh, memastikan kualiti data, dan membangunkan seni bina data yang menyeluruh untuk menyokong penggunaan data bagi analisis, pelaporan, serta pematuhan kepada peraturan dalaman dan luaran.

Selain itu, KWSP telah memulakan pengurusan kualiti data bagi Elemen Data Kritikal terpilih untuk memastikan kebolehpercayaan dan ketetapan data. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan integriti dan konsistensi data di seluruh organisasi.

Tambahan pula, KWSP komited untuk mengekalkan langkah-langkah perlindungan data yang kukuh dengan penambahbaikan berterusan strategi Pencegahan Kehilangan Data bagi menjaga maklumat sensitif dan mencegah kebocoran data. Usaha yang berterusan ini menekankan dedikasi KWSP untuk memupuk budaya dipacu data dan memastikan integriti serta keselamatan aset data.

## ULASAN PERNIAGAAN

### PENGURUSAN MODAL INSAN


Perkara Material: **M11** **M12** **M13**

Kakitangan kami merupakan aset yang paling berharga bagi memacu operasi dan prestasi kewangan KWSP, serta memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada penyampaian perkhidmatan termasuk kepuasan pelanggan. Mereka merupakan kunci kepada pencapaian matlamat korporat dan memastikan daya tahan serta relevansi jangka panjang KWSP. Oleh yang demikian, KWSP berhasrat untuk menarik minat bakat terbaik dan membimbing mereka bagi menjamin kejayaan organisasi yang berterusan.

#### Tenaga Pekerja yang Pelbagai dan Inklusif

KWSP mengiktiraf kelebihan kepelbagaian pekerja, iaitu perspektif yang diperkaya untuk dibawa ke dalam organisasi bagi memastikan keputusan yang diambil adalah lebih baik dan termaklum. Oleh itu, KWSP secara aktif memupuk tempat kerja yang pelbagai dan inklusif dengan merekrut bakat di samping memajukan kerjaya mereka berdasarkan merit tanpa mengira jantina, etnik, agama, umur, atau faktor peribadi lain.

Pada akhir tahun 2023, jumlah kakitangan KWSP adalah seramai 5,537 orang dengan 57.8% daripadanya adalah wanita. Sepanjang tahun ini, pengambilan baharu adalah seramai 133 orang dengan 54.9% daripadanya adalah lelaki dan 57.1% daripadanya adalah dalam kumpulan umur antara 30-50 tahun. KWSP mencatatkan kadar pusing ganti pekerja sebanyak 3.7%, iaitu lebih rendah berbanding 7.8% pada tahun 2022. Pengurangan kadar ini terutamanya disebabkan oleh Pelan Peralihan Kerjaya yang dilaksanakan pada tahun 2022.



Semua pekerja KWSP adalah rakyat Malaysia, mencerminkan komitmen organisasi untuk membangunkan bakat tempatan dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Dengan mengekalkan 100% tenaga kerja tempatan, KWSP menyumbang kepada pembangunan kemahiran dan keupayaan yang membantu untuk meningkatkan modal intelektual negara secara keseluruhan.

KWSP mengendalikan penilaian prestasi dan kemajuan kerjaya tahunan untuk pekerja tetap bagi memantau prestasi mereka dan mengenal pasti individu berpencapaian tinggi yang diberikan peluang luas untuk memajukan kerjaya mereka. Bagi menggalakkan lagi budaya prestasi, bonus tahunan adalah berdasarkan sejauh mana pekerja mencapai penanda aras prestasi utama (KPI) mereka.

## Pembangunan Keupayaan

KWSP memperuntukkan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan demi mengoptimumkan keupayaan organisasi secara keseluruhan. Selepas menilai prestasi pekerja, KWSP akan menyusun pelan pembelajaran individu untuk mengatasi sebarang kelemahan yang dikenal pasti dan memastikan prestasi mereka mencapai KPI secara efisien.

### Enam (6) kategori latihan yang disediakan

Program	Bidang Tumpuan
Program Kepimpinan dan Tingkah Laku	KEY 3.0, pengukuhan kerja berpasukan, kecemerlangan pengurusan, kemahiran profesional (Kemahiran Berbahasa, Analisis Kos Faedah), dan lain-lain
Program Future Fit	MS Excel Lanjutan, Asas Analisis Data, Penceritaan Data bagi Perniagaan, Pengurusan Projek Agile Scrum, dan lain-lain
Celik Kewangan	Pelaburan dan Anda (Pengenalan), Panduan Kewangan Persaraan (Mencipta Pelan Persaraan Anda)
Program Perlindungan Sosial	Kemiskinan dan Ketidakseimbangan
Program Kemasukan Baharu	Suai tugas, Induksi, Program Pembangunan PROTÉGÉ
Program Teknikal dan Fungsian	Produk dan Perkhidmatan KWSP, Proses Perniagaan KWSP, Kemahiran Teknikal, Pensijilan, Persidangan dan Seminar

Pada tahun ini, sebanyak RM8.10 juta dibelanjakan untuk latihan dan pembangunan (2022: RM7.37 juta). KWSP mencatatkan sebanyak 387,116 jam latihan (2022: 437,773 jam), menunjukkan penurunan sebanyak 12%, dengan purata 70 jam bagi setiap pekerja. Selain itu, 99.07% pekerja telah menamatkan pelan pembelajaran mereka (2022: 99.26%).

### Jam latihan bagi setiap pekerja mengikut kategori

Kategori	2023	2022
Semua Kakitangan	70	78
Kakitangan Lelaki	70	75
Kakitangan Wanita	69	82
Bukan Eksekutif	64	76
Eksekutif	82	87
Pengurusan Pertengahan	89	97
Pengurusan Kanan	88	81

Penurunan dalam jam pembelajaran pada 2023 berbanding 2022 dipengaruhi oleh beberapa faktor:

#### Jumlah sesi dilaksanakan

- Tahun 2022, sebanyak 464 sesi dikendalikan
- Tahun 2023, jumlah menurun kepada 392 sesi

#### Tempoh masa program dilaksanakan

Tempoh atau jangka masa bagi setiap program bergantung kepada beberapa faktor seperti permintaan, agenda, dan kandungan pembelajaran

Walaupun terdapat pengurangan dalam jam pembelajaran, namun peluang pembelajaran untuk pekerja tetap tidak terjejas. Setiap pekerja boleh menghadiri tiga (3) hingga lima (5) sesi pembelajaran setahun bagi tempoh 2022 hingga 2023. Selain itu, penggunaan bajet bergantung pada perjanjian yang ditetapkan semasa proses perolehan antara KWSP dan pihak vendor.

## Kesejahteraan Kakitangan

KWSP memberi penekanan kepada kesihatan fizikal, mental dan sosial kakitangan kerana percaya bahawa kesejahteraan holistik adalah penting untuk kepuasan dan prestasi kerja. Kesihatan mental telah menjadi fokus utama sejak pandemik untuk membantu kakitangan menguruskan tekanan dan keresahan. Sebagai tindak balas, KWSP telah melancarkan beberapa program maya yang merangkumi penilaian kesihatan mental serta aktiviti yang memastikan penglibatan kakitangan secara aktif.

## ULASAN PERNIAGAAN



Sebelum COVID-19, KWSP telah melaksanakan waktu bekerja fleksibel melalui MyFLEX untuk menggalakkan keseimbangan kerja-kehidupan. Pada masa ini, platform tersebut menawarkan lima (5) program berbeza yang disesuaikan kepada pelbagai fungsi kerja dan pilihan peribadi:

- MyFLEX-Masa: Menawarkan empat (4) kumpulan masa, tersedia untuk semua kakitangan
- MyFLEX Jam: Membenarkan masa mula yang fleksibel, dilanjutkan sehingga 9:00 pagi, tersedia untuk semua pekerja (kecuali kakitangan cawangan)
- MyFLEX Hari: Menyediakan fleksibiliti dalam memilih hari cuti hujung minggu, terpakai kepada fungsi kerja terpilih seperti Bahagian Teknologi Digital
- MyFLEX Minggu: Menawarkan waktu bekerja yang fleksibel dalam tempoh 40 jam seminggu (minimum 4 jam sehari, maksimum 10 jam sehari), tersedia kepada fungsi kerja terpilih
- MyFLEX Lokasi: Membenarkan masa dan lokasi bekerja yang fleksibel, sesuai untuk fungsi kerja seperti Pegawai Penguatkuasa

Komitmen KWSP terhadap kesejahteraan kakitangan melalui Indeks Kesejahteraan Psikologi (IKP) menekankan pendekatan proaktif dalam memupuk kesejahteraan psikologi kakitangan. Melalui penilaian kesihatan psikologi secara sistematik dan berkala, KWSP bukan sahaja mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki tetapi juga membina sokongan holistik dengan adanya program psikologi sepanjang tahun.

KWSP memperkasakan pengurusan tekanan yang berkesan terhadap kakitangannya melalui bengkel, perkhidmatan kaunseling, dan kempen kesedaran demi mengekalkan keseimbangan kerja-kehidupan serta memupuk mental yang positif. Dengan mengutamakan kesejahteraan psikologi, jelas bahawa KWSP bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti pekerja tetapi juga membina budaya tempat kerja yang menghargai kesejahteraan holistik kakitangan.

Pada tahun 2023, Indeks Kesejahteraan Pekerja (*Employee WellBeing Index - EWI*) memberikan pandangan penting mengenai keseluruhan kebajikan dan kepuasan kakitangan KWSP. Pengukuran komprehensif ini membantu KWSP mengenal pasti bidang-bidang untuk penambahbaikan dan membangunkan inisiatif bersasar untuk meningkatkan kesejahteraan kakitangan di seluruh organisasi, serta memupuk persekitaran kerja yang menyokong.

### Gaji dan Manfaat yang Adil

Untuk menarik bakat yang berkaliber tinggi, KWSP menawarkan gaji yang kompetitif berdasarkan institusi kewangan dalam negara sebagai penanda aras. Berpegang kepada objektif KWSP untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia, kami bukan sahaja memenuhi tetapi memberi gaji melebihi gaji minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Selain daripada membayar gaji yang kompetitif, KWSP juga menawarkan manfaat menarik yang merangkumi bonus tahunan, pemberian wang tunai sebagai ganti cuti tahunan, caruman keselamatan sosial, pelan caruman yang ditentukan, manfaat perubatan meliputi ahli keluarga, perubatan selepas bersara, dan ganjaran persaraan.

Di samping itu, KWSP menyediakan pelbagai jenis cuti untuk menyokong keseimbangan kerja-kehidupan dan keperluan peribadi, merangkumi cuti tahunan, cuti bersalin/cuti isteri bersalin, cuti sakit, cuti belas kasihan, dan cuti naik haji.

Cuti	Jumlah kakitangan bercuti pada 2023
Bersalin	153
Isteri bersalin	135

### Hak Kakitangan

KWSP sedar akan kepentingan menjaga kesejahteraan kakitangan terutamanya dalam melindungi dan menghormati hak mereka. Selain memupuk keterangkuman dan mencegah diskriminasi berdasarkan etnik, jantina, umur, atau mana-mana sifat peribadi, kami memastikan kakitangan berhak dalam kebebasan berpersatuan.

Kakitangan KWSP merupakan ahli kepada tiga (3) kesatuan yang berasingan:

- Kesatuan Kakitangan Lembaga KWSP (KKLKWSP): Wakil untuk Bukan Eksekutif di Semenanjung Malaysia
- Kesatuan Anggota Lembaga KWSP Sarawak (Kesatuan Sarawak): Wakil untuk Bukan Eksekutif di Sarawak
- Kesatuan Sekerja Anggota KWSP Sabah (Kesatuan Sabah): Wakil untuk Bukan Eksekutif di Sabah

Sementara itu, kakitangan Eksekutif KWSP diwakili oleh Persatuan Pegawai Kanan KWSP (PPKKWSP).

Pihak pengurusan kerap mengadakan perbincangan dengan semua wakil mengenai perkara-perkara yang relevan kepada kakitangan, dan mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan setiap kesatuan tersebut.

## KESIHATAN DAN KESELAMATAN

### Perkara Material: M12

Keselamatan dan kesihatan kakitangan serta pelanggan merupakan keutamaan di KWSP. KWSP komited dalam meminimumkan bahaya keselamatan di pejabat dan cawangan. Di samping itu, KWSP mengutamakan persekitaran kerja yang sihat dengan mematuhi prosedur operasi piawaian yang ketat dalam operasi perniagaan harian. Objektif kami adalah untuk memastikan setiap orang sentiasa selamat ketika berurusan dengan KWSP.

### Melindungi Kakitangan Kami

Sejajar dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 dan Polisi Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan, dan Alam Sekitar KWSP yang ditandatangani pada 10 April 2023, KWSP sentiasa memastikan keselamatan dan kesihatan semua kakitangan semasa menjalankan tugas mereka bagi meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan. Selain itu, setiap jabatan dan kakitangan masing-masing bertanggungjawab untuk menyokong dan mematuhi piawaian ini.

Sebagai bukti keazaman KWSP dalam menyediakan tempat kerja yang selamat, Menara KWSP di Kwasa Damansara telah memperoleh pensijilan ISO 45001:2018 dan ISO 14001:2015 pada tahun 2023. Sementara itu, KWSP Kuching juga sedang melalui proses bagi memperoleh pensijilan ini. KWSP turut menjalankan Penaksiran Risiko Ergonomi untuk menangani risiko gangguan muskuloskeletal dalam kalangan kakitangan. Pendekatan proaktif ini memastikan bahawa risiko dikenal pasti dan tindakan penambahbaikan dirancang untuk mengekalkan kesejahteraan kakitangan.

Setiap cawangan dan jabatan telah melantik seorang koordinator Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) untuk membantu dalam pelaksanaan dan pemantauan program OSH. Pemeriksaan tempat kerja suku tahunan yang melibatkan wakil pengurusan, kakitangan, dan ahli kesatuan menjelaskan lagi komitmen KWSP terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain itu, semua kakitangan perlu melengkapkan program EPFTuned Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Pekerjaan (OSHE) untuk memperoleh pengetahuan dalam asas keselamatan.

Bagi tahun dalam tinjauan, 16 kes kesihatan yang sakit berkaitan kerja telah dicatatkan dengan Jumlah Kadar Kes Insiden (TCIR) sebanyak 0.31 berbanding dengan 5 kes dan TCIR sebanyak 0.10 pada 2022. Pendekatan komprehensif ini menekankan komitmen KWSP yang teguh dalam mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua.

### Latihan Keselamatan Kakitangan

KWSP percaya bahawa keselamatan merupakan tanggungjawab semua. Oleh itu, KWSP menganjurkan latihan, program dan sesi taklimat berkaitan OSH secara berkala untuk kakitangan.

### Latihan Kakitangan pada 2023

Asas Pertolongan Kecemasan Pekerjaan, Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) dan Defibrilator Luaran Automatik (AED)

Kesedaran tentang Sistem Pengurusan OSH ISO 45001 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 (EMS)

Pelan Kesiediaan Kecemasan dan Tindak Balas

Pemahaman dan Pelaksanaan EMS dan OHSMS

Kios bagi Penilaian Latihan Penggunaan AED dan Taklimat Pengendalian

Latihan bagi Koordinator OSH

### Memastikan Kesejahteraan Ergonomi

Kebanyakan daripada isu kesihatan berkaitan kerja yang dicatatkan di seluruh cawangan adalah berkaitan dengan gangguan muskuloskeletal (MSD) seperti cakera tergelincir (*slipped disc*), sakit belakang, dan sindrom terowong karpus (*carpal tunnel syndrome*) yang merupakan gejala bahaya ergonomik disebabkan oleh duduk untuk tempoh yang lama. Hal ini mendorong KWSP untuk menjalankan Penilaian Risiko Ergonomi dan seterusnya menyediakan lebih banyak kerusi ergonomik untuk kakitangan yang terjejas.

### Langkah Mencegah COVID-19

Walaupun COVID-19 telah menjadi endemik, kit ujian sendiri akan disediakan apabila perlu. Sesiapa yang mengalami simptom COVID-19 perlu bekerja dari rumah dan mesti diuji negatif sebelum kembali bekerja di pejabat. Jika ada kakitangan yang dijangkiti, sanitasi menyeluruh akan dilaksanakan di kawasan yang berkaitan. KWSP juga menggalakkan kakitangan untuk memakai pelitup muka apabila berada di kawasan awam atau apabila merasa tidak sihat.

## ULASAN PERNIAGAAN

### MEMASTIKAN TADBIR URUS YANG TEGUH

#### Perkara Material: M16

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab terhadap simpanan persaraan, KWSP harus memastikan integriti dan ketelusan yang tinggi dalam bidang operasi, untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan ahli serta pihak berkepentingan lain. Hal ini dapat dicapai dengan penyediaan rangka kerja tadbir urus yang mantap yang mana ianya sentiasa disemak dan ditingkatkan.

Pada 2023, KWSP telah mengukuhkan lagi komitmennya terhadap integriti dengan melaksanakan Pelan Integriti dan Antirasuah yang diselia oleh Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU). JITU dianggotai oleh Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) selaras dengan keperluan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). KWSP juga mewujudkan Polisi Antirasuah yang menekankan toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah. Polisi ini disokong oleh Polisi Tajaan dan Derma yang menekankan pendekatan terhadap tajaan dan derma selaras dengan prosedur tadbir urus terbaik.

KWSP mengiktiraf kepentingan membentuk budaya integriti di seluruh KWSP untuk memastikan tingkah laku beretika oleh semua kakitangan pada setiap masa. Bagi mencapai matlamat ini, pelbagai program dan aktiviti telah dianjurkan untuk mengingatkan kakitangan akan pendirian pencegahan rasuah kami. Sepanjang tahun ini, 96% daripada kakitangan telah menghadiri latihan pencegahan rasuah. Kandungan modul latihan ini juga dimaklumkan kepada ahli Lembaga semasa sesi induksi mereka.

#### Program Integriti dan Pencegahan Rasuah pada 2023

- Deklamasi Sajak Integriti
- Semakan Fakta Integriti (Integrity Fact Check)
- Hari Integriti 2023 (KWSP)
- Hari Integriti 2023 (KWSP bersama Kementerian Kewangan)
- Acara Integriti GLIC
- Silang Kata Integriti
- Cabaran Video Pantomim
- Cabaran Tiktok Integriti KWSP
- Kuiz Triviagrity (Kahoot)
- Kursus LX Etika dan Integriti
- Kursus Pemantapan Etika dan Integriti untuk Risk Champion

Bagi memperkukuhkan lagi budaya integriti, KWSP telah membangun dan melaksanakan mekanisme Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) melalui sistem MyRisks pada 2019. Pada mulanya, platform CRM ini dilaksanakan merentasi 10 buah jabatan yang dianggap berisiko tinggi. Selepas itu, CRM telah diperluas kepada lebih banyak jabatan, menjadikannya 19 buah jabatan pada akhir 2023. Matlamat KWSP adalah untuk melaksanakan CRM di semua 32 buah jabatan merentasi enam (6) buah wilayah dan 68 cawangan di seluruh negara menjelang tahun 2025.

Untuk mewujudkan ekosistem integriti, Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan memerlukan semua pembekal KWSP untuk menandatangani Pakatan Integriti. Sementara itu, mana-mana pihak berkepentingan yang memerhati perbuatan tidak beretika atau rasuah digalakkan untuk melaporkan melalui Saluran Pemberi Maklumat seperti berikut:



E-mel: [speakup@epf.gov.my](mailto:speakup@epf.gov.my)



Tel: +603 6122 6122



Laman Web: <http://enquiry.kwsp.gov.my>



Surat/bersemuka: JITU, Menara KWSP

Semua laporan Pemberi Maklumat dikendalikan secara sulit dan kes tingkah laku tidak beretika atau rasuah akan disiasat dengan teliti. Insiden rasuah yang disahkan akan disalurkan kepada SPRM.

Pada tahun ini, terdapat sifar insiden rasuah yang disahkan.

## MEMBINA RANTAIAN BEKALAN YANG BERDAYA TAHAN

Perkara Material: M16 M19

KWSP sentiasa komited dalam memperluaskan prinsip integriti dalam membina rantaian bekalan melalui amalan perolehan yang beretika dan bertanggungjawab. Amalan perolehan di KWSP dipandu oleh Polisi Perolehan KWSP yang berteraskan lima (5) prinsip: Kebertanggungjawaban, Ketelusan, Nilai untuk Wang, Persaingan Terbuka, dan Keadilan dan Integriti.

Sebelum pembekal dilantik, KWSP akan menilai mereka daripada aspek teknikal dan komersial. Kemudiannya, penilaian akan dilakukan berdasarkan kewajipan kontraktual atau perjanjian tahap perkhidmatan pembekal. Selaras dengan komitmen ESG dan bergantung kepada perkhidmatan yang disediakan, penilaian perolehan meliputi elemen sosial dan alam sekitar seperti pelepasan karbon, penarafan tenaga untuk peralatan elektrik,

serta amalan buruh pihak pembekal. Kekerapan penilaian selepas pelantikan berbeza dari bulanan ke tahunan bergantung pada terma dan syarat kontrak yang ditetapkan.

Semua pembekal baharu yang berdaftar dengan KWSP melalui platform ePerolehan perlu bersetuju dengan Kod Tatalaku bagi Pembekal (SCOC) KWSP yang menggabungkan elemen-elemen ESG.

Sementara itu, bagi menyokong ekonomi tempatan, KWSP mengutamakan pembekal tempatan berbanding pembekal antarabangsa. Pada tahun ini, 98% daripada perolehan KWSP adalah daripada pembekal tempatan, manakala 80% daripada nilai perolehan juga adalah pembekal tempatan.

## PENGLIBATAN KOMUNITI

Perkara Material: M1 M2 M4 M7

### Mempertingkatkan Perlindungan Sosial

Semenjak penubuhannya pada tahun 1951, KWSP telah diamankan untuk menangani isu kelemahan pendapatan hari tua, yang mewakili satu (1) daripada sembilan (9) bidang keselamatan sosial seperti yang digariskan dalam Konvensyen 102 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Sehubungan itu, KWSP amat komited terhadap kesejahteraan sosioekonomi rakyat Malaysia dan terlibat dalam usaha untuk membangunkan sistem perlindungan sosial di Malaysia, khususnya isu berkaitan sistem pencen dan persaraan.

KWSP berterusan memberikan input strategik kepada Kerajaan berkaitan polisi perlindungan sosial. Pada tahun lalu, KWSP telah membentangkan beberapa cadangan ke Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang merangkumi:

- Reformasi kepada pencen dan rangka kerja persaraan negara; dan
- Memperluaskan liputan KWSP kepada penduduk umur bekerja.

Selain itu, KWSP juga telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan utama, termasuk orang awam, mengenai isu yang berkaitan dengan perlindungan sosial menerusi penglibatan yang berterusan. Sebagai sebahagian daripada usahanya, KWSP dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri serta Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa telah menganjurkan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2023 pada 5 dan 6 Julai 2023. Lebih 2,000 orang perwakilan telah menghadiri



persidangan tersebut yang menjemput pakar dan penceramah terkemuka untuk berbincang mengenai trend perlindungan sosial dan amalan terbaik dalam pembaharuan perlindungan sosial.

KWSP terus memainkan peranan aktif dalam badan-badan perlindungan sosial kebangsaan dan antarabangsa, termasuk MySPC, Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dan Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA). Pada 2023, KWSP telah mengambil alih jawatan Pengerusi ASSA bagi penggal 2023-2024 semasa Mesyuarat Lembaga ASSA ke-40 pada 21 Disember 2023 di Kuala Lumpur.

KWSP juga merupakan ahli pelbagai jawatankuasa kebangsaan dan antarabangsa mengenai perkara-perkara berkaitan polisi perlindungan sosial dan persaraan.

## ULASAN PERNIAGAAN

### Memperkasakan Celik Kewangan

KWSP turut terlibat dalam meningkatkan tahap celik kewangan dalam negara melalui kerjasama dengan pelbagai organisasi bagi menjalankan program yang bertujuan membantu rakyat Malaysia mencapai jaminan kewangan seumur hidup.

#### Aktiviti pada 2023 meliputi:

- Bekerjasama dengan Rangkaian Pendidikan Kewangan (FEN) untuk membangunkan Strategi Kebangsaan bagi Celik Kewangan
- Kerjasama Celik Kewangan dengan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), bertujuan mengemaskini Panduan Belanjawanku bagi mempersiapkan rakyat Malaysia mengenai kos barangan dan perkhidmatan serta cadangan peruntukan bagi tujuan simpanan
- Melancarkan aplikasi mudah alih Belanjawanku iaitu aplikasi yang memantau belanjawan berdasarkan panduan perbelanjaan Belanjawanku
- Memperkenalkan Kalkulator Persaraan pada aplikasi KWSP i-Akaun untuk mendidik dan membantu ahli mencapai jaminan kewangan semasa bersara
- Menyertai Bulan Celik Kewangan 2023
- Program kesedaran dan pendidikan di cawangan-cawangan

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah diadakan, selain daripada perkhidmatan nasihat yang disediakan oleh Mobile Team melalui program jangkauan, serta RAS di cawangan-cawangan KWSP yang menyediakan khidmat nasihat peribadi mengikut keperluan setiap individu.



## KETAHANAN MENGHADAPI BENCANA ALAM

Perkara Material: **M17** **M18**

### Ketahanan Menghadapi Bencana Alam

Kekerapan bencana alam yang semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini menimbulkan cabaran besar kepada operasi KWSP di seluruh negara.

Sebagai tindak balas kepada cabaran ini, KWSP telah melaksanakan rangka kerja Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM) yang mantap untuk mengukuhkan daya tahan organisasi bagi memastikan KWSP kekal bersedia untuk menghadapi krisis semula jadi atau buatan manusia. Rangka kerja ini meliputi analisis impak perniagaan, penilaian risiko, pengenalpastian dan pembangunan strategi kesinambungan perniagaan, serta penyelesaian untuk meminimumkan gangguan terhadap operasi kritikal. Semakan secara berkala dan latihan ujian termasuk simulasi krisis tahunan membantu menilai kesediaan KWSP dan meningkatkan saluran komunikasi antara pasukan semasa krisis.

 Sila rujuk halaman 102 untuk maklumat lanjut mengenai rangka kerja BCM.

## MENGURUSKAN KESAN TERHADAP ALAM SEKITAR KWSP

### Perkara Material: M8 M9

Selaras dengan isu alam sekitar yang semakin mendesak seperti perubahan iklim, KWSP telah memainkan peranan dalam menguruskan kesan alam sekitar. Matlamat KWSP adalah supaya organisasi ini dikendalikan secara mampan.

### Penggunaan dan Kecekapan Tenaga

Jenis tenaga utama yang digunakan oleh KWSP merangkumi elektrik yang dibekalkan oleh Tenaga Nasional Berhad; diesel yang digunakan sebagai bahan api untuk penjana sandaran; dan tenaga solar yang telah digunakan di beberapa cawangan KWSP.

Komitmen bagi penggunaan tenaga cekap bermula pada 2013, iaitu apabila kempen kesedaran dalam kalangan pekerja dijalankan yang bertujuan menggalakkan penggunaan tenaga secara cekap dalam operasi seharian. Pada 2019, KWSP meneruskan lagi usaha ini dengan memohon Pensijilan Sukarela Bangunan Rendah Karbon (LCB) daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Pada 2022, KWSP menetapkan sasaran dalaman bagi seluruh bangunan KWSP agar mempunyai Indeks Tenaga Bangunan (BEI) kurang daripada 220 kWh/m<sup>2</sup>/tahun, iaitu penanda aras yang ditetapkan oleh piawaian MS 1525. Ini akan meletakkan KWSP antara organisasi yang lebih cekap tenaga dalam negara kerana purata BEI bagi bangunan pejabat di Malaysia ialah 250 kWh/m<sup>2</sup>/tahun. Inisiatif utama berkaitan ini ialah pelaksanaan Audit Pengurusan Kitaran Hayat (ALCM) bagi menilai prestasi komponen utama M&E dalam bangunan serta untuk menaik taraf komponen tidak cekap yang ada pada masa ini. Pada tahun ini, KWSP telah menukarkan tiga (3) buah pendingin hawa di cawangan Johor Bahru, dua (2) buah pendingin hawa di cawangan Ipoh, dan dua (2) buah pendingin hawa di Georgetown.

Inisiatif lain yang dilaksanakan untuk mengurangkan penggunaan tenaga KWSP merangkumi:

- Menggunakan lampu LED di cawangan-cawangan baharu dan dinaik taraf
- Menggantikan unit pendingin hawa yang lama dengan jenis *inverter* di cawangan

### Air dan Efluen

KWSP mengiktiraf keperluan untuk menggunakan air secara berhemat memandangkan isu bekalan air yang semakin mendesak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa yang sama, pelepasan efluen dari bangunan KWSP diuruskan sebaiknya bagi memastikan ia memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Alam Sekitar supaya tidak mencemarkan badan perairan di sekeliling.

Penggunaan air di KWSP adalah untuk tujuan kebersihan (iaitu tandas dan pembersihan), serta untuk sistem M&E seperti pemanasan, pengalihan udara dan pendingin hawa (HVAC). KWSP memantau penggunaan air berdasarkan bil air di seluruh cawangannya. Jika terdapat sebarang penggunaan yang luar biasa, pihak bertanggungjawab diminta untuk menjelaskan penggunaan yang berlebihan.

### Pengurusan Sisa

KWSP ambil maklum keperluan untuk menguruskan sisa bagi meminimumkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Hal ini tercapai melalui usaha dalam mengawal penggunaan sumber material di samping mengasingkan sisa untuk meningkatkan peratusan yang dikitar semula. Matlamat jangka panjang KWSP adalah untuk mencapai sisa sifar ke tapak pelupusan.

Inisiatif yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat ini termasuk melupuskan kartrij toner melalui pihak ketiga yang bertauliah di samping mematuhi peraturan dan pengawalan yang disediakan. KWSP juga menganjurkan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran kakitangan terhadap keperluan mengurangkan penjumlahan sisa.

Daripada segi pemuliharaan material, KWSP telah memperjuangkan pemuliharaan kertas selama bertahun-tahun melalui projek tanpa kertas. Selain itu, pelaksanaan Pengurusan Kandungan Organisasi baru-baru ini untuk memindahkan data secara dalam talian amat signifikan bagi mencapai matlamat ini.

Data pengurusan sisa juga harus direkod dan dipantau seiring dengan sasaran KWSP untuk mencapai pensijilan EMS ISO 14001:2015. Pada masa ini, semua cawangan melaporkan data pengurusan sisa mereka dua kali setahun kepada Jabatan Pengurusan Harta.




# PROSPEK PERNIAGAAN

Memandang ke hadapan, ekonomi global diunjur mengekalkan pertumbuhan KDNK yang stabil sebanyak 3.1% pada tahun 2024, dengan sedikit peningkatan kepada 3.2% pada 2025, menunjukkan daya tahan dalam menghadapi cabaran. Inflasi telah menurun menghampiri sasaran bank pusat, sementara risiko terhadap prospek menjadi lebih seimbang.

[Sumber: Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)]

Berlatar belakangkan perkembangan ini, KWSP kekal komited untuk membantu membina masa hadapan persaraan yang lebih baik bagi rakyat Malaysia. KWSP akan terus memberikan tumpuan kepada lima (5) bidang utama: Kecukupan, Liputan, Pengalaman, Pulangan, dan Kepercayaan.



# SOROTAN LIMA TAHUN KEWANGAN

RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Pendapatan Pelaburan Kasar*	<b>66,988.53</b>	51,909.25	67,732.13	55,743.64	49,756.59
Pendapatan Pelaburan Bersih	<b>65,187.98</b>	50,256.75	65,904.65	53,955.24	48,485.10
Lain-lain Pendapatan*****	<b>191.41</b>	154.65	134.60	127.56	172.51
Jumlah Pendapatan	<b>65,379.39</b>	50,411.39	66,039.25	54,082.80	48,657.61
Jumlah Perbelanjaan**	<b>1,899.66</b>	1,680.12	1,611.42	1,498.99	1,439.00
Pendapatan Bersih	<b>63,479.73</b>	48,731.28	64,427.83	52,583.81	47,218.61
Dividen Dikreditkan ke Akaun Ahli	<b>57,806.50</b>	51,138.26	56,725.71	47,642.29	45,817.42
<b>RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN</b>					
Jumlah Aset Bersih Boleh Diagihkan Kepada Ahli***	<b>1,136,397.89</b>	1,002,312.15	1,008,351.95	999,997.99	924,882.09
Jumlah Aset	<b>1,141,898.34</b>	1,008,585.36	1,012,032.60	1,003,372.15	927,894.93
Jumlah Liabiliti	<b>5,500.44</b>	6,273.22	3,680.65	3,374.17	3,012.84
<b>NISBAH KEWANGAN UTAMA</b>					
	2023 (%)	2022 (%)	2021 (%)	2020 (%)	2019 (%)
Pulangan Pelaburan	<b>6.36</b>	6.20	6.50	6.13	5.71
Jumlah Perbelanjaan ke atas Jumlah Pendapatan Kasar****	<b>2.91</b>	3.33	2.44	2.77	2.96
Jumlah Perbelanjaan ke atas Jumlah Aset	<b>0.17</b>	0.17	0.16	0.15	0.16
Pertumbuhan Pelaburan	<b>13.28</b>	-0.70	0.96	8.15	10.91
Kadar Dividen Tahunan Simpanan Konvensional	<b>5.50</b>	5.35	6.10	5.20	5.45
Kadar Dividen Tahunan Simpanan Syariah	<b>5.40</b>	4.75	5.65	4.90	5.00

\* Pendapatan Pelaburan Kasar dan Pendapatan Pelaburan Bersih selepas mengambil kira Turun Nilai Kos atas Ekuiti Tersenarai.

\*\* Terdiri daripada Perbelanjaan Operasi dan Caj Berkanun.

\*\*\* Terdiri daripada Akaun Caruman, Lebihan Kumulatif dan Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain.


\*\*\*\* Jumlah Pendapatan termasuk Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan dan Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dan Bersekutu.

\*\*\*\*\* Lain-lain Pendapatan termasuk Pendapatan Tidak Patuh Syariah Diiktiraf dalam Lebihan Kumulatif.

## SOROTAN LIMA TAHUN KEWANGAN


### PENDAPATAN PELABURAN KASAR

(RM Juta)




### JUMLAH PENDAPATAN

(RM Juta)




### PENDAPATAN BERSIH

(RM Juta)




### DIVIDEN DIKREDITKAN KE AKAUN AHLI

(RM Juta)




### JUMLAH ASET

(RM Juta)





### PULANGAN PELABURAN

(%)



# PETUNJUK PRESTASI

## KADAR DIVIDEN



## PETUNJUK PRESTASI

### SENARAI PELABURAN EKUITI BAGI 30 SYARIKAT TERATAS YANG TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA SETAKAT 31 DISEMBER 2023

BIL.	KAUNTER	% PEGANGAN
1	Malaysia Building Society Berhad	57.45%
2	RHB Bank Berhad	40.24%
3	Malaysian Resources Corporation Berhad	36.21%
4	Axiata Group Berhad	17.80%
5	Telekom Malaysia Berhad	17.48%
6	IJM Corporation Berhad	16.91%
7	Tenaga Nasional Berhad	16.81%
8	Bank Islam Malaysia Berhad	16.77%
9	Yinson Holdings Berhad	16.28%
10	Sunway Real Estate Investment Trust	15.67%
11	Axis Real Estate Investment Trust	15.66%
12	Public Bank Berhad	15.28%
13	Capitaland Malaysia Trust	15.26%
14	Dialog Group Berhad	15.07%
15	Sime Darby Berhad	14.84%
16	Sime Darby Plantation Berhad	14.82%
17	Syarikat Takaful Malaysia Berhad	14.45%
18	Globetronics Technology Berhad	14.39%
19	CIMB Group Holdings Berhad	13.76%
20	Al-'Aqar Healthcare REIT	13.49%
21	Bermaz Auto Berhad	13.46%
22	Petronas Gas Berhad	13.15%
23	Bursa Malaysia Berhad	13.02%
24	Genting Plantations Berhad	12.71%
25	MISC Berhad	12.61%
26	Malayan Banking Berhad	12.60%
27	Petronas Dagangan Berhad	12.54%
28	Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad	12.49%
29	UOA Development Berhad	12.28%
30	IGB Real Estate Investment Trust	11.81%

**PENGELUARAN MENGIKUT JENIS**

TAHUN JENIS PENGELUARAN	2023		2022	
	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)
Umur 55 Tahun	943,376	19,459,405,284	582,693	17,597,277,668
Umur 50 Tahun	127,107	4,184,409,113	113,601	4,251,040,958
Hilang Upaya	4,431	424,538,405	3,127	306,709,609
Meninggalkan Negara	4,482	583,438,495	5,606	731,893,022
Membeli/Membina Rumah Pertama	75,357	1,535,642,744	60,367	1,605,082,860
Membeli/Membina Rumah Kedua	4,067	163,328,964	3,537	165,538,203
Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan	1,801,468	1,726,386,423	1,082,069	1,085,290,088
Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan	57,848	786,271,846	31,995	608,571,219
Kesihatan	8,046	93,539,429	6,092	87,626,215
Kematian	85,731	3,050,681,920	91,414	3,166,318,390
Bayaran Berkala	163	326,323	181	375,188
Pilihan Pelaburan Ahli	357,099	5,163,240,314	377,819	5,396,900,246
Pekerja Berpencen dan Pengeluaran Pesara Pilihan	64,230	1,466,360,415	66,368	1,413,825,672
Pendidikan	117,131	807,432,399	60,162	495,044,437
Bayaran Bulanan	60	67,605	70	102,491
Simpanan Melebihi RM1 Juta	63,273	2,393,745,730	44,647	1,961,669,011
Haji	710	1,984,085	145	397,504
Umur 60 Tahun	635,991	8,691,550,514	430,310	7,439,886,034
Perumahan PRIMA	36	8,651	36	10,625
Fasiliti Sokongan Akaun 2 (UMUR 50)	5,495	2,309,400	-	-
Fasiliti Sokongan Akaun 2 (UMUR 55)	6,440	3,857,300	-	-
Kemudahan i-Lestari	-	-	35	6,020
Kemudahan i-Sinar	-	-	116	91,901
Kemudahan i-Citra	-	-	134,280	136,051,406
Pelan Perlindungan Ahli	75,100	16,365,275	82,760	8,891,897
Kemudahan Pengeluaran Khas	-	-	6,011,141	44,566,762,305
<b>JUMLAH</b>	<b>4,437,641</b>	<b>50,554,890,633</b>	<b>9,188,571</b>	<b>91,025,362,968</b>
<b>Dividen Tahunan*</b>	<b>8,570</b>	<b>121,872,686</b>	<b>6,990</b>	<b>122,094,422</b>
<b>Faedah Tambahan Untuk Kematian dan Hilang Upaya</b>				
<b>(i) Faedah Tambahan Kematian</b>	<b>26,745</b>	<b>66,862,500</b>	<b>28,243</b>	<b>70,607,500</b>
<b>(ii) Faedah Tambahan Hilang Upaya</b>	<b>853</b>	<b>4,265,000</b>	<b>671</b>	<b>3,355,000</b>
<b>JUMLAH (i dan ii)</b>	<b>27,598</b>	<b>71,127,500</b>	<b>28,914</b>	<b>73,962,500</b>

\* Pengeluaran dividen tahunan 2023 diselaraskan kepada belanja dividen tahun semasa

## PETUNJUK PRESTASI

### PENGELUARAN MENGIKUT JENIS (SAMB.)

TAHUN	2021		2020		2019	
	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)
Umur 55 Tahun	477,412	16,588,246,998	425,466	15,582,812,067	441,376	15,920,504,550
Umur 50 Tahun	113,932	4,233,372,414	140,339	4,406,028,593	157,291	4,617,493,415
Hilang Upaya	2,438	248,435,346	3,715	312,852,388	5,821	467,210,536
Meninggalkan Negara	2,189	395,432,504	2,516	298,544,851	4,132	437,102,971
Membeli/Membina Rumah Pertama	69,672	1,758,958,499	77,476	1,779,132,436	99,280	2,326,197,915
Membeli/Membina Rumah Kedua	3,735	157,648,015	3,706	150,236,915	5,216	214,896,132
Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan	1,306,133	1,273,837,757	1,934,956	1,829,954,489	2,281,335	2,237,909,683
Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan	24,564	519,715,566	46,839	736,103,722	103,110	1,271,681,009
Kesihatan	6,956	101,870,667	7,388	79,308,233	8,228	82,350,228
Kematian	65,280	2,462,513,423	61,392	1,928,253,887	65,747	1,961,714,928
Bayaran Berkala	271	467,996	478	715,169	516	900,993
Pilihan Pelaburan Ahli	484,823	7,974,313,833	563,488	7,248,263,535	556,130	5,640,324,723
Pekerja Berpencen dan Pengeluaran Pesara Pilihan	60,247	1,493,090,729	63,157	2,122,814,777	82,626	2,327,308,586
Pendidikan	60,145	515,180,400	136,629	679,755,980	101,239	1,157,231,920
Bayaran Bulanan	72	106,538	72	110,392	63	79,522
Simpanan Melebihi RM1 Juta	33,076	1,683,458,706	24,372	1,778,049,534	13,565	1,553,231,588
Haji	2	6,000	478	1,319,456	777	2,173,872
Umur 60 Tahun	278,753	5,433,205,970	261,929	4,803,201,871	289,036	4,557,680,814
Perumahan PRIMA	36	11,520	36	11,520	36	11,520
Fasiliti Sokongan Akaun 2 (UMUR 50)	-	-	-	-	-	-
Fasiliti Sokongan Akaun 2 (UMUR 55)	-	-	-	-	-	-
Kemudahan i-Lestari	10,762,265	6,260,838,206	25,556,630	14,546,881,726	-	-
Kemudahan i-Sinar	30,154,634	58,689,535,377	-	-	-	-
Kemudahan i-Citra	21,218,337	21,288,698,530	-	-	-	-
Pelan Perlindungan Ahli	155	20,712	-	-	-	-
Kemudahan Pengeluaran Khas	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>65,125,127</b>	<b>131,078,965,705</b>	<b>29,311,062</b>	<b>58,284,351,540</b>	<b>4,215,524</b>	<b>44,776,004,907</b>
<b>Dividen Tahunan*</b>	5,292	77,703,948	3,888	60,860,161	3,114	56,401,957
<b>Faedah Tambahan Untuk Kematian dan Hilang Upaya</b>						
<b>(i) Faedah Tambahan Kematian</b>	25,001	62,502,450	20,310	50,775,050	22,186	55,465,000
<b>(ii) Faedah Tambahan Hilang Upaya</b>	528	2,640,000	646	3,230,000	1,033	5,165,000
<b>JUMLAH (i dan ii)</b>	<b>25,529</b>	<b>65,142,450</b>	<b>20,956</b>	<b>54,005,050</b>	<b>23,219</b>	<b>60,630,000</b>

\* Pengeluaran dividen tahunan 2023 diselaraskan kepada belanja dividen tahun semasa

**PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN SIMPANAN DAN JANTINA SETAKAT 31 DISEMBER 2023**

LINGKUNGAN SIMPANAN (RM)	BILANGAN LELAKI	BILANGAN PEREMPUAN	JUMLAH	SIMPANAN (RM)
<1-1,000	190,227	174,755	364,982	170,945,280
1,001-2,000	158,565	145,124	303,689	451,636,920
2,001-3,000	138,771	121,633	260,404	647,908,410
3,001-4,000	127,346	108,277	235,623	824,890,596
4,001-5,000	122,665	100,309	222,974	1,002,972,742
5,001-6,000	124,038	101,461	225,499	1,240,782,620
6,001-7,000	130,719	105,966	236,685	1,539,797,013
7,001-8,000	150,011	118,877	268,888	2,019,447,449
8,001-9,000	134,729	109,947	244,676	2,076,830,201
9,001-10,000	117,219	93,662	210,881	2,000,995,881
10,001-15,000	403,084	324,335	727,419	8,906,383,907
15,001-20,000	242,013	212,127	454,140	7,880,177,793
20,001-25,000	177,817	157,075	334,892	7,497,556,402
25,001-30,000	143,486	126,470	269,956	7,405,208,293
30,001-35,000	122,350	108,862	231,212	7,500,404,871
35,001-40,000	108,349	93,726	202,075	7,566,955,276
40,001-45,000	97,618	83,555	181,173	7,692,342,871
45,001-50,000	89,785	76,485	166,270	7,891,871,642
50,001-55,000	83,432	70,464	153,896	8,073,922,158
55,001-60,000	77,143	65,502	142,645	8,198,958,810
60,001-65,000	72,742	60,673	133,415	8,333,714,423
65,001-70,000	67,509	56,002	123,511	8,333,611,045
70,001-75,000	63,962	53,243	117,205	8,493,692,967
75,001-80,000	60,344	49,177	109,521	8,485,130,444
80,001-85,000	57,104	46,464	103,568	8,541,387,587
85,001-90,000	54,094	43,568	97,662	8,542,894,469
90,001-95,000	50,899	41,477	92,376	8,541,953,475
95,001-100,000	49,224	39,524	88,748	8,655,121,975
100,001-150,000	376,482	298,083	674,565	82,828,273,485
150,001-200,000	233,792	185,787	419,579	72,635,181,642
200,001-250,000	152,207	125,700	277,907	62,052,265,409
250,001-300,000	99,659	85,749	185,408	50,692,638,489
300,001-350,000	69,816	62,018	131,834	42,660,178,371
350,001-400,000	49,909	45,612	95,521	35,700,643,624
400,001-450,000	38,324	34,353	72,677	30,799,147,124
450,001-500,000	29,788	26,154	55,942	26,516,381,217
500,001-600,000	43,395	36,742	80,137	43,753,649,354
600,001-700,000	29,528	23,618	53,146	34,363,319,516
700,001-800,000	21,212	15,901	37,113	27,720,812,113
800,001-900,000	15,476	11,218	26,694	22,612,037,538
900,001-1,000,000	12,041	8,092	20,133	19,090,967,058
>1,000,000	59,275	31,059	90,334	157,306,162,601
<b>JUMLAH</b>	<b>4,646,149</b>	<b>3,878,826</b>	<b>8,524,975</b>	<b>867,249,153,060</b>

Sumber: Sistem BI KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahun 2023

## PETUNJUK PRESTASI

### KADAR CARUMAN

TAHUN	PEKERJA	MAJIKAN	JUMLAH
1952 - Jun 1975	5%	5%	10%
Julai 1975 - November 1980	6%	7%	13%
Disember 1980 - Disember 1992	9%	11%	20%
Januari 1993 - Disember 1995	10%	12%	22%
Januari 1996 - Mac 2001	11%	12%	23%
April 2001 - Mac 2002	9%	12%	21%
April 2002 - Mei 2003	11%	12%	23%
Jun 2003 - Mei 2004	9%	12%	21%
Jun 2004 - Disember 2008	11%	12%	23%
Januari 2009 - Disember 2010	8%	12%	20%
Januari 2011 - Disember 2011	11%	12%	23%
<b>Januari 2012 - Februari 2016</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Gaji lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%
<b>Mac 2016 - Disember 2017</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	8%	13%	21%
Gaji lebih daripada RM5,000	8%	12%	20%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	4%	6.5%	10.5%
Gaji lebih daripada RM5,000	4%	6%	10%
<b>Januari 2018 - Disember 2018</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Gaji lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	5.5%	6.5%	12%
Gaji lebih daripada RM5,000	5.5%	6%	11.5%
<b>Januari 2019 - Mac 2020</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Gaji lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	-	4%	4%
Gaji lebih daripada RM5,000	-	4%	4%

**KADAR CARUMAN (SAMB.)**

TAHUN	PEKERJA	MAJIKAN	JUMLAH
<b>April 2020 - Disember 2020</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	7%	13%	20%
Gaji lebih daripada RM5,000	7%	12%	19%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	-	4%	4%
Gaji lebih daripada RM5,000	-	4%	4%
<b>Januari 2021 - Jun 2022</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	9%	13%	22%
Gaji lebih daripada RM5,000	9%	12%	21%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	-	4%	4%
Gaji lebih daripada RM5,000	-	4%	4%
<b>Julai 2022 - Disember 2022</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	11%	13%	22%
Gaji lebih daripada RM5,000	11%	12%	21%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	-	4%	4%
Gaji lebih daripada RM5,000	-	4%	4%
<b>Disember 2022 - Disember 2023</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	11%	13%	22%
Gaji lebih daripada RM5,000	11%	12%	21%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 Tahun</b>			
Gaji RM5,000 dan kurang	-	4%	4%
Gaji lebih daripada RM5,000	-	4%	4%

## PETUNJUK PRESTASI

### PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN UMUR DAN JANTINA SETAKAT 31 DISEMBER 2023

KUMPULAN UMUR (TAHUN)	BILANGAN LELAKI	BILANGAN PEREMPUAN	JUMLAH AHLI	JUMLAH AHLI (%)	KUMULATIF (%)	JUMLAH SIMPANAN (RM)	JUMLAH SIMPANAN (%)	KUMULATIF (%)
<16	1,202	1,110	2,312	0.03	0.03	5,973,596	0.00	0.00
16-25	947,800	814,327	1,762,127	20.67	20.70	14,422,831,099	1.66	1.66
26-30	838,208	763,900	1,602,108	18.79	39.49	40,893,953,108	4.72	6.38
31-35	694,166	573,310	1,267,476	14.87	54.36	76,332,617,185	8.80	15.18
36-40	578,039	464,179	1,042,218	12.23	66.58	114,191,168,651	13.17	28.35
41-45	462,481	380,684	843,165	9.89	76.47	143,461,455,306	16.54	44.89
46-50	387,025	325,824	712,849	8.36	84.84	164,647,996,751	18.99	63.88
51-55	319,899	258,969	578,868	6.79	91.63	149,302,278,850	17.22	81.09
56-60	224,425	169,187	393,612	4.62	96.24	86,948,157,151	10.03	91.12
61-65	111,708	78,320	190,028	2.23	98.47	42,661,133,875	4.92	96.04
66-70	55,008	35,073	90,081	1.06	99.53	22,114,392,885	2.55	98.59
71-75	21,511	11,976	33,487	0.39	99.92	9,272,625,185	1.07	99.65
76-80	3,710	1,532	5,242	0.06	99.98	2,435,737,069	0.28	99.94
81-85	597	196	793	0.01	99.99	543,207,564	0.06	100.00
>85	370	239	609	0.01	100.00	15,624,784	0.00	100.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>4,646,149</b>	<b>3,878,826</b>	<b>8,524,975</b>	<b>100.00</b>		<b>867,249,153,060</b>	<b>100.00</b>	

Sumber: Sistem BI KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahun 2023

### PURATA SIMPANAN AHLI AKTIF YANG BERUMUR 54 TAHUN MENGIKUT JANTINA SETAKAT 31 DISEMBER 2023

TAHUN	LELAKI			PEREMPUAN		
	BILANGAN AHLI	JUMLAH SIMPANAN (RM)	PURATA SIMPANAN (RM)	BILANGAN AHLI	JUMLAH SIMPANAN (RM)	PURATA SIMPANAN (RM)
2019	53,955	14,041,957,159	159,845	40,916	7,575,416,308	98,095
2020	55,585	15,284,553,919	167,729	41,873	8,294,615,228	102,230
2021	54,488	15,504,128,013	166,944	43,706	8,713,996,921	99,276
2022	59,561	16,933,804,850	165,813	50,649	10,190,184,372	89,296
2023	59,838	18,123,265,862	176,676	47,473	11,488,648,580	122,890

### PURATA SIMPANAN AHLI YANG BERUMUR 54 TAHUN SETAKAT 31 DISEMBER 2023

TAHUN	AHLI AKTIF			AHLI TIDAK AKTIF		
	BILANGAN AHLI	JUMLAH SIMPANAN (RM)	PURATA SIMPANAN (RM)	BILANGAN AHLI	JUMLAH SIMPANAN (RM)	PURATA SIMPANAN (RM)
2019	94,871	21,617,373,467	134,095	151,021	7,412,652,489	14,560
2020	97,458	23,579,169,147	140,625	156,841	8,530,230,424	16,233
2021	98,194	24,218,124,934	138,536	158,191	8,582,348,366	13,711
2022	110,210	27,123,989,222	132,826	164,505	8,597,318,192	10,501
2023	107,311	29,611,914,443	154,366	164,938	8,668,069,176	9,770

Sumber: Sistem BI KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahun 2023

# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT



**KWSP percaya bahawa tadbir urus korporat yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang cekap serta amalan pengurusan yang baik berupaya meningkatkan integriti, kebertanggungjawaban, dan ketelusan. KWSP tetap berdedikasi untuk menggalakkan dan mengamalkan piawaian tadbir urus korporat yang boleh dicontohi. Sebagai sebuah organisasi dana persaraan terbesar di Malaysia dengan jumlah aset pelaburan sebanyak RM1,135.82 bilion, KWSP komited menerajui dalam pelaburan lestari dengan menyepadukan prinsip ESG dalam strategi pelaburan kami.**

## PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Pada 2019, KWSP telah membangun dan melaksanakan mekanisme Pengurusan Risiko Rasuah atau CRM melalui sistem MyRisks. Inisiatif ini merupakan komponen utama Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP. Kad Skor CRM yang pada mulanya diwujudkan untuk sepuluh (10) jabatan, namun kini telah diperluaskan kepada 19 jabatan, iaitu:

- 1 Perbendaharaan
- 2 Ekuiti
- 3 Pasaran Modal
- 4 Pelaburan Hartanah
- 5 Ekuiti Persendirian & Infrastruktur
- 6 Pengurus Dana Luar
- 7 Pengurus Produk & Pemasaran
- 8 Saluran Fizikal
- 9 Saluran Digital
- 10 Strategi & Polisi
- 11 Pengurusan Harta
- 12 Pengurusan Perolehan Bekalan
- 13 Perkhidmatan Pelaburan
- 14 Infrastruktur Digital
- 15 Aplikasi Teras Digital
- 16 Aplikasi Enterprise Digital
- 17 Keselamatan Digital
- 18 *People Matters*
- 19 *EPF Learning Campus*

Dalam melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah, KWSP juga telah membangunkan Indeks Prestasi Integriti yang merangkumi tiga (3) elemen iaitu kawalan, komitmen dan persepsi sebagai ukuran terhadap kesungguhan dan komitmen KWSP untuk memperkasa dan memperteguhkan integriti.

## PROGRAM KOMUNIKASI DAN JANGKAUAN INTEGRITI

KWSP telah memperluaskan program komunikasi dan kesedaran tentang integriti dan antirasuah kepada kakitangannya secara fizikal dan melalui platform digital. Pada 2023, program-program yang berikut telah dilaksanakan:

- i. Hari Integriti - Kerjasama dengan Kementerian Kewangan dan 12 agensi Kementerian Kewangan di PICC, Putrajaya
- ii. Program Budaya Integriti:
  - Persidangan Pengurusan KWSP 2023 - Bicara Integriti kepada Pengurusan Tertinggi;
  - Program Dua Dimensi dan Refleksi (Perkisahan dari Tirai Besi)
- iii. Program Jangkauan Integriti Secara Fizikal dan Maya;
- iv. Program di 24 Jabatan dan Cawangan;
- v. Program di enam (6) KWSP serantau KWSP serantau;
- vi. Empat (4) Program Pengenalan untuk kakitangan baharu;
- vii. Jangkauan untuk Liabiliti Korporat (Seksyen 17A);
- viii. Ikrar Bebas Rasuah (IBR);

- ix. Siri E-mel Kesedaran Integriti;
- x. Portal Integriti;
- xi. Sambutan Bulan Integriti KWSP;
- xii. Permainan Integriti, Kuiz, Pantomim dan Pertandingan Puisi;
- xiii. *Integrity Fact Check Treasure Hunt*; dan
- xiv. Tinjau Selidik Integriti (Tingkah Laku Beretika dan Tadbir Urus Integriti).

Bagi memastikan KWSP meningkatkan langkah kawalan dan tadbir urus yang baik, KWSP telah menjalankan satu kaji selidik Integriti dan Tadbir Urus yang melibatkan Ahli Lembaga KWSP dan Pengurusan Tertinggi serta Indeks Tadbir Urus Korporat.

### PELAN INTEGRITI DAN ANTIRASUAH KWSP

Pada awal 2019, Kerajaan telah melancarkan Pelan Kebangsaan Antirasuah (NACP) 2019-2023 bagi mencapai aspirasi supaya "Malaysia Dikenali Kerana Integriti dan Bukan Rasuah". Sejarar dengan ini, semua kementerian, jabatan, agensi, dan organisasi diperlukan untuk membangunkan satu Pelan Antirasuah Organisasi.

Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU), berpandukan NACP telah membangunkan Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP yang merangkumi aspek tadbir urus, integriti, dan antirasuah dalam organisasi. Pelan ini telah diluluskan oleh Lembaga pada 29 April 2020. Sepanjang 2023, pelaksanaan 46 buah inisiatif yang digariskan dalam Pelan tersebut terus dipantau. Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan KWSP kekal bebas daripada rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa.

### PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

Pada 2023, seramai lima (5) orang pegawai di JITU telah tamat menghadiri kursus pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah. Kursus ini adalah selaras dengan arahan Suruhanjaya Antirasuah Malaysia (MACC) yang memerlukan semua Unit Integriti Organisasi mempunyai Pegawai Integriti Bertauliah.

## STRUKTUR TADBIR URUS KWSP



## PROSES PELANTIKAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan serta Ketua Pegawai Eksekutif adalah dilantik oleh Menteri Kewangan. Menteri Kewangan hanya melantik mereka yang telah terbukti mempunyai rekod integriti, kebolehan dan kebolehpercayaan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Setiap pelantikan sebagai ahli Lembaga dan Panel Pelaburan adalah untuk tempoh dua (2) tahun, manakala pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif adalah untuk tempoh tiga (3) tahun.

## KOMPOSISI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa keahlian Lembaga tidak boleh melebihi 22 orang ahli, yang turut mengambil kira Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pada 2023, terdapat 14 orang ahli Lembaga yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan, iaitu merangkumi wakil Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Kewangan dan dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, wakil Majikan, wakil Pekerja, serta wakil Profesional. Ketua Pegawai Eksekutif pula adalah sebagai ahli ex-officio Lembaga dan Panel Pelaburan.

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Pada 2023, ahli Panel Pelaburan terdiri daripada enam (6) orang individu yang merangkumi wakil dari Kementerian Kewangan yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, wakil profesional dan Ketua Pegawai Eksekutif sebagai ahli ex-officio.

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP terdiri daripada individu yang berkemahiran dari pelbagai latar belakang dengan kecekapan yang pelbagai dan pengalaman yang luas.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga memikul beberapa tanggungjawab tertentu seperti menyelia pelaksanaan polisi yang berkaitan dengan operasi KWSP, mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah pengurusan risiko yang bersesuaian serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman yang sedia ada.

Lembaga bergantung kepada integriti dan penilaian wajar oleh Pengurusan Kanan bagi menyelia prestasi keseluruhan organisasi, inisiatif operasi utama, pelan kewangan dan belanjawan tahunan, semakan prestasi kewangan, pengurusan risiko serta amalan tadbir urus korporat. Nasihat juruaudit dan penasihat luar juga tersedia untuk Lembaga.

Akta KWSP 1991 memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan untuk membincangkan semua perkara yang berkaitan dengan pelaburan dan membuat keputusan tentang aktiviti pelaburan KWSP selaras dengan garis panduan yang ditetapkan, termasuk menentukan hala tuju strategik bagi pelaburan. Panel Pelaburan juga bertanggungjawab untuk mengkaji semula garis panduan, polisi risiko, serta alokasi aset.

#### Pengerusi Lembaga, Pengerusi Panel Pelaburan dan Ketua Pegawai Eksekutif

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi Lembaga, Pengerusi Panel Pelaburan dan Ketua Pegawai Eksekutif diasingkan selaras dengan amalan terbaik dan untuk memastikan keseimbangan kuasa, pemantauan dan pengawasan yang lebih baik terhadap pengurusan serta peningkatan kebertanggungjawaban dan kebebasan.

Pengerusi Lembaga mengetuai dan memastikan perbincangan yang berkesan dan komprehensif mengenai perkara-perkara yang dibawa ke Lembaga sementara Pengerusi Panel Pelaburan mengetuai perbincangan mengenai perancangan dan strategi pelaburan.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah untuk menguruskan operasi dan pelaburan KWSP dengan berkesan selaras dengan strategi dan polisi organisasi di samping menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat, dan kepimpinan kepada Pengurusan Kanan.

#### Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan

KWSP melaksanakan Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan untuk menilai prestasi Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga, Jawatankuasa Strategi KWSP, Lembaga Perolehan, Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuan, serta Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Penilaian ini dilaksanakan setiap dua (2) tahun oleh perunding bebas yang dilantik.

#### Kepelbagaian Lembaga dan Panel Pelaburan

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik, KWSP menggalakkan kepelbagaian dalam Lembaga dan Panel Pelaburan. KWSP mengakui bahawa mempunyai Lembaga/Panel Pelaburan yang pelbagai dan kecekapan yang luas adalah penting untuk menangani cabaran dan kerumitan yang KWSP mungkin hadapi. Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan adalah daripada pelbagai latar belakang industri dan sekali gus memastikan pendapat dan pandangan yang berbeza dalam perbincangan bagi mencapai matlamat organisasi.

## KEHADIRAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Sebanyak 13 mesyuarat Lembaga dan 16 mesyuarat Panel Pelaburan telah diadakan pada 2023. Butiran terperinci kehadiran ahli di mesyuarat ini adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga	Lembaga	Jawatankuasa Audit Lembaga	Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga	Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan	Jawatankuasa Strategi	Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan	Jawatankuasa Tatatertib Lembaga	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga	Lembaga Perolehan
Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir	13/13	-	-	4/4	-	-	-	-	-
Datuk Johan Mahmood Merican (Tamat perkhidmatan pada 31/5/2023) Silih Ganti: Dato' Shahrol Anuar Sarman	3/6	1/4	-	-	-	-	-	-	-
Dato' Zamzuri Abdul Aziz (Dilantik pada 1/6/2023) Silih Ganti: Dato' Shahrol Anuar Sarman	7/7	5/6	-	-	1/3	-	-	-	-
Dato' Seri Dr. Zulkapli Mohamed (Dilantik pada 1/4/2023) (Tamat perkhidmatan pada 5/1/2024)	8/9	-	-	2/2	-	-	-	-	-
Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong Silih Ganti: Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai	12/13	10/10	2/2	-	-	-	-	-	-
Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki	7/13	-	-	-	-	-	-	-	-
Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman	11/13	-	-	-	5/5	8/8	-	-	4/4
Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)	12/12	4/4	3/3	-	5/5	2/2	-	-	6/7
Datuk Harun Haji Ismail	12/12	-	2/2	4/4	-	-	-	-	6/7
Dato' Dr. Haji Adnan Mat	13/13	10/10	-	2/2	3/3	8/8	-	-	4/4
Catherine Jikunan (Tamat perkhidmatan pada 31/5/2023)	6/6	-	3/3	-	2/2	-	-	-	4/4
Kamarul Baharin Mansor	12/13	-	2/2	-	-	-	-	-	-
Zainal Abidin Mohd Kassim	12/13	9/10	-	-	5/5	3/4	-	-	-
Khalid Haji Sufat	13/13	10/10	2/2	4/4	-	-	-	-	-
Tan Sri Mohammed Azlan Hashim (Tamat perkhidmatan pada 31/5/2023)	4/6	-	-	-	-	4/4	-	-	-
Datuk Ruben Emir Gnanalingam Abdullah (Tamat perkhidmatan pada 31/5/2023)	5/6	-	3/3	-	-	4/4	-	-	-
Prof. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood	9/12	-	-	-	1/2	3/4	-	-	3/3
Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (Tamat perkhidmatan pada 12/12/2023)	13/13	-	5/5	4/4	5/5	-	-	-	6/7

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

### KEHADIRAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN (SAMB.)

Ahli Panel Pelaburan	Panel Pelaburan	Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan
	Kehadiran	Kehadiran
Tan Sri Mohammed Azlan Hashim	16/16	-
Dr. Mastura Abdul Karim	11/16	-
Pn. Rossana Annizah Ahmad Rashid (Tamat perkhidmatan pada 31/5/2023)	6/6	3/3
Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad	16/16	5/5
Tan Sri Dr. Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon	13/16	4/5
Raja Noorma Raja Ismail	16/16	1/2
Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (Tamat perkhidmatan pada 12/12/2023)	15/16	5/5
Sazaliza Zainuddin (Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif)	1/1	-

### IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dibayar Elaun Tetap Bulanan dan Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi setiap mesyuarat yang dihadiri. Butiran imbuhan untuk Lembaga bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

#### Elaun Tetap Bulanan dan Elaun Kehadiran Mesyuarat Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan

Elaun	Lembaga (RM)	Panel Pelaburan (RM)	Lembaga/Panel Pelaburan/Jawatankuasa Audit Lembaga/Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga/Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan/Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga (RM)	Jawatankuasa Lembaga Lain (RM)
Elaun Tetap Bulanan	5,000.00	5,000.00	-	-
Pengerusi Mesyuarat	-	-	2,000.00	1,500.00
Elaun Kehadiran Mesyuarat Termasuk Ahli Silih Ganti	-	-	1,500.00	1,300.00

Pada 2023, jumlah bayaran bagi Elaun Tetap Bulanan dan Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi Lembaga dan Panel Pelaburan adalah sebanyak RM1.96 juta.

#### Emolumen Pengurusan Kanan

Jawatan	Emolumen (RM)
Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	10.82 juta

## KUALITI DAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Bagi membantu Lembaga dan Panel Pelaburan mengikuti perkembangan terkini operasi dan prestasi kewangan KWSP, isu-isu utama, cabaran dan peluang, Pengurusan KWSP menyediakan laporan operasi dan pelaburan serta penyata kewangan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berterusan dan tepat pada masanya.

## JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga dan Panel Pelaburan telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan untuk mengawal selia perkara-perkara khusus berkaitan operasi organisasi. Setiap jawatankuasa melaksanakan tanggungjawabnya mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan.

Jawatankuasa Lembaga	Komposisi	Fungsi
<b>Jawatankuasa Audit</b>	Enam (6) orang ahli, termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu Lembaga untuk menilai keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko (kecuali dalam aktiviti berkaitan pelaburan) dan proses tadbir urus KWSP.</li> <li>Menyelia proses pelaporan kewangan dan kualiti pelaporan penyata kewangan tahunan dan suku tahunan KWSP.</li> <li>Mempertimbangkan kesesuaian polisi perakaunan KWSP dan perubahan-perubahan kepada polisi ini.</li> <li>Sebanyak sepuluh (10) mesyuarat telah diadakan pada 2023 untuk membincangkan laporan juruaudit dalaman dan juruaudit luar serta mengawasi perkara-perkara berkaitan fungsi audit dalam dan rancangan audit bagi tahun semasa.</li> <li>Mengekalkan hubungan profesional dan rasmi dengan juruaudit luar dan telah mengadakan satu (1) mesyuarat dengan juruaudit luar pada 2023 tanpa kehadiran pihak Pengurusan.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga</b>	Empat (4) orang ahli, termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab membantu Lembaga untuk mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi, selain daripada yang berkaitan dengan pelaburan.</li> <li>Bertanggungjawab bagi menyemak dan menilai inisiatif-inisiatif strategik yang akan dibentangkan ke Lembaga KWSP dan menyediakan penilaian risiko bagi inisiatif-inisiatif ini.</li> <li>Menyelia pelaksanaan Pelan Kelestarian Organisasi KWSP serta memantau pelaksanaan polisi dan strategi kelestarian yang telah diluluskan oleh Lembaga.</li> <li>Sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan</b>	Empat (4) orang ahli, termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengawasi risiko pelaburan termasuk mengesyorkan tahap risiko pelaburan, meluluskan polisi, had dan metodologi pengukuran risiko pelaburan serta menyediakan hala tuju berkaitan dengan amalan pengurusan risiko dalam fungsi pelaburan.</li> <li>Sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

### JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN (SAMB.)

Jawatankuasa Lembaga	Komposisi	Fungsi
<b>Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan</b>	Lima (5) orang ahli, termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab bagi meluluskan belanjawan tambahan tidak melebihi 5% daripada jumlah belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga.</li> <li>Membantu Lembaga untuk meluluskan perkara-perkara berkaitan dengan kesan kewangan seperti hapus kira kerugian (selain daripada yang berkaitan dengan pelaburan).</li> <li>Membantu Lembaga untuk meluluskan pelaksanaan invokasi di bawah Seksyen 50(3) Akta KWSP 1991 dan meluluskan pengkreditan ke dalam akaun ahli jumlah caruman pekerja yang telah dipotong daripada gaji pekerja dan gagal dicarumkan oleh majikan, bersama dengan apa-apa dividen.</li> <li>Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Strategi KWSP</b>	Enam (6) orang ahli, termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji semula cadangan pindaan dan perubahan dasar berkaitan dengan Skim KWSP.</li> <li>Memperakui apa-apa cadangan dan perubahan dasar untuk kelulusan Lembaga.</li> <li>Mengawasi prestasi organisasi dan pencapaian inisiatif-inisiatif strategik.</li> <li>Sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan</b>	Enam (6) orang ahli, termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab membantu Lembaga bagi mempertimbangkan dan meluluskan/ memperakui perkara-perkara yang berkaitan dengan pelantikan dan perjawatan termasuk terma dan syarat perkhidmatan, gaji, dan ganjaran.</li> <li>Sebanyak lapan (8) mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Tatatertib Lembaga</b>	Lima (5) orang ahli, termasuk Pengerusi - selaras dengan peruntukan Seksyen 31, Akta KWSP 1991	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab ke atas apa-apa prosiding tatatertib dan mengenakan apa-apa bentuk hukuman terhadap warga kerja KWSP seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan dan Pengawalan (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.</li> <li>Tiada mesyuarat diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga</b>	Tujuh (7) orang ahli, termasuk Pengerusi - selaras dengan peruntukan Seksyen 31A, Akta KWSP 1991	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab untuk mempertimbangkan mana-mana rayuan oleh pekerja terhadap keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib.</li> <li>Tiada mesyuarat diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Lembaga Perolehan</b>	Enam (6) orang ahli, termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan, dan bekalan barangan kecuali untuk pelantikan khidmat perunding berkaitan pelaburan.</li> <li>Sebanyak tujuh (7) mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>

## JAWATANKUASA PENGURUSAN

Selain Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan, jawatankuasa pengurusan lain telah ditubuhkan dan lapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan yang berkenaan.

Jawatankuasa Pengurusan	Fungsi Utama
<b>Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencadangkan aktiviti pelaburan sejajar dengan garis panduan, polisi risiko kawalan, dan alokasi aset kepada Panel Pelaburan.</li> <li>Bertanggungjawab memantau pelaksanaan keputusan pelaburan yang telah diluluskan oleh Panel Pelaburan.</li> <li>Meluluskan cadangan pelaburan khusus dan perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi pelaburan berdasarkan penugasan kuasa dan mandat yang diberikan oleh Panel Pelaburan.</li> <li>Terdiri daripada Ketua Jabatan Pelaburan, Ketua Pegawai Pelaburan dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.</li> <li>Sebanyak 39 mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Perolehan Pengurusan (Strategik)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan yang melibatkan perolehan kompleks dan membawa faedah jangka panjang.</li> <li>Terdiri daripada Pengurusan Kanan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif sebagai Pengerusi mesyuarat.</li> <li>Sebanyak 12 mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Perolehan Pengurusan (Bukan Strategik)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan barang yang berhubung dengan urusan harian dan operasi.</li> <li>Terdiri daripada Pengurusan Kanan termasuk Ketua Pegawai Kewangan sebagai Pengerusi mesyuarat.</li> <li>Sebanyak 14 mesyuarat telah diadakan pada 2023.</li> </ul>

## KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT


### Pelaporan Kewangan

Lembaga berhasrat untuk menyediakan penilaian yang jelas, seimbang, dan komprehensif tentang prestasi kewangan dan prospek KWSP melalui penyata kewangan tahunan. Hal ini ialah tambahan kepada penyediaan penyata yang telus dan terkini tentang prestasi kewangan dan prospek menerusi pengumuman keputusan suku tahunan kepada pihak berkepentingan.

 Sila rujuk halaman 144 dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini.

### Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga dan Pengurusan komited untuk mematuhi sistem kawalan dalaman yang teguh, polisi, dan prosedur bagi melindungi kepentingan pihak-pihak berkepentingan dan aset KWSP.

 Sila rujuk halaman 106 dalam Laporan Tahunan Bersepadu untuk Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

### Tanggungjawab Korporat

KWSP percaya bahawa perlu ada keseimbangan antara penciptaan nilai dan tanggungjawab korporat.

## KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

KWSP mengakui bahawa komunikasi yang berkesan dengan pihak berkepentingan adalah penting kepada rangka kerja tadbir urus korporatnya dan komited terhadap ketelusan. Sehingga kini, KWSP menerbitkan laporan suku tahunan mengenai aktiviti pelaburan, alokasi aset yang terperinci, pendapatan daripada setiap kelas aset, dan jumlah saiz dana. Laporan ini juga merangkumi maklumat mengenai 30 buah syarikat pelaburan ekuiti teratas bagi memastikan pihak berkepentingan dimaklumkan mengenai pegangan KWSP dalam syarikat tersenarai awam di Malaysia.

KWSP tetap berdedikasi untuk penglibatan dengan syarikat penerima pelaburan. Pada 2023, pihak pengurusan telah melawat sebanyak 54 buah syarikat, termasuk dua (2) buah syarikat tempatan dan lima (5) buah syarikat luar negara. KWSP juga mengambil bahagian dalam 83 Mesyuarat Agung Tahunan dan 20 Mesyuarat Agung Luar Biasa, dan menjalankan hak mengundinya.

Bagi mempertingkatkan peranan kawal selianya dalam pelaburan, KWSP telah melantik wakilnya dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai dan tidak senarai. Setakat 31 Disember 2023, KWSP mempunyai wakil menganggotai lembaga 17 buah syarikat tersenarai dan 28 buah syarikat tidak tersenarai.


# PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP



Selain daripada mengamalkan amalan tadbir urus korporat yang baik, KWSP juga mewujudkan rangka kerja tadbir urus syariah yang berperanan penting dalam memastikan aspek operasi dan pelaburan Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 43A Akta KWSP 1991.

## STRUKTUR TADBIR URUS SYARIAH

Struktur tadbir urus syariah di bawah rangka kerja ini adalah seperti berikut:



Komponen	Fungsi Berkaitan Simpanan Syariah
<b>Lembaga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS) yang mempunyai kuasa untuk menentukan perkara berkaitan syariah bagi maksud menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan dalam memastikan pengurusan Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah.</li> <li>• Merujuk kepada JKPS mengenai sebarang perkara berkaitan dengan syariah dan yang menghendaki penentuan prinsip syariah. Lembaga adalah terikat kepada nasihat yang diberikan oleh JKPS.</li> <li>• Mewujudkan rangka kerja patuh syariah seperti yang dijelaskan di bawah.</li> </ul>
<b>Panel Pelaburan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merujuk kepada JKPS mengenai sebarang perkara berkaitan dengan pelaburan yang melibatkan syariah dan yang menghendaki penentuan prinsip syariah. Panel Pelaburan adalah terikat kepada nasihat yang diberikan oleh JKPS.</li> </ul>
<b>Jawatankuasa Penasihat Syariah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menentukan pemakaian prinsip syariah bagi sebarang perkara yang berkaitan dengan Simpanan Syariah.</li> <li>• Menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan mengenai sebarang perkara berkaitan dengan syariah dan pemakaian prinsip syariah Simpanan Syariah.</li> <li>• Menentusahkan dan meluluskan laporan pematuhan syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah bagi laporan tahunan KWSP.</li> </ul>
<b>Pengurusan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan operasi dan pelaburan Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah sepenuhnya dengan merujuk kepada JKPS untuk mendapatkan nasihat mengenai perkara yang berkaitan dengan syariah dan melaksanakan setiap ketetapan JKPS.</li> </ul>
<b>Rangka kerja patuh syariah</b>	<p>Terdapat empat (4) fungsi diwujudkan oleh Lembaga di bawah rangka kerja ini:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>Penyelidikan dan penasihat syariah</b> yang bertanggungjawab ke atas penyelidikan syariah dan pemberian nasihat syariah.</li> <li><b>Pemantauan dan semakan syariah</b> yang bertanggungjawab ke atas pemantauan dan semakan pematuhan syariah bagi maksud penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah.</li> <li><b>Pengurusan risiko syariah</b> yang bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah bagi maksud mengurangkan kemungkinan berlakunya ketidakpatuhan syariah.</li> <li><b>Audit syariah</b> yang bertanggungjawab ke atas pengauditan syariah termasuk penilaian bebas mengenai kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, sistem pengurusan risiko, proses tadbir urus dan jaminan objektif ke atas pematuhan polisi dan garis panduan syariah yang diluluskan oleh JKPS.</li> </ol>

## PELANTIKAN AHLI JKPS

Lembaga hendaklah melantik tidak kurang daripada tiga (3) orang individu sebagai ahli JKPS yang mempunyai kelayakan dalam syariah, atau mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam syariah dan perbankan, kewangan, undang-undang, atau bidang lain yang berkaitan.

Lembaga juga menetapkan bahawa ahli JKPS hendaklah mempunyai minimum lima (5) tahun pengalaman berkaitan kewangan Islam dan dua pertiga daripada ahlinya hendaklah mempunyai ijazah dalam syariah termasuk *Fiqh al-Muamalat* atau *Usul al-Fiqh*.

Pada tahun 2023, Lembaga telah melantik semula dua (2) ahli dan melantik dua (2) ahli baharu JKPS, yang merupakan cendekiawan syariah terkemuka dalam bidang kewangan dan perbankan Islam di dalam dan luar negara. Setiap lantikan bagi ahli JKPS adalah untuk tempoh dua (2) tahun.

## PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

### KEHADIRAN MESYUARAT JKPS

Sebanyak 13 mesyuarat JKPS termasuk satu (1) mesyuarat khas telah diadakan pada tahun 2023. Perincian kehadiran ahli JKPS adalah seperti berikut:

Ahli JKPS	Kehadiran Mesyuarat
<b>Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin</b> (Pengerusi)	13/13
<b>Prof. Dr. Aznan Hasan</b> (Timbalan Pengerusi) (Lantikan semula pada 1 Jun 2023)	13/13
<b>Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali</b>	13/13
<b>Dr. Zaharuddin Abdul Rahman</b>	13/13
<b>Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin</b> (Lantikan semula pada 1 Jun 2023)	13/13
<b>Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim</b> (Lantikan pada 1 Jun 2023)	7/7
<b>Prof. Dr. Amir Shaharuddin</b> (Lantikan pada 1 Jun 2023)	7/7

Pengurusan KWSP telah melantik Jabatan Undang-undang sebagai sekretariat JKPS.

### IMBUHAN AHLI JKPS

Ahli JKPS dibayar Elaun Tetap Bulanan dan Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi setiap mesyuarat yang dihadiri sepanjang tahun 2023 seperti berikut:

- Elaun Tetap Bulanan: RM5,000.00; dan
- Elaun Kehadiran Mesyuarat: RM1,500.00.

### AKSES MAKLUMAT DAN DOKUMEN

Bagi membantu JKPS melaksanakan fungsinya, Pengurusan KWSP telah memberikan JKPS akses kepada segala maklumat dan dokumen yang diperlukan dan JKPS dikehendaki melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen itu.

### PENILAIAN KEBERKESANAN JKPS

KWSP melaksanakan Penilaian Keberkesanan JKPS bagi menilai prestasi JKPS. Penilaian ini dijalankan sekali setiap dua (2) tahun oleh perunding bebas yang dilantik.

### LIBAT URUS JKPS DENGAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

JKPS terlibat sama dalam beberapa sesi perbincangan dengan Lembaga dan Panel Pelaburan dalam perkara-perkara yang melibatkan KWSP melalui program, persidangan dan kursus bersama antaranya:

- Mesyuarat Strategi KWSP 2023;
- Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2023;
- Persidangan Pasaran Pelaburan Persendirian KWSP 2023;
- Lima (5) Siri Ceramah Lembaga dan Kepimpinan;
- Program Hari Integriti KWSP Bersama Kementerian Kewangan serta agensi di bawah Kementerian Kewangan;
- Taklimat Khas Pengumuman Dividen KWSP;
- Majlis Pelancaran Aplikasi Belanjawanku; dan
- Perasmian Menara KWSP dan Jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri Korporat KWSP.


### LAPORAN JKPS

Bagi setiap tahun kewangan, satu (1) laporan semakan syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah yang diluluskan oleh JKPS, akan dikemukakan dalam Laporan Tahunan Bersepadu KWSP.

## POLISI SYARIAH UNTUK SIMPANAN SHARIAH

Rangka kerja tadbir urus syariah diperkukuhkan oleh polisi dan prosedur terperinci untuk memastikan pelaksanaan setiap transaksi mematuhi keperluan syariah. JKPS telah merumuskan polisi syariah untuk Simpanan Syariah yang berkaitan dengan aspek operasi, pelaburan, kewangan dan pengendalian pendapatan tidak patuh syariah seperti berikut:-

### Model Operasi Simpanan Syariah



Simpanan Syariah menggunakan model pengurusan berasaskan portfolio seperti berikut:

- Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional wujud bersama di bawah satu (1) kumpulan wang yang diuruskan oleh Lembaga;
- Ahli yang memilih Simpanan Syariah adalah tertakluk kepada akad Wakalah yang mana ahli bersetuju melantik Lembaga KWSP sebagai wakil dan pemegang amanah untuk mengurus dan melaburkan kesemua kredit (simpanan) dalam akaun ahli mengikut prinsip syariah;
- Selain tadbir urus korporat KWSP, Simpanan Syariah juga tertakluk kepada rangka kerja tadbir urus syariah dan polisi syariah berkaitan operasi dan pelaburan yang ditetapkan oleh JKPS dari semasa ke semasa;
- Aset-aset pelaburan KWSP diasingkan kepada dua (2) portfolio, iaitu portfolio syariah dan portfolio konvensional. Simpanan Syariah hanya melabur dalam portfolio syariah; dan
- Simpanan Syariah memanfaatkan struktur dan tenaga kerja sedia ada dengan penambahbaikan aspek perundangan, proses operasi, dan sistem teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan-keperluan syariah seperti mana yang ditetapkan oleh JKPS.

Setakat 31 Disember 2023, ahli Simpanan Syariah (pilihannya telah berkuat kuasa) adalah berjumlah 1,522,414 yang mana 99% daripadanya adalah beragama Islam. Jumlah ini merupakan 9% daripada keseluruhan ahli KWSP iaitu peningkatan sebanyak 1.5% berbanding tahun 2022.

## PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

### Jumlah Ahli Simpanan Syariah (SS) Dari Tahun 2020-2023

Tahun Kewangan	Jumlah Ahli		% Ahli SS
	KWSP	SS	
2021	15,217,902	1,109,285	7.3%
2022	15,716,213	1,254,302	8.0%
2023	16,072,945	1,522,414	9.5%

Pada tahun 2023, seramai 297,212 ahli yang baharu memilih Simpanan Syariah yang mana pilihannya akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2024. Manakala, pilihan yang dibuat pada atau selepas 25 Disember 2023 akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

### Pelaburan Patuh Syariah

Selain daripada pelaburan beretika yang melarang daripada melabur dalam sektor yang menghasil dan mempromosikan alkohol, perjudian, hiburan dewasa, tembakau, dan senjata ketenteraan, semua aset pelaburan KWSP juga akan melalui proses saringan syariah berdasarkan kriteria dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh JKPS yang bertujuan menyingkirkan elemen tidak patuh syariah seperti riba (faedah), gharar (ketidakpastian dalam kontrak), maysir (perjudian), dan lain-lain elemen terlarang antaranya barangan dan perkhidmatan tidak halal.

JKPS juga telah menetapkan polisi syariah berkaitan pematuhan dan pemantauan pelaburan patuh syariah dan polisi syariah tersebut disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 42% atau RM478.56 bilion daripada pelaburan KWSP diurus di bawah portfolio syariah yang mana kesemua asetnya merupakan pelaburan patuh syariah. Manakala 58% atau RM657.26 bilion daripada pelaburan KWSP pula diuruskan di bawah portfolio konvensional yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelaburan tidak patuh syariah dan selebihnya adalah pelaburan patuh syariah. Memandangkan jumlah baki simpanan ahli bagi Simpanan Syariah adalah lebih rendah berbanding jumlah aset dalam portfolio syariah, kedua-dua Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional bersama-sama melabur dalam portfolio syariah iaitu masing-masing sebanyak 31% atau RM149.13 bilion dan 69% atau RM329.43 bilion. Pendapatan yang terhasil daripada portfolio syariah dialokasikan kepada Simpanan Syariah mengikut bahagiannya dalam portfolio tersebut.

### Pengkelasan Semula Pelaburan Patuh Syariah

Pelaburan KWSP seperti ekuiti tersenarai dan ekuiti persendirian, hartanah dan infrastruktur adalah tertakluk kepada saringan syariah berkala yang bertujuan untuk menyemak status syariah bagi pelaburan tersebut.

Untuk pelaburan dalam ekuiti tersenarai, saringan syariah akan dijalankan berdasarkan semakan berkala oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS SC) bagi pasaran domestik dan pembekal indeks syariah yang dilanggan oleh KWSP bagi pasaran global. Mana-mana ekuiti pasaran global yang tidak disaring oleh pembekal indeks syariah, akan tertakluk kepada saringan syariah dalaman dan diperakukan oleh JKPS.

Saringan syariah ke atas pelaburan pasaran persendirian iaitu ekuiti persendirian, hartanah dan infrastruktur akan dijalankan secara dalaman setiap tahun berdasarkan kriteria dan garis panduan saringan syariah yang ditetapkan oleh JKPS.

Berdasarkan hasil saringan syariah yang diperakukan oleh JKPS, mana-mana pelaburan dalam portfolio syariah yang gagal melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan tidak patuh syariah dan dipindahkan ke portfolio konvensional.

Sebaliknya, mana-mana pelaburan dalam portfolio konvensional yang berjaya melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan patuh syariah dan dipindahkan ke portfolio syariah.

Bagi mandat pelaburan patuh syariah yang diuruskan oleh pengurus dana luar, sebarang instrumen patuh syariah yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh syariah akan dilupuskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MPS SC.

### Pengendalian Pendapatan Tidak Patuh Syariah

Mana-mana pendapatan yang terhasil daripada transaksi operasi dan pelaburan berkaitan Simpanan Syariah yang ditentukan oleh JKPS sebagai pendapatan tidak patuh syariah hendaklah dibelanjakan oleh Lembaga bagi tujuan yang dibenarkan oleh JKPS selaras dengan kaedah 10 Kaedah-Kaedah KWSP (Akaun Simpanan Syariah) 2016.

Pendapatan tidak patuh syariah boleh terhasil daripada caj lewat bayar yang melebihi kerugian dan kos sebenar, pengkelasan semula pelaburan patuh syariah kepada tidak patuh syariah, transaksi tidak patuh syariah dan sebarang pendapatan tidak patuh syariah lain yang diputuskan oleh JKPS dari semasa ke semasa.

Bagi tahun kewangan 2023, sebahagian besar pendapatan tidak patuh syariah diperoleh daripada caj lewat bayar yang dikenakan ke atas kelewatan bayaran caruman oleh majikan dan keuntungan penjualan ekuiti tersenarai yang dikelaskan semula daripada patuh syariah kepada tidak patuh syariah oleh pengurus dana luar mandat ekuiti syariah.

Bagi Simpanan Syariah, JKPS membenarkan caj lewat bayar dan/ atau dividen ke atas majikan dan pihak-pihak lain yang lewat membayar caruman atau sebarang obligasi kewangan yang perlu dibayar kepada KWSP bagi melindungi kepentingan ahli dan sebagai langkah pencegahan.

Caj ini boleh digunakan bagi menampung kerugian dan kos sebenar (*ta'widh*) yang diluluskan oleh JKPS, manakala sebarang amaun melebihi kadar *ta'widh* adalah pendapatan tidak patuh syariah.

Sebarang transaksi yang disyaki tidak patuh syariah juga dilaporkan kepada JKPS untuk menentukan status syariah transaksi tersebut termasuk apa-apa pendapatan yang diperolehi daripadanya.

JKPS menetapkan bahawa pendapatan tidak patuh syariah hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan yang dibenarkan iaitu aktiviti kebajikan seperti bayaran caj berkanun (manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi), dan sebarang lebihan pendapatan tidak patuh syariah (jika ada), boleh digunakan untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pelaburan tidak langsung.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, jumlah pendapatan tidak patuh syariah adalah sebanyak RM57.04 juta dan kesemuanya digunakan untuk kebajikan ahli melalui bayaran caj berkanun.

### Dividen

Polisi dividen bagi Simpanan Syariah dikemukakan kepada JKPS bagi mendapatkan pandangan dan perakuan syariah.

Dividen tahunan bagi Simpanan Syariah adalah berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh syariah KWSP di bawah portfolio syariah, iaitu daripada jumlah pendapatan nyata selepas ditolak rosot nilai bersih ke atas aset kewangan, turun nilai kos ke atas ekuiti tersenarai, kerugian tidak nyata yang disebabkan oleh kadar pertukaran mata wang asing dan harga instrumen derivatif, perbelanjaan pelaburan dan operasi, yang diperuntukkan kepada Simpanan Syariah mengikut bahagiannya dalam portfolio syariah.

Sebagai sebahagian daripada usaha diversifikasi berterusan KWSP, pendedahan portfolio syariah dalam ekuiti pasaran global telah ditingkatkan pada tahun 2023. Dengan pemulihan ekuiti pasaran maju, khususnya bagi saham perisian dan teknologi yang kebanyakannya patuh syariah, portfolio syariah telah menikmati pulangan yang lebih baik. Ini telah membolehkan Simpanan Syariah mengurangkan jurang pulangannya berbanding Simpanan Konvensional.

Dividen Simpanan Syariah yang diisytiharkan oleh Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah sebanyak 5.40%.

## PERKARA BERKAITAN AHLI YANG BERAGAMA ISLAM

### Zakat Simpanan KWSP

Tanggungjawab membayar zakat simpanan KWSP adalah terletak pada ahli beragama Islam yang telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat seperti berikut:

- (a) Simpanan yang telah sempurna milik (*milkuh taam*) iaitu simpanan yang boleh dikeluarkan dan digunakan tanpa sebarang sekatan (*haq tasarruf kaamil*) adalah tertakluk kepada Zakat Mal Mustafad sekiranya mencapai syarat jumlah minimum (*nisab*) tanpa perlu menunggu tempoh wajib zakat (*haul*).
- (b) Walaupun haul tidak disyaratkan, adalah wajar bagi ahli yang sedang menghadapi kesukaran atau ketidakpastian dari segi kewangan untuk menunggu tempoh wajib pembayaran zakat (*haul*) sebelum membayar zakat sekiranya mencapai nisab.
- (c) Simpanan yang dikeluarkan bagi tujuan perbelanjaan hajah aslyah iaitu keperluan asas diri sendiri atau tanggungannya seperti tempat tinggal, makan dan minum, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan atau membayar hutang boleh ditolak daripada simpanan yang tertakluk kepada zakat.
- (d) Sekiranya ahli ada melakukan beberapa pengeluaran dalam tempoh tertentu, jumlah zakat ditentukan dengan mengambil kira semua pengeluaran yang dibuat dalam tempoh setahun, mengikut tempoh wajib pembayaran zakat (*haul*) ahli.

## PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH KWSP

- (e) Sekiranya ahli tidak membuat pengeluaran simpanan yang telah sempurna milik atau hanya membuat pengeluaran sebahagian simpanan sahaja, baki simpanan yang boleh dikeluarkan adalah tertakluk kepada hukum zakat simpanan dan pengiraan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa zakat negeri sekiranya mencapai haul dan nisab dengan mengambilkira semua simpanan lain ahli.

Jenis-jenis pengeluaran yang tertakluk kepada pembayaran zakat adalah:

- (a) Pengeluaran Umur 50 Tahun;
- (b) Pengeluaran Umur 55 Tahun;
- (c) Pengeluaran Umur 60 Tahun;
- (d) Pengeluaran Meninggalkan Negara;
- (e) Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Pengeluaran Pesara Pilihan;
- (f) Pengeluaran Simpanan Melebihi RM1 Juta; dan
- (g) Lain-lain pengeluaran tidak dibelanjakan bagi tujuan keperluan asas atau kelangsungan hidup ahli dan tanggungannya.

### Penamaan

Penamaan merupakan satu pengisytiharan secara bertulis yang dibuat oleh ahli dalam Borang KWSP 4 bagi melantik atau menamakan mana-mana individu atau Amanah Raya Berhad sebagai penama.

Bagi ahli yang beragama Islam, penama hanya bertindak sebagai wasi (pentadbir) yang bertanggungjawab untuk mengagihkan simpanan ahli yang telah meninggal dunia kepada waris-waris yang berhak mengikut Undang-Undang Islam.

*“Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Wang Simpanan KWSP, SOCSO Dan Seumpamanya Bagi Ahli Beragama Islam Yang Meninggal Dunia.*

Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- (a) Wang KWSP dan wang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.
- (b) Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan simati) mengikut hukum faraid.”

### Penyucian Dividen

Ahli beragama Islam yang telah memilih Simpanan Shariah dikecualikan daripada keperluan melakukan penyucian terhadap dividen KWSP yang diterima sebelum Simpanan Shariah mula ditawarkan, iaitu dividen bagi tahun kewangan 2016 dan sebelumnya. Selain itu, sebarang dividen Simpanan Konvensional yang dikreditkan ke akaun ahli selepas memilih Simpanan Shariah (kerana akaun Simpanan Shariah belum berkuat kuasa) juga dikecualikan daripada disucikan kerana ahli tidak mempunyai hak untuk menentukan tarikh kuat kuasa akaun Simpanan Shariah.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang telah diadakan pada 18 Ogos 2015 juga telah memutuskan bahawa KWSP tidak diwajibkan untuk melakukan penyucian terhadap dividen simpanan semua ahli KWSP yang bersetuju untuk bertukar ke Simpanan Shariah.

Walau bagaimanapun, ahli beragama Islam yang baru memilih untuk menukar akaun ke Simpanan Shariah selepas tahun 2017 dinasihatkan untuk melakukan penyucian ke atas dividen Simpanan Konvensional berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009:

*“Di dalam Islam harta-harta yang diperoleh dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah, dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut: (a) Diserah kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas, dan seumpamanya; atau (b) Diserah kepada golongan fakir miskin.*

Penyucian dividen boleh dilakukan sama ada menggunakan simpanan KWSP yang layak dikeluarkan (sekiranya ada), atau menggunakan sumber kewangan lain yang dimiliki oleh ahli.

Keputusan untuk melakukan penyucian dividen adalah atas kehendak ahli sendiri. Ahli dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan daripada Majlis Agama Islam di negeri masing-masing.

Kadar penyucian dividen Simpanan Konvensional bagi tahun 2023 adalah sebanyak 66% daripada jumlah dividen yang dikreditkan ke akaun ahli.

# LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH



**Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.**



**Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta pengikut-pengikut mereka.**



Kami, ahli-ahli JKPS KWSP telah menyemak pelaburan dan operasi KWSP berhubung Simpanan Syariah bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 bagi memberikan pandangan sama ada Simpanan Syariah telah mematuhi prinsip syariah dan ketetapan berkenaan perkara berkaitan syariah yang dibuat oleh JKPS dan dengan ini membentangkan laporan JKPS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023:

- (a) JKPS telah menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan berkenaan perkara-perkara syariah yang dikemukakan oleh Pengurusan KWSP melalui keputusan-keputusan syariah yang telah dibuat oleh JKPS berhubung operasi dan pelaburan Simpanan Syariah bagi memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah termasuk ketetapan dan piawaian syariah di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JKPS.
- (b) Pengurusan KWSP dipertanggungjawabkan untuk memastikan Simpanan Syariah diuruskan mengikut prinsip syariah dengan merujuk kepada JKPS bagi mendapatkan nasihat mengenai perkara syariah dan melaksanakan segala ketetapan dan polisi syariah yang ditentukan oleh JKPS. Pengurusan KWSP juga telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan JKPS bagi mendapatkan pandangan, nasihat dan maklum balas berhubung pelaksanaan pengasingan Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional serta penstrukturan akaun KWSP.
- (c) Dalam menasihati KWSP mengenai perkara syariah, JKPS telah menerima semua maklumat dan penjelasan yang diperlukan daripada Pengurusan KWSP yang dianggap perlu untuk JKPS membuat keputusan syariah.
- (d) JKPS juga disokong oleh fungsi penyelidikan dan penasihat syariah serta pemantauan dan semakan syariah yang menyediakan pengawasan pematuhan syariah secara berkala bagi Simpanan Syariah. Selain itu, Jabatan Audit Dalam melaksanakan penilaian kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman dan pematuhan ke atas semua polisi dan prosedur syariah yang diputuskan oleh JKPS secara berkala.
- (e) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, sebanyak 13 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berikut:
  - a. Isu-isu berkaitan pelaksanaan pengasingan Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional termasuk semakan semula ke atas polisi-polisi syariah yang berkaitan;
  - b. Saringan dan isu-isu syariah termasuk parameter dan garis panduan syariah berhubung cadangan pelaburan patuh syariah dan pelaburan sedia ada KWSP termasuk dokumen-dokumen berkaitan;
  - c. Inisiatif penambahbaikan Simpanan Syariah dan cadangan pembayaran zakat bagi ahli KWSP yang beragama Islam;
  - d. Pengemaskinian polisi serta garis panduan pematuhan syariah bagi pelaburan Simpanan Syariah, termasuk perkara-perkara syariah yang berkaitan dengan pelaporan kewangan; dan

## LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH

- e. Laporan-laporan syariah berkala berkenaan:
- (i) pengkelasan semula status syariah pelaburan KWSP;
  - (ii) pendapatan tidak patuh syariah;
  - (iii) langganan sukuk dan produk perbankan Islam;
  - (iv) pematuhan syariah oleh pengurus dana luar;
  - (v) prestasi pelaburan portfolio syariah; dan
  - (vi) pendaftaran ahli bagi Simpanan Syariah.
- (f) JKPS juga telah menerima dan membincangkan laporan semakan syariah yang dikemukakan oleh Seksyen Operasi Pelaburan, Kecemerlangan, Penyeliaan dan Pematuhan pada setiap suku tahun berdasarkan Pelan Pematuhan Syariah Tahunan yang telah diluluskan bagi tahun 2023. Hal ini dilaksanakan bagi tujuan penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah bagi aktiviti berkaitan operasi dan pelaburan yang melibatkan Simpanan Syariah. Antara semakan syariah yang telah dilaksanakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti di bawah:
- a. Bahagian Pelaburan
    - (i) Langganan instrumen pendapatan tetap dan sekuriti pasaran wang yang dilanggan di bawah portfolio syariah;
    - (ii) Transaksi Komoditi Murabahah;
    - (iii) Lawatan semakan syariah ke premis pembekal komoditi bagi tujuan transaksi komoditi murabahah;
    - (iv) Lawatan semakan syariah ke atas aset hartanah syariah domestik;
    - (v) Penandaan status pelaburan syariah bagi pelaburan pendapatan tetap; dan
    - (vi) Pengurus Dana Luar Mandat Syariah domestik serta luar negara.
  - b. Bahagian Operasi
    - (i) Pendaftaran dan pembatalan Akaun Simpanan Syariah;
    - (ii) Pengoperasian Akaun Simpanan Syariah di cawangan-cawangan KWSP; dan
    - (iii) Pendapatan tidak patuh syariah yang diterima daripada kelewatan pindahan dana.
  - (g) Jabatan Audit Dalam telah melaksanakan semakan secara persampelan ke atas aktiviti operasi dan aktiviti pelaburan berkaitan dengan Simpanan Syariah bertujuan untuk memberi jaminan bebas dan munasabah ke atas kecukupan dan keberkesanan rangka kawalan dalaman dan pematuhan kepada polisi dan prosedur syariah yang telah diluluskan oleh JKPS. Hasil semakan audit dalaman telah dimaklumkan kepada Pengurusan KWSP dan telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga. Jabatan Audit Dalam juga melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas status pelaksanaan tindakan penyelesaian bagi penemuan audit yang dibangkitkan. Ini bertujuan bagi memastikan tindakan penyelesaian telah dilaksanakan secara berkesan dan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Penemuan audit dan status pelaksanaan tindakan penyelesaian telah dimaklumkan kepada JKPS.
  - (h) JKPS juga mengambil maklum segala usaha yang wajar telah diambil untuk memperbetulkan jurang yang dikenal pasti dan tindakan pengurusan untuk mencegah jurang yang serupa daripada berulang.
  - (i) JKPS berpendapat bahawa:
    - a. Kontrak, transaksi, urusaniaga yang telah dimasuki oleh KWSP berhubung Simpanan Syariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 yang telah disemak oleh JKPS adalah mematuhi prinsip syariah;
    - b. Pengagihan keuntungan dan kerugian bagi Simpanan Syariah seperti yang didedahkan di bawah Nota 32.4 kepada Pernyataan Kewangan adalah menepati asas-asas yang telah diperakukan oleh JKPS mengikut prinsip syariah; dan
    - c. Semua pendapatan yang diperolehi oleh Simpanan Syariah daripada sumber pendapatan tidak patuh syariah berjumlah RM57.04 juta seperti yang didedahkan di bawah Nota 32.4 kepada Pernyataan Kewangan telah digunakan untuk aktiviti kebajikan iaitu bayaran manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi.
- Kami, ahli-ahli JKPS, dengan ini mengesahkan Simpanan Syariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah diuruskan selaras dengan prinsip syariah.
- Bagi pihak JKPS,
- 
- .....  
 Nama : **DATUK PROF. DR. MOHAMAD AKRAM BIN LALDIN**  
 Jawatan : **PENGERUSI JKPS**  
 Tarikh : Mei 2024
- 
- .....  
 Nama : **PROF. DR. AZNAN BIN HASAN**  
 Jawatan : **TIMBALAN PENGERUSI JKPS**  
 Tarikh : Mei 2024

# PENGURUSAN RISIKO DI KWSP

## RANGKUMAN

Jabatan Pengurusan Risiko di KWSP menyediakan pengawasan pengurusan risiko melalui rangka kerja risiko, polisi serta proses, dengan penilaian bebas bagi memantau semua risiko dan menyokong KWSP untuk mencapai objektif strategik dan perniagaannya. Dalam memastikan daya tahan dan keberkesanan bagi mengurus semua risiko dalaman dan luaran, Jabatan Pengurusan Risiko mengakui keperluan untuk terus mengoperasikan rangka kerja pengurusan risiko bagi memastikan metodologi dan kawalan yang sedia ada untuk memberikan jaminan yang diperlukan.

Pada 2023, Jabatan Pengurusan Risiko meneruskan tumpuan terhadap penciptaan nilai dengan memberi nasihat dan jaminan melalui pengurusan aktif bersama perniagaan dalam memacu pelaksanaan dan kawalan bagi mengendalikan impak kepada perniagaan. Pada masa yang sama, membina keupayaan Jabatan Pengurusan Risiko bagi mengukuhkan kecekapan dalam kapasiti yang lebih luas untuk pertumbuhan, inovasi dan daya tahan.


## Inisiatif Utama Pengurusan Risiko Utama yang Dilaksanakan Pada 2023

- Mengoperasikan rangka kerja baharu yang dipertingkatkan bersepadu dengan proses dan garis panduan lain yang berkaitan;
- Mempertingkatkan parameter risiko dalam penilaian profil risiko untuk pelaburan, operasi dan teknologi;
- Meluaskan penilaian risiko bebas bagi mengenal pasti potensi risiko yang terdedah kepada KWSP kerana pembangunan polisi dan inisiatif baharu;
- Menjalankan latihan simulasi krisis dalam daya tahan yang tinggi bagi mengurus risiko dan ancaman yang pelbagai; dan
- Memperkenalkan *Model Risk Management (MRM)* untuk diterima pakai di seluruh KWSP.

Dalam melangkah ke hadapan, Jabatan Pengurusan Risiko terus mengamalkan pendekatan yang proaktif untuk mengenal pasti dan mengurus risiko dalam menghadapi ketidakpastian persekitaran operasi dan pasaran yang tidak menentu.

## PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI (ERM)

KWSP mengguna pakai ERM sebagai pendekatan standard untuk mengurus risiko secara berkesan. Pendekatan ini terus membimbing KWSP dalam memastikan pengurusan risiko disepadukan dalam semua operasi dan proses membuat keputusan merentasi jabatan dan bahagian. Komponen utama bagi pendekatan Pengurusan Risiko Organisasi digambarkan dalam rajah di bawah:



## PENGURUSAN RISIKO DI KWSP


### TADBIR URUS DAN STRUKTUR

#### Struktur Tadbir Urus KWSP

KWSP percaya bahawa struktur tadbir urus yang kukuh adalah penting untuk memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan dan konsisten di seluruh organisasi. Bagi mencapai matlamat tersebut, tadbir urus risiko meletakkan akauntabiliti dan pemilikan berdasarkan Model Tiga Barisan bagi memastikan tahap kebebasan yang sesuai dan pengasingan tugas antara tiga barisan tersebut.

Barisan pertama terdiri daripada Unit Operasi iaitu Bahagian, Jabatan dan Pejabat Wilayah/Cawangan. Mereka bertanggungjawab untuk mengekalkan kawalan dalaman yang berkesan dan melaksanakan kawalan risiko ke atas aktiviti pelaburan harian, operasi, teknologi dan fungsi sokongan. Barisan kedua iaitu Jabatan Pengurusan Risiko, menyokong Lembaga, Panel Pelaburan dan Pengurusan Kanan dalam pengenalpastian, pengawasan serta pengesyoran risiko. Sementara itu, Jabatan Audit Dalam selaku barisan ketiga memberikan jaminan bahawa risiko serta kawalan diuruskan secara berkesan.

Struktur Tadbir Urus Risiko KWSP digambarkan seperti di bawah:



## Struktur Pengurusan Risiko KWSP

Struktur pengurusan risiko KWSP menyediakan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas bagi proses pengurusan risiko serta menggariskan prinsip pengurusan risiko dan tanggungjawab kawalan. Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan mengawasi pengurusan risiko keseluruhan organisasi dan dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga (BRMSC) serta Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC) untuk mengawasi semua aktiviti operasi, pelaburan dan pengurusan risiko teknologi serta mengesyorkan tahap risiko dan memperuntukkan bajet risiko.

Lembaga KWSP	Panel Pelaburan (IP)
<p>Lembaga KWSP bertanggungjawab ke atas keseluruhan pengurusan risiko organisasi kecuali aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keputusan pelaburan.</p>	<p>Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk memantau pengurusan risiko yang berkaitan dengan pembuatan keputusan pelaburan KWSP dan menentukan tahap risiko yang sanggup ditanggung oleh KWSP melalui Pernyataan Tahap Risiko, yang menjadi asas bagi peruntukan dana pelaburan.</p>
Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan	
<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN KELESTARIAN LEMBAGA (BRMSC)</b> Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga bertanggungjawab untuk membantu Lembaga memantau aktiviti pengurusan risiko operasi dan teknologi serta kelestarian, dan memastikan yang proses pengurusan risiko tersedia ada dan berfungsi dengan berkesan.</p>	<p><b>JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN (IPRC)</b> Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan bertanggungjawab membantu Panel Pelaburan mengawasi risiko pelaburan. Tanggungjawab ini termasuk mengesyorkan kecenderungan risiko dan peruntukan bajet risiko yang sewajarnya. Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk mengkaji semula dan meluluskan pengukuran risiko, polisi, proses, dan had bagi memastikan keberkesanan yang berterusan.</p>
Jawatankuasa Khusus	
<p><b>JAWATANKUASA RISIKO PENGURUSAN (MRC)</b> Jawatankuasa Risiko Pengurusan memantau, melaksana dan menguruskan risiko operasi, pelaburan dan teknologi KWSP (yang merangkumi strategi, budaya, struktur, sumber manusia dan proses) dan memastikan bahawa rangka kerja pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi, pelaburan dan teknologi dilaksanakan dengan berkesan di seluruh organisasi.</p>	<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN PELABURAN (MIC)</b> Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan bertanggungjawab untuk menilai dan mengesyorkan cadangan pelaburan ke Panel Pelaburan. MIC juga menilai dan mencadangkan strategi pelaburan dan prestasi pengurus dana luar.</p>
Jawatankuasa Kerja dan Unit Operasi	
<p><b>Jawatankuasa Kerja</b></p>	
<p><b>JAWATANKUASA KERJA RISIKO DIGITAL (DRWC)</b> Jawatankuasa Kerja Risiko Digital memantau pelaksanaan seluruh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRMF) dalam skop risiko teknologi, serta bertanggungjawab untuk menjalankan pengurusan risiko teknologi dalam semua projek atau inisiatif yang berkenaan.</p>	
<p><b>Unit Operasi</b></p>	
<p><b>BAHAGIAN, JABATAN DAN PEJABAT WILAYAH/CAWANGAN</b></p>	
<p>Semua bahagian, jabatan, dan pejabat wilayah/cawangan bertanggungjawab menguruskan risiko mengikut fungsi masing-masing secara harian, serta memaklumkan risiko utama yang berpotensi ke Jawatankuasa Risiko Pengurusan. Antara peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:</p>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti, menilai, dan menguruskan risiko;</li> <li>Mengkaji semula profil risiko secara berterusan bagi memastikan ia relevan dan bersesuaian;</li> <li>Mengemas kini status risiko dan tahap pengurusan risiko dan kawalan;</li> <li>Membangun dan melaksanakan pelan tindakan untuk menguruskan risiko; dan</li> <li>Mematuhi amalan dan garis panduan pengurusan risiko.</li> </ol>	

## PENGURUSAN RISIKO DI KWSP

### RANGKA KERJA

#### Rangka Kerja Berkaitan Risiko

##### **Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM)**

Melalui rangka kerja Pengurusan Risiko Operasi, dengan penerapan MS ISO 31000:2018 Pengurusan Risiko - Prinsip dan Garis Panduan, serta proses-proses yang mantap, KWSP mampu menguruskan risikonya secara berkesan dengan mengurangkan impak ke tahap yang boleh diterima.

Pengurusan ORM mendokong dan meningkatkan nilai semua aktiviti di KWSP dari segi operasi kerana ORM adalah penting dalam proses membuat keputusan dan budaya korporat KWSP.

Rangka kerja ini disemak secara berkala untuk memastikan penggunaan dan perkaitannya yang berterusan.

##### **Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan**

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan mentadbir proses-proses pelaburan KWSP dan memastikan bahawa kawalan dan prosedur pengurusan risiko yang berkesan tersedia ada bagi melaksanakan keputusan pelaburan.

Rangka kerja ini menyediakan pendekatan dalam urustadbir risiko sedia ada dan risiko yang berpotensi dalam portfolio pelaburan KWSP, yang membolehkan KWSP mengukur, menaksir, memantau, dan menguruskan risiko portfolionya. Ini membolehkan KWSP mengoptimumkan pulangan bagi aktiviti pelaburan mengikut tahap kecenderungan risiko yang diluluskan oleh Lembaga.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan digambarkan seperti di bawah:



### **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merupakan risiko kerugian daripada perubahan dalam nilai portfolio dan instrumen kewangan disebabkan oleh pergerakan kadar faedah, pertukaran asing dan harga ekuiti.

Objektif pengurusan risiko pasaran di KWSP adalah untuk memastikan bahawa pendedahan risiko yang diambil oleh KWSP adalah dalam tahap kecenderungan risikonya. Ini dilaksanakan melalui semakan tahunan ke atas polisi dan had, laporan berkala untuk memantau risiko pasaran di peringkat portfolio bagi setiap kelas aset dan pengesahan bebas ke atas metodologi risiko.

- (a) Had penumpuan terhadap nama, pemilikan, negara dan sektor - untuk memastikan kepelbagaian pendedahan risiko;
- (b) Nilai berisiko (VaR) - pengukuran statistik untuk menilai kerugian yang berpotensi disebabkan oleh pergerakan kadar faedah dan harga dalam suatu tempoh masa berdasarkan tahap keyakinan;
- (c) Tempoh masa - mengurus sensitiviti harga pelaburan pendapatan tetap berikutan kesan daripada pergerakan kadar faedah;
- (d) *Tracking error* - merujuk kepada sisihan piawai bagi pulangan lebih portfolio berbanding dengan penanda aras, dalam mengukur dan menanda aras prestasi portfolio;
- (e) *Backtesting* - proses pengesahan yang dilaksanakan untuk mengkaji semula ketepatan metodologi risiko yang digunakan dalam mengukur VaR bagi portfolio pendapatan tetap dan ekuiti; dan
- (f) *Stress Testing* - ujian yang dilaksanakan untuk mengukur potensi pendedahan risiko pasaran dalam senario andaian (*what-if senario*). Ini menggabungkan faktor-faktor seperti korelasi, kemudahubuhan dan pulangan dalam senario yang berbeza.

### **Risiko Kredit**

Risiko kredit berlaku apabila satu pihak gagal memenuhi obligasi pembayarannya yang mengakibatkan kerugian. Pendedahan risiko kredit KWSP mempunyai kaitan langsung dengan aktiviti pelaburannya dalam instrumen pendapatan tetap, ekuiti persendirian, kelas aset hartanah dan infrastruktur.

Pengurusan risiko kredit KWSP melibatkan analisis kredit terperinci, metodologi penilaian risiko yang mendalam dan piawaian penajajaminan berhemat. Di samping itu, KWSP sentiasa mengkaji semula dan mengemas kini metodologi penaksiran risiko serta piawaian penajajaminan kreditnya bagi memastikan konsisten amalan terbaik dalam industri serta setanding dengan rakan institusi lain.

Di peringkat portfolio, pengurusan risiko kredit yang berikut telah disediakan bagi mengurus risiko kredit:

- (a) Had risiko kredit dan Pencetus Tindakan Pengurusan (*Management Action Triggers - MATs*) yang merangkumi kriteria minimum kredit umum untuk pelaburan termasuk penumpuan nama dan nilai ambang bagi pendedahan rakan niaga;
- (b) *Credit-Value-at-Risk (CVaR)* untuk mengukur risiko kredit portfolio yang berkaitan; dan
- (c) Kesedaran dan budaya kredit yang tinggi seluruh warga kerja dan anggota yang berkaitan dengan pelaburan di KWSP melalui penglibatan aktif dengan warga kerja pelaburan di semua peringkat.

Di peringkat transaksi, pengurusan risiko kredit yang berikut telah disediakan bagi mengurus risiko kredit:

- (a) Penilaian risiko bebas dilaksanakan bagi setiap cadangan pelaburan baharu yang dibentangkan ke mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan dan Panel Pelaburan bagi tujuan membuat keputusan;
- (b) Pemantauan rapi terhadap perubahan kepada pelaburan sedia ada melalui penilaian secara *ad hoc* serta berkala; dan
- (c) Instrumen penarafan kredit untuk mengukur kelayakan kredit atau Keberangkalan Gagalbayar (*Probability of Default - PD*) penanggung obligasi adalah seperti berikut:
  - (i) Templat Penarafan Korporat yang menyediakan penarafan risiko dalaman bagi penanggung obligasi korporat; dan
  - (ii) Templat penarafan institusi kewangan yang menyediakan penarafan risiko dalaman bagi institusi kewangan.

### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan merujuk kepada ketidakmampuan KWSP untuk memenuhi komitmen dan obligasi kewangannya apabila perlu dijelaskan. Risiko kecairan KWSP adalah terhad kerana semua caruman termaktub dalam Akta KWSP 1991 melalui potongan gaji dan pencarum hanya dibenarkan untuk membuat pengeluaran di bawah skim pra-persaraan dan persaraan. KWSP menguruskan keperluan kecairannya melalui:

- (a) Pemantauan aliran tunai harian dan membuat jangkaan aliran tunai bulanan mengikut tempoh masa sehingga 12 bulan;
- (b) Peruntukan sebanyak 3% daripada nilai aset bagi instrumen jangka pendek dalam bentuk tunai dan deposit dalam institusi kewangan bagi memenuhi pengeluaran pencarum dan komitmen kewangan dan obligasi lain; dan
- (c) Mewujudkan nisbah perlindungan kecairan (LCR) dan nisbah pembiayaan bersih (NFR) untuk memantau dan mengurus tahap kecairan di KWSP secara bulanan dengan menggabungkan keadaan pasaran semasa.

## PENGURUSAN RISIKO DI KWSP

Dalam tempoh jangka sederhana dan jangka panjang, KWSP berupaya untuk memenuhi keperluan kecairannya melalui pegangan pelaburan yang *liquid* seperti ekuiti tersenarai awam dan sekuriti pendapatan tetap. Kepelbagaian kematangan profil aset pendapatan tetap KWSP juga dipantau secara bulanan. Liabiliti kewangan KWSP dikategorikan kepada kumpulan kematangan yang relevan mengikut tempoh berbaki pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan hingga tarikh matang kontrak.

### Rangka Kerja Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)


Pengurusan Kesenambungan Perniagaan merupakan sebahagian daripada pendekatan KWSP untuk menguruskan risiko dengan berkesan. BCM memastikan proses dan protokol di KWSP terus beroperasi sekiranya menghadapi gangguan khusus dan serta merta.

Melalui rangka kerja BCM yang menerapkan piawaian ISO 22301:2019 dan daya tahan bersepadu, KWSP mampu mengurus daya tahan keseluruhan organisasinya.

Bagi melindungi KWSP semasa gangguan dan membina budaya kesediaan, berikut merupakan pendekatan yang digunakan:

- (i) Pendekatan berdaya tahan bagi membina perniagaan yang selamat dan berkekalan;
- (ii) Integrasi BCM dengan proses-proses unit operasi;
- (iii) Penilaian risiko dan mitigasi dengan analisis lokasi; dan
- (iv) Ambang bencana khusus untuk kesiapsiagaan menghadapi bencana dan tindak balas terhadap pelbagai konteks.

Gambar rajah di bawah menunjukkan komponen Rangka Kerja BCM KWSP:



### Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRM)

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi merupakan satu struktur formal yang berkesan untuk mengurus risiko berkaitan teknologi dengan lebih baik, meningkatkan ketahanan teknologi dan maklumatnya, serta untuk tadbir urus keselamatan.

Rangka kerja ini dibangunkan dengan garis panduan yang telah ditambah baik dan komprehensif untuk mengekalkan daya tahan KWSP terhadap ancaman teknologi dan siber. Ini membolehkan KWSP untuk melakukan penilaian sendiri yang berterusan bagi memastikan risiko teknologi dan siber diuruskan.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi digambarkan di bawah:



Pengurusan Risiko Teknologi (TRM) memberikan penilaian risiko bebas pada sistem dan projek teknologi maklumat seluruh organisasi. TRM juga mengesyorkan kawalan risiko teknologi yang berkesan untuk mengurangkan risiko demi menjalin perlindungan yang lebih baik bagi misi sistem IT kritikal iaitu menyimpan, memproses dan menghantar maklumat sensitif.

### Tahap Risiko dan Toleransi

KWSP mewujudkan Pernyataan Tahap Risiko Organisasi yang menerangkan falsafah risiko KWSP dan sikap terhadap risiko organisasi. Tahap risiko KWSP menentukan jumlah, tahap dan jenis risiko yang boleh dan sanggup diterima oleh KWSP dalam mencapai objektif strategiknya. Ia juga menggariskan tahap toleransi risiko dan had untuk mentadbir, mengurus dan mengawal aktiviti pengambilan risiko KWSP.

Pernyataan Tahap Risiko Organisasi disokong oleh lima (5) kategori Pernyataan Toleransi Risiko yang sejajar dengan kategori risiko strategik KWSP:

- Risiko Strategik;
- Risiko Reputasi;
- Risiko Operasi;
- Risiko Kewangan; dan
- Risiko Teknologi.

Pernyataan Tahap Risiko berkaitan pelaburan menentukan tahap risiko yang sanggup diterima oleh KWSP dan menjadi asas bagi peruntukan dana pelaburan. Peruntukan aset kerap dikaji semula bagi memastikan dana yang dilaburkan adalah mengikut kecenderungan risiko KWSP.

### Metodologi Risiko

#### Kad Skor Risiko Korporat (CRS)


Dalam pelaksanaan ORM, KWSP menggunakan pakai metodologi Kad Skor Risiko Korporat (CRS). Berdasarkan pada Metodologi CRS, terdapat lima (5) sumber risiko bagi membantu dalam pemahaman dan artikulasi risiko bagi KWSP. Ini bagi memastikan bahawa semua sumber utama risiko dipertimbangkan dan dikumpulkan dengan sewajarnya bagi tujuan penilaian. Sumber-sumber risiko merangkumi:

- Luaran (termasuk Kawal Selia);
- Strategik (termasuk Modal Insan dan Tadbir Urus Korporat);
- Kewangan;
- Pihak Berkepentingan; dan
- Operasi (termasuk Undang-Undang).

## PENGURUSAN RISIKO DI KWSP

Semua faktor risiko dalam Kad Skor Risiko Korporat adalah sejajar dengan objektif strategik KWSP. Risiko-risiko strategik ini dimaklumkan ke peringkat bahagian dan akhirnya ke peringkat jabatan dan pejabat wilayah/cawangan.

Metodologi Kad Skor Risiko Korporat ditunjukkan dalam carta di bawah:



### Corporate Digital Assurance (CDA)

Risiko di KWSP dipantau dan diurus melalui unit operasi manakala proses jaminan dilaksanakan melalui proses *Corporate Digital Assurance* (CDA). Pemilik kad skor, risiko kawalan dan tindakan pengurusan dikehendaki memberikan pengesahan digital sebanyak empat (4) kali setahun kepada pihak Pengurusan bagi membuktikan bahawa mereka telah menguruskan risiko dalam profil mereka dengan sewajarnya.


### Nilai Risiko dan Tingkah Laku

Budaya risiko didorong oleh ketegasan pihak atasan yang berfungsi sebagai asas untuk membina struktur, tadbir urus dan rangka kerja pengurusan risiko seluruh organisasi. Ini adalah untuk menyemai nilai dan prinsip kelakuan yang diharapkan dapat membentuk tingkah laku dan sikap semua warga kerja KWSP.

## PROSES PENGURUSAN RISIKO

Elemen utama proses pengurusan risiko adalah seperti berikut:

- Mewujudkan konteks: Menyatakan objektif organisasi dan menentukan parameter luaran dan dalaman yang perlu diambil kira dalam mengurus risiko;
- Penaksiran risiko: Merangkumi proses mengenal pasti risiko, analisis risiko dan penilaian risiko;
- Menangani risiko: Tindakan yang diperlukan untuk mencegah, mengesan dan mengurus risiko bersih ke tahap yang boleh diterima;
- Komunikasi dan perundingan: Komunikasi dua hala antara Jabatan Pengurusan Risiko dan pihak berkepentingan mengenai kewujudan, sifat, bentuk, tahap keseriusan atau kebolehterimaan sesuatu risiko;
- Memantau dan mengkaji semula: Kedua-dua aktiviti ini adalah terancang dan merupakan aspek yang penting dalam proses pengurusan risiko yang melibatkan pemeriksaan atau pemantauan yang kerap; dan
- Perekodan dan pelaporan: Butiran dan minit mesyuarat direkodkan dan dilaporkan secara berkala.



Jabatan Pengurusan Risiko melaporkan dan membentangkan isu-isu berkaitan dengan pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Kerja Risiko Digital (DRWC), Jawatankuasa Risiko Pengurusan (MRC), Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan (MIC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga (BRMSC), Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC), Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan secara berkala sebagai makluman dan/atau membuat keputusan.

KWSP mengakui akan kepentingan sumber manusia, proses, teknologi/infrastruktur dan budaya sebagai pemboleh utama untuk menyokong pelaksanaan pengurusan risiko organisasi yang berjaya.

Ini menggalakkan pertimbangan risiko dalam kalangan warga kerja KWSP untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan, membina kepercayaan dan mencipta nilai untuk kelestarian jangka panjang.

# PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN



## ULASAN

Pernyataan ini adalah selaras dengan *Statement on Risk Management & Internal Control - Guidelines for Directors of Listed Issuers* (Garis Panduan), yang dikeluarkan oleh pasukan petugas khas industri yang diiktiraf oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Prinsip B, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kod ini telah dikemaskini pada April 2021 yang menyatakan bahawa Lembaga perlu mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan.

Kenyataan ini menunjukkan komitmen KWSP yang tinggi dalam mengekalkan tahap keberkesanan pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman semasa menguruskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh KWSP dalam tahun ini.


## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga KWSP memperakui tanggungjawabnya secara keseluruhan dengan memastikan tahap kesesuaian dan keberkesanan pengurusan risiko dan kerangka kawalan dalaman KWSP mampu membolehkan objektif organisasi tercapai.

Rangka kerja ini direka bagi mengenal pasti, menganalisis dan menilai risiko yang signifikan bertujuan membantu Lembaga membuat keputusan yang terbaik selaras dengan peranannya mengawal selia risiko bagi memastikan risiko tersebut dapat dikurangkan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, sistem kawalan dalaman disediakan untuk menguruskan dan bukan untuk menghapuskan risiko tersebut. Dalam kata yang lain, ia dapat memberikan jaminan yang munasabah dan bukannya jaminan secara mutlak.

Bagi melaksanakan tanggungjawab pengawasan dengan berkesan, tiga (3) jawatankuasa telah ditubuhkan:

- Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC) terhadap proses kawalan dalaman dan tadbir urus;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Dan Kelestarian Lembaga (BRMSC) terhadap aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kecuali aktiviti dalam membuat keputusan Pelaburan; dan
- Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC) dalam perkara berkaitan pengurusan risiko pelaburan meliputi tahap risiko, ukuran risiko, polisi dan had kecuali aktiviti melibatkan operasi pelaburan.

 Maklumat lanjut mengenai IPRC ada dinyatakan dalam *Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini*.

## Tanggungjawab Pengurusan

Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar dan prosedur Lembaga mengenai risiko dan kawalan, yang terdiri daripada:

- Mengetahui risiko yang relevan dalam mencapai objektif dan strategi KWSP;
- Mereka bentuk, melaksana dan memantau rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman selaras dengan visi strategik dan tahap risiko keseluruhan KWSP; dan
- Mengetahui perubahan kepada risiko dan risiko yang bakal muncul, mengambil tindakan apabila diperlukan dan seterusnya memaklumkan kepada Lembaga tepat pada waktunya.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

KWSP mempunyai rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan, iaitu merupakan sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik. Dalam hal ini, KWSP menerima pakai Model Tiga Barisan. Barisan pertama merupakan barisan jabatan dan cawangan yang bertanggungjawab untuk memastikan risiko dan kawalan diwujudkan dan dilaksanakan dalam operasi harian secara berkesan.

Barisan kedua diwakili oleh Jabatan Pengurusan Risiko yang membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, metodologi dan cara untuk menguruskan risiko utama dalam organisasi.

Jabatan Audit Dalam merupakan barisan ketiga yang menyemak aktiviti-aktiviti perniagaan utama KWSP dan menilai keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko operasi dan proses tadbir urus.

Sistem dan proses utama yang telah diwujudkan oleh Lembaga untuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah seperti berikut:

### Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi

Di KWSP, pengurusan risiko wujud dalam proses organisasi utama secara menyeluruh. Hal ini termasuklah semasa melaksanakan proses perancangan strategik khususnya dalam mewujudkan 3YRP KWSP, pengurusan prestasi perniagaan melalui *Balanced Scorecard*, operasi perniagaan dan proses membuat keputusan, membolehkan KWSP mencapai objektif strategiknya.

Lembaga telah mengguna pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM) berasaskan ISO 31000:2018 Risk Management – Guidelines yang menggariskan prinsip, polisi dan proses bagi menguruskan risiko operasi di KWSP. Tambahan pula, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRMF) diwujudkan untuk mengurus risiko berkaitan teknologi, meningkatkan daya tahan teknologi dan struktur tadbir urus, serta perlindungan ke atas maklumat.

Rangka kerja ini membolehkan pandangan yang lebih menyeluruh bagi memastikan proses yang berstruktur dan berdisiplin dalam menguruskan teknologi, keselamatan maklumat dan risiko operasi di KWSP.

KWSP telah menetapkan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas berkenaan proses pengurusan risiko. Tanggungjawab utama risiko dan kawalan di bawah struktur pengurusan risiko terdiri daripada:

- (a) BRMSC bagi mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi dan memastikan proses pengurusan risiko diwujudkan dan berfungsi dengan berkesan. Jawatankuasa ini menyemak semula dan mencadangkan strategi pengurusan risiko dan menilai kecukupan rangka kerja pengurusan risiko.
- (b) BRMSC dibantu oleh Jawatankuasa Risiko (MRC) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang mengkaji semula rangka kerja pengurusan risiko dan teknologi dan memastikan keberkesanan perlaksanaannya dalam organisasi.

### Rangka Kerja Kawalan Dalaman

KWSP menerima pakai sistem dan rangka kerja kawalan dalaman adalah berdasarkan *COSO Internal Control Integrated Framework*, penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman, yang menggariskan lima (5) komponen kawalan yang saling berkait rapat – persekitaran kawalan, penilaian penarafan risiko, kawalan aktiviti, maklumat dan komunikasi, dan pemantauan.

Jabatan Audit Dalam menyediakan jaminan yang bebas dan munasabah ke atas kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Audit Lembaga. Jawatankuasa Audit Lembaga bertanggungjawab mengkaji semula isu kawalan dalaman yang dikenal pasti dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan luaran.

Jawatankuasa juga mengkaji semula fungsi audit dalam dengan memberi penekanan ke atas kebebasan audit dalam, skop, sumber dan kualiti pengauditan. Aktiviti Jawatankuasa yang terperinci dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pernyataan Audit Dalaman dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini.

## ELEMEN UTAMA KAWALAN DALAMAN

Elemen utama kawalan dalaman di KWSP adalah seperti berikut:

### Persekitaran Kawalan

Persekitaran kawalan menetapkan hala tuju organisasi, mempengaruhi tahap kesedaran kawalan di kalangan anggotanya. Ia merupakan asas kepada semua komponen kawalan dalaman yang lain, menerapkan disiplin serta struktur. Aktiviti-aktiviti utamanya termasuk:

1

#### Terma Rujukan

Terma rujukan mendefinisikan peranan dan tanggungjawab semua Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan sepertimana yang dinyatakan dalam Pernyataan Tadbir Urus Korporat.

2

#### Struktur Organisasi

Struktur organisasi telah mentakrifkan dengan jelas berkenaan akauntabiliti, delegasi tanggungjawab dan tahap autoriti bagi semua aspek perniagaan. Jawatankuasa pengurusan bermesyuarat secara kerap untuk mengenalpasti, berbincang dan menyelesaikan isu operasi, kewangan, pelaburan dan isu utama pengurusan serta melaporkan secara berkala kepada Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa berkenaan.

## PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

3

### Pembangunan Sumber Manusia

KWSP telah mewujudkan program yang menggariskan pelaksanaan pembangunan sumber manusia. Ini adalah untuk memastikan kemahiran pekerja dipertingkatkan dan dinilai semula untuk membina tenaga kerja yang tangkas dan bersedia untuk masa hadapan yang boleh menghadapi perkembangan terkini terhadap pendigitalan dan perubahan persekitaran kerja. Pelan penggantian yang komprehensif juga telah diwujudkan dan disemak secara berkala untuk mengukuhkan bakat, kekuatan dan kebolehan penggantian.

4

### Pembudayaan Integriti


Sebagai pemegang amanah yang ditugaskan untuk menguruskan simpanan ahli, KWSP berusaha untuk memupuk persekitaran berlandaskan amanah dan integriti dalam organisasi.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan termasuklah EPF Integrity Pillars, Pelan Integriti dan Anti-Rasuah, Polisi Anti-Rasuah, Ikrar Bebas Rasuah, Pengurusan Risiko Rasuah, Ikrar Integriti Korporat, Integriti Pact, Pernyataan Anti-Rasuah, Polisi tiada hadiah, pengisytiharan harta oleh anggota, pengisytiharan konflik kepentingan dalam proses perolehan dan proses Pelaburan serta prinsip toleransi sifar terhadap rasuah.

5

### Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah

KWSP telah mewujudkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk memastikan pematuhan yang ketat terhadap keperluan syariah dalam pengurusan Simpanan Syariah. Rangka kerja tadbir urus ini diwujudkan bagi memastikan Simpanan Syariah KWSP diuruskan mengikut syariah sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 43A Akta KWSP 1991 dan Kaedah-Kaedah KWSP (Akaun Simpanan Syariah) 2016, termasuk penubuhan JKPS bagi menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan dalam memastikan pengurusan Simpanan Syariah KWSP mematuhi prinsip syariah. Rangka kerja tadbir urus syariah ini merangkumi empat (4) fungsi iaitu Penyelidikan dan Penasihatannya Syariah, Pengurusan Risiko Syariah, Pemantauan dan Semakan Syariah, dan Audit Syariah.

 Rangka kerja tersebut menggariskan struktur dan dasar tadbir urus syariah seperti yang dinyatakan dalam Pernyataan Tadbir Urus Syariah bagi Simpanan Syariah dalam Laporan Tahunan Bersepadu.

6

### Kod Etika KWSP

Kod Etika KWSP menyediakan panduan kepada anggota dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, selaras dengan Visi, Misi dan Nilai Bersama KWSP. Kod ini bertujuan untuk menjelaskan tingkah laku beretika berlandaskan undang-undang, polisi dan prosedur sedia ada.

7

### Rangka Kerja Tadbir Urus Data KWSP

Rangka Kerja Tadbir Urus Data KWSP menetapkan skop dan tadbir urus bagaimana data dan maklumat diurus dan digunakan secara konsisten di seluruh KWSP. Ia juga menerangkan cara pemrosesan dan pengurusan data dijalankan untuk memastikan data organisasi adalah tepat, boleh diakses, konsisten dan dilindungi. Ini boleh dicapai melalui bidang domain utama di bawah Rangka Kerja, yang termasuk Pengurusan Kualiti Data dan Keselamatan Digital.

8

### Rangka Kerja Ketahanan Siber

Rangka Kerja Ketahanan Siber ialah rangka kerja yang menyatakan strategi KWSP dalam menguruskan ancaman siber. Ia menetapkan keseluruhan strategi ketahanan siber KWSP untuk mengekalkan operasi perniagaan sekiranya berlaku serangan siber.

### Penarafan Risiko

Penarafan risiko merangkumi proses dinamik dan berterusan bagi mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif. Aktiviti utama termasuk:

1

### Kad Skor Risiko Korporat (CRS)

Metodologi Kad Skor Risiko Korporat (CRS) adalah satu pendekatan pengurusan risiko yang terperinci yang mana risiko dikenal pasti berdasarkan sumber dalaman dan luaran, dianalisis, dinilai, dirawat dan dipantau.

CRS membolehkan Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan (RCSA) secara berterusan dilaksanakan supaya anggota boleh membuat penilaian sendiri dan mengemaskini profil risiko mereka.

## Aktiviti Kawalan

Aktiviti kawalan adalah polisi dan prosedur yang membantu memastikan arahan pengurusan dijalankan dengan berkesan. Ianya membantu memastikan tindakan yang bersesuaian diambil bagi memitigasi risiko yang menghalang pencapaian objektif organisasi. Aktiviti-aktiviti utama termasuk:

1

### Polisi dan Prosedur

Polisi dan prosedur bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman (seperti pengasingan tugas, proses penyemakan dan pengesahan secara bebas serta kawalan capaian sistem) yang dinyatakan dalam manual operasi, garis panduan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh KWSP dikemaskini secara berkala dan dipraktikkan oleh Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan Ketua Pengawai Eksekutif. Terdapat garis panduan polisi dan had penurunan kuasa yang dikenakan ke atas Pengurusan berkaitan operasi harian.

2

### Pengurusan Keselamatan Teknologi Maklumat

Pengurusan keselamatan IT di KWSP adalah berdasarkan ISO 27001, piawaian industri dan amalan terbaik yang lain. Ia menggariskan kawalan dan prosedur yang sesuai untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan maklumat yang lengkap serta sistem aplikasi.

Seni bina dan reka bentuk keselamatan KWSP sentiasa dikaji semula dan ditambah baik untuk mengukuhkan kawalan berkaitan keselamatan siber dan memitigasi risiko utama teknologi dan siber.

3

### Polisi *Chinese Wall*

Polisi dan prosedur *Chinese Wall* ini telah diperkenalkan untuk mengawal daripada berlaku sebarang kompromi terhadap prinsip-prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dengan mengawal, menyekat dan mengurus aliran maklumat yang boleh mempengaruhi harga sesuatu saham.

4

### Perlindungan Insuran

Perlindungan insuran yang mencukupi bagi aset utama telah sedia ada bagi memastikan aset KWSP dilindungi dari sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku yang boleh menyebabkan kerugian material.

5

### Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)

Rangka Kerja Pengurusan Kesenambungan Perniagaan diselaraskan dengan ISO 22301:2012 Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan. Pelan dan sistem BCM sentiasa dipantau, diuji, dikemaskini dan kemudiannya disampaikan kepada setiap peringkat dalam organisasi untuk memastikan KWSP mampu bertindak balas dan pulih daripada sebarang gangguan.

Selain itu, simulasi dijalankan untuk menentukan kesediaan KWSP sekiranya berlaku serangan gangguan sebenar.

6

### Dasar Keselamatan Kesihatan, Pekerjaan Dan Alam Sekitar

Dasar Keselamatan Kesihatan, Pekerjaan Dan Alam Sekitar yang telah dikemaskini pada April 2023 adalah selaras dengan ISO 45001:2018 Occupational Health and Safety Management Systems and ISO 14001:2015 Environmental Management Systems. Dasar ini bertujuan untuk menunjukkan komitmen KWSP untuk memastikan budaya kerja yang selamat, sihat dan memelihara alam sekitar bagi semua anggota, pelanggan dan orang awam yang berurusan dengan KWSP.

## PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

### Maklumat dan Komunikasi

Maklumat dan Komunikasi menyokong semua komponen kawalan yang lain dengan langkah berkomunikasi mengenai tanggungjawab kawalan kepada anggota dan menyediakan maklumat dalam kaedah dan tempoh masa yang membolehkan anggota menjalankan tugas mereka. Aktiviti utama termasuk:

1

#### Pelan Kawalan Pengurusan Fraud

Pelan Kawalan Pengurusan Fraud termasuk Penilaian Risiko Fraud, Polisi Anti Fraud dan Polisi Perlindungan maklumat menggariskan pendekatan KWSP terhadap pencegahan, pengesanan, pelaporan dan pengendalian fraud.

2

#### Komunikasi Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Prinsip, rangka kerja dan proses ORM yang diguna pakai oleh KWSP telah dimaklumkan kepada semua anggota agar mereka memahami dengan lebih baik mengenai amalan yang sedang diguna pakai.

### Pemantauan

Pemantauan dan penilaian berterusan berkaitan keberkesanan kawalan dalaman telah diterapkan/dibangunkan ke dalam proses bisnes di pelbagai peringkat dalam organisasi. Aktiviti-aktiviti utama termasuk:

1

#### Sistem Pengurusan Risiko Operasi

Satu sistem pengurusan risiko operasi bersepadu digunakan untuk memantau dan mengurus pendedahan KWSP kepada risiko. Risiko utama dikenal pasti dan keberkesanan kawalan dalaman dinilai dan disahkan secara elektronik oleh jabatan dan cawangan masing-masing pada masa yang ditentukan. Jika risiko yang telah dimitigasi masih tidak berada pada tahap boleh terima, pelan tindakan individu akan dikenal pasti dan perlaksanaannya dipantau untuk mengurangkan jurang tersebut.

2

#### Kekerapan Pelaporan

Terdapat proses yang mencukupi untuk membincangkan isu mengenai pengurusan risiko dan kelemahan kawalan dalaman dan ia dilaporkan secara kerap kepada Pengurusan melalui pelbagai jawatankuasa. Pengurusan menilai dan berkomunikasi dengan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh yang ditentukan.

3

#### Aktiviti Pemantauan Oleh Audit Dalam

Keputusan bagi semua aktiviti pengauditan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan dikomunikasi kepada pihak Pengurusan. Jabatan Audit Dalam mempunyai proses susulan bagi memantau dan membantu memastikan semua pemerhatian audit dan penyelesaian yang dipersetujui ditangani dengan segera.

4

#### Standard Pengurusan Sistem Kualiti

Semua proses teras KWSP mematuhi piawaian ISO 9001:2015 *Quality Management System*.

## JAMINAN MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga berpandangan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman KWSP adalah berkesan dan mencukupi untuk melindungi kepentingan ahli. Pemeriksaan oleh Lembaga terhadap keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman disokong oleh:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk mengawasi aktiviti pengurusan risiko.
- Jawatankuasa Audit Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, mengkaji semula penemuan dan cadangan yang dikenalpasti oleh juruaudit dalaman dan luaran.
- Ketua Audit Negara yang mengeluarkan sijil audit tahunan untuk penyata kewangan.
- Jaminan daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan pihak pengurusan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman KWSP beroperasi dengan mencukupi dan berkesan dalam semua aspek.

Penyata ini disediakan selaras dengan persetujuan ahli Lembaga bertarikh 27 Mei 2024.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA



## ULASAN

Jawatankuasa Audit Lembaga komited dalam melaksanakan peranannya untuk memastikan amalan tadbir urus korporat yang tinggi dan fungsi seliaan terhadap proses pelaporan kewangan, pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman KWSP.

## KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit Lembaga dianggotai oleh ahli-ahli yang berikut:

Bagi penggal 1 Jun 2021 hingga 31 Mei 2023

Bil.	Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga	Perwakilan
i.	<b>Khalid Haji Sufat</b>	Pengerusi – Profesional
ii.	<b>Datuk Johan Mahmood Merican</b>	Timbalan Pengerusi – Kerajaan
iii.	<b>Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong</b>	Kerajaan
iv.	<b>Datuk Dr. Philip Ting Ding Ing</b>	Majikan
v.	<b>Dato' Haji Adnan Mat</b>	Pekerja
vi.	<b>Zainal Abidin Mohd Kassim</b>	Profesional

Bagi penggal 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2025

Bil.	Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga	Perwakilan
i.	<b>Khalid Haji Sufat</b>	Pengerusi – Profesional
ii.	<b>Dato' Zamzuri Abdul Aziz</b>	Timbalan Pengerusi – Kerajaan
iii.	<b>Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong</b>	Kerajaan
iv.	<b>Dato' Haji Adnan Mat</b>	Pekerja
v.	<b>Zainal Abidin Mohd Kassim</b>	Profesional


## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

### MESYUARAT

Untuk tahun kewangan 2023, Jawatankuasa Audit Lembaga mengadakan 11 kali mesyuarat iaitu enam (6) Mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit Lembaga, empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga dan satu (1) Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Bersama dengan Juruaudit Luar.

Ketua Pegawai Eksekutif sebagai ahli ex-officio menghadiri kesemua mesyuarat kecuali Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Bersama dengan Juruaudit Luar. Kehadiran Pengurusan Kanan dalam mesyuarat adalah melalui jempunan, bergantung kepada perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga.

Perbincangan mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga adalah menyeluruh dan terperinci. Minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga diedarkan kepada ahli Jawatankuasa Audit Lembaga selepas setiap mesyuarat dijalankan. Lembaga akan dimaklumkan mengenai perkara penting yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga.

 Maklumat lanjut berkaitan kehadiran Jawatankuasa Audit Lembaga adalah seperti yang terkandung dalam Pernyataan Tadbir Urus Korporat.

### TERMA RUJUKAN

Kuasa, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga adalah digariskan di bawah Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga. Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga yang telah diluluskan oleh Lembaga boleh didapati di laman web rasmi KWSP di [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my).

### RINGKASAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Sepanjang tahun 2023, Jawatankuasa Audit Lembaga telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut bagi melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang digariskan dalam Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga:

#### (a) Audit Dalam

- (i) Meneliti dan meluluskan pelan audit tahunan dan sebarang perubahan kepada pelan audit tahunan dengan mengambil kira perubahan dalam organisasi bagi memastikan kecukupan skop pengauditan dan liputan secara menyeluruh aktiviti-aktiviti KWSP adalah dirancang berdasarkan penilaian risiko yang dilaksanakan. Sebanyak 105 audit secara hibrid audit (di lokasi dan audit jarak jauh) telah dicadangkan untuk dilaksanakan di dalam Pelan Audit 2024 yang telah diluluskan pada November 2023. Pengauditan menggunakan kaedah tematik juga telah dilaksanakan untuk memberi jaminan munasabah berkaitan keadaan tadbir urus dan kawalan dalaman ke atas aktiviti-aktiviti yang dipersetujui bersama Pengurusan.

- (ii) Meneliti dan membincangkan laporan-laporan Audit Dalaman yang dibentangkan dalam tahun semasa serta cadangan-cadangan yang dibuat, punca penyebab utama yang dikenal pasti dan maklum balas Pengurusan ke atas cadangan-cadangan tersebut serta tindakan mitigasi yang diambil untuk menyelesaikan kelemahan kawalan yang dikenal pasti.

Isu-isu serta cabaran berkaitan pengurusan operasi dalam bidang keselamatan siber, keselamatan data dan tadbir urus IT masih merupakan topik utama perbincangan. Isu-isu yang berkaitan dibincangkan secara terperinci bagi mendapatkan tindakan penyelesaian yang memuaskan oleh Pengurusan bagi mengelakkan isu serupa daripada berulang.

- (iii) Menyokong inisiatif-inisiatif Jabatan Audit Dalam dalam memantapkan mutu kerja audit dalaman melalui penggunaan teknologi seperti analitik data dan automasi proses robotik.
- (iv) Meneliti penemuan siasatan dan semakan khas berhubung bidang-bidang operasi yang spesifik bagi menentukan punca penyebab isu-isu berbangkit serta keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil untuk mengukuhkan sistem kawalan dalaman.
- (v) Memantau tindakan pembetulan yang diambil ke atas isu-isu audit yang belum selesai untuk memastikan risiko-risiko utama dan kelemahan kawalan dalaman diselesaikan dengan sewajarnya.
- (vi) Meneliti keberkesanan proses audit, keperluan tenaga kerja tahunan dan menilai prestasi Jabatan Audit Dalam sebanyak dua (2) kali setahun dan memberikan maklum balas secara bertulis untuk tujuan penambahbaikan.

Perkara-perkara yang dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga meliputi status pelaksanaan pelan audit, skop dan risiko diaudit, analisa punca penyebab utama, ringkasan penggredan audit bagi auditan yang telah dilaksanakan, ringkasan pemerhatian audit dan cadangan audit untuk penambahbaikan proses perniagaan, hasil penilaian oleh pihak diaudit, status penggunaan bajet, ringkasan kursus yang dihadiri oleh juruaudit, inisiatif penggunaan analitik data dan inisiatif-inisiatif penambahbaikan lain yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalam.

- (vii) Meneliti dan memperakukan pendedahan-pendedahan dalam Pernyataan Audit Dalam dan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk dipaparkan dalam Laporan Tahunan Bersepadu.

- (viii) Memantau pelaksanaan inisiatif yang dicadangkan oleh PwC di bawah Laporan Jaminan Kualiti yang dikeluarkan pada tahun 2020.
- (ix) Mempertimbangkan dan meluluskan Petunjuk Prestasi Utama dan penilaian prestasi untuk Ketua Jabatan Audit Dalam.

#### (b) Audit Luar

- (i) Membincangkan pelan audit yang dibentangkan oleh juruaudit luar.
- (ii) Meneliti semua pemerhatian yang dikenal pasti oleh juruaudit luar serta maklum balas Pengurusan terhadap penemuan tersebut.
- (iii) Mengadakan mesyuarat bersama juruaudit luar pada 13 Mac 2023 tanpa kehadiran Pengurusan untuk membincangkan isu-isu berkaitan dan mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan.
- (iv) Meluluskan proses tadbir urus KWSP mengenai perkhidmatan bukan jaminan yang dibekalkan oleh juruaudit luar dan senarai perkhidmatan bukan jaminan yang mana juruaudit luar boleh membekalkan kepada KWSP dan syarikat subsidiarinya selaras dengan International Ethics Standards Board for Accountants (IESBA) Code.

- (v) Menilai laporan ringkas setengah tahun berkaitan perkhidmatan bukan jaminan dan bayaran fi yang telah diluluskan oleh Pengurusan kepada juruaudit luar.

#### (c) Laporan Kewangan

Meneliti laporan kewangan suku tahunan yang belum diaudit dan laporan kewangan tahunan beraudit KWSP sebelum memperakukan kepada Lembaga untuk kelulusan dengan memberi tumpuan kepada:

- Implikasi pindaan polisi dan praktis perakaunan kepada penyata kewangan;
- Perkara-perkara penting yang dibangkitkan termasuk isu-isu laporan kewangan, pertimbangan yang dibuat oleh Pengurusan, perkara atau transaksi luar biasa dan kaedah menangani perkara ini; dan
- Pematuhan peruntukan piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia dan peraturan undang-undang yang lain.

#### (d) Urus Niaga Pihak Berkaitan

Meneliti transaksi urus niaga pihak berkaitan oleh KWSP dan semua anak syarikat seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

## LATIHAN

Sepanjang tahun semasa, ahli-ahli Jawatankuasa Audit Lembaga telah menghadiri pelbagai program latihan, persidangan dan seminar seperti berikut:

Bil.	Kursus
1.	Persidangan Jawatankuasa Audit 2023 - <i>Audit Committees: Catalysts of Change</i>
2.	Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) 2023 - <i>Changing the Game</i>
3.	Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2023 - <i>Future-fit Profession: Charting a Better Tomorrow</i>
4.	Seminar Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN ke-40 (ASSA)
5.	Siri Perbualan Lembaga dan Kepimpinan (BOLT#1) - Intrapreneurship dalam Tindakan: Strategi untuk Memupuk Pemimpin Inovasi
6.	Siri Perbualan Lembaga dan Kepimpinan (BOLT#3) - Pandangan dan Pengalaman dari New Zealand dalam Membangunkan Strategi Kebangsaan untuk Keupayaan Kewangan
7.	Siri Perbualan Lembaga dan Kepimpinan (BOLT#6) - Pandangan Kelestarian (SDG PBB dan Trend Kelestarian Organisasi)
8.	Pengawasan ESG untuk Lembaga Pengarah
9.	Kelestarian dan Impak ke atas Organisasi: Apa yang Perlu Diketahui oleh Pengarah?

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

Bil.	Kursus
10.	Pengurusan Risiko Iklim
11.	Pembangunan dan Prospek Kelestarian
12.	Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) & Anti-Rasuah dan Korupsi (ABC)
13.	Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)
14.	Pillar 2 Penyusutan Erosi dan Pendapatan serta Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Cukai (TCGF)
15.	Sesi Dialog Maya Forum BNM-FIDE
16.	Forum Belanjawan 2024
17.	Mesyuarat Strategi KWSP 2023
18.	Private Market Summit KWSP 2023
19.	Trend Keselamatan Siber dan Pembangunan oleh NetAssist
20.	Lawatan Pengajian Ahli Lembaga - Finland dan United Kingdom
21.	Program Hari Integriti KWSP Bersama Kementerian Kewangan Serta Agensi Di Bawah Kementerian Kewangan

### FUNGSI AUDIT DALAM

Jawatankuasa Audit Lembaga disokong oleh Jabatan Audit Dalam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Jabatan Audit Dalam melapor terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti audit dalaman berdasarkan pelan audit tahunan yang telah diluluskan.

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan objektif yang bebas serta khidmat nasihat yang dirancang untuk memberi nilai tambah demi penambahbaikan operasi KWSP. Jabatan Audit Dalam membantu KWSP mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

 Maklumat lanjut berkaitan fungsi audit dalam adalah seperti yang terkandung di Pernyataan Audit Dalam.

# PERNYATAAN AUDIT DALAM



## ULASAN

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan objektif yang bebas serta khidmat nasihat yang dirancang untuk memberi nilai tambah bagi penambahbaikan operasi KWSP. Jabatan Audit Dalam membantu KWSP mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

## KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Jabatan Audit Dalam melapor tugas-tugas fungsional kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk mengekalkan kebebasan dan objektiviti. Aktiviti-aktiviti Jabatan Audit Dalam adalah bebas daripada sebarang pengaruh dalam menentukan skop pengauditan dan pelaksanaan kerja serta memaklumkan hasil auditan.

Jabatan Audit Dalam adalah bebas daripada aktiviti-aktiviti yang diaudit olehnya. Bagi menjaga status kebebasannya, Jabatan Audit Dalam tidak mempunyai sebarang kuasa eksekutif atau pengurusan, autoriti, fungsi atau tanggungjawab kecuali berkaitan dengan pengurusan Jabatan Audit Dalam. Jabatan Audit Dalam juga tidak bertanggungjawab terhadap pembangunan atau pelaksanaan terperinci sistem, pelan, peraturan, polisi atau prosedur baru.

Bagi memastikan juruaudit adalah bebas daripada sebarang konflik kepentingan yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka, juruaudit yang bertukar masuk dari jabatan atau cawangan KWSP lain tidak dibenarkan untuk melaksanakan auditan ke atas jabatan/cawangan mereka sebelum ini sehingga tempoh *cooling off* telah tamat.

## SKOP KERJA

Fungsi Jabatan Audit Dalam merangkumi pengauditan kewangan, operasi, pematuhan dan pengurusan KWSP. Skop kerja Jabatan Audit Dalam yang paling utama adalah menentukan sama ada proses-proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman, sistem pengurusan maklumat dan tadbir urus KWSP seperti yang dirancang dan dilaksanakan oleh Pengurusan adalah mencukupi

dan berfungsi dengan berkesan supaya:

- risiko dikenal pasti dan diuruskan dengan sewajarnya;
- sumber-sumber diperolehi secara ekonomik dan digunakan secara efektif dan efisien;
- aset adalah terpelihara;
- maklumat penting mengenai pengurusan, kewangan dan operasi adalah tepat, munasabah dan disediakan dalam tempoh yang ditetapkan;
- peraturan dan undang-undang, polisi, piawaian dan prosedur yang diguna pakai adalah dipatuhi; dan
- objektif dan matlamat yang ditetapkan adalah tercapai.

Skop kerja Jabatan Audit Dalam juga merangkumi:

- pelaksanaan siasatan khas atas permintaan Pengurusan/Jawatankuasa Audit Lembaga;
- bekerjasama dengan juruaudit luar untuk memastikan liputan pengauditan adalah mencukupi, serta meminimumkan pertindihan kerja;
- penglibatan sebagai pemerhati dalam aktiviti-aktiviti Pengurusan Kesyntesis Perniagaan untuk memberikan pemerhatian bebas mengenai kesediaan pemulihan perniagaan/sistem untuk kembali pulih (sekiranya bencana berlaku) dalam masa yang ditetapkan; dan
- menyertai jawatankuasa pengurusan atas kapasiti perundingan dan memberi pandangan bebas mengenai tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Penglibatan Jabatan Audit Dalam dalam jawatankuasa pengurusan tidak akan menghalang Jabatan Audit Dalam daripada menjalankan pengauditan ke atas sistem atau proses berkenaan.

## PERNYATAAN AUDIT DALAM

Jabatan Audit Dalam membangunkan pelan audit berasaskan risiko, dengan mempertimbangkan objektif strategik KWSP serta ulasan daripada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan Kanan. Pengauditan yang dijalankan telah diberi keutamaan berdasarkan penilaian risiko yang wujud, risiko kawalan dan risiko pengesanan bagi setiap operasi, fungsi dan sistem teknologi maklumat.

Bagi tahun kewangan 2023, 128 laporan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga.

Pelaksanaan berterusan bagi Automasi Proses Robotik dan penambahan penggunaan analitik data dalam proses kerja audit dalaman telah dibuat. Satu unit data analitik telah ditubuhkan untuk mempertingkatkan penggunaan data analitik dalam Jabatan Audit Dalam.

Jabatan Audit Dalam akan melaporkan status pemerhatian audit yang belum diselesaikan kepada Pengurusan pada setiap suku tahun dan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga pada setiap setengah tahun. Status pelaksanaan tindakan-tindakan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan akan terus dipantau oleh Jabatan Audit Dalam.

### SUMBER JABATAN AUDIT DALAM

Jawatankuasa Audit Lembaga meneliti dan meluluskan keperluan sumber manusia Jabatan Audit Dalam bagi memastikan Jabatan Audit Dalam mempunyai bilangan juruaudit yang mencukupi dan kompeten. Setakat 31 Disember 2023, Jabatan Audit Dalam mempunyai kekuatan tenaga kerja seramai 91 juruaudit daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran, seperti berikut:

Bil.	Bidang Kepakaran	Bilangan Juruaudit	Peratusan
1.	Kewangan dan Perakaunan	62	68%
2.	Teknologi Maklumat	16	18%
3.	Pentadbiran Perniagaan	10	11%
4.	Kejuruteraan/Juruukur Bahan	3	3%
<b>Jumlah</b>		<b>91</b>	<b>100%</b>

### SIJIL PROFESIONAL DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI YANG BERTERUSAN

Jabatan Audit Dalam adalah komited untuk menyediakan kursus-kursus yang relevan dan sentiasa menggalakkan juruaudit untuk melengkapi diri dengan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Juruaudit juga digalakkan untuk mendapatkan pensijilan dan kelayakan profesional yang bersesuaian dengan bidang masing-masing.

Setakat 31 Disember 2023, 26 juruaudit mempunyai sejumlah 32 pensijilan dan kelayakan profesional yang dianugerahkan oleh pelbagai badan profesional yang diiktiraf. Pensijilan dan kelayakan profesional tersebut adalah seperti *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*, *Certified Practising Accountants (CPA) Australia*, *Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)*, *Certified Internal Auditor (CIA)*, *Certified Information Systems Auditor (CISA)*, *Certified Fraud Examiner (CFE)* dan sebagainya.

Setakat tahun semasa, juruaudit telah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- Kehadiran juruaudit dalam persidangan, kursus luar jabatan dan kursus anjuran jabatan merangkumi bidang pengauditan, data analitik, pengetahuan produk, inisiatif strategik, kepimpinan dan komunikasi, kemahiran perniagaan, dan kemahiran insaniah;
- Mengadakan sesi latihan mengenai proses KWSP untuk memastikan juruaudit mendapat maklumat terkini tentang perkembangan terkini dalam organisasi; dan
- Melaksanakan pusingan kerja di kalangan juruaudit bertujuan memberi pendedahan dalam bidang audit yang lain.

### PROGRAM KUALITI DAN PENAMBAHBAIKAN

Program Kualiti dan Penambahbaikan akan diteruskan untuk menilai kualiti proses audit, selaras dengan keperluan *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing* yang ditetapkan oleh *The Institute of Internal Auditors*. Cadangan dan peluang penambahbaikan dikenal pasti melalui penilaian dalaman dan penilaian luaran.

Penilaian dalaman dilaksanakan secara tahunan oleh pasukan jaminan kualiti yang di bawah penyeliaan Ketua Jabatan Audit Dalam.

Keperluan untuk membuat Semakan Semula Jaminan Kualiti adalah termaktub dalam Piagam Audit Dalam yang perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap lima (5) tahun oleh perunding bebas bertauliah. Penilaian jaminan kualiti luaran meliputi skop yang luas termasuk pematuhan terhadap Definisi Pengauditan Dalaman, Piawaian dan Kod Etika dan Piagam Audit Dalam, Pelan Audit, polisi dan prosedur selaras dengan keperluan *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing* oleh *The Institute of Internal Auditors* dan amalan terbaik industri. Hasil penilaian oleh perunding bebas didokumentasikan dalam laporan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga.

Berdasarkan penilaian PricewaterhouseCoopers Risk Services Sdn. Bhd. pada tahun 2020, Jabatan Audit Dalam secara keseluruhan mematuhi *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing* yang ditetapkan oleh *The Institute of Internal Auditors*.

# PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

## TANGGUNGJAWAB

Berdasarkan Seksyen 18(1) Akta KWSP 1991, Panel Pelaburan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan pelaburan KWSP dan menggalas tanggungjawab terhadap Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan. Rangka kerja ini menggariskan proses dan amalan pengurusan risiko yang teguh yang bertujuan untuk memitigasi dan memastikan risiko yang diambil adalah selaras dengan tahap risiko KWSP.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Risiko pelaburan di KWSP dikawal selia oleh Rangka kerja Pengurusan Risiko Pelaburan KWSP yang merangkumi struktur tadbir urus, tahap risiko, alokasi aset, pelbagai polisi dan proses. Rangka kerja ini sentiasa dikaji semula bagi memastikan kerelevanan dan keberkesanannya.

## STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko berkaitan dengan keputusan pelaburan yang dibuat oleh KWSP. Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk membantu Panel Pelaburan memperakukan tahap risiko dan alokasi belanjawan risiko yang sesuai. Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan sentiasa mengkaji semula pelbagai pengukuran risiko, polisi, proses dan had bagi memastikan keberkesanan berterusan.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Pengurusan untuk memantau dan mengkaji semula aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Jabatan Pengurusan Risiko membantu Jawatankuasa Risiko Pengurusan, Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dan Panel Pelaburan dalam hal-hal berkaitan pengurusan risiko merangkumi pengukuran risiko, penilaian bebas risiko, pemantauan dan laporan bagi pendedahan risiko pelaburan KWSP.

## TOLERANSI RISIKO

Pernyataan Tahap Risiko yang diluluskan oleh Panel Pelaburan menggariskan secara umum tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP dan menjadi asas kepada alokasi dana untuk pelaburan. Kajian semula terhadap alokasi aset sentiasa dilaksanakan untuk memastikan dana yang dilaburkan adalah selaras dengan tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP.

Pelbagai polisi dan had telah disediakan untuk memastikan risiko-risiko dipantau secukupnya bagi setiap kelas aset. Sistem Risiko dan Prestasi telah disediakan dan dipertingkatkan secara berterusan untuk memastikan risiko diukur secara sistematik dan dipantau.

## KESIMPULAN

Panel Pelaburan berpandangan bahawa amalan pengurusan risiko pelaburan adalah berkesan untuk melindungi pelaburan KWSP. Panel Pelaburan dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan yang bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk mengkaji semula laporan risiko dan pematuhan daripada pihak pengurusan.

Pernyataan ini disediakan berdasarkan resolusi semua ahli Panel Pelaburan bertarikh 23 Mei 2024.

# AHLI LEMBAGA



**TAN SRI AHMAD  
BADRI MOHD ZAHIR**  
Pengerusi Lembaga

**JKP** **JRTL**

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 63

**Tempoh Pelantikan:**  
• 1.5.2020 - 30.4.2022  
• 1.5.2022 - kini

13/13

Tan Sri Ahmad Badri dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP bermula dari 1 Mei 2020.

Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan. Beliau menganggotai ahli Panel Pelaburan KWSP semenjak 2014 dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pelaburan strategik, pengurusan pinjaman, pasaran kewangan dan sains aktuari.

Selain daripada memegang jawatan sebagai Pengerusi KWSP, Tan Sri Ahmad Badri juga berkhidmat sebagai Pengerusi RHB Bank Berhad dan menjadi ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad. Sebelum ini, beliau merupakan Pengerusi IJN Holdings Sdn. Bhd., Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan, Tenaga Nasional Berhad, Pengarah Bank Negara Malaysia, dan Permodalan Nasional Berhad, antara lain.

Tan Sri Ahmad Badri memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Penilaian Kanan di C.H. Williams, Talhar & Wong Sdn. Bhd. sebelum pelantikan beliau sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan pada 1989 dan telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun dalam pelbagai jawatan.

Tan Sri Ahmad Badri memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hull, United Kingdom, Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Diploma dalam Pengurusan Hartanah dari Universiti Teknologi MARA serta Diploma dalam Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara.



**DATO' ZAMZURI  
ABDUL AZIZ**

Timbalan Pengerusi Lembaga  
Wakil Kementerian Kewangan

**JAL** **JS** **JRTL**

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 53

**Tempoh Pelantikan:**  
• 1.6.2023 - kini

7/7

Dato' Zamzuri dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mulai 1 Jun 2023. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan.

Dato' Zamzuri telah berkhidmat dalam pelbagai lembaga dan jawatankuasa, menyumbang kepada tadbir urus dan hala tuju strategik organisasi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Malaysia Airports Holding Berhad, Universiti Malaya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Lembaga Tabung Haji, antara lain.

Kerjaya beliau merangkumi beberapa jawatan utama dalam agensi Kerajaan, bermula dengan pelantikan beliau sebagai Pegawai Hal Ehwal Ekonomi di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia. Beliau kemudiannya menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, yang mana beliau memegang peranan dalam pembangunan perdagangan, pengurusan belanjawan, dan perolehan dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Kewangan. Sehubungan dengan itu, tanggungjawab Dato' Zamzuri terutamanya meliputi penyeliaan peruntukan belanjawan, dasar perolehan, dan pentadbiran kewangan sama ada di peringkat kementerian mahu pun negara.

Dato' Zamzuri memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaya sementara Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga telah menyempurnakan program eksekutif berprestij di Harvard Business School dan Northwestern University, Amerika Syarikat.

## SILIH GANTI KEPADA DATO' ZAMZURI ABDUL AZIZ

### DATO' SHAHROL ANUWAR SARMAN

**Warganegara:** Malaysia

#### Petunjuk:

**JAL** Jawatankuasa Audit Lembaga

**JS** Jawatankuasa Strategi

**JKP** Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

**JRTL** Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

**JPS** Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan

**JPRKL** Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga

**LP** Lembaga Perolehan

**JTL** Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

**JRPP** Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

Kehadiran Mesyuarat Lembaga



### DATO' SERI DR. ZULKAPLI MOHAMED

Ahli Lembaga,  
Wakil Kerajaan

**JKP** **JTL**

**Warganegara:**  
Malaysia

**Umur:**  
58

**Tempoh Pelantikan:**  
• 1.4.2023 - 5.1.2024

8/9

Dato' Seri Dr. Zulkapli bin Mohamed dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWSP bermula dari 1 April 2023. Beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam hingga 5 Januari 2024.

Dato' Seri Dr. Zulkapli memulakan kerjayanya pada 1992 sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam. Selepas itu, beliau memegang beberapa jawatan termasuk Timbalan Pengarah di Unit Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri.

Antara jawatan beliau yang penting ialah Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Setiausaha Persekutuan Sabah, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan di Jabatan Perkhidmatan Awam, Timbalan Setiausaha Bahagian Korporat, Kementerian Kewangan Malaysia, dan Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Kuala Kangsar, Perak. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah (Sektoral) di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kemudiannya memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada 12 Oktober 2015.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi dari International University of Japan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi dari Meiji University, Jepun.



### DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR UNTONG, JP.

Ahli Lembaga,  
Wakil Kerajaan

**JAL** **JPRKL** **JRTL**

**Warganegara:**  
Malaysia

**Umur:**  
59

**Tempoh Pelantikan:**  
• 1.4.2020 - 31.5.2021  
• 1.6.2021 - 31.5.2023  
• 1.6.2023 - kini

12/13

Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong dilantik menganggotai Lembaga Pengarah KWSP bermula dari 1 April 2020. Beliau kini berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Sebelum pelantikan semasanya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada 4 November 2019, Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. Beliau merupakan seorang juruukur tanah profesional berdaftar, Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia dan Felo Kehormat Pakar Institut Utiliti Antarabangsa.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) (Kepujian) dari Universiti Teknologi Malaysia, Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Malaysia Sabah, dan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan dan Pentadbiran Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia.

### SILIH GANTI KEPADA DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR UNTONG

**DATUK (DATU) ROSMADI DATU SULAI**

**Warganegara:** Malaysia

#### Petunjuk:

**JAL** Jawatankuasa Audit Lembaga

**JS** Jawatankuasa Strategi

**JKP** Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

**JRTL** Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

**JPS** Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan

**JPRKL** Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga

**LP** Lembaga Perolehan

**JTL** Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

**JRPP** Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

Kehadiran Mesyuarat Lembaga

## AHLI LEMBAGA



**DATUK AMAR HAJI MOHAMAD  
ABU BAKAR MARZUKI**

Ahli Lembaga,  
Wakil Kerajaan

JPS JTL

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 59

**Tempoh Pelantikan:**  
• 15.1.2023 - kini

7/13

Datuk Amar Haji Mohamad dilantik sebagai wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah KWSP bermula dari 15 Januari 2023, mewakili Kerajaan. Pada masa ini, beliau memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Kerjaya cemerlang beliau dalam perkhidmatan awam termasuk peranan penting seperti Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Transformasi Sosio-Ekonomi), Pengarah Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Menteri, dan Pengarah Yayasan Sarawak, menunjukkan komitmen yang kuat terhadap pendidikan dan pembangunan masyarakat.

Kepimpinan, visi strategik, kelayakan akademik, dan pengalaman yang luas Datuk Amar Haji Mohamad dalam pentadbiran dan perancangan negeri telah menyumbang secara signifikan kepada Lembaga KWSP serta tadbir urus institusi utama di Malaysia.

Beliau membawa banyak pengalaman dan kepakaran kepada peranannya, telah menjalani Program Kepimpinan Felo Eksekutif Kanan di Harvard School of Government, University of Harvard Boston, Amerika Syarikat dan memperoleh pensijilan dalam Kad Skor Seimbang (Balanced Scorecard, BSCJ). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



**DATUK DR. SYED HUSSAIN  
SYED HUSMAN**

Ahli Lembaga,  
Wakil Majikan

JS JPS JTL

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 66

**Tempoh Pelantikan:**  
• 1.11.2020 - 31.10.2022  
• 1.11.2022 - kini

11/13

Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman dilantik sebagai Lembaga Pengarah KWSP bermula dari 1 November 2020. Beliau merupakan Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia.

Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman kini berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif SVTT Resources Sdn. Bhd., jawatan yang dipegang sejak 2011. Beliau juga merupakan Pengerusi KIP Real Estate Investment Trust dan ahli lembaga Can-One Berhad serta Agensi Kelayakan Malaysia.

Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman juga adalah Presiden Confederation of Asia Pacific Employers, Ahli Lembaga Tadbir Urus Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang berpangkalan di Geneva, Ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Majlis Penasihat Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, Majlis Perundingan Gaji Negara, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Ahli Majlis Pekerjaan Negara, dan Ahli Majlis TVET Negara.

Beliau memulakan kerjayanya di ICI Malaysia pada 1987, dan memperoleh pengalaman dalam bidang sumber manusia. Sejak itu, beliau mempunyai pengalaman kerjaya yang luas memegang pelbagai peranan kepimpinan di Procter & Gamble Malaysia dan Singapura, Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, British American Tobacco Berhad dan Petrofied (M) Berhad.

Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Perhubungan Buruh dari London, United Kingdom, dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Asia e University. Beliau juga penerima Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Perniagaan dari Western Illinois University, Illinois, Amerika Syarikat. Beliau juga telah menjalani Program Pembangunan Pengurusan Kanan di Harvard Business School, Amerika Syarikat.

**Petunjuk:**

JAL Jawatankuasa Audit Lembaga

JS Jawatankuasa Strategi

JKP Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

JRTL Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

JPS Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan

JPRKL Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga

LP Lembaga Perolehan

JTL Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

JRPP Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

Khadiran Mesyuarat Lembaga



### DATUK DR. TING DING ING (PHILIP)

Ahli Lembaga,  
Wakil Majikan

JS JPS JRTL LP

**Warganegara:**  
Malaysia

**Umur:**  
71

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.6.2019 - 31.5.2021
- 1.6.2021 - 31.5.2023
- 28.7.2023 - kini

12/12

Datuk Dr. Ting Ding Ing telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWSP pada 1 Jun 2019. Beliau merupakan Timbalan Presiden Persekutuan Perniagaan Sarawak dan juga Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak.

Beliau ialah ahli lembaga Swinburne University Sarawak Sdn. Bhd. dan Pengerusi Swinburne Innovation Sdn. Bhd. serta ahli jawatankuasa Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia. Beliau juga merupakan Konsul Kehormat untuk Australia di Sarawak.

Datuk Dr. Ting ialah Felo Institut Akauntan Bertauliah Australia dan New Zealand, Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia dan ahli seumur hidup Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia. Beliau merupakan bekas rakan kongsi antarabangsa Arthur Andersen & Co dan rakan pengurusan unit Perunding Sistem Perniagaan firma tersebut serta bekas rakan kongsi Hanafiah Raslan & Mohamad.

Beliau pernah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial, Yayasan Perubatan Malaysia, Lembaga Multimedia Sarawak, dan National Bank of Abu Dhabi Berhad. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan Cahaya Mata Sarawak Berhad.

Datuk Dr. Ting berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan serta Ijazah Kedoktoran dari Swinburne University of Technology, Melbourne, Australia. Beliau kini memegang jawatan profesor adjung di Universiti tersebut.



### DATUK HARUN HAJI ISMAIL

Ahli Lembaga,  
Wakil Majikan

JKP JPRKL LP

**Warganegara:**  
Malaysia

**Umur:**  
64

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.6.2021 - 31.5.2023
- 28.7.2023 - kini

12/12

Datuk Harun Haji Ismail telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP pada 1 Jun 2021. Datuk Harun merupakan Timbalan Presiden (Perdagangan) Persekutuan Industri Sabah.

Dalam bidang akademik, beliau diiktiraf sebagai Ahli Siswazah Lembaga Jurutera Malaysia dan memegang gelaran *Companion/Graduate Member* Institusi Jurutera Malaysia.

Datuk Harun kini berkhidmat sebagai Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Sabah Oil and Gas Development Corporation Sdn. Bhd. Dalam pada itu, beliau telah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. dari 1 Jun 2010 hingga 15 September 2022.

Beliau pernah memegang jawatan pengerusi di Sazma Aviation, Sabah Air Aviation dan Upper Padas Power Sdn. Bhd. Beliau juga pernah memegang pelbagai keahlian Lembaga termasuk Asian Supply Sdn. Bhd., Ranhill Powertron Sdn. Bhd., Petropipe (Sabah) Sdn. Bhd., Sepanggar Chemical Industry Sdn. Bhd., Sabah Air Aviation, Serudong Power Sdn. Bhd., dan Tabin Wildlife Holidays Sdn. Bhd.

Datuk Harun merupakan bekas ahli Jawatankuasa Komunikasi dan Media Persatuan Gas Malaysia, bekas Majlis Pengurusan Pusat Kemahiran & Teknologi Sabah, bekas ahli Jawatankuasa Perancangan, Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tariff Sabah serta bekas Pengerusi Bersama bagi Jawatankuasa Kerja Bersama Kerajaan Negeri Sabah dengan Petronas berkenaan hal Gas Asli (SC 2).

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Kejuruteraan Awam dari Universiti Malaya.

#### Petunjuk:

**JAL** Jawatankuasa Audit Lembaga

**JS** Jawatankuasa Strategi

**JKP** Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

**JRTL** Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

**JPS** Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan

**JPRKL** Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga

**LP** Lembaga Perolehan

**JTL** Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

**JRPP** Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

Kehadiran Mesyuarat Lembaga

## AHLI LEMBAGA



### DATO' DR. HAJI ADNAN MAT

Ahli Lembaga,  
Wakil Pekerja

JAL JS JPS JTL

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 58

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.6.2017 - 31.5.2019
- 1.6.2019 - 31.5.2021
- 1.6.2021 - 31.5.2023
- 1.6.2023 - kini

13/13

Dato' Dr. Haji Adnan Mat dilantik sebagai Lembaga KWSP pada 1 Jun 2017. Beliau merupakan Presiden Kongres Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Beliau berkhidmat sebagai Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa-Penguasa Tempatan dan juga sebagai Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Pelaksana. Beliau ialah Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Dato' Dr. Haji Adnan memegang jawatan sebagai Setiausaha Bersama KOSPETA Malaysia Berhad (Koop Negara No. 66). Sepanjang kerjaya perkhidmatan awamnya, beliau telah terlibat secara aktif dengan kesatuan-kesatuan sekerja dan mewujudkan rekod prestasi yang ketara dalam bidang ini.

Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran Pengurusan Perniagaan dari Asia e University pada 2023. Beliau juga memperoleh Diploma dari Institut Kesihatan Awam Kuala Lumpur yang dianugerahkan oleh The Royal Society for the Promotion of Health (RSH London).



### KAMARUL BAHARIN MANSOR

Ahli Lembaga,  
Wakil Pekerja

JRTL JPRKL

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 51

**Tempoh Pelantikan:**

- 15.9.2022 - kini

12/13

Kamarul Baharin Mansor telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP, Wakil Pekerja berkuat kuasa pada 15 September 2022. Beliau merupakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Setiausaha Agung, Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pengurusan Sisa Semenanjung Malaysia.

Beliau merupakan Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara, Ahli Majlis Pekerjaan Negara, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Ahli Majlis Keselamatan Negara, dan Ahli Majlis TVET Negara.

Beliau berkelulusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal, daripada Universiti Teknologi MARA.

#### Petunjuk:

JAL Jawatankuasa Audit Lembaga

JS Jawatankuasa Strategi

JKP Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

JRTL Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

JPS Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan

JPRKL Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga

LP Lembaga Perolehan

JTL Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

JRPP Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

Kehadiran Mesyuarat Lembaga



### ZAINAL ABIDIN MOHD KASSIM

Ahli Lembaga,  
Wakil Profesional

JS JAL JRTL JPS

**Warganegara:**  
Malaysia

**Umur:**  
68

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.6.2015 - 31.5.2017
- 1.6.2017 - 31.5.2019
- 1.6.2019 - 31.5.2021
- 1.6.2021 - 31.5.2023
- 1.6.2023 - kini

12/13

Zainal Abidin Mohd Kassim telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mulai 1 Jun 2015.

Beliau merupakan Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Kanan Actuarial Partners Consulting Sdn. Bhd. Beliau memulakan kerjayanya pada 1978 di Prudential Assurance PLC London.

Sekembalinya ke Malaysia pada 1982, beliau telah menyertai sebuah firma multinasional sebagai perunding aktuari. Beliau kekal aktif sebagai seorang perunding dan sekarang telah memiliki pengalaman lebih daripada 40 tahun dalam bidang insurans, takaful, keselamatan sosial dan skim persaraan. Hal ini termasuk memikul tanggungjawab berkanun sebagai Aktuari Dilantik kepada syarikat insurans hayat, penanggung insurans am dan pengendali takaful. Beliau juga mempunyai pengalaman perundingan mengenai hal-hal pelaburan kepada organisasi keselamatan sosial, persaraan dan kumpulan wang simpanan. Beliau telah menjalankan projek di pelbagai negara di Asia, Timur Tengah dan Afrika.

Beliau berkelulusan Kepujian Kelas Pertama dalam Sains Aktuari dari City, University of London dan merupakan Felo Institut dan Fakulti Aktuari di United Kingdom. Beliau juga ialah Felo Persatuan Aktuari Malaysia dan *Associate of the Society of Actuaries*, Amerika Syarikat dan pernah menjadi Presiden Persatuan Aktuari Malaysia.



### KHALID HAJI SUFAT

Ahli Lembaga,  
Wakil Profesional

JAL JKP JRTL

**Warganegara:**  
Malaysia

**Umur:**  
67

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.6.2017 - 31.5.2019
- 1.6.2019 - 31.5.2021
- 1.6.2021 - 31.5.2023
- 1.6.2023 - kini

13/13

Khalid Haji Sufat telah dilantik ke Lembaga KWSP bermula dari 1 Jun 2017.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif MNRB Holdings Berhad. Kerjaya beliau merangkumi pelbagai sektor yang menyumbang kepada pengalaman dan kepakarannya yang luas.

Sebagai seorang akauntan, beliau telah menjawat jawatan kanan dalam industri perbankan, termasuk Pengarah Urusan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Pengurus Besar Perbankan Pengguna di Malayan Banking Berhad, dan Pengarah Eksekutif United Merchant Finance Berhad.

Khalid Haji Sufat juga telah memegang jawatan pengurusan di syarikat tersenarai termasuk Pengarah Eksekutif Tronoh Mines Malaysia Berhad, Timbalan Pengerusi Eksekutif Furqan Business Organisation Berhad, dan Pengarah Urusan Kumpulan Seacera Tiles Berhad.

Selain daripada jawatan pengarah di MNRB Holdings Berhad, beliau memegang jawatan di syarikat awam terkenal lain termasuk Malaysian Reinsurance Berhad dan Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad.

Khalid Haji Sufat ialah Felo Institut Akauntan Bertauliah di United Kingdom, dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) serta Institut Akauntan Malaysia (MIA). Gabungan kerjaya dan profesional beliau menunjukkan komitmennya terhadap kecemerlangan dalam bidang kewangan dan tadbir urus korporat.

#### Petunjuk:

JAL Jawatankuasa Audit Lembaga

JS Jawatankuasa Strategi

JKP Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

JRTL Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

JPS Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan

JPRKL Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga

LP Lembaga Perolehan

JTL Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

JRPP Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

Kehadiran Mesyuarat Lembaga

## AHLI LEMBAGA



**PROF. TAN SRI DR. JEMILAH MAHMOOD**

Ahli Lembaga,  
Wakil Profesional

JPS JTL LP

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 64

**Tempoh Pelantikan:**  
• 1.6.2021 - 31.5.2023  
• 28.7.2023 - kini

9/12

Prof. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood merupakan seorang profesional perubatan dengan pengalaman lebih daripada dua (2) dekad menguruskan pelbagai krisis kesihatan, bencana serta konflik dan telah memegang jawatan pengurusan kanan dalam organisasi global yang menyelia strategi, dasar, inovasi dan perkongsian. Beliau kini berkhidmat sebagai Profesor dan Pengarah Eksekutif Sunway Centre for Planetary Health di Universiti Sunway, Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Majlis Tindakan Iklim Malaysia.

Pelantikan beliau sebelum ini merangkumi Ketua Setiausaha Bahagian Perkongsian di Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Ketua Cawangan Maklum Balas Kemanusiaan di Dana Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Malaysia mengenai Kesihatan Awam dan juga ahli Majlis Tindakan Ekonomi Kerajaan Malaysia. Beliau terkenal sebagai pengasas MERCY Malaysia, sebuah pertubuhan kemanusiaan antarabangsa yang berpangkalan di selatan.

Prof. Tan Sri Dr. Jemilah berkelulusan sebagai Doktor Perubatan (MD) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan memiliki Ijazah Sarjana dalam Obstetrik dan Ginekologi dari universiti yang sama. Beliau merupakan Felo Kolej Diraja bagi Pakar Obstetrik dan Pakar Ginekologi di United Kingdom. Beliau juga telah menamatkan pendidikan eksekutif di International Management and Development Centre, IMD Lausanne dan University California Berkeley Law.



**DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN**

Ex-Officio

JS JKP JPRKL LP

**Warganegara:** Malaysia  
**Umur:** 56

**Tempoh Pelantikan:**  
• 1.3.2021 - 11.12.2023

13/13

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menyertai KWSP pada 1 Mac 2021 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Dengan pengalaman korporat lebih daripada 33 tahun, kerjaya Datuk Seri Amir yang luas merangkumi peranan kepimpinan dalam organisasi yang terkenal termasuk Kumpulan Shell, MISC Berhad, PETRONAS Dagangan Berhad, PETRONAS Lubricants International, Icon Offshore Berhad, dan Themed Attractions Resorts and Hotels Sdn. Bhd. Beliau juga pernah memegang jawatan Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad.

Datuk Seri Amir Hamzah juga telah menyumbang kepada pelbagai organisasi dalam kapasiti bukan eksekutif. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Malaysian Resources Corporation Berhad dan juga sebagai ahli lembaga pengarah Sime Darby Plantation Berhad serta Sime Darby Oils International Limited.

Datuk Seri Amir Hamzah memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pengurusan (pengkhususan dalam Kewangan dan Ekonomi) dari Syracuse University, New York dan beliau juga telah menghadiri Program Eksekutif Stanford di Stanford University.

Datuk Seri Amir Hamzah telah dilantik sebagai Menteri Kewangan II dalam Kerajaan Malaysia bermula dari 12 Disember 2023.

**Petunjuk:**

JAL Jawatankuasa Audit Lembaga

JS Jawatankuasa Strategi

JKP Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

JRTL Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

JPS Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan

JPRKL Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga

LP Lembaga Perolehan

JTL Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

JRPP Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

Kehadiran Mesyuarat Lembaga

## AHLI PANEL PELABURAN



16/16

**TAN SRI MOHAMMED AZLAN HASHIM**  
Pengerusi Panel Pelaburan

**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 66

**Perwakilan:** Profesional

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.6.2009 – 31.5.2015  
(Ahli Panel Pelaburan)
- 1.9.2020 – kini  
(Pengerusi Panel Pelaburan)

Tan Sri Mohammed Azlan Hashim dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWSP, mewakili golongan profesional, pada 1 September 2020.

Tan Sri Mohammed Azlan Hashim juga memegang jawatan Pengerusi di beberapa buah syarikat tersenarai awam termasuk D&O Green Technologies Berhad, Marine & General Berhad dan IHH Healthcare Berhad. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor korporat, merangkumi perkhidmatan kewangan dan pelaburan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Monash University, Melbourne dan merupakan seorang Akauntan Bertauliah. Beliau ialah ahli elo Institut Akauntan Bertauliah Australia, Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah, dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Dr. Mastura dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Panel Pelaburan KWSP mewakili Kementerian Kewangan pada 15 September 2022.

Beliau kini memegang jawatan Timbalan Setiausaha, Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Selain itu, beliau juga merupakan Pengarah Bukan Bebas Eksekutif di Exim Bank Berhad dan ahli Lembaga Pengarah Universiti Sains Malaysia. Beliau juga pernah menyandang jawatan pengarah dalam pelbagai organisasi termasuk Danainfra Nasional Berhad, MATRADE, Panel Pelaburan PERKESO, Malaysia Sovereign Sukuk Berhad, Malaysia Sukuk Global Berhad, Malaysia Wakala Sukuk Berhad, dan Wakala Global Sukuk Berhad.

Beliau memulakan kerjayanya dengan Perkhidmatan Awam Malaysia pada Oktober 1995 sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Selepas menamatkan Diploma Lulusan Ijazah dalam Pengurusan Awam dari INTAN pada 1997, beliau telah berkhidmat di pelbagai kementerian dan jabatan Kerajaan terutamanya dalam bidang fiskal, pasaran modal, cukai dan analisis belanjawan.

Beliau juga telah dilantik sebagai Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit dari tahun 2013 hingga 2014. Pada Julai 2017, Dr. Mastura telah dipinjamkan selama dua (2) tahun kepada Kumpulan Bank Dunia, Washington, D.C. sebagai Pengarah Eksekutif Ganti yang mewakili 11 buah negara Kumpulan Pengundian Asia Tenggara.

Beliau berkelulusan PhD dalam Kewangan serta MBA (Kewangan) dari Universiti Putra Malaysia, dan memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan pengkhususan dalam Perakaunan dari University of Hartford, Connecticut, Amerika Syarikat.



11/16

**DR. MASTURA ABDUL KARIM**  
Timbalan Pengerusi Panel Pelaburan


**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 55

**Perwakilan:** Wakil Kementerian Kewangan

**Tempoh Pelantikan:**

- 15.9.2022 - kini

**Petunjuk:**  Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan

## AHLI PANEL PELABURAN

Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 November 2020.

Beliau merupakan Pengerusi MBSB Bank dan Kumpulan MBSB serta Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad.

Dato' Wan Kamaruzaman mempunyai pengalaman yang luas dan pernah berkhidmat di pelbagai organisasi, merangkumi Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti, Bond Information Exchange, Mudarabah Innovation Fund International Labuan, dan Iris Capital Partners.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Indeks FTSE4Good yang dikaitkan dengan Financial Times Stock Exchange Russell di London, ahli Lembaga Pacific Trustee Sdn. Bhd., Nomura Islamic Asset Management Sdn. Bhd., RHL Ventures Advisory Sdn. Bhd., Malakoff Corporation Berhad, dan Prima Ekuiti (UK) Limited, antara lain.

Beliau juga pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Bermaz Auto, Al-Aqar Healthcare REIT, serta Al-Salam Real Estate Investment Trust, dan pernah menjadi Pengerusi Majlis Pelabur Institusi Malaysia. Paling ketara, beliau memainkan peranan penting sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah di Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Beliau memiliki Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi (Analisis Ekonomi) dari Universiti Malaya dan merupakan Jurubank Bertauliah dari Asian Institute of Chartered Bankers.



JRPP

16/16

### DATO' WAN KAMARUZAMAN WAN AHMAD

Ahli Panel Pelaburan

**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 64

**Perwakilan:** Profesional

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.11.2020 - 31.10.2022
- 1.11.2022 - kini



JRPP

13/16

### TAN SRI DATO' (DR.) WEE HOE SOON @ GOOI HOE SOON

Ahli Panel Pelaburan

**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 63

**Perwakilan:** Profesional

**Tempoh Pelantikan:**

- 1.2.2021 - 31.1.2023
- 1.2.2023 - kini

Tan Sri Dato' (Dr.) Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWSP mewakili Profesional bermula 1 Februari 2021.

Pada 5 Januari 2023, beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif AIA Berhad dan kemudian dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 15 Jun 2023.

Beliau merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sejak 2019 dan juga Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif di Yinson Holdings Berhad.

Selain itu, beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Perusahaan Sadur Timah Malaysia Berhad sejak 2013 dan juga Pengarah Bebas/Bukan Eksekutif Red Ideas Holdings Berhad.

Sebelum ini beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti Negara dari tahun 2019 hingga 2020. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Bank Negara Malaysia dari tahun 2018 hingga 2019.

Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

**Petunjuk:**  Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan  Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan



JRPP

16/16

**RAJA NOORMA RAJA OTHMAN**

Ahli Panel Pelaburan

**Warganegara:** Malaysia**Umur:** 65**Perwakilan:** Profesional**Tempoh Pelantikan:**

- 8.6.2021 - 31.5.2023
- 8.6.2023 - kini

Raja Noorma Raja Othman dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWSP mewakili golongan profesional pada 8 Jun 2021. Raja Noorma Raja Othman mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam perbankan, pengurusan aset dan sektor korporat. Sebelum bersara pada Disember 2018, beliau merupakan Ketua Cawangan London, CIMB Bank Berhad selama tiga (3) tahun dari 2015 hingga 2018. Sebelum menyertai Kumpulan CIMB, beliau merupakan Naib Presiden Perbankan Pelaburan di JP Morgan dan bertugas di pejabat JP Morgan di Hong Kong, Singapura dan Malaysia sebagai jurubank liputan industri dan pelanggan.

Selain itu, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Pelaburan Bebas Mapletree Australia Commercial Private Trust, sebuah dana hartanah ekuiti persendirian.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, Amerika Syarikat di bawah program berkembar dengan Institut Teknologi MARA. Pada 2008, beliau telah menghadiri Program Pembangunan Kepimpinan Global di Harvard Business School yang dianjurkan oleh Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa Malaysia. Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).



JRPP

15/15

**DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN**

Ex-Officio

**Warganegara:** Malaysia**Umur:** 56**Perwakilan:** Profesional**Tempoh Pelantikan:**

- 1.3.2021 - 11.12.2023

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menyertai KWSP pada 1 Mac 2021 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Dengan pengalaman korporat lebih daripada 33 tahun, kerjaya Datuk Seri Amir yang luas merangkumi peranan kepimpinan dalam organisasi yang terkenal termasuk Kumpulan Shell, MISC Berhad, PETRONAS Dagangan Berhad, PETRONAS Lubricants International, Icon Offshore Berhad, dan Themed Attractions Resorts and Hotels Sdn. Bhd. Beliau juga pernah memegang jawatan Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad.

Datuk Seri Amir Hamzah juga telah menyumbang kepada pelbagai organisasi dalam kapasiti bukan eksekutif. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Malaysian Resources Corporation Berhad dan juga sebagai ahli lembaga pengarah Sime Darby Plantation Berhad serta Sime Darby Oils International Limited.

Datuk Seri Amir Hamzah memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pengurusan (pengkhususan dalam Kewangan dan Ekonomi) dari Syracuse University, New York dan beliau juga telah menghadiri Program Eksekutif Stanford di Stanford University.

Datuk Seri Amir Hamzah telah dilantik sebagai Menteri Kewangan II dalam Kerajaan Malaysia bermula dari 12 Disember 2023.

# AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

## JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

1. **Khalid Haji Sufat** (*Pengerusi*)
2. **Dato' Zamzuri Abdul Aziz** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong**
4. **Dato' Dr. Haji Adnan Mat**
5. **Zainal Abidin Mohd Kassim**

## JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

1. **Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir** (*Pengerusi*)
2. **Dato' Seri Dr. Zulkapli Mohamed** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Datuk Harun Haji Ismail**
4. **Khalid Haji Sufat**
5. **Sazaliza Zainuddin**

## JAWATANKUASA STRATEGI

1. **Zainal Abidin Mohd Kassim** (*Pengerusi*)
2. **Dato' Zamzuri Abdul Aziz** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman**
4. **Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)**
5. **Dato' Dr. Haji Adnan Mat**
6. **Sazaliza Zainuddin**

## JAWATANKUASA PELANTIKAN DAN SARAAN

1. **Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman** (*Pengerusi*)
2. **Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Datuk Dr Ting Ding Ing (Philip)**
4. **Dato' Dr. Haji Adnan Mat**
5. **Zainal Abidin Mohd Kassim**
6. **Prof. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood**

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

1. **Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong** (*Pengerusi*)
2. **Khalid Haji Sufat** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Datuk Harun Haji Ismail**
4. **Kamarul Baharin Mansor**
5. **Sazaliza Zainuddin**

## JAWATANKUASA TATATERTIB LEMBAGA

1. **Dato' Seri Dr. Zulkapli Mohamed**
2. **Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman**
4. **Dato' Dr. Haji Adnan Mat**
5. **Prof. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood**

## JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB LEMBAGA

1. **Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir** (*Pengerusi*)
2. **Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Dato' Zamzuri Abdul Aziz**
4. **Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)**
5. **Kamarul Baharin Mansor**
6. **Khalid Haji Sufat**
7. **Zainal Abidin Mohd Kassim**

## LEMBAGA PEROLEHAN

1. **Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)** (*Pengerusi*)
2. **Datuk Harun Haji Ismail** (*Timbalan Pengerusi*)
3. **Prof. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood**
4. **Sazaliza Zainuddin**

## JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN

1. **Dato' Wan Kamaruzaman** (*Pengerusi*)
2. **Tan Sri Dato' Dr. Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon**
3. **Raja Noorma Raja Othman**
4. **Sazaliza Zainuddin**

Nota: Sazaliza Zainuddin memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dari 13 Disember 2023 hingga 18 Februari 2024.

## AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH



### DATUK PROF. DR. MOHAMAD AKRAM LALDIN

Pengerusi JKPS

Warganegara: Malaysia

Umur: 58

13/13

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin kini memegang jawatan penting dalam bidang kewangan Islam. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Akademi Penyelidikan Shariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam dan Profesor di Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan Kewangan Islam.

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram merupakan ahli Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia dan Majlis Penasihat Shariah Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa, Bahrain. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis Pengawasan Shariah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Shariah Permodalan Nasional Berhad.

Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan ahli Lembaga Penasihat Shariah Yasar Limited, United Kingdom. Beliau juga memegang jawatan Pengerusi Maldives Monetary Authority Shariah Board serta Ahli Financial Regulation Advisory Council of Experts, Central Bank of Nigeria.

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram merupakan Penasihat Shariah (Individu) Berdaftar bagi Sekuriti Islam dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Islamic Jurisprudence and Legislation dari University of Jordan, Amman, dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Principles of Islamic Jurisprudence (Usul al-Fiqh) dari University of Edinburgh, Scotland.



### PROF. DR. AZNAN HASSAN

Timbalan Pengerusi JKPS

Warganegara: Malaysia

Umur: 52

13/13

Prof. Dr. Aznan Hassan memegang jawatan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Shariah. Beliau merupakan Profesor di Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Prof. Dr. Aznan Hassan ialah Presiden Pengasas Persatuan Penasihat Shariah bagi Kewangan Islam. Peranan antarabangsa beliau termasuk berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Shariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Ahli Lembaga Shariah Tertinggi Bank Pusat Abu Dhabi. Beliau juga ialah Ahli Majlis Penasihat Shariah Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam Bahrain.

Dalam bidang korporat, Prof. Dr. Aznan Hassan ialah Ahli Lembaga dan Pengerusi Jawatankuasa Shariah Kumpulan Maybank. Beliau juga ialah Pengerusi Lembaga Penasihat Shariah bagi FNB Bank South Africa, Global HSBC Amanah, Ahli Majlis Penasihat Shariah Global Standard Chartered (Global-DIFC-Dubai), dan Pengurusan Aset Amanah Raya.

Prof. Dr. Aznan Hassan menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Shariah dari Universiti al-Azhar pada 1994. Pada 1998, beliau telah menyempurnakan Ijazah Sarjana dalam bidang Shariah dari Universiti Kaherah dengan cemerlang (Mumtaz) dan tesis beliau telah disyorkan untuk diterbitkan. Pada 2003, beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Wales, United Kingdom.

## AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH



### DR. ZAHARUDDIN ABDUL RAHMAN

Ahli JKPS

**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 48

13/13

Dr. Zaharuddin Abdul Rahman ialah Pengasas dan Pengarah Urusan Elzar Shariah Solutions & Advisory Sdn. Bhd. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengasas dan Pengarah Urusan MyClass Technology Sdn. Bhd.

Dalam bidang akademik, beliau memegang jawatan Profesor Adjung di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, UNISEL dan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, UNISZA.

Beliau ialah Ahli Lembaga Pengarah Urban Mobility Asia Sdn. Bhd. dan Ahli Lembaga Penasihat MDC Asia Link Berhad.

Dalam sektor kewangan, beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Shariah bagi Exim Bank Berhad, MARA, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, dan ONEXOX.

Peranan lain Dr. Zaharuddin termasuk berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Urus Harta Jemaah Sdn. Bhd. serta Penasihat Shariah bagi Zurich Takaful Malaysia Berhad dan Sedania Salam Capital Sdn. Bhd. Beliau merupakan Ahli Majlis Fatwa Perlis dan Penasihat Shariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dr. Zaharuddin berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Pengajian Islam dan Kewangan dari University of Wales, United Kindom (pengkhususan dalam bidang Derivatif Islam and Maqasid al-Shariah), Ijazah Sarjana dalam bidang Fiqh & Usul Fiqh (Syariah) dari Al-Yarmouk University, Jordan dan Ijazah Sarjana Muda dalam bahagian Usuluddin dari Universiti Malaya. Beliau juga ialah Jurulatih dan Pensyarah Kewangan Islam Bertauliah oleh The Markfield Institute of Higher Education, United Kingdom.



### PROF. DR. ENSKU RABIAH ADAWIAH ENSKU ALI

Ahli JKPS

**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 56

13/13

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali memegang jawatan Profesor di Institut Perbankan dan Kewangan Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.


Penglibatan beliau dalam membentuk piawaian kewangan Islam termasuk keahlian sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Shariah bagi beberapa buah institusi seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah juga berkhidmat sebagai Ahli Lembaga AWQAF Holdings dan Ahli Majlis Khadijah International Waqf Foundation, memaparkan dedikasi beliau kepada usaha dermawan dan pembangunan komuniti.

Utamanya dalam bidang hal ehwal Islam, beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Ahli Majlis Pengawasan Shariah Labuan Reinsurance (L) Ltd (Labuan Re). Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Panel Penasihat Shariah Xeraya Capital serta Ahli Jawatankuasa Shariah Bursa Malaysia.

Kelayakan beliau termasuk sebagai Penasihat Shariah (Individu) Berdaftar bagi Sekuriti Islam dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, mengukuhkan kepakaran dan reputasi beliau dalam industri.

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Shariah, LLB (Kepujian Kelas Pertama) dan Ijazah Sarjana Comparative Laws dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pada 1998, beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Undang-Undang dari University of Aberdeen, United Kingdom.

**Petunjuk:**  Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Shariah



**ASSOC. PROF DR.  
KAMARUZAMAN NOORDIN**

Ahli JKPS

13/13

**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 47

Dr. Kamaruzaman Noordin ialah Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Dalam bidang korporat, beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah untuk Affin Islamic Bank dan Swiss Re Retakaful, serta Pengerusi Panel Penasihat Syariah untuk Kumpulan Syarikat LIMRA. Beliau merupakan Timbalan Pengerusi Bank Simpanan Nasional dan juga sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah MUA Life Ltd, Mauritius serta Ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank.

Dr. Kamaruzaman ialah Ahli Jawatankuasa Teknikal Peraturan-Peraturan Baitulmal Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor.

Kelayakan beliau termasuk sebagai Penasihat Syariah (Individu) Berdaftar bagi Sekuriti Islam dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, memaparkan kepakaran beliau dalam industri.

Dr. Kamaruzaman berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Islam (Kewangan Islam) dari University of Wales, United Kingdom. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian Kelas Pertama) dari Universiti Malaya.



**PROF. DR. ASHRAF  
MD HASHIM**

Ahli JKPS

7/7

**Warganegara:** Malaysia

**Umur:** 55

Prof. Dr. Ashraf ialah Pengarah Eksekutif Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam dan Timbalan Presiden Penyelidikan di Universiti INCEIF.

Prof. Dr. Ashraf memainkan peranan penting dalam pelbagai badan penasihat dan kewangan Islam yang berprestij. Beliau merupakan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Syariah, International Islamic Liquidity Management Corporation serta Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bursa Malaysia.

Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah dan juga Pengerusi Lembaga Syariah Tabung Haji. Pada masa yang sama, beliau berkhidmat sebagai ahli Lembaga Halal Development Corporation Malaysia, Express Rail Link dan sebagai Pengerusi Tabung Haji Travel and Services.

Prof. Dr. Ashraf berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Undang-Undang Islam dari University of Birmingham, United Kingdom, Ijazah Sarjana dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh dari University of Jordan, serta Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah dari Universiti Islam Madinah, Arab Saudi. Selain itu, beliau memegang Diploma Lulusan Ijazah dalam Undang-Undang dan Amalan Syariah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



**PROF. DR. AMIR  
SHAHARUDIN**

Ahli JKPS

7/7

**Warganegara:** Malaysia


**Umur:** 45

Prof. Dr. Amir Shaharudin berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Pengurusan Akademik di Universiti Sains Islam Malaysia. Sebelum ini, beliau merupakan Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Pusat Pengajian Siswazah di universiti yang sama. Beliau juga telah dipinjamkan ke Yayasan Waqf Malaysia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

Prof. Dr. Amir juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Syariah bagi SME Bank dan Hong Leong MSIG Takaful (HLMT), serta Ahli Jawatankuasa Syariah Hong Leong Islamic Bank (HLISB). Beliau telah dipilih sebagai Felo Pelawat di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom, dan dilantik sebagai Profesor Pelawat di Urgench State University, Uzbekistan, serta Profesor Adjung di Universiti Antarabangsa UNITAR.


Prof. Dr. Amir berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Arab dan Islam dari University of Exeter, United Kingdom. Sebelum ini, beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan pengkhususan dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

# STRUKTUR ORGANISASI



**Jawatankuasa Audit Lembaga**

**Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kelestarian Lembaga**



## KEPIMPINAN EKSEKUTIF



### DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN

Ketua Pegawai Eksekutif

**Tarikh Pelantikan:** Mac 2021

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Sains dalam Pengurusan (pengkhususan dalam Kewangan dan Ekonomi), Syracuse University, Amerika Syarikat
- Program Eksekutif Standford di Standford University, Amerika Syarikat

#### Keahlian Lembaga Semasa

- Malaysian Resources Corporation Berhad
- Kwasa Utama Sdn. Bhd.
- Sime Darby Plantation Bhd

#### Pengalaman

- Berkhidmat di Kumpulan Syarikat Shell dalam pelbagai kapasiti
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, MISC Berhad
- Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, PETRONAS Dagangan Berhad
- Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, PETRONAS Lubricants International
- Naib Presiden, Pemasaran Hiliran dan Naib Presiden, Pelincir untuk Kumpulan PETRONAS
- Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Icon Offshore Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Themed Attraction Resorts and Hotels Sdn. Bhd. (anak syarikat Khazanah Nasional Berhad)
- Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Tenaga Nasional Berhad



### ROHAYA MOHAMMAD YUSOF

Ketua Pegawai Pelaburan  
Bahagian Pelaburan

**Tarikh Pelantikan:** Januari 2020

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan), Australian National University
- Ahli bersekutu, CPA Australia

#### Keahlian Lembaga Semasa

- Malaysia Airports Holdings Berhad
- Tenaga Nasional Berhad

#### Pengalaman

- Naib Presiden Eksekutif Perbankan Pelaburan Korporat, Maybank Investment Bank Berhad
- Ketua Kewangan Korporat, Bahagian Pelaburan, KWSP
- Ketua Jabatan Pasaran Modal, Bahagian Pelaburan, KWSP
- Ketua Pasaran Swasta, Bahagian Pelaburan, KWSP



### SAZALIZA ZAINUDDIN

Ketua Pegawai Operasi  
Bahagian Operasi

**Tarikh Pelantikan:** September 2021

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan, Southbank University, United Kingdom

#### Keahlian Lembaga Semasa

- MBSB Bank Berhad
- Malaysia Building Society Berhad

#### Pengalaman

- Pengurus Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC), Kuala Lumpur
- Ketua Akaun, Jabatan Kewangan, KWSP
- Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan, KWSP
- Ketua Jabatan Kewangan, KWSP
- Ketua Jabatan Audit Dalam, KWSP
- Ketua Pegawai Kewangan, KWSP



### NURHISHAM HUSSEIN

Ketua Pegawai Strategi  
Bahagian Strategi

**Tarikh Pelantikan:** Januari 2020

#### Kelayakan

- Sarjana Muda (Ekonomi) dalam Ekonomi Kewangan, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya

#### Keahlian Lembaga Semasa

- Axiata Group Berhad

#### Pengalaman

- Menyandang pelbagai jawatan dalam bidang ekonomi dan strategi di institusi kewangan termasuk Affin Bank, Permodalan Nasional Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad
- Ketua Jabatan Ekonomi dan Pasaran Modal, KWSP

Nota: Nurhisham Hussein dipinjamkan ke Pejabat Perdana Menteri berkuat kuasa mulai 2 Oktober 2023.

## KEPIMPINAN EKSEKUTIF



### MOHAMAD HAFIZ KASSIM

Ketua Pegawai Kewangan  
Bahagian Kewangan & Perkhidmatan

**Tarikh Pelantikan:** Ogos 2021

#### Kelayakan

- Sarjana Muda (Ekonomi) dalam Perakaunan dan Kewangan, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Felo, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
- Pemegang pensijilan Penganalisis Kewangan Bertauliah

#### Keahlian Lembaga Semasa

- PLUS Malaysia Berhad
- Malaysian Resources Corporation Berhad
- Axiata Group Berhad

#### Pengalaman

- Berpengalaman lebih daripada 25 tahun dalam bidang pengauditan, perakaunan, ekuiti persendirian, pendapatan tetap dan hartanah
- Memegang jawatan kepimpinan sebagai Ketua Ekuiti Persendirian, Ketua Pasaran Swasta, Ketua Pasaran Modal, dan Ketua Pelaburan Hartanah



### MUHAMMAD AFHZAL ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Teknologi Digital  
Bahagian Teknologi Digital

**Tarikh Pelantikan:** Januari 2019

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Elektrik), Columbia University, New York, Amerika Syarikat

#### Keahlian Lembaga Semasa

- Telekom Malaysia Berhad
- TM Digital Innovation (Credence) Sdn. Bhd.

#### Pengalaman

- Berpengalaman lebih daripada 25 tahun dalam pelbagai aspek penggunaan teknologi merangkumi aspek strategi, transformasi serta pelaksanaan teknologi untuk perusahaan berskala besar dalam sektor perkhidmatan kewangan dan industri minyak dan gas
- Pengalaman bekerja lebih daripada 13 tahun bersama organisasi multinasional seperti Maybank, Shell, T-Systems, DHL, dan IBM dalam pelaksanaan inisiatif digital dan teknologi strategik yang memberi manfaat dan impak kepada organisasi



### IWAN AZLAN MOKHTAR

Ketua Pegawai Sumber Manusia  
Bahagian Sumber Manusia

**Tarikh Pelantikan:** September 2021

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Sastera dalam Undang-Undang, University of Nottingham, United Kingdom

#### Keahlian Lembaga Semasa

- Tiada

#### Pengalaman

- Dengan pengalaman melebihi daripada 30 tahun dalam bidang Sumber Manusia, peranannya termasuk berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Sumber Manusia di Tenaga Nasional Berhad dan Naib Presiden Sumber Manusia di MISC Berhad
- Berkhidmat lebih daripada 17 tahun di Royal Dutch Shell Group, memegang peranan utama dalam Sumber Manusia, termasuk Pengurus Sumber Manusia bagi Wilayah Asia Pasifik, Pengurus Polisi Sumber Manusia Global, Pengurus Polisi Sumber Manusia Wilayah, Projek dan Sistem untuk Asia Pasifik/Timur Tengah, serta Rakan Kongsi Perniagaan Wilayah di Shell Services International, Australia

# PENGURUSAN KANAN



**KEPIMPINAN  
YANG EFEKTIF,  
BERDEDIKASI DAN  
PROFESIONAL**

## PENGURUSAN KANAN

# MEMBIMBING VISI, MEMPERKASA KEJAYAAN





**27**

**AHMAD JEFRY ABD HASHIM**  
Ketua, Jabatan *Centre of Excellence*



**28**

**KOSONG**  
Ketua, Jabatan *Corporate Sustainability*



**29**

**ZAIDATUL MAZWIN IDRUS**  
Ketua, Jabatan Undang-Undang



**30**

**AHMAD RIDZUAN WAN IDRUS**  
Ketua, Jabatan Perkhidmatan Pelaburan



**31**

**NOR AZIAN MOHD NOOR**  
Ketua, Jabatan Kewangan



**32**

**ABDUL RAZAK HAMZAH**  
Ketua, Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan



**33**

**ABDUL KHARIS SHAHARUDIN**  
Ketua, Jabatan Pengurusan Harta



**34**

**MOHD ZAMRI ISMAIL**  
Ketua, Jabatan Infrastruktur Digital



**35**

**JASMINE GOH WAN CHEN**  
Ketua, Jabatan Keselamatan Digital



**36**

**WU TZE CHYI @ EVA WU**  
Ketua, Jabatan Aplikasi Enterprise Digital



**37**

**ROSKIATA MOHAMAD**  
Ketua, Jabatan Aplikasi Teras Digital



**38**

**MOHAMAD FAHMI ABDUL RAHIM**  
Ketua, Jabatan *People Matters*



**39**

**TEOH CHIN YIAP**  
Ketua, *EPF Learning Campus*

**KEPIMPINAN  
KOLABORATIF,  
PENINGKATAN  
BERTERUSAN**

## PENGURUSAN KANAN

### 01. DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN

Ketua Pegawai Eksekutif

CO

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi KWSP. Beliau memberikan bimbingan dan nasihat serta kepimpinan kepada pasukan Pengurusan Kanan untuk memastikan strategi dan polisi organisasi tercapai. KPE juga menyelia pelaksanaan pelan jangka panjang dan jangka pendek KWSP, dan merupakan penghubung antara Pengurusan dan Lembaga. Jabatan-jabatan yang melaporkan secara terus kepada KPE ialah Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalam, dan Jabatan Integriti & Tadbir Urus Korporat.

### 02. ROHAYA MOHAMMAD YUSOF

Ketua Pegawai Pelaburan, Bahagian Pelaburan

P

Bahagian Pelaburan menguruskan aset domestik dan global KWSP dan bertanggungjawab untuk melabur dalam pelbagai kelas aset di pasaran awam dan swasta.

Bahagian ini terdiri daripada beberapa jabatan, termasuk Jabatan Ekuiti, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Pasaran Modal, Jabatan Pelaburan Hartanah, Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur, Jabatan Pengurus Dana Luar, Jabatan Strategi Pelaburan & Analitik, serta Jabatan Pelaburan Strategik & Penyelidikan.

Matlamat utama adalah untuk mengoptimalkan pulangan dalam tahap toleransi risiko KWSP yang didorong oleh objektif pemeliharaan modal dan meningkatkan nilai simpanan ahli.

### 03. SAZALIZA ZAINUDDIN

Ketua Pegawai Operasi, Bahagian Operasi

O

Bahagian Operasi menguruskan perkhidmatan operasi teras untuk ahli KWSP dan majikan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang berkesan. Bahagian ini juga menyediakan khidmat nasihat pelanggan, memastikan pematuhan kawal selia, dan menyokong pihak berkepentingan dalaman.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Operasi terdiri dari Jabatan Saluran Fizikal, Jabatan Saluran Digital, Jabatan Pengurusan Caruman, Jabatan Pengurusan Transaksi, Jabatan Pengurusan Produk & Pemasaran, Jabatan Pematuhan Operasi serta 68 buah pejabat cawangan di seluruh Malaysia.

### 04. NURHISHAM HUSSEIN

Ketua Pegawai Strategi, Bahagian Strategi

S

Bahagian Strategi menyokong KWSP mencapai Visi dan Misinya melalui pelaksanaan pelan dan strategi jangka sederhana dan jangka panjang di samping mengekalkan reputasi baik KWSP. Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan isu-isu strategik.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Strategi ialah Jabatan Polisi & Strategi, Jabatan Hal Ehwal Korporat, Jabatan *Centre of Excellence*, dan Jabatan *Corporate Sustainability*.

### 05. MOHAMAD HAFIZ KASSIM

Ketua Pegawai Kewangan, Bahagian Kewangan & Perkhidmatan

KP

Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan berperanan penting dalam membolehkan KWSP mencapai matlamat perniagaan dan operasinya. Ini dicapai dengan melaksanakan kawalan kewangan yang kukuh, mengekalkan piawaian tadbir urus yang tinggi, dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif.

Jabatan-jabatan yang beroperasi di bawah bahagian ini termasuk Jabatan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pelaburan, Jabatan Undang-Undang, Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan dan Jabatan Pengurusan Harta.

### 06. MUHAMMAD AFHZAL ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Teknologi Digital, Bahagian Teknologi Digital

TD

Bahagian Teknologi Digital menyokong perniagaan dan operasi KWSP dengan membangunkan dan mengendalikan penyelesaian dan perkhidmatan teknologi digital yang berfokuskan pelanggan, inovatif, kukuh dan terjamin.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Teknologi Digital merangkumi Jabatan Aplikasi Teras Digital, Jabatan Aplikasi Enterprise Digital, Jabatan Infrastruktur Digital, dan Jabatan Keselamatan Digital.

### 07. IWAN AZLAN MOKHTAR

Ketua Pegawai Sumber Manusia, Bahagian Sumber Manusia

SM

Bahagian Sumber Manusia bertanggungjawab untuk memacu dan menyediakan inisiatif berorientasikan modal insan untuk menyokong transformasi organisasi. Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Sumber Manusia ialah Jabatan *People Matters* dan *EPF Learning Campus*.

### 08. ROZLINA ABDUL SAMAD

Ketua, Jabatan Pengurusan Risiko

PK

Jabatan Pengurusan Risiko bertanggungjawab menubuhkan, mengesahkan, mengesyorkan serta mengelolakan Pengurusan Risiko organisasi yang mantap. Hal ini akan memastikan semua risiko utama dikenal pasti dan kawalan-kawalan yang bersesuaian diwujudkan selaras dengan strategi pengurusan risiko. Pengurusan risiko disepadukan sepenuhnya dengan amalan pengurusan risiko seluruh organisasi yang canggih melangkaui piawaian industri.

### 09. ZAINI SHAARI

Ketua, Jabatan Audit Dalam

PK

Jabatan Audit Dalam bertindak sebagai rakan strategik kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan dalam mencapai matlamat organisasi dengan memberikan jaminan yang objektif serta pandangan yang bebas terhadap keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko, dan proses kawalan dalaman.

#### Petunjuk:

PK Pejabat KPE

O Operasi

KP Kewangan & Perkhidmatan

SM Sumber Manusia

P Pelaburan

S Strategi

TD Teknologi Digital

**10. MOHD DALI JASMIN**

Ketua, Jabatan Integriti &amp; Tadbir Urus

PK

Jabatan Integriti & Tadbir Urus bertanggungjawab memastikan urusan perniagaan dan operasi KWSP dilaksanakan secara telus dan profesional dengan menyediakan khidmat nasihat dalam aspek integriti, tadbir urus, dan antirasuah kepada Pengurusan.

Selain itu, ia melaksanakan Program Kolaborasi dan Penglibatan untuk kakitangan dan pihak berkepentingan KWSP bagi mengukuhkan prinsip-prinsip ini.

**11. GUNASEKARAN A/L THOLASY**

Ketua, Jabatan Pengurusan Caruman

O

Jabatan Pengurusan Caruman bertanggungjawab menyediakan proses caruman hujung ke hujung yang lancar untuk majikan membuat caruman pekerja mereka pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Caruman yang diterima diresitkan dan dikreditkan dalam akaun ahli dengan cekap dan berkesan. Jabatan ini juga bertanggungjawab mengurus, menyelenggara, dan mengemas kini akaun majikan dan pekerja dengan teratur dalam tempoh yang ditetapkan.

**12. JULPADYA SOOMA**

Ketua, Jabatan Pengurusan Transaksi

O

Jabatan Pengurusan Transaksi bertanggungjawab untuk menyediakan tadbir urus data yang baik dengan mengamalkan perkhidmatan cemerlang dalam pendaftaran digital yang lancar, pengurusan dokumen, dan penyampaian perkhidmatan pengeluaran. Untuk memperkukuh perkhidmatan ini, jabatan ini juga menyediakan khidmat nasihat produk untuk pendaftaran majikan dan pekerja, penamaan ahli, dan proses pengeluaran bagi memastikan perjalanan pelanggan yang lebih menarik dan menyeluruh.

**13. MOHD RODZI ABU BAKAR**

Ketua, Jabatan Pengurusan Produk &amp; Pemasaran

O

Jabatan Pengurusan Produk & Pemasaran membentuk visi, strategi dan pelan hala tuju produk termasuk menjalankan penyelidikan pasaran, mengenal pasti peluang, mengurus pembangunan dan penambahbaikan produk serta mengawasi pelaksanaan produk KWSP daripada proses hujung ke hujung yang disokong oleh analisis data berasaskan bukti.

Jabatan ini juga merancang serta membangunkan strategi dan kempen pemasaran bagi produk KWSP dengan bekerjasama secara strategik bersama pihak berkepentingan di samping menggalakkan celik kewangan demi mengukuhkan kesejahteraan persaraan.

**14. CHONG YEE LENG**

Ketua, Jabatan Pematuhan Operasi

O

Jabatan Pematuhan Operasi dikhususkan untuk menyediakan panduan pematuhan, merangsang penambahbaikan kualiti yang berterusan serta memupuk budaya pematuhan yang menyokong objektif perniagaan dinamik KWSP. Perkara ini melibatkan pematuhan operasi dengan polisi dalaman, garis panduan serta undang-undang dan piawaian luar yang mentadbir operasi KWSP. Dengan kerjasama pengurusan, Jabatan ini mengenal pasti risiko pematuhan operasi yang berpotensi serta melaksanakan inisiatif bagi menyokong proses operasi selaras dengan semua keperluan dalaman dan luaran yang relevan.

**15. SUHAIZAM ISMAIL**

Ketua, Jabatan Saluran Fizikal

O

Jabatan Saluran Fizikal dikhususkan untuk membantu rakyat Malaysia mencapai persaraan yang bermakna dengan memastikan perkhidmatan dan penawaran KWSP yang cekap dan berkesan merentasi pelbagai titik sentuh fizikal. Rangkaian perkhidmatan utama yang komprehensif merangkumi perkhidmatan ahli, perkhidmatan majikan, serta khidmat nasihat, dengan mengutamakan kecemerlangan dalam pengalaman dan kebolehcapaian pelanggan.

**16. NOORHASLIN MOHD BASERI**

Ketua, Jabatan Saluran Digital

O

Jabatan Saluran Digital bertujuan untuk meningkatkan horizon digital dengan mengoptimalkan pengalaman pelanggan melalui transaksi yang lancar serta interaksi yang dinamik di semua saluran digital.

Jabatan ini juga bertanggungjawab membangun dan melaksanakan strategi saluran digital; memacu projek digital, mengendalikan komunikasi dengan ahli dan majikan melalui panggilan, sembang langsung (live chats), media sosial dan e-mel; serta menguruskan operasi pelbagai platform digital seperti laman web KWSP, i-Akaun (Ahli) dan i-Akaun (Majikan).

**17. ANNIE ROSLE**

Ketua, Jabatan Ekuiti Persendirian &amp; Infrastruktur

P

Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur memperoleh, menilai dan melaksanakan peluang pelaburan dalam ekuiti persendirian dan infrastruktur secara global yang memenuhi pulangan sasaran KWSP. Jabatan ini menguruskan dua (2) buah kelas aset iaitu Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur.

**18. AZHAR AHMAD**

Ketua, Jabatan Pasaran Modal

P

Jabatan Pasaran Modal bertanggungjawab menguruskan mandat pendapatan tetap pasaran domestik dan global yang merangkumi langganan dan urusniaga Sekuriti Hutang Persendirian (PDS) serta penyertaan dalam cadangan Pinjaman/Pembiayaan, yang termasuk Dana Hutang Persendirian.

Jabatan ini menyediakan pelbagai pilihan penyelesaian yang komprehensif dan canggih sambil mengoptimalkan pulangan serta memelihara modal melalui diversifikasi merentasi spektrum kredit.

**19. BADRUL HISHAM DAHALAN**

Ketua, Jabatan Strategi Pelaburan &amp; Analitik

P

Jabatan Strategi Pelaburan & Analitik menguruskan strategi pelaburan organisasi, memastikan pulangan pelaburan yang optimum serta memenuhi obligasi kewangan melalui Pengurusan Aset dan Liabiliti, Alokasi Aset Strategik, Analisa Aktuari, Analitik dan Penyelidikan Makroekonomi. Jabatan ini juga menyelia Perkhidmatan Syariah, Risiko dan Pematuhan perusahaan bagi skim Simpanan Shariah, Pendigitalan Pelaburan & Transformasi serta mengawasi Institusi Pengurusan Dana di bawah Skim Pelaburan Ahli bagi melindungi pelaburan ahli.

**Petunjuk:**

PK Pejabat KPE      O Operasi      KP Kewangan & Perkhidmatan      SM Sumber Manusia  
 P Pelaburan      S Strategi      TD Teknologi Digital

## PENGURUSAN KANAN

### 20. AZIZUL ZAINOL

Ketua, Jabatan Perbendaharaan



Jabatan Perbendaharaan menyelia pengurusan aset tunai dan portfolio pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap termasuk Kerajaan dan sekuriti yang setara. Jabatan juga menguruskan keperluan pertukaran asing KWSP dan melaksanakan strategi lindung nilai untuk mengurangkan risiko pertukaran asing dan kadar faedah.

### 21. FARIZA ALI@TAIB

Ketua, Jabatan Pelaburan Hartanah



Jabatan Pelaburan Hartanah menguruskan portfolio hartanah domestik dan antarabangsa. Peranan jabatan ini merangkumi pemerolehan, pengurusan aset, pelupusan dan pengoptimuman portfolio dengan memberi tumpuan kepada pelaburan yang bertanggungjawab untuk mencapai keseimbangan optimum antara risiko dan pulangan.

### 22. LIM TZE SEONG

Ketua, Jabatan Ekuiti



Jabatan Ekuiti bertanggungjawab menguruskan pelaburan ekuiti domestik dan global melalui pengurus portfolio dalaman berdasarkan alokasi aset strategik yang diluluskan dan mandat pelaburan dengan cara berhemat, telus, dan profesional untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan. Sasaran strategik adalah untuk menjadi peneraju pengurus pelaburan ekuiti domestik dan global dalam industri persaraan sambil memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

### 23. HASLINA UJANG

Ketua, Jabatan Pengurus Dana Luar



Jabatan Pengurus Dana Luar bertanggungjawab mengawasi pengurus dana luar mengikut amalan terbaik industri bagi mengoptimumkan pulangan pelaburan dalam kawalan risiko yang berpatutan. Jabatan ini berusaha untuk mencapai kesan kepelbagaian dengan melantik pengurus dana domestik dan global yang terkemuka dalam bidang masing-masing.

### 24. SHAHAZWAN HARRIS

Ketua, Jabatan Pelaburan Strategik & Penyelidikan



Jabatan Pelaburan Strategik dan Penyelidikan mengawas dan mencipta nilai bagi syarikat portfolio strategik KWSP serta mengenal pasti peluang-peluang baharu dan pelaburan yang boleh memberikan nilai strategik melangkaui pulangan kewangan bagi menjana pulangan yang mampan. Jabatan ini menyediakan penyelidikan ekuiti dan pandangan sektor yang mendalam bagi menyokong strategi pelaburan KWSP. Jabatan ini juga menggalakkan aktivisme pemegang saham dan menyokong tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat penerima pelaburan KWSP melalui rangka kerja pengawasan pelaburannya dan panduan polisi mengundi.

### 25. BALQAIS YUSOFF

Ketua, Jabatan Polisi & Strategi



Jabatan Polisi dan Strategi bertanggungjawab merangka pelan hala tuju organisasi dan merangka intervensi dasar yang sesuai untuk mencapai keselamatan pendapatan persaraan dengan matlamat utama membantu ahli kami menjalani kehidupan persaraan yang sejahtera. Jabatan ini juga menguruskan perhubungan dengan pihak berkepentingan utama supaya KWSP kekal relevan dan mengesyorkan input strategik untuk polisi perlindungan sosial bagi meningkatkan kesejahteraan ahli KWSP yang akhirnya membantu ahli mencapai masa hadapan yang lebih baik.

### 26. MUHAMMAD SHUHAILI MOHD SHAFIE

Ketua, Jabatan Hal Ehwal Korporat



Jabatan Hal Ehwal Korporat bertanggungjawab menguruskan reputasi organisasi melalui komunikasi dalaman, pemasaran dan strategik dengan matlamat utama untuk mengukuhkan peranan KWSP sebagai organisasi keselamatan sosial terulung.

### 27. AHMAD JEFRY ABD HASHIM

Ketua, Jabatan *Centre of Excellence*



*Centre of Excellence* bertanggungjawab membangunkan dan memacu keupayaan perusahaan yang menyokong transformasi digital KWSP, antara bidang tumpuan termasuk portfolio perusahaan dan pengurusan projek, pengurusan perubahan, inovasi, data dan analitik.

### 28. KOSONG

Ketua, Jabatan *Corporate Sustainability*



Jabatan ini bertanggungjawab dalam menerajui kelestarian di KWSP dengan menggabungkan faktor-faktor ESG ke dalam pelaburan dan organisasi secara keseluruhan. Matlamat jabatan ini adalah untuk mencapai portfolio yang mematuhi ESG menjelang tahun 2030 dan portfolio neutral iklim menjelang tahun 2050. Jabatan ini juga memacu inisiatif kelestarian agar selaras dengan kepentingan masyarakat dan mencipta nilai lestari jangka panjang untuk pihak berkepentingan.

### 29. ZAIDATUL MAZWIN IDRUS

Ketua, Jabatan Undang-Undang



Jabatan Undang-Undang berperanan sebagai penasihat undang-undang dan memberikan perkhidmatan seperti pandangan undang-undang serta menyediakan dan menyemak perjanjian berkaitan pelaburan dan bukan pelaburan yang dimasuki KWSP. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan atau mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Akta KWSP 1991 dan undang-undang subsidiarinya. Di samping itu, Jabatan juga memberikan perkhidmatan kesetiausahaan kepada Lembaga, Panel Pelaburan, serta Pengurusan Kanan KWSP.

#### Petunjuk:

- Pejabat KPE
- Operasi
- Kewangan & Perkhidmatan
- Sumber Manusia
- Pelaburan
- Strategi
- Teknologi Digital

**30. AHMAD RIDZUAN WAN IDRUS**

Ketua, Jabatan Perkhidmatan Pelaburan

KP

Jabatan Perkhidmatan Pelaburan memastikan pematuhan polisi dan garis panduan dalaman, undang-undang, serta peraturan yang mentadbir pelaburan KWSP, domestik dan luar negara. Jabatan ini juga menyelia transaksi pelaburan mengikut amalan pasaran serta mengekalkan rekod perakaunan pelaburan yang tepat dan laporan yang mematuhi polisi KWSP. Di samping itu, jabatan ini juga menguruskan Polisi *Chinese Wall*, Sistem Pelaburan, Pejabat Tadbir Urus Data, serta *Centre of Excellence* Automasi Proses Robotik untuk KWSP.

**31. NOR AZIAN MOHD NOOR**

Ketua, Jabatan Kewangan

KP

Jabatan Kewangan mengurus dan mengawal fungsi kewangan KWSP yang merangkumi belanjawan, bayaran, percukaian dan pelaporan kewangan. Jabatan ini juga memberikan khidmat nasihat mengenai perakaunan, cukai, pengurusan kos dan polisi kewangan.

**32. ABDUL RAZAK HAMZAH**

Ketua, Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan

KP

Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan bertanggungjawab terhadap perolehan barangan dan perkhidmatan dengan cekap dan beretika bagi memastikan semua aktiviti perolehan dijalankan mengikut Polisi Perolehan serta prinsip tadbir urus yang baik. Jabatan ini fokus untuk mencapai nilai terbaik di samping mengekalkan piawaian integriti yang tinggi dan telus dalam semua aktiviti perolehan.

**33. ABDUL KHARIS SHAHARUDIN**

Ketua, Jabatan Pengurusan Harta

KP

Jabatan Pengurusan Harta bertanggungjawab untuk mengekalkan persekitaran kerja yang mampan, selamat, dan sihat yang menyokong produktiviti dan inovasi di kalangan kakitangan KWSP. Jabatan ini memastikan pematuhan dengan semua piawaian peraturan sambil mengimbangkan amalan mesra alam dengan keadaan kerja yang optimum.

**34. MOHD ZAMRI ISMAIL**

Ketua, Jabatan Infrastruktur Digital

TD

Jabatan Infrastruktur Digital bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan, dan mengendalikan infrastruktur teknologi yang menyokong sistem dan operasi digital serta teknologi maklumat KWSP. Jabatan ini mengendalikan infrastruktur digital yang kukuh, berdaya tahan, kebolehpulihan dan selamat yang mematuhi piawaian dan peraturan seni bina teknikal KWSP bagi memenuhi keupayaan dan prestasi teknologi maklumat yang diperlukan oleh operasi KWSP.

**35. JASMINE GOH WAN CHEN**

Ketua, Jabatan Keselamatan Digital

TD

Jabatan Keselamatan Digital bertanggungjawab untuk melindungi kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan maklumat kritikal dan aset KWSP. Jabatan ini membangunkan dan menguatkuasakan dasar keselamatan digital, dan prosedur berdasarkan pada piawaian industri, amalan terbaik, dan garis panduan peraturan yang berkaitan.

**36. WU TZE CHYI @ EVA WU**

Ketua, Jabatan Aplikasi Enterprise Digital

TD

Jabatan Aplikasi Enterprise Digital bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan, dan mengendalikan penyelesaian teknologi bagi seluruh organisasi yang menyokong keperluan operasi, pelaburan dan pengurusan serta penyelesaian tempat kerja digital KWSP.

**37. ROSZIATA MOHAMAD**

Ketua, Jabatan Aplikasi Teras Digital

TD

Jabatan Aplikasi Teras Digital bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan dan menguruskan penyelesaian teknologi bagi memastikan Sistem Teras Dana Simpanan KWSP sentiasa berada di tahap optimum dalam menyediakan sistem berkualiti tinggi yang cemerlang dan terjamin yang membolehkan KWSP melaksanakan mandat keselamatan sosial utamanya untuk memastikan perlindungan keselamatan sosial yang mencukupi, liputan yang dipertingkatkan dan perkhidmatan/produk pelanggan yang cekap.

**38. MOHAMAD FAHMI ABDUL RAHIM**Ketua, Jabatan *People Matters*

SM

Jabatan *People Matters* memacu sasaran perniagaan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan modal insan yang disokong oleh kitaran pengurusan sumber manusia. Jabatan ini berusaha untuk mencipta pengalaman pekerja dari hujung ke hujung, membina saluran bakat yang kukuh untuk organisasi serta menyediakan tempat kerja yang bermanfaat untuk memberikan nilai mampan kepada KWSP.

**39. TEOH CHIN YIAP**Ketua, *EPF Learning Campus*

SM

*EPF Learning Campus* (ELC) bertanggungjawab merangka strategi pembelajaran dan memacu pelan pembelajaran, objektif, dan polisi latihan korporat. Sebagai peneraju pembelajaran untuk KWSP, ELC menawarkan program pembangunan pembelajaran berstruktur, pendidikan Celik Kewangan dan Keselamatan Sosial dengan memfokuskan pada kecekapan dan kemahiran bagi keperluan masa hadapan melalui pembelajaran yang komprehensif merangkumi penyelidikan, nasihat, perundingan, pembangunan, dan penyampaian.

**Petunjuk:**

- PK Pejabat KPE      O Operasi      KP Kewangan & Perkhidmatan      SM Sumber Manusia  
 P Pelaburan      S Strategi      TD Teknologi Digital

# RINGKASAN KEWANGAN DAN ANALISIS

## KEPUTUSAN KEWANGAN

KWSP mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM44.67 bilion bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, peningkatan sebanyak RM5.92 bilion atau 15% berbanding RM38.75 bilion pada tahun 2022. Peningkatan dalam pendapatan pelaburan kasar ini adalah berpunca daripada keuntungan tidak nyata atas penilaian semula Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi sebanyak RM3.71 bilion. Di samping itu, peningkatan pendapatan pelaburan kasar juga adalah disebabkan oleh keuntungan tidak nyata atas pertukaran mata wang asing yang terutamanya daripada pelaburan dana pelaburan alternatif.



PENDAPATAN PELABURAN KASAR

**RM44.67 bilion**

15% berbanding RM38.75 bilion pada tahun 2022



FAEDAH DAN KEUNTUNGAN PELABURAN

**RM23.68 bilion**

peningkatan 14% daripada RM20.69 bilion yang dicatat pada tahun 2022

Sebagai tabung simpanan persaraan yang memberi tumpuan kepada pemeliharaan modal simpanan ahli, pendapatan pelaburan KWSP bergantung kepada aliran yang stabil daripada Faedah dan Keuntungan pelaburannya. Pada tahun 2023, KWSP mencatatkan pendapatan pelaburan berjumlah RM23.68 bilion, peningkatan sebanyak RM2.99 bilion atau 14% daripada RM20.69 bilion yang dicatat pada tahun 2022. Peningkatan dalam pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada faedah dan keuntungan ini didorong oleh pertumbuhan saiz aset pelaburan KWSP.

Pendapatan pelaburan KWSP juga disumbang oleh syarikat-syarikat yang membayar dividen yang stabil. Pada tahun 2023, dividen yang telah disumbangkan kepada jumlah pendapatan KWSP adalah sejumlah RM17.43 bilion dengan penurunan sebanyak 12% dari tahun 2022 yang berjumlah RM19.73 bilion.

Berdasarkan pecahan di antara Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah untuk Pendapatan Pelaburan Kasar, sejumlah RM39.80 bilion telah disumbangkan oleh Simpanan Konvensional manakala baki RM4.87 bilion oleh Simpanan Syariah.

## Lain-Lain Pendapatan

Lain-Lain Pendapatan meningkat sebanyak 20% kepada RM182.88 juta daripada RM152.76 juta pada tahun 2022. Peningkatan utama disumbangkan oleh peningkatan Dividen dan Caj Lewat Bayar daripada Caruman Terlewat Bayar iaitu sebanyak RM28.05 juta seiring dengan tindakan penyelesaian kes-kes majikan gagal mencarum pada tahun 2023.

## Perbelanjaan Operasi

Pada tahun 2023, Perbelanjaan Operasi KWSP meningkat sebanyak 14% kepada RM1,809.79 juta berbanding RM1,590.78 juta pada tahun 2022. Penyumbang utama kepada peningkatan ini ialah kenaikan Kos Staf sebanyak RM87.75 juta lanjutan daripada kenaikan gaji dan kos perubatan. Sementara itu, Manfaat Pekerja meningkat sebanyak RM57.54 juta selari dengan kenaikan gaji. Pembaikan dan Penyelenggaraan yang meliputi penyelenggaraan peralatan komputer dan bangunan, kos pembersihan serta caj utiliti juga meningkat sebanyak RM16.84 juta pada tahun 2023 berbanding tahun 2022.



PERBELANJAAN OPERASI

**RM1,809.79 juta**


meningkat sebanyak 14% daripada RM1,590.78 juta pada tahun 2022

## Caj Berkanun

Caj berkanun merangkumi bayaran Bantuan Kematian dan Bantuan Hilang Upaya kepada waris dan ahli masing-masing di bawah Seksyen 58(1) dan 58(2) termasuk Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3) dalam Akta KWSP, 1991 yang telah diiktiraf pada tahun tersebut. Kenaikan adalah sebanyak 1% daripada RM89.34 juta pada tahun 2022 kepada RM89.87 juta pada tahun 2023.

### Keuntungan Bersih Boleh Diagih Kepada Ahli


KWSP mencatatkan keuntungan bersih boleh diagih kepada ahli berjumlah RM41.34 bilion pada tahun 2023. Peruntukan bagi Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah masing-masing berjumlah RM36.86 bilion dan RM4.48 bilion. Nisbah-nisbah yang digunakan dalam pengiraan peruntukan tersebut adalah seperti berikut:



### KEDUDUKAN KEWANGAN

#### Aset Pelaburan

Jumlah aset pelaburan meningkat sebanyak RM127.94 bilion atau 13% daripada RM985.53 bilion pada tahun 2022 kepada RM1,113.47 bilion pada tahun 2023, sejajar dengan peningkatan yang dicatat daripada Instrumen Pendapatan Tetap dan Instrumen Ekuiti. Jumlah aset pelaburan merangkumi Aset Konvensional yang berjumlah RM638.19 bilion atau 57% dan Aset Syariah berjumlah RM475.28 bilion atau 43% daripada jumlah aset pelaburan.



## Ringkasan Kewangan dan Analisis

Setakat Disember 2023, nilai Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain berjumlah RM526.33 bilion atau 47% daripada jumlah aset pelaburan, meningkat sebanyak RM73.96 bilion berbanding tahun 2022 yang dicatat pada RM452.37 bilion. Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain, yang sebahagian besarnya merangkumi pelaburan ekuiti tersenarai, terdiri daripada Aset Konvensional berjumlah RM271.67 bilion dan Aset Syariah berjumlah RM254.66 bilion.

Bagi pendedahan KWSP kepada aset yang berisiko rendah dan menjana pendapatan yang stabil, iaitu aset yang dikategorikan sebagai Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan masing-masing berjumlah RM348.41 bilion atau 31% dan RM48.56 bilion atau 5%. Bagi Aset Pelaburan pada Kos Terlunas, pecahan di antara Aset Konvensional dan Syariah masing-masing berjumlah RM191.65 bilion dan RM156.76 bilion manakala untuk Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, pecahan Aset Konvensional dan Syariah masing-masing berjumlah RM27.04 bilion dan RM21.52 bilion.

Pada tahun 2023, pelaburan tambahan juga dibuat ke dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama terutamanya ke dalam kelas aset berkaitan inflasi asing. Secara kumulatif, pegangan dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama masing-masing berjumlah RM56.22 bilion atau 5% daripada jumlah pelaburan, peningkatan sebanyak RM6.96 bilion atau 14% daripada RM49.26 bilion pada tahun 2022. Jumlahnya terdiri daripada Aset Konvensional berjumlah RM42.10 bilion dan Aset Syariah berjumlah RM14.12 bilion.

Terdapat peningkatan sebanyak 10% atau RM4.92 bilion dalam Deposit dengan Institusi Kewangan yang membawa jumlah kepada RM52.19 bilion atau 5% daripada jumlah aset pelaburan KWSP.

Lain-Lain Aset Pelaburan ialah Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi, Hartanah Pelaburan dan Aset Dipegang untuk Jualan di mana masing-masing berjumlah RM80.76 bilion, RM0.99 bilion dan RM0.01 bilion.


### Liabiliti

Jumlah liabiliti menurun sebanyak 12% kepada RM5.50 bilion daripada RM6.27 bilion pada tahun 2022, yang mana penyumbang utama adalah penurunan akruan terhadap pembelian instrumen pelaburan pada hujung tahun yang mana pembayaran dibuat pada bulan berikutnya.



### Caruman

Setakat 31 Disember 2023, caruman terkumpul mencecah RM1,146.78 bilion menunjukkan peningkatan sebanyak 11% atau RM110.11 bilion, daripada baki penutup RM1,036.67 bilion pada tahun 2022. Daripada caruman terkumpul sebanyak RM1,146.78 bilion, Simpanan Konvensional direkodkan sebanyak RM996.28 bilion manakala Simpanan Syariah pula direkodkan sebanyak RM150.50 bilion. Jumlah pengeluaran dan pengembalian caruman pada tahun 2023 telah mencatat jumlah yang rendah sebanyak RM50.57 bilion berbanding pada tahun 2022 sebanyak RM91.04 bilion. Pertumbuhan baki Akaun Caruman adalah disebabkan oleh peruntukan dividen tahunan bagi tahun 2023 yang berjumlah RM57.81 bilion.



### Kutipan Caruman Pada Tahun Semasa

Pada tahun 2023, sejumlah RM97.56 bilion telah dikutip daripada majikan, berbanding RM84.78 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan peningkatan ketara sebanyak RM12.78 bilion atau 15%, sejajar dengan kenaikan jumlah ahli yang aktif pada tahun 2023. Secara purata, kira-kira RM8.13 bilion telah dikutip setiap bulan pada tahun 2023.



JUMLAH CARUMAN

**RM97.56**  
**bilion**

peningkatan sebanyak 15%  
daripada RM84.78 billion pada  
tahun 2022

### Pengeluaran dan Pengembalian Caruman Pada Tahun Semasa

Jumlah pengeluaran dan pengembalian caruman tahun 2023 berjumlah RM50.57 bilion terdiri daripada RM39.38 bilion untuk Simpanan Konvensional manakala Simpanan Syariah berjumlah RM11.19 bilion, berbanding RM91.04 bilion pada tahun sebelum. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM40.47 bilion atau 44%. Tiada fasiliti pengeluaran khas yang diperkenalkan pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Secara purata, kira-kira RM4.21 bilion telah dibayar kepada ahli dan waris setiap bulan pada tahun 2023. Maklumat terperinci mengenai pengeluaran disediakan di ruangan Statistik dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini.

### Lebih Kumulatif dan Rizab

Setakat 31 Disember 2023, Lebih Kumulatif dan Rizab adalah sebanyak negatif RM10.38 bilion, merangkumi RM19.07 bilion dalam Lebih Kumulatif dan negatif RM29.45 bilion dalam Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM23.97 bilion daripada negatif RM34.35 bilion pada tahun 2022. Ianya selari dengan tren peningkatan baki dalam Rizab Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain setakat 31 Disember 2023 yang disebabkan oleh penurunan kerugian tidak nyata bersih bagi penilaian semula Aset Kewangan terutamanya portfolio ekuiti.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih Boleh Diagih Kepada Ahli, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata - Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 154 hingga 348.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


Saya juga telah memaklumkan Lembaga bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 38 dalam penyata kewangan.

#### **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA


PUTRAJAYA  
16 JULAI 2024



## PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga

Kami, **TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR** dan **KHALID BIN SUFAT** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga, kepada **LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih Boleh Diagih Kepada Ahli, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA** pada 31 Disember 2023, hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR  
 GELARAN : Pengerusi KWSP  
 TARIKH : 19 APRIL 2024  
 TEMPAT : KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : KHALID BIN SUFAT  
 GELARAN : AHLI LEMBAGA KWSP  
 TARIKH : 19 APRIL 2024  
 TEMPAT : KUALA LUMPUR

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Saya, **MOHAMAD HAFIZ BIN KASSIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA** dengan ikhlasnya mengaku bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih Boleh Diagih Kepada Ahli, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan  
sesungguhnya diakui  
oleh penama di atas di  
KUALA LUMPUR  
pada 19 April 2024

  
-----  
MOHAMAD HAFIZ BIN KASSIM  
  
-----  
PESURUHJAYA SUMPAH  
MALAYSIA  
NO. 86, JALAN PUTRA,  
50350 KUALA LUMPUR

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan	
		31 Disember 2023 (RM'000)	31 Disember 2022 (RM'000)
<b>ASET</b>			
Baki Bank dan Wang Tunai		<b>26,933,476</b>	22,199,960
Deposit dengan Institusi Kewangan	3	<b>56,598,455</b>	48,854,148
Penghutang, Deposit dan Prabayaran	4	<b>6,567,651</b>	5,902,969
Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan	5	<b>87,824,825</b>	85,427,763
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	<b>105,536,209</b>	88,068,122
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	7	<b>538,854,253</b>	465,358,936
Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	8	<b>352,694,343</b>	313,424,019
Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama	9	<b>5,117,692</b>	4,895,892
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	10	<b>18,126,105</b>	17,397,480
Aset Dipegang untuk Jualan	12	<b>151,542</b>	74,619
Inventori	13	<b>3,051,160</b>	3,052,416
Aset Tak Ketara	14	<b>303,050</b>	302,072
Hartanah Pelaburan	15	<b>24,298,104</b>	21,301,173
Aset Hak atas Penggunaan	16	<b>457,294</b>	439,050
Hartanah, Loji dan Peralatan	17	<b>1,238,559</b>	1,246,638
Aset Cukai Tertunda	18	<b>144,395</b>	143,881
		<b>1,227,897,113</b>	1,078,089,138
<b>EKUITI</b>			
Kepentingan Tak Kawal		<b>4,844,288</b>	3,692,366
<b>LIABILITI</b>			
Pemiutang Pengeluaran Caruman		<b>7,611</b>	11,737
Pemiutang dan Liabiliti Terakru	19	<b>6,483,053</b>	6,972,109
Deposit dan Pendahuluan	20	<b>45,736,408</b>	37,499,495
Liabiliti Pajakan	16	<b>690,869</b>	639,092
Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	<b>681,274</b>	914,455
Pinjaman dan Overdraf	21	<b>25,893,194</b>	21,416,970
Peruntukan Cukai		<b>90,481</b>	108,932
Manfaat Pekerja	22	<b>419,448</b>	328,594
Liabiliti Cukai Tertunda	18	<b>117,700</b>	73,117
		<b>80,120,038</b>	67,964,501
<b>Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>			
Caruman		<b>1,146,777,786</b>	1,036,665,630
Lebihan Kumulatif dan Rizab		<b>(3,844,999)</b>	(30,233,359)
	23	<b>1,142,932,787</b>	1,006,432,271
		<b>1,227,897,113</b>	1,078,089,138

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

pada 31 Disember 2023

	Nota	KWSP	
		31 Disember 2023 (RM'000)	31 Disember 2022 (RM'000)
<b>ASET</b>			
Baki Bank dan Wang Tunai		<b>22,714,662</b>	17,422,011
Deposit dengan Institusi Kewangan	3	<b>52,193,784</b>	47,276,936
Penghutang, Deposit dan Prabayaran	4	<b>4,706,667</b>	4,469,504
Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan	5	<b>48,758,649</b>	48,349,997
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	<b>80,755,378</b>	74,591,559
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	7	<b>526,329,555</b>	452,371,884
Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	8	<b>348,409,290</b>	312,899,569
Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama	9	<b>24,500</b>	24,500
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	10	<b>12,261,119</b>	11,978,149
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	11	<b>43,929,570</b>	37,257,261
Aset Dipegang untuk Jualan	12	<b>14,839</b>	16,516
Aset Tak Ketara	14	<b>15,929</b>	16,352
Hartanah Pelaburan	15	<b>989,265</b>	979,553
Aset Hak atas Penggunaan	16	<b>526,503</b>	629,163
Hartanah, Loji dan Peralatan	17	<b>268,628</b>	302,408
		<b>1,141,898,338</b>	1,008,585,362
<b>LIABILITI</b>			
Pemiutang Pengeluaran Caruman		<b>7,611</b>	11,737
Pemiutang dan Liabiliti Terakru	19	<b>3,499,768</b>	4,483,033
Deposit dan Pendahuluan	20	<b>416,331</b>	450,921
Liabiliti Pajakan	16	<b>583,766</b>	636,987
Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	<b>587,491</b>	361,945
Manfaat Pekerja	22	<b>405,477</b>	328,594
		<b>5,500,444</b>	6,273,217
<b>Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>			
Caruman		<b>1,146,777,786</b>	1,036,665,630
Lebihan Kumulatif dan Rizab		<b>(10,379,892)</b>	(34,353,485)
	23	<b>1,136,397,894</b>	1,002,312,145
		<b>1,141,898,338</b>	1,008,585,362

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan	
		31 Disember 2023 (RM'000)	31 Disember 2022 (RM'000)
<b>PENDAPATAN</b>			
Pendapatan Pelaburan Kasar	24	<b>48,917,781</b>	41,367,702
Perbelanjaan Pelaburan	25	<b>(2,247,775)</b>	(2,022,588)
Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan Pelaburan	26	<b>(170,875)</b>	(150,292)
Rosot Nilai Bersih atas Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	27	<b>(99,482)</b>	(10,103)
Pendapatan Pelaburan Bersih		<b>46,399,649</b>	39,184,719
Lain-lain Pendapatan	28	<b>298,437</b>	236,368
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>46,698,086</b>	39,421,087
<b>PERBELANJAAN</b>			
Perbelanjaan Operasi	29	<b>(5,476,052)</b>	(4,697,431)
Caj Berkanun	30	<b>(89,872)</b>	(89,343)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>(5,565,924)</b>	(4,786,774)
<b>Keuntungan Bersih</b>		<b>41,132,162</b>	34,634,313
Perkongsian Keuntungan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		<b>887,928</b>	3,391,408
Keuntungan Bersih sebelum Cukai dan Zakat		<b>42,020,090</b>	38,025,721
Cukai dan Zakat	31	<b>(352,023)</b>	(454,704)
<b>Keuntungan Bersih selepas Cukai dan Zakat</b>		<b>41,668,067</b>	37,571,017
<b>Keuntungan Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>	23.2	<b>(41,460,867)</b>	(37,414,058)
Keuntungan bagi Kumpulan (Bahagian Kepentingan Tak Kawal)		<b>207,200</b>	156,959

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan	
		31 Disember 2023 (RM'000)	31 Disember 2022 (RM'000)
<b>Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain:</b>			
<b>Item tidak akan Diklasifikasikan Semula Kemudiannya ke Untung atau Rugi</b>			
Pelarasan Manfaat Pekerja untuk Tahun Kewangan Semasa		(37,482)	54,805
Keuntungan/(Kerugian) Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	23.3	13,433,782	(50,370,577)
Pendapatan Tidak Patuh Syariah bagi Lebihan Keuntungan daripada Klasifikasi Semula Sekuriti daripada Syariah kepada Konvensional	23.2	8,532	1,886
Keuntungan Nyata Bersih atas Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	23.2	22,714,460	16,582,018
Cukai Dibayar atas Pelaburan Global	23.2	(178,465)	(151,223)
		<b>35,940,827</b>	<b>(33,883,091)</b>
<b>Item akan atau mungkin Diklasifikasikan Semula Kemudiannya ke Untung atau Rugi</b>			
Keuntungan Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	23.3	6,565,683	8,452,790
Perubahan Bersih pada Nilai Saksama bagi Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain Diklasifikasikan Semula ke Untung atau Rugi atas Penjualan		(2,131,135)	(14,992,734)
Perubahan Bersih pada Elaun Rosot Nilai terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain		17,692	(47,799)
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		1,916,543	817,227
Pergerakan Bersih atas Nilai Derivatif untuk Lindung Nilai Aliran Tunai		661,121	(146,198)
Perkongsian Pendapatan Komprehensif Lain daripada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		349,750	(364,115)
Perubahan Bersih pada Rizab-rizab Diklasifikasikan Semula ke Untung atau Rugi atas Perubahan Pegangan Ekuiti dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		22,676	15,534
		<b>7,402,330</b>	<b>(6,265,295)</b>
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain sebelum Diagih kepada Ahli</b>		<b>43,343,157</b>	<b>(40,148,386)</b>
<b>Amaun Boleh Diagihkan kepada Ahli</b>		<b>(43,230,713)</b>	<b>40,097,334</b>
Keuntungan/(Kerugian) Komprehensif Lain bagi Kumpulan (Bahagian Kepentingan Tak Kawal)		<b>112,444</b>	<b>(51,052)</b>
<b>Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Kumpulan (Bahagian Kepentingan Tak Kawal)</b>		<b>319,644</b>	<b>105,907</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	KWSP	
		31 Disember 2023 (RM'000)	31 Disember 2022 (RM'000)
<b>PENDAPATAN</b>			
Pendapatan Pelaburan Kasar	24	<b>44,674,405</b>	38,752,512
Perbelanjaan Pelaburan	25	<b>(1,572,662)</b>	(1,491,599)
Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan Pelaburan	26	<b>(58,295)</b>	(49,254)
Rosot Nilai Bersih Dicatat Semula atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Usaha Sama	27	<b>8,872</b>	39,579
Pendapatan Pelaburan Bersih		<b>43,052,320</b>	37,251,238
Lain-lain Pendapatan	28	<b>182,881</b>	152,760
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>43,235,201</b>	37,403,998
<b>PERBELANJAAN</b>			
Perbelanjaan Operasi	29	<b>(1,809,789)</b>	(1,590,775)
Caj Berkanun	30	<b>(89,872)</b>	(89,343)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>(1,899,661)</b>	(1,680,118)
<b>Keuntungan Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>	23.2	<b>41,335,540</b>	35,723,880

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	KWSP	
		31 Disember 2023 (RM'000)	31 Disember 2022 (RM'000)
<b>Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain:</b>			
<b>Item tidak akan Diklasifikasikan Semula Kemudiannya ke Untung atau Rugi</b>			
Pelarasan Manfaat Pekerja untuk Tahun Kewangan Semasa		(36,267)	54,805
Keuntungan/(Kerugian) Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	23.3	14,035,225	(48,342,328)
Pendapatan Tidak Patuh Syariah bagi Lebihan Keuntungan daripada Klasifikasi Semula Sekuriti daripada Syariah kepada Konvensional	23.2	8,532	1,886
Keuntungan Nyata Bersih atas Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	23.2	22,714,460	16,582,018
Cukai Dibayar atas Pelaburan Global	23.2	(178,465)	(151,223)
		<b>36,543,485</b>	(31,854,842)
<b>Item akan atau mungkin Diklasifikasikan Semula Kemudiannya ke Untung atau Rugi</b>			
Keuntungan Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	23.3	6,566,848	8,449,689
Perubahan Bersih pada Nilai Saksama bagi Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain Diklasifikasikan Semula ke Untung atau Rugi atas Penjualan	23.3	(2,335,207)	(14,812,418)
Perubahan Bersih pada Elaun Rosot Nilai terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	23.3	(3,856)	(47,616)
		<b>4,227,785</b>	(6,410,345)
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain Boleh Diagih kepada Ahli</b>		<b>40,771,270</b>	(38,265,187)
<b>Tambahan/(Kurangan) dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>		<b>82,106,810</b>	(2,541,307)

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH BOLEH DIAGIH KEPADA AHLI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan	
		2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Pada 1 Januari		1,006,432,271	1,012,587,607
<b>Tambah/(Tolak):</b>			
Tambahan/(Kurangan) dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli		84,691,580	(2,683,276)
Terimaan dan Pelarasan Caruman untuk Tahun Kewangan Semasa		102,837,853	87,827,516
Pengeluaran dan Pengembalian Caruman		(50,567,129)	(91,038,072)
Dividen ke atas Pengeluaran Caruman		(291,785)	(287,943)
Pergerakan Aset Bersih daripada Perubahan Pegangan Ekuiti di dalam Syarikat Subsidiari		(240,286)	25,968
Pergerakan dalam Lain-lain Rizab Syarikat Subsidiari		70,283	471
<b>Pada 31 Disember</b>	23	<b>1,142,932,787</b>	1,006,432,271

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

## PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH BOLEH DIAGIH KEPADA AHLI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	KWSP	
		2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Pada 1 Januari		1,002,312,145	1,008,351,951
<b>Tambah/(Tolak):</b>			
Tambahan/(Kurangan) dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli		82,106,810	(2,541,307)
Terimaan dan Pelarasan Caruman untuk Tahun Kewangan Semasa		102,837,853	87,827,516
Pengeluaran dan Pengembalian Caruman		(50,567,129)	(91,038,072)
Dividen ke atas Pengeluaran Caruman		(291,785)	(287,943)
<b>Pada 31 Disember</b>	23	<b>1,136,397,894</b>	1,002,312,145

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Kumpulan	
	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Pada 1 Januari	<b>3,692,366</b>	3,606,453
<b>Tambah/(Tolak):</b>		
Tambahan dalam Aset Bersih Bahagian untuk Kepentingan Tak Kawal	<b>319,644</b>	105,907
Pergerakan Aset Bersih daripada Perubahan Pegangan Ekuiti di dalam Syarikat Subsidiari	<b>979,414</b>	(5,758)
Pergerakan dalam Lain-lain Rizab Syarikat Subsidiari	<b>45,376</b>	-
Dividen Dikreditkan kepada Kepentingan Tak Kawal	<b>(192,512)</b>	(14,236)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>4,844,288</b>	3,692,366

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan		KWSP	
		2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>					
Keuntungan Bersih sebelum Cukai dan Zakat		<b>42,020,090</b>	38,025,721	<b>41,335,540</b>	35,723,880
<u>Pelarasan Untuk:</u>					
Perkongsian Keuntungan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		<b>(887,928)</b>	(3,391,408)	-	-
Keuntungan Tidak Nyata Bersih atas Tukaran Wang Asing (Keuntungan)/Kerugian Tidak Nyata Bersih dari Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	24	<b>(3,029,256)</b>	(897,501)	<b>(2,936,963)</b>	(1,085,033)
Kerugian atas Pelupusan Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu	24	<b>(4,420,237)</b>	58,877	<b>(2,780,197)</b>	928,411
Keuntungan atas Perolehan Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu		<b>52,645</b>	-	-	-
Keuntungan daripada Pelupusan Hartanah Pelaburan Rosot Nilai Dicatat Semula atas Deposit dengan Institusi Kewangan	24	<b>(8,148)</b>	(330,461)	-	-
Rosot Nilai/(Rosot Nilai Dicatat Semula) Bersih atas Penghutang Sewa	26	<b>(1)</b>	(9)	<b>(1)</b>	(9)
Rosot Nilai/(Rosot Nilai Dicatat Semula) Bersih atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan	26	<b>10,403</b>	(39,758)	<b>1,257</b>	(4,563)
Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	26	<b>117,534</b>	126,987	<b>(4,303)</b>	(10,877)
Rosot Nilai Bersih atas Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	26	<b>9,820</b>	34,482	<b>9,598</b>	34,662
Rosot Nilai Dicatat Semula Bersih atas Komitmen dan Luar Jangkaan	26	<b>51,480</b>	29,936	<b>51,744</b>	30,041
Rosot Nilai/(Rosot Nilai Dicatat Semula) Bersih atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Usaha Sama	26	<b>(18,361)</b>	(1,346)	-	-
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah Ditarik Balik	27	<b>99,482</b>	10,103	<b>(8,872)</b>	(39,579)
Keuntungan atas Pelupusan Aset Dipegang untuk Jualan Hapus Kira atas Hartanah, Loji dan Peralatan	28	<b>(3,980)</b>	(2,597)	-	-
Keuntungan atas Pelupusan Aset Hak atas Penggunaan Manfaat Pekerja	28	<b>(4,369)</b>	(42,184)	<b>(3,038)</b>	(41,334)
Keuntungan atas Pelupusan Aset Hak atas Penggunaan Manfaat Pekerja	28	<b>388</b>	2,864	<b>388</b>	2,864
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	28	<b>(92)</b>	-	<b>(92)</b>	-
Pelunasan Aset Tak Ketara	28	<b>(449)</b>	(658)	<b>(608)</b>	(666)
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	29	<b>67,850</b>	9,943	<b>67,483</b>	9,943
Susut Nilai Aset Hak atas Penggunaan	29	<b>48,267</b>	48,012	<b>6,598</b>	6,538
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	29	<b>576,623</b>	373,591	<b>34,911</b>	33,562
Rosot Nilai/(Rosot Nilai Dicatat Semula) Bersih atas Hartanah Pelaburan	29	<b>38,032</b>	38,093	<b>43,381</b>	27,323
Rosot Nilai Dicatat Semula Bersih atas Aset Dipegang untuk Jualan	29	<b>129,713</b>	119,303	<b>74,829</b>	67,410
Rosot Nilai/(Rosot Nilai Dicatat Semula) Bersih atas Penghutang Pelbagai	29	<b>37,247</b>	200,279	<b>(643)</b>	(626)
Hapus Kira Penghutang	29	-	(6,330)	-	-
Belanja Keuntungan atas Liabiliti Pajakan	29	<b>19,597</b>	(226)	<b>90</b>	1
Pendapatan Faedah dan Keuntungan daripada Pelaburan dalam Aset Kewangan	29	<b>65</b>	1,704	<b>32</b>	1,704
Pendapatan Dividen daripada Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	29	<b>28,255</b>	34,031	<b>25,940</b>	13,614
Pendapatan Dividen daripada Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	24	<b>(26,439,405)</b>	(22,673,904)	<b>(23,681,857)</b>	(20,693,384)
Pendapatan Dividen daripada Pelaburan dalam Aset Kewangan		-	-	<b>(1,819,319)</b>	(1,086,284)
Pendapatan Dividen daripada Pelaburan dalam Aset Kewangan		<b>(67,894)</b>	(2,269,835)	<b>(737,276)</b>	(3,021,944)
Pelunasan Kos Perolehan Pinjaman		<b>(15,113,655)</b>	(15,929,009)	<b>(14,869,785)</b>	(15,622,382)
Perbelanjaan Faedah		<b>54,147</b>	11,905	-	-
Kerugian Pengubahsuaian	29	<b>461,330</b>	303,476	-	-
		-	59,973	-	-
		<b>(6,525,190)</b>	(6,095,946)	<b>(5,191,163)</b>	(4,726,728)

**PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan		KWSP	
		2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
<b>Tambahan dalam Aset Operasi:</b>					
Deposit dengan Institusi Kewangan		<b>(8,312,489)</b>	(3,174,172)	<b>(8,907,690)</b>	(3,602,001)
Penghutang, Deposit dan Prabayaran		<b>(1,315,079)</b>	1,339,517	<b>(238,540)</b>	(1,223,739)
Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan		<b>140,981</b>	1,092,625	<b>(303,168)</b>	3,430,505
Lain-lain Penghutang		<b>(82,756)</b>	(82,227)	-	-
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi		<b>(6,319,288)</b>	(11,328,049)	<b>(979,087)</b>	(7,169,112)
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain		<b>(33,102,641)</b>	(13,143,240)	<b>(33,093,451)</b>	(13,195,103)
Aset Pelaburan pada Kos Terlunas		<b>(35,708,735)</b>	(12,805,099)	<b>(34,930,810)</b>	(12,623,023)
Inventori		<b>179,628</b>	(36,786)	-	-
		<b>(84,520,379)</b>	(38,137,431)	<b>(78,452,746)</b>	(34,382,473)
<b>Tambahan/(Kurangan) dalam Liabiliti Operasi:</b>					
Pemiutang Pengeluaran Caruman		<b>(4,126)</b>	(10,699)	<b>(4,126)</b>	(10,699)
Pemiutang dan Liabiliti Terakru		<b>(1,070,378)</b>	2,751,239	<b>(983,265)</b>	1,864,983
Deposit dan Pendahuluan		<b>3,299,275</b>	3,287,142	<b>(34,590)</b>	137,403
Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi		<b>209,621</b>	118,869	<b>225,546</b>	126,404
Manfaat Pekerja		<b>(14,478)</b>	(17,117)	<b>(26,867)</b>	(17,117)
		<b>2,419,914</b>	6,129,434	<b>(823,302)</b>	2,100,974
<b>Faedah dan Keuntungan Diterima daripada Pelaburan dalam Aset Kewangan</b>					
Dividen Diterima daripada Pelaburan dalam Aset Kewangan		<b>23,598,813</b>	21,160,348	<b>23,235,834</b>	21,877,585
		<b>15,291,768</b>	15,626,188	<b>15,050,117</b>	15,333,698
		<b>38,890,581</b>	36,786,536	<b>38,285,951</b>	37,211,283
<b>Faedah Dibayar</b>					
Bayaran Cukai dan Zakat		<b>(375,139)</b>	(43,228)	-	-
Pulangan Cukai		<b>(322,320)</b>	(364,035)	-	-
		<b>61,862</b>	604	-	-
		<b>(635,597)</b>	(406,659)	-	-
<b>Tunai Bersih (Digunakan untuk)/Dijana dari Aktiviti Operasi</b>		<b>(50,370,671)</b>	(1,724,066)	<b>(46,181,260)</b>	203,056

**PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan		KWSP	
		2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>					
Perubahan Bersih dalam Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi		<b>113,161</b>	1,028	-	-
Perubahan Bersih dalam Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi		<b>(18,311)</b>	21,107	-	-
Perubahan Bersih dalam Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain		<b>805,562</b>	(361,269)	-	-
Perubahan Bersih dalam Aset Pelaburan pada Kos Terlunas		<b>(656,050)</b>	-	-	-
Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama		<b>(284,329)</b>	(764,626)	-	-
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu		<b>(337,216)</b>	(145,148)	<b>(287,623)</b>	(141,966)
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari		-	-	<b>(6,658,782)</b>	(3,814,060)
Dividen Diterima daripada Syarikat Subsidiari		-	-	<b>1,819,319</b>	1,086,284
Dividen Diterima daripada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		<b>874,499</b>	901,556	<b>737,276</b>	751,921
Aliran (Keluar)/Masuk Tunai Bersih daripada Perolehan Subsidiari		<b>(282,133)</b>	12,070	-	-
Hasil daripada Penjualan Hartanah Ditarik Balik		<b>9,591</b>	4,165	-	-
Hasil daripada Penjualan Aset Dipegang untuk Jualan Kos Pembangunan Hartanah		<b>7,317</b>	69,477	<b>4,715</b>	67,299
Pembelian Aset Tak Ketara	14	<b>(19,689)</b>	206	-	-
Pembelian Hartanah Pelaburan	15	<b>(576,837)</b>	(26,300)	-	-
Hasil Penjualan Hartanah Pelaburan		<b>12,500</b>	(267,501)	<b>(13,865)</b>	(60)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	17	<b>(125,292)</b>	800,539	-	-
Hasil Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		<b>759</b>	(134,425)	<b>(47,129)</b>	(107,671)
		<b>759</b>	688	<b>611</b>	675
<b>Tunai Bersih (Digunakan untuk)/Dijana dari Aktiviti Pelaburan</b>		<b>(476,468)</b>	111,567	<b>(4,445,478)</b>	(2,157,578)

**PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	Nota	Kumpulan		KWSP	
		2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>					
Terimaan daripada Pinjaman	21	<b>5,304,983</b>	5,997,798	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman	21	<b>(2,605,444)</b>	(4,015,194)	-	-
Bayaran Dividen kepada Kepentingan Tak Kawal		<b>(192,512)</b>	(14,236)	-	-
Bayaran Pajakan		<b>(26,096)</b>	(27,389)	<b>(24,452)</b>	(16,412)
Belanja Keuntungan atas Liabiliti Pajakan		<b>(28,255)</b>	(34,031)	<b>(25,940)</b>	(13,614)
Dividen Pengeluaran		<b>(291,785)</b>	(287,944)	<b>(291,785)</b>	(287,943)
Caruman Bersih		<b>52,270,724</b>	(3,210,556)	<b>52,270,724</b>	(3,210,556)
<b>Tunai Bersih Dijana dari/(Digunakan untuk) Aktiviti Pembiayaan</b>		<b>54,431,615</b>	(1,591,552)	<b>51,928,547</b>	(3,528,525)
Tambahan/(Kurangan) dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		<b>3,584,476</b>	(3,204,051)	<b>1,301,809</b>	(5,483,047)
Pelarasan Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing		<b>432,233</b>	(157,591)	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari	33	<b>64,356,242</b>	67,717,884	<b>57,708,334</b>	63,191,381
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember</b>	33	<b>68,372,951</b>	64,356,242	<b>59,010,143</b>	57,708,334

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

KWSP ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951 yang kemudiannya dipinda sebagai Akta KWSP, 1991. Lembaga KWSP adalah badan pemegang amanah kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan satu Skim Caruman Ditetapkan.

Aktiviti utama KWSP adalah untuk menerima dan mengutip caruman, memproses pengeluaran caruman dan lain-lain faedah kepada ahli atau waris ahli apabila syarat-syarat pengeluaran dipenuhi serta melaburkan semua wang yang diterima daripada ahli dan majikan untuk kepentingan ahli. Aktiviti utama Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama adalah seperti yang dinyatakan masing-masing di Nota 38 dan 39.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Ibu Pejabat KWSP terletak di Menara KWSP, No. 1, Persiaran Kwasa Utama, Kwasa Damansara, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor. Setakat 31 Disember 2023, KWSP beroperasi di 68 buah cawangan yang terletak di bandar-bandar utama seluruh Malaysia.

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 ini diterima dan diluluskan oleh Lembaga KWSP pada 19 April 2024.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dengan piawaian perakaunan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelumnya dalam menguruskan perkara yang dianggap material berhubung dengan Penyata Kewangan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### 2.1 Asas Penyediaan

#### (a) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP telah disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* - MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards* - IFRS) dan Akta KWSP 1991 (Akta 452).

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten untuk tempoh yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Kumpulan dan KWSP telah mengguna pakai piawaian perakaunan dan pindaan buat pertama kali bagi tahun pelaporan kewangan bermula 1 Januari 2023:

- a) MFRS 17 - Kontrak Insurans
- b) Pindaan kepada MFRS 101 - Pembentangan Penyata Kewangan dan Penyata Amalan MFRS 2 Membuat Penghakiman Materialiti (Pendedahan Dasar Perakaunan);
- c) Pindaan kepada MFRS 108 - Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan & Kesilapan (Definisi Anggaran Perakaunan); dan
- d) Pindaan kepada MFRS 112 - Cukai Pendapatan (Cukai Tertunda yang berkaitan dengan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Transaksi Tunggal) dan (Pembaharuan Cukai Antarabangsa - Peraturan Model Dua Tiang).

Pindaan lain yang disenaraikan di atas tidak memberi kesan kepada jumlah yang diiktiraf pada tempoh sebelumnya dan dijangka tidak akan mempengaruhi dengan ketara bagi tempoh semasa atau tempoh masa depan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (a) Penyata Pematuhan (Samb.)

Kumpulan dan KWSP berhasrat untuk mengguna pakai piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) sebagaimana berikut, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa:

##### Pindaan/Penambahbaikan kepada MFRS

Deskripsi	Berkuat Kuasa Bagi Tempoh Tahunan Bermula pada atau Selepas
MFRS 101 - Pembentangan Penyata Kewangan (Klasifikasi Liabiliti antara Semasa atau Bukan Semasa) dan (Liabiliti Bukan Semasa dengan Kovenan)	1 Januari 2024
MFRS 16 - Pajak (Liabiliti Pajak dalam Jualan dan Pajak Balik)	1 Januari 2024
MFRS 107 - Penyata Aliran Tunai dan MFRS 7 - Instrumen Kewangan: Pendedahan (Pengaturan Kewangan Pembekal)	1 Januari 2024
MFRS 121 - Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing (Kekurangan Pertukaran)	1 Januari 2025
MFRS 10 - Penyata Kewangan Disatukan (Penjualan atau Caruman Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Syarikat Usaha Sama)	Tangguh
MFRS 128 - Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama (Penjualan atau Caruman Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Syarikat Usaha Sama)	Tangguh

Kumpulan dan KWSP merancang untuk mengguna pakai piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang disebut di atas dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2024 untuk piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024.

Penggunaan permulaan piawaian perakaunan, tafsiran atau pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material pada tempoh semasa dan tempoh masa depan bagi penyata kewangan Kumpulan dan KWSP.

##### (b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah selain yang didedahkan di Nota 2.

##### (c) Fungsi dan Pembentangan Mata Wang

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang fungsian KWSP. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam (RM) dan telah dibundarkan kepada ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan

Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, pendedahan yang disertakan dan pendedahan liabiliti luar jangka. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa bagi aset atau liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

##### Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling penting ke atas amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan Disatukan:

##### **i. Rosot Nilai atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama**

Kumpulan dan KWSP menilai sama ada terdapat sebarang tanda-tanda bahawa Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan.

Kumpulan dan KWSP menentukan sama ada pelaburannya mengalami rosot nilai berikutan tanda-tanda rosot nilai seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai pasaran dan amaun dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjejaskan pelaburan dan kemerosotan prestasi kewangan pelaburan yang disebabkan oleh perubahan dalam persekitaran ekonomi.

##### **ii. Rosot Nilai Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI)**

Kumpulan dan KWSP menggunakan asas pandang ke hadapan untuk menilai Elaun Kerugian Kredit Dijangka yang berkaitan dengan Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada FVOCI. Metodologi rosot nilai yang diterapkan bergantung pada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

Kumpulan dan KWSP mengkategorikan aset kewangan kepada tiga (3) kategori iaitu i) Aset Pelaburan dan Kewangan pada Kos Terlunas dan FVOCI; ii) komitmen pinjaman; dan iii) kontrak jaminan kewangan untuk mencerminkan risiko kredit mereka dan bagaimana Elaun Kerugian Kredit Dijangka ditentukan bagi setiap kategori tersebut. Ringkasan andaian yang menyokong model Elaun Kerugian Kredit Dijangka bagi Kumpulan dan KWSP dinyatakan dalam Nota 2.13.

##### **iii. Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda**

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti serta amaun dibawanya dalam Penyata Kewangan.

Aset Cukai Tertunda diiktiraf setakat mana kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian cukai belum digunakan, dapat digunakan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

###### Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah aset dan liabiliti dibawa dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan seperti di bawah. Penyata Kewangan Disatukan telah disediakan oleh Kumpulan dan KWSP berdasarkan andaian dan anggaran pada parameter yang tersedia. Terdapat keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa depan, bagaimanapun, mungkin berubah disebabkan oleh perubahan pasaran atau keadaan yang timbul yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWSP. Perubahan tersebut ditunjukkan dalam andaian apabila ianya berlaku.

##### i. Rosot Nilai atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama

Sekiranya tanda-tanda itu wujud, aset-aset tersebut tertakluk kepada penilaian rosot nilai. Penilaian rosot nilai meliputi perbandingan di antara amaun dibawa pelaburan dan amaun anggaran pelaburan boleh pulih.

Bergantung kepada jenis dan lokasi pelaburan, Kumpulan dan KWSP akan memilih kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai masa hadapan terdiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan harga pasaran tersiar urus niaga yang terkini. Sebaik sahaja kaedah penilaian yang sesuai dipilih, Kumpulan dan KWSP membuat andaian tertentu mengenai masa hadapan untuk menganggarkan jumlah yang boleh pulih daripada pelaburan secara individu.

Andaian ini dan lain-lain sumber anggaran yang tidak pasti pada tarikh pelaporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material terhadap amaun dibawa pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan individu tersebut, andaian yang dibuat oleh Kumpulan dan KWSP termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, nilai terminal, kadar diskaun yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang menggabungkan risiko yang berkaitan dan jangkaan hasil masa hadapan berdasarkan tren masa lalu. Kumpulan dan KWSP percaya bahawa tiada perubahan munasabah dalam andaian utama yang diterangkan di atas boleh menyebabkan amaun dibawa pelaburan melebihi dengan ketara daripada jumlah boleh pulih.

##### ii. Elaun Kerugian Kredit Dijangka Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI)

Ukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka untuk Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada FVOCI adalah sesuatu yang memerlukan penggunaan model yang kompleks dan andaian penting mengenai keadaan ekonomi masa hadapan dan tingkah laku kredit (misalnya, kemungkinan pelanggan mungkir dan kerugian yang terhasil). Penjelasan mengenai input, teknik-teknik andaian dan anggaran yang digunakan untuk mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka yang lebih terperinci dinyatakan di dalam Nota 2.13.

Beberapa andaian dan anggaran penting juga diperlukan dalam mengaplikasikan keperluan perakaunan untuk mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka seperti:

- (a) Menentukan kriteria untuk peningkatan risiko kredit yang ketara;
- (b) Memilih model dan andaian yang sesuai untuk pengukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka;
- (c) Mengenal pasti bilangan dan wajaran relatif senario pandang ke hadapan untuk setiap jenis produk/pasaran dan Elaun Kerugian Kredit Dijangka yang berkaitan; dan
- (d) Mengenal pasti kumpulan aset kewangan yang serupa untuk tujuan mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka.

Maklumat terperinci tentang andaian dan anggaran yang dibuat oleh Kumpulan dan KWSP dalam bidang di atas dinyatakan dalam Nota 2.13.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

###### Anggaran dan Andaian (Samb.)

##### iii. Rosot Nilai atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menganggarkan rosot nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, Kumpulan dan KWSP perlu menganggarkan jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, Kumpulan dan KWSP membuat pertimbangan mengenai keadaan kewangan bagi pelanggan atau peminjam dan nilai boleh realis bersih cagaran.

##### iv. Turun Nilai Kos bagi Ekuiti Tersenarai

Bagi instrumen ekuiti yang dibawa pada FVOCI, penilaian kos instrumen dilaksanakan setiap tahun bagi setiap instrumen ekuiti. Apabila wujud bukti berlakunya penurunan nilai saksama yang signifikan terhadap ekuiti tersenarai, kerugian tidak nyata di Rizab Aset Kewangan pada FVOCI bagi sekuriti tersebut akan diiktiraf sebagai kerugian nyata melalui pemindahan kerugian nyata tersebut kepada Lebihan Kumulatif. Penurunan kos bagi instrumen ini adalah berdasarkan amaun kerugian yang signifikan yang dipindahkan daripada Rizab Aset Kewangan pada FVOCI kepada Lebihan Kumulatif.

##### v. Penilaian Hartanah Pelaburan

Bagi tujuan penilaian rosot nilai hartanah pelaburan yang dibawa pada kos, amaun dibawa dibandingkan dengan nilai saksama bagi hartanah pelaburan tersebut untuk menilai sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Pengukuran nilai saksama bagi tujuan ini diperolehi dengan merujuk kepada pendekatan pendapatan dan kaedah perbandingan yang melibatkan analisa jual beli boleh banding dan menyesuaikan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai atau harga hartanah tersebut atau penyewaan hartanah yang dijangkakan dapat dicapai. Penilaian dilakukan oleh Penilai Bebas yang Diakreditasi yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan relevan serta memiliki pengalaman terkini berkenaan lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

##### vi. Cukai Tertunda dan Cukai Pendapatan

Kumpulan dan KWSP adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguatkuasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang percukaian yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disemak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

##### vii. Obligasi Manfaat Perubatan Pesara

Nilai semasa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian yang digunakan untuk menentukan kos bersih bagi perubatan pesara, termasuk kadar diskaun dan jangkaan kadar kos perubatan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas amaun dibawa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Kumpulan dan KWSP melaksanakan penilaian aktuari secara tahunan. Kadar faedah digunakan berdasarkan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

###### Anggaran dan Andaian (Samb.)

###### vii. Obligasi Manfaat Perubatan Pesara (Samb.)

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan KWSP mempertimbangkan kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kos perubatan dikira berdasarkan purata kos perubatan tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan KWSP.

###### viii. Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara

Nilai semasa Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah gratuiti bagi pesara, termasuk kadar diskaun, jangkaan kadar kenaikan gaji tahunan dan kadar pelarasan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas amaun dibawa Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara.

Kumpulan dan KWSP melaksanakan penilaian aktuari secara tahunan. Kadar faedah digunakan berdasarkan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan KWSP mempertimbangkan kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kenaikan gaji tahunan dikira berdasarkan purata kenaikan gaji tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan KWSP.

###### ix. Obligasi Manfaat Bayaran Award Wang Tunai Cuti Gantian (Termasuk Bahagian Syer Caruman Majikan ke atas Amaun Bayaran Ini)

Nilai Semasa Obligasi Manfaat Bayaran Award Wang Tunai Cuti Gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini) bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah Obligasi Manfaat Bayaran Award Wang Tunai Cuti Gantian termasuk kadar diskaun, jangkaan kadar kenaikan gaji tahunan dan kadar pelarasan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas amaun dibawa Obligasi Manfaat Bayaran Award Wang Tunai Cuti Gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini).

Kumpulan dan KWSP melaksanakan penilaian aktuari secara tahunan. Kadar faedah digunakan berdasarkan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Bayaran Award Wang Tunai Cuti Gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini).

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan KWSP mempertimbangkan kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kenaikan gaji tahunan dikira berdasarkan purata kenaikan gaji tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan KWSP.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

##### Anggaran dan Andaian (Samb.)

##### x. Metodologi yang Dipakai bagi Agihan Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional

Baki caruman ahli telah diklasifikasikan sebagai Simpanan Syariah (SS) atau Simpanan Konvensional (SK) berdasarkan pilihan yang dibuat oleh ahli. Pendedahan kewangan berkaitan dengan caruman ahli berdasarkan SS dan SK adalah didedahkan pada Nota 32.

Untuk memperoleh keputusan kewangan dan penyata kedudukan kewangan tahun semasa untuk SS dan SK, nisbah tertentu telah digunakan untuk mengagihkan butiran pendapatan, perbelanjaan serta item penyata kedudukan kewangan. Konsep agihan diperkenalkan dengan tujuan memperoleh keuntungan yang boleh diagihkan untuk kedua-dua SS dan SK dengan adil berdasarkan penyertaan sebenar oleh ahli SS dan SK. Oleh kerana sumber dana yang digunakan untuk melabur dalam aset pelaburan Syariah dibiayai daripada caruman ahli, maka bagi keuntungan yang dijana daripada portfolio Syariah akan diagih kepada ahli SS berdasarkan dana sebenar yang dicarum oleh ahli SS. Baki keuntungan akan diagihkan kepada ahli SK.

Nisbah berikut digunakan oleh KWSP selepas pelaksanaan SS untuk memperuntukkan keuntungan yang boleh diagihkan kepada SS dan SK:

1. Nisbah Pilihan Masuk (*Opt-in Ratio* - OIR) digunakan untuk mengagih baki awal Lebihan Kumulatif untuk pembahagian baki yang dimiliki oleh ahli SS dan SK sewajarnya.
2. Nisbah Simpanan Ahli (*Members Savings Ratio* - MSR) digunakan untuk mengagih jenis pendapatan, perbelanjaan dan butiran Penyata Kedudukan Kewangan tertentu kepada simpanan SS dan SK.
3. Nisbah Aset Syariah (*Shariah Assets Ratio* - SAR) digunakan untuk mengagih Lain-lain Aset Bersih dan Lain-lain Keuntungan Bersih untuk tahun semasa yang diklasifikasikan sebagai item am kepada baki komponen Syariah.
4. Nisbah Pendapatan Syariah (*Shariah Income Ratio* - SIR) digunakan untuk mengagih jenis perbelanjaan pelaburan langsung tertentu dan pendapatan yang dijana daripada Portfolio Pelaburan Syariah kepada SS dan SK.

MSR, SAR dan SIR dikira berdasarkan purata bulanan untuk memastikan sebarang perubahan pada pengiraan nisbah pada tahun semasa dinyatakan dengan tepat pada akhir tahun. Sementara itu, OIR dikira dan dipakai sekali pada setiap awal tahun kewangan.

#### 2.2 Asas Penyatuan

Penyata Kewangan Kumpulan merangkumi Penyata Kewangan KWSP dan Syarikat Subsidiari yang disediakan pada akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tarikh pelaporan yang sama dengan KWSP serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat Subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan dan KWSP memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan Penyata Kewangan yang disatukan, semua baki, urus niaga dan keuntungan atau kerugian tidak nyata antara Kumpulan akan dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dengan Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama akan dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan atas pelaburan tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut cara yang sama tetapi hanya apabila tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat Subsidiari adalah kesemua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) yang mana Kumpulan mempunyai kawalan terhadapnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap, pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Keputusan kewangan Syarikat Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan dinyahsatukan mulai tarikh kawalan tersebut tamat.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.13.

Kaedah perolehan digunakan bagi perakaunan penyatuan Syarikat Subsidiari. Pertimbangan yang dipindahkan bagi pengambilalihan sesebuah Syarikat Subsidiari adalah nilai saksama aset yang dipindahkan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti yang boleh dikenalpasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Lebihan pertimbangan yang dipindahkan dan nilai saksama bahagian Kumpulan terhadap atas aset bersih diperolehi yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan dilaporkan sebagai Muhibah seperti di Nota 2.11. Sekiranya kos pengambilalihan ini kurang daripada nilai saksama aset bersih Syarikat Subsidiari yang diambil alih, keuntungan diiktiraf terus dalam Untung atau Rugi.

Kepentingan Tak Kawal merupakan bahagian minoriti terhadap Untung atau Rugi dan aset bersih Syarikat Subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

Kepentingan Tak Kawal diukur pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti Syarikat Subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti Syarikat Subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga antara Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, sebarang kepentingan terkumpul di dalam entiti diukur semula kepada nilai saksamanya pada tarikh hilangnya kawalan tersebut, dengan perubahan dalam amaun dibawa diiktiraf dalam Untung atau Rugi. Nilai saksama adalah amaun dibawa awal untuk tujuan perakaunan semula ke atas baki kepentingan sebagai Syarikat Bersekutu, Usaha Sama atau Aset Kewangan. Selain itu, sebarang amaun yang sebelumnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkaitan dengan entiti tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti berkaitan.

Untung atau rugi atas pelupusan Syarikat Subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih Syarikat Subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan Syarikat Subsidiari dan diiktiraf di Untung atau Rugi yang Disatukan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.4 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat Bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi Syarikat Bersekutu tetapi tiada kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu. Di bawah kaedah ekuiti, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu pada awalnya diiktiraf pada kos, kemudiannya diselaraskan bagi mengambil kira bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian dalam Untung atau Rugi dan perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain Syarikat Bersekutu di dalam Pendapatan Komprehensif. Dividen diterima atau belum diterima dari Syarikat Bersekutu akan diiktiraf sebagai pengurangan ke atas amaun dibawa pelaburan. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk Muhibah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam Syarikat Bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.13.

Apabila bahagian Kumpulan ke atas kerugian Syarikat Bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam Syarikat Bersekutu, termasuk kepentingan jangka panjang yang pada hakikatnya merupakan sebahagian daripada Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu, Kumpulan menghentikan pengiktirafan kerugian selanjutnya, melainkan jika terdapat kewajiban perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak Syarikat Bersekutu.

#### 2.5 Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama

Syarikat Usaha Sama adalah pengaturan bersama di mana Kumpulan mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut. Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama. Di bawah kaedah ekuiti, Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama pada awalnya diiktiraf pada kos, kemudiannya diselaraskan bagi mengambil kira bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian dalam Untung atau Rugi dan perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain Syarikat Usaha Sama di dalam Pendapatan Komprehensif. Dividen diterima atau belum diterima dari Syarikat Usaha Sama akan diiktiraf sebagai pengurangan ke atas amaun dibawa pelaburan.

Apabila bahagian Kumpulan ke atas kerugian Syarikat Usaha Sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam Syarikat Usaha Sama, termasuk kepentingan jangka panjang yang pada hakikatnya merupakan sebahagian daripada Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama, Kumpulan akan memberhentikan pengiktirafan bahagian kerugian, melainkan jika terdapat kewajiban perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak Syarikat Usaha Sama.

Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.13.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.6 Mata Wang Asing

##### i. Transaksi dan Baki dalam Mata Wang Asing

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan ke dalam mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga denominasi. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang disebabkan oleh urus niaga tersebut dilaksanakan, dan dari terjemahan aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing pada kadar pertukaran tarikh pelaporan, secara umumnya diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh pelaporan diiktiraf dalam Untung atau Rugi kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang pada asalnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul di bawah Rizab Terjemahan Mata Wang Asing di Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai yang saksama dimasukkan dalam Untung atau Rugi bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan perkara bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

##### ii. Operasi Asing

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza berbanding mata wang yang dilaporkan iaitu Ringgit Malaysia (RM) dalam Penyata Kewangan Disatukan telah diterjemah kepada (RM) seperti berikut:

- i. Aset dan Liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemah pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh pelaporan;
- ii. Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Untung atau Rugi diterjemah pada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- iii. Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil akan dimasukkan terus ke dalam Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain menerusi Rizab Pertukaran Asing.

#### 2.7 Instrumen Kewangan

##### i. Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, Kumpulan atau KWSP menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pembelian dan penjualan aset kewangan secara berkala diiktiraf pada tarikh perdagangan, tarikh di mana Kumpulan dan KWSP telah memberi komitmen untuk membeli dan menjual aset tersebut. Pelaburan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dinyatakan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi (FVTPL), kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dengan perolehan atau terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak hos dan diambil kira sebagai derivatif jika, dan sekiranya, ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri dan risiko ekonomi kontrak hos dan kontrak hos tidak dikategorikan sebagai FVTPL. Aset kewangan yang mempunyai derivatif terbenam boleh diiktiraf bersama-sama jika ianya telah mengambil kira klasifikasi dan pengukuran. Sekiranya kontrak hos dan derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, ianya akan diakaunkan berdasarkan sifat kontrak hos tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan

Kumpulan dan KWSP mengategorikan instrumen kewangan sebagaimana berikut:

##### **Aset Kewangan**

Klasifikasi aset kewangan mengikut MFRS 9 berdasarkan kategori pengukuran berikut:

- a. Kos Terlunas;
- b. Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI); atau
- c. Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (FVTPL).

Keperluan klasifikasi instrumen hutang dan ekuiti diterangkan di bawah:

##### a. Instrumen Hutang

Instrumen hutang ialah instrumen yang memenuhi takrifan liabiliti kewangan daripada perspektif penerbit instrumen hutang tersebut. Pengkelasan dan pengukuran instrumen hutang berikutnya bergantung kepada:

##### i. Model Perniagaan

Model perniagaan mencerminkan bagaimana Kumpulan dan KWSP mengurus aset kewangan untuk menjana aliran tunai. Maksudnya, sama ada matlamat Kumpulan dan KWSP semata-mata untuk mengumpul aliran tunai kontraktual daripada aset, atau untuk mengumpul aliran tunai kontraktual dan aliran tunai yang terjana daripada penjualan aset. Jika matlamat yang disebut tidak terpakai (contoh: aset kewangan dipegang untuk tujuan perdagangan), maka aset kewangan diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada model perniagaan lain. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Kumpulan dan KWSP dalam menentukan model perniagaan untuk portfolio aset adalah termasuk pengalaman lepas mengenai bagaimana aliran tunai untuk aset-aset ini dikumpulkan, bagaimana prestasi aset dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama, dan bagaimana risiko dinilai dan diuruskan.

##### ii. Ciri-ciri Aliran Tunai

Bagi model perniagaan sama ada memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontrak, atau untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan untuk dijual, Kumpulan dan KWSP akan menilai sama ada aliran tunai kontraktual aset kewangan mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah. Dalam membuat penilaian ini, Kumpulan dan KWSP mengambil kira sama ada aliran tunai kontraktual selaras dengan kaedah pinjaman asas, iaitu faedah hanya merangkumi pertimbangan untuk nilai masa wang, risiko kredit, risiko pinjaman asas lain dan margin keuntungan yang selaras dengan kaedah pinjaman asas. Aset kewangan dengan derivatif terbenam dianggap menyeluruh apabila menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Samb.)

###### Aset Kewangan (Samb.)

###### a. Instrumen Hutang (Samb.)

###### ii. Ciri-ciri Aliran Tunai (Samb.)

Berdasarkan faktor-faktor ini, Kumpulan dan KWSP mengkelaskan instrumen hutang ke dalam salah satu (1) daripada tiga (3) kategori pengukuran berikut:

###### i. Kos Terlunas

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah dan yang tidak ditetapkan kategorinya pada FVTPL, diukur pada Kos Terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Jumlah bawaan aset-aset ini diselaraskan oleh apa-apa elaun kerugian kredit yang dijangka diiktiraf dan diukur dengan menggunakan metodologi yang dinyatakan di Nota 2.13. Kos Terlunas dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada *Effective Interest Rate* (EIR). Pelunasan EIR dimasukkan dalam pendapatan faedah dalam Untung atau Rugi. Kerugian akibat kemerosotan nilai diiktiraf dalam Untung atau Rugi dalam Rosot Nilai Bersih ke atas Aset Pelaburan Kewangan.

Instrumen hutang Kumpulan dan KWSP yang dikelaskan sebagai Kos Terlunas terdiri daripada Aset Kewangan pada Kos Terlunas, Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, Penghutang dan Deposit, Deposit dengan Institusi Kewangan dan Bank dan Baki Tunai. Termasuk dalam Aset Kewangan pada Kos Terlunas adalah Pendapatan Tetap Pelaburan seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia, Pelaburan Daripada Kerajaan, Bon dan Sekuriti Hutang Swasta.

###### ii. Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI)

Aset kewangan yang dipegang untuk aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset, di mana aliran tunai aset mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah, dan tidak ditetapkan kategorinya pada FVTPL, diukur pada FVOCI. Perubahan pada nilai saksama diiktiraf melalui pendapatan komprehensif lain, kecuali pendapatan faedah, keuntungan atau kerugian pertukaran asing dan pengiktirafan kerugian kemerosotan nilai diukur menggunakan metodologi yang dinyatakan di Nota 2.13 diiktiraf dalam Untung atau Rugi. Faedah yang diperoleh semasa memegang aset dilaporkan sebagai pendapatan faedah dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kerugian yang timbul daripada rosot nilai dikelaskan semula daripada Pendapatan Komprehensif Lain kepada Untung atau Rugi sebagai Rosot Nilai Aset Pelaburan Kewangan. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul sebelum ini diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dikelaskan semula kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam Pendapatan Pelaburan Kasar.

Instrumen hutang Kumpulan dan KWSP yang dikelaskan sebagai FVOCI terdiri daripada Instrumen Pendapatan Tetap Pelaburan Global dan Domestik.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Samb.)

##### Aset Kewangan (Samb.)

##### a. Instrumen Hutang (Samb.)

##### ii. Ciri-ciri Aliran Tunai (Samb.)

##### iii. Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (FVTPL)

Aset kewangan yang tidak memenuhi kriteria untuk Kos Terlunas atau FVOCI, termasuk aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan dan derivatif, diukur pada FVTPL. Keuntungan atau kerugian pada aset yang kemudiannya diukur pada FVTPL dan bukan sebahagian daripada hubungan lindung nilai diiktiraf dalam Untung atau Rugi dan dibentangkan dalam Pendapatan Pelaburan Kasar. Faedah yang diperoleh semasa memegang aset dilaporkan sebagai Pendapatan Faedah dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Di samping itu, aset kewangan yang memenuhi kriteria untuk Kos Terlunas atau FVOCI boleh ditetapkan kategorinya terus oleh pengurusan sebagai FVTPL pada pengiktirafan awal, dengan syarat penetapan kategori itu menghapuskan atau mengurangkan dengan ketara layanan yang tidak konsisten yang akan timbul daripada mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian atas dasar yang berbeza. Penetapan kategori tersebut ditentukan berdasarkan keperluan instrumen. Sebarang perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Untung atau Rugi dan dibentangkan dalam Pendapatan Pelaburan Kasar. Faedah yang diperoleh diiktiraf dalam Pendapatan Faedah menggunakan kaedah faedah berkesan.

Nilai saksama bagi Kontrak Hadapan adalah ditentukan dengan menggunakan kadar tukaran hadapan pada tarikh pelaporan dengan nilai terhasil didiskaunkan ke nilai semasa.

##### Pengkelasan Semula Instrumen Hutang

Kumpulan dan KWSP mengklasifikasikan semula instrumen hutang hanya apabila model perniagaannya untuk menguruskan aset-aset tersebut berubah. Pengkelasan semula berlaku dari permulaan tempoh pelaporan yang pertama sehinggalah jika ada perubahan. Jangkaan bahawa perubahan ini akan berlaku sangat jarang dan ianya tidak berlaku semasa tahun kewangan.

##### b. Instrumen Ekuiti

Instrumen ekuiti adalah instrumen yang memenuhi takrifan ekuiti daripada perspektif penerbit iaitu instrumen yang tidak mengandungi obligasi kontrak untuk membayar dan mempunyai bukti jelas kepentingan residual dalam aset bersih penerbit.

Kumpulan dan KWSP seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti di FVTPL, kecuali di mana pengurusan telah memilih pada pengiktirafan awal, terhadap pelaburan ekuiti yang dipegang bukan untuk diperdagangkan di FVOCI. Apabila pilihan ini digunakan, keuntungan dan kerugian nilai saksama diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan kemudiannya tidak akan dikelaskan semula kepada Untung atau Rugi, termasuk semasa pelupusan. Dividen yang diperoleh semasa memegang pelaburan ekuiti diiktiraf dalam Untung atau Rugi sebagai Pendapatan Pelaburan Kasar apabila hak untuk pembayaran telah ditetapkan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Samb.)

##### Aset Kewangan (Samb.)

##### c. Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan bukan derivatif dan mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan diiktiraf pada tarikh urus niaga di mana Kumpulan dan KWSP mempunyai komitmen untuk memberi pinjaman termasuk kos urus niaga yang berkaitan, jika ada. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada Kos Terlunas menggunakan kaedah pulangan berkesan.

Termasuk dalam Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan Pinjaman Staf dan Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari.

##### d. Pinjaman Staf

Pinjaman Staf pada mulanya diukur sebagai nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Terdapat tiga (3) jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada staf KWSP pada kadar faedah yang diluluskan oleh Lembaga berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- i. Skim Pinjaman Perumahan;
- ii. Skim Pinjaman Kenderaan; dan
- iii. Skim Pinjaman Peribadi.

Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman kepada staf untuk tiga (3) skim di atas adalah tertakluk kepada alokasi dana yang diluluskan oleh Lembaga.

##### e. Penghutang

Penghutang adalah dinilai pada amaun invois setelah ditolak elaun rosot nilai. Elaun rosot nilai diperuntukkan apabila terdapat bukti objektif di mana Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut terma asal Penghutang sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 2.13.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada FVTPL, adalah tertakluk kepada penilaian semula rosot nilai sebagaimana dinyatakan di Nota 2.13.

##### Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan, kecuali yang dikategorikan sebagai FVTPL akan diukur pada Kos Terlunas.

Kategori FVTPL terdiri daripada liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan), pertimbangan luar jangka dalam gabungan perniagaan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai FVTPL akan diukur pada nilai saksama di mana Untung atau Rugi diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Samb.)

###### Liabiliti Kewangan (Samb.)

###### i. Instrumen Lindung Nilai

###### Lindung Nilai Aliran Tunai

Lindung nilai aliran tunai adalah satu perlindungan daripada pendedahan kepada perubahan aliran tunai yang boleh dikaitkan dengan risiko tertentu terhadap aset atau liabiliti yang diiktiraf atau jangkaan transaksi berkemungkinan tinggi yang boleh menjejaskan Untung atau Rugi.

Bahagian perubahan berkesan dalam nilai saksama derivatif yang ditentukan dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul dalam Rizab Lindung Nilai Aliran Tunai. Keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian tidak berkesan diiktiraf serta merta dalam Untung atau Rugi. Walau bagaimanapun, jika Kumpulan menamatkan kedudukan lebih awal, untung atau rugi terkumpul diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Lain dibekukan dan dikelaskan semula daripada Rizab Lindung Nilai Aliran Tunai kepada Untung atau Rugi menggunakan kaedah faedah efektif.

###### ii. Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) serta sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

###### iii. Kontrak Jaminan Kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit untuk membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik pemegang ke atas kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang tertentu gagal membuat pembayaran apabila tiba masanya, menurut terma asal atau terma yang telah diubahsuai atas instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan yang diterbitkan pada mulanya diukur pada nilai saksama. Ia seterusnya diukur pada tahap yang lebih tinggi di antara:

- (a) amaun kerugian dijangka; dan
- (b) amaun yang tolak jumlah pendapatan terkumpul yang diiktiraf selaras dengan prinsip MFRS 15 - "Revenue from Contracts with Customers", bila perlu.

Liabiliti yang diiktiraf daripada kontrak jaminan kewangan dibentangkan di dalam Akruan Bayaran Pelaburan di bawah Pemiutang dan Liabiliti Terakru.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### iii. Pengiktirafan Pendapatan

###### i. Faedah, Pembiayaan dan Pendapatan Keuntungan dan Perbelanjaan

Faedah dan Pendapatan Keuntungan dan Perbelanjaan untuk semua instrumen kewangan yang mempunyai faedah/keuntungan diiktiraf dalam Pendapatan Pelaburan Kasar dan Perbelanjaan Operasi masing-masing dalam penyata pendapatan yang menggunakan kaedah faedah/keuntungan berkesan.

Kaedah faedah/keuntungan berkesan adalah kaedah mengira kos terlunas bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan dan memperuntukkan faedah/keuntungan pendapatan atau faedah/keuntungan perbelanjaan dalam tempoh yang relevan. Kadar faedah/keuntungan berkesan adalah kadar diskaun dengan menggunakan anggaran pembayaran tunai masa depan atau penerimaan sepanjang jangka hayat instrumen kewangan yang dijangkakan atau, apabila bersesuaian, tempoh yang lebih pendek ke amaun dibawa bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan. Semasa pengiraan kadar faedah/keuntungan berkesan, Kumpulan dan KWSP mengambil kira semua syarat kontrak instrumen kewangan dan mengambil kira apa-apa yuran atau kenaikan kos secara langsung ke atas instrumen dan merupakan sebahagian penting daripada kadar faedah/keuntungan berkesan, tetapi bukan kerugian kredit yang akan datang.

Pendapatan faedah/keuntungan dikira dengan menggunakan kadar faedah/keuntungan berkesan ke atas amaun dibawa kasar aset kewangan kecuali aset kewangan yang seterusnya menyebabkan kredit merosot. Bagi kredit merosot ke atas aset kewangan, kadar faedah/keuntungan berkesan dikenakan pada amaun dibawa bersih aset kewangan (selepas ditolak elaun kerugian).

Yuran pengatur dan komisen ke atas pinjaman diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan pengaturan kontrak.

###### ii. Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam Untung atau Rugi berasaskan akruan apabila hak Kumpulan dan KWSP untuk menerima dividen wujud. Bagi dividen dari ekuiti tersiar harga, pengiktirafan adalah pada tarikh *ex-dividend*.

###### iii. Keuntungan Modal

Keuntungan Modal yang diperolehi atas penjualan instrumen pelaburan turut diiktiraf atas dasar akruan serta mengambil kira kesan atas pertukaran wang asing bagi instrumen pelaburan global. Keuntungan Modal diiktiraf apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan instrumen pelaburan telah dipindahkan kepada pembeli.

#### 2.8 Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susut Nilai

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Kos berikutnya akan dimasukkan dalam amaun dibawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan KWSP dan kos tersebut boleh diukur dengan munasabah.

Amaun dibawa bagi komponen yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada Untung atau Rugi bagi tahun kewangan ianya berlaku.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.8 Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susut Nilai (Samb.)

Tanah Milik Bebas dan Kerja Dalam Proses tidak disusut nilaikan. Semua Hartanah, Loji dan Peralatan lain disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

Bangunan	10 tahun - 50 tahun
Bangunan, Loji dan Mesin	5 tahun - 10 tahun
Ubahsuai Pejabat/Bangunan	5 tahun - 10 tahun
Perabot, Peralatan dan Pemasangan Tetap	5 tahun
Kenderaan Bermotor	5 tahun
Kelengkapan Pejabat	5 tahun
Perisian dan Perkakasan Komputer	3 tahun - 5 tahun

Perabot, Peralatan dan Pemasangan Tetap serta Kelengkapan Pejabat bagi kos kurang daripada RM1,000 seunit disusut nilai sepenuhnya pada tahun perolehan.

Ubahsuai Pejabat/Bangunan pada nilai RM100,000 dan lebih akan dipermodalkan. Bagi ubahsuai di mana kos projek adalah bernilai kurang daripada RM100,000, kos ubahsuai berkenaan dicaj sebagai perbelanjaan tahun semasa.

Nilai baki bersih dan usia penggunaan aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada setiap tarikh pelaporan. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan KWSP perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada amaun dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika amaun dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.13.

Bagi setiap Hartanah, Loji dan Peralatan yang dilupuskan, perbezaan di antara ganjaran pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf di Untung atau Rugi. Apabila penggunaan hartanah berubah daripada digunakan sendiri kepada tujuan pelaburan, amaun dibawa hartanah tersebut tidak berubah.

#### 2.9 Pajakan

##### i. Perakaunan oleh Penerima Pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai Aset Hak atas Penggunaan dan liabiliti sepadan pada tarikh aset pajakan tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan dan KWSP.

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan dan KWSP memperuntukkan pertimbangan kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga relatif berdiri sendiri.

##### Tempoh Pajakan

Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan dan KWSP mengambil kira semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan pelanjutan, atau tidak melaksanakan pilihan penamatan. Pilihan pelanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya termasuk dalam tempoh pajakan jika pajakan itu mempunyai kepastian munasabah untuk dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

Perjanjian pajakan tidak mengenakan apa-apa kovenan, tetapi aset yang dipajak mungkin tidak digunakan sebagai sekuriti untuk tujuan pinjaman. Sebahagian pajakan menyediakan tambahan bayaran pajakan yang berdasarkan kepada perubahan indeks harga tempatan, amaun ini secara umumnya ditentukan secara tahunan.

Kumpulan dan KWSP mentaksir semula tempoh pajakan apabila berlaku peristiwa penting atau perubahan keadaan dalam kawalan Kumpulan dan KWSP dan memberi kesan sama ada Kumpulan dan KWSP mempunyai kepastian munasabah untuk melaksanakan pilihan yang sebelum ini tidak diambil kira semasa menentukan tempoh pajakan, atau tidak melaksanakan pilihan yang sebelum ini tidak diambil kira semasa menentukan tempoh pajakan. Semakan tempoh pajakan menghasilkan pengukuran semula Liabiliti Pajakan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.9 Pajakan (Samb.)

##### i. Perakaunan oleh Penerima Pajakan (Samb.)

###### Aset Hak atas Penggunaan

Aset Hak atas Penggunaan yang bukan merupakan Hartanah Pelaburan akan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai (jika ada). Secara umum aset disusut nilai mengikut usia penggunaan aset atau tempoh pajakan, yang mana lebih pendek dengan menggunakan kaedah garis lurus. Jika Kumpulan dan KWSP mempunyai kepastian munasabah untuk melaksanakan pilihan pembelian, Aset Hak atas Penggunaan akan disusut nilai berdasarkan usia penggunaan aset sandaran. Tambahan lagi, Aset Hak atas Penggunaan akan dilaras untuk pengukuran semula Liabiliti Pajakan tertentu.

Aset Hak atas Penggunaan adalah diukur pada kos yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Amaun pengukuran awal Liabiliti Pajakan;
- b. Sebarang bayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan pajakan tolak sebarang insentif pajakan yang diterima;
- c. Kos langsung di permulaan pajakan; dan
- d. Kos penamatan dan pemasangan semula.

Kumpulan dan KWSP membentangkan Aset Hak atas Penggunaan yang memenuhi definisi Hartanah Pelaburan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Hartanah Pelaburan. Aset Hak atas Penggunaan yang tidak memenuhi definisi Hartanah Pelaburan dibentangkan sebagai baris berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

###### Liabiliti Pajakan

Liabiliti Pajakan pada awal diukur mengikut nilai semasa pembayaran pajakan yang belum dibayar pada tarikh semasa. Bayaran pajakan terdiri daripada:

- a. Bayaran tetap tolak sebarang insentif pajakan yang belum diterima;
- b. Bayaran pajakan berubah yang berdasarkan indeks atau kadar, pada awalnya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- c. Amaun dijangka perlu dibayar oleh Kumpulan dan KWSP di bawah nilai sisa terjamin;
- d. Harga pelaksanaan pilihan pembelian dan lanjutan pajakan sekiranya Kumpulan dan KWSP mempunyai kepastian munasabah untuk melaksanakan lanjutan pajakan tersebut; dan
- e. Bayaran penalti bagi menamatkan pajakan, sekiranya terma pajakan menunjukkan Kumpulan dan KWSP melaksanakan pilihan tersebut.

Bayaran pajakan didiskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajakan. Sekiranya kadar itu tidak dapat ditentukan, di mana secara amnya kes pajakan dalam Kumpulan dan KWSP, kadar kenaikan faedah pinjaman penerima pajakan digunakan. Ini adalah kadar yang perlu dibayar oleh penerima pajakan untuk meminjam dana diperlukan untuk memperoleh aset bersamaan nilai dengan Aset Hak atas Penggunaan dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan terma, sekuriti dan syarat yang serupa.

Bayaran pajakan diperuntukkan di antara kos pokok dan kos kewangan. Kos kewangan dicaj ke Untung atau Rugi sepanjang tempoh pajakan agar dapat menghasilkan kadar faedah berkala berterusan bagi baki liabiliti bagi setiap tempoh.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.9 Pajakan (Samb.)

##### i. Perakaunan oleh Penerima Pajakan (Samb.)

###### Liabiliti Pajakan (Samb.)

Bayaran pajakan berubah yang bergantung kepada jualan diiktiraf dalam Untung atau Rugi dalam tempoh di mana syarat yang menggerakkan pembayaran tersebut berlaku. Bagi Kumpulan dan KWSP, bayaran pajakan berubah timbul daripada pajakan tanah bersamaan dengan sebahagian peratusan pajakan yang diterima daripada penerima pajakan komersil tertakluk kepada bayaran minima setahun. Terdapat juga pajakan tanah yang tertakluk kepada *peppercorn rent*.

Kumpulan dan KWSP membentangkan Liabiliti Pajakan sebagai baris berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Belanja keuntungan atas Liabiliti Pajakan dibentangkan dalam belanja operasi dalam Untung atau Rugi.

###### Penilaian Semula Liabiliti Pajakan

Kumpulan dan KWSP juga terdedah kepada potensi peningkatan dalam bayaran pajakan berubah masa depan yang bergantung kepada indeks atau kadar yang tidak dimasukkan dalam liabiliti pajakan sehingga ia berkuat kuasa. Apabila pelarasan kepada bayaran pajakan berdasarkan indeks atau kadar berkuat kuasa, Liabiliti Pajakan akan diukur semula dan dilaraskan berbanding Aset Hak atas Penggunaan.

###### Pajakan Jangka Pendek dan Pajakan Aset Bernilai Rendah

Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan terma pajakan 12 bulan atau kurang. Pembayaran yang berkaitan dengan pajakan jangka pendek kelengkapan dan semua pajakan aset bernilai rendah diiktiraf pada asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam Untung atau Rugi. Untuk Kumpulan dan KWSP aset bernilai rendah adalah aset dinilai dengan kos RM20,000 dan ke bawah setiap aset.

##### ii. Perakaunan untuk Pemberi Pajakan

Sebagai pemberi pajakan, Kumpulan dan KWSP akan menentukan pada permulaan pajakan sama ada setiap pajakan adalah pajakan kewangan atau pajakan operasi. Bagi mengklasifikasi setiap pajakan, Kumpulan dan KWSP membuat penilaian keseluruhan sama ada pajakan memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran sampingan kepada pemilikan bagi aset sandaran kepada penerima pajakan. Sebagai sebahagian daripada penilaian ini, Kumpulan dan KWSP mengambil kira beberapa indikator seperti sama ada pajakan adalah bahagian utama dalam hayat ekonomi aset terbabit.

###### Pajakan Kewangan

Kumpulan dan KWSP mengklasifikasi pajakan sebagai pajakan kewangan jika penerima pajakan menanggung kebanyakan kesemua risiko dan ganjaran pemilikan aset.

Kumpulan dan KWSP menyahiktiraf aset sandaran dan mengiktiraf penghutang pada amaun yang sama dengan pelaburan bersih dalam pajakan kewangan. Pelaburan bersih dalam kewangan pajakan diukur pada jumlah yang sama dengan jumlah nilai kini bayaran pajakan dari penerima pajakan dan nilai sisa tidak terjamin atas aset sandaran. Kos langsung awal juga termasuk dalam pengukuran awal pelaburan bersih. Pelaburan bersih ini adalah tertakluk kepada MFRS 9 'Rosot Nilai' (rujuk kepada Nota 2.13 mengenai rosot nilai aset kewangan). Di samping itu, Kumpulan dan KWSP juga melakukan semakan berkala ke atas anggaran nilai sisa tidak terjamin.

Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menggambarkan kadar pulangan berkala yang tetap. Kumpulan dan KWSP menyemak pajakan peruntukan pendapatan sekiranya terdapat pengurangan nilai sisa tidak terjamin.

###### Pajakan Operasi

Apabila aset disewa di bawah pajakan operasi, aset tersebut adalah termasuk dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan jenis aset tersebut. Pendapatan pajakan akan diiktiraf mengikut tempoh pajakan menggunakan kaedah garis lurus.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.9 Pajakan (Samb.)

##### ii. Perakaunan untuk Pemberi Pajakan (Samb.)

###### Klasifikasi Pajakan Kecil

Apabila Kumpulan dan KWSP adalah pemberi pajakan pertengahan, ia menilai klasifikasi pajakan kecil berdasarkan kepada Aset Hak atas Penggunaan yang timbul daripada pajakan utama, bukan merujuk kepada aset sandaran. Sekiranya pajakan utama adalah pajakan jangka pendek di mana Kumpulan dan KWSP menggunakan pengecualian yang dijelaskan di atas, maka pajakan kecil ini akan dikelaskan sebagai pajakan operasi.

#### 2.10 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan terdiri daripada tanah dan bangunan, yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh Kumpulan dan KWSP sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan. Hartanah Pelaburan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul.

Tanah milik bebas tidak disusut nilai. Bangunan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan di antara 25 hingga 50 tahun. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan KWSP perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada amaun dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika amaun dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.13.

Apabila Hartanah Pelaburan dilupuskan, atau ianya tidak digunakan langsung dan dijangka tiada manfaat ekonomi masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ianya dinyahiktirafkan daripada Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa akan diiktiraf dalam Untung atau Rugi dalam tempoh ianya ditamatkan atau dilupuskan.

#### 2.11 Aset Tak Ketara

##### a. Muhibah

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebih kepada kos pembelian dan amaun diiktiraf bagi Kepentingan Tak Kawal ke atas aset dikenal pasti bersih yang diperolehi dan liabiliti yang diambil alih. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang diperolehi melebihi kos pembelian yang diiktiraf, keuntungannya diiktiraf dalam Untung atau Rugi. Selepas pengiktirafan awal, Muhibah diukur pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibah disemak semula untuk rosot nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang menunjukkan amaun dibawa mungkin mengalami rosot nilai. Rosot nilai atas Muhibah tidak boleh dicatat semula. Polisi perakaunan berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2.13.

##### b. Aset Tak Ketara Lain

Aset Tak Ketara selain Muhibah, yang diperolehi pada awalnya diukur pada kos. Di awal perolehan, Aset Tak Ketara ini diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul.

Aset Tak Ketara yang mempunyai usia penggunaan akan dilunaskan sepanjang anggaran usia penggunaan ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa Aset Tak Ketara mungkin telah mengalami rosot nilai. Caj pelunasan bagi Aset Tak Ketara yang mempunyai usia penggunaan adalah diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.11 Aset Tak Ketara (Samb.)

##### b. Aset Tak Ketara Lain (Samb.)

Aset Tak Ketara yang tidak mempunyai usia penggunaan tidak akan dilunaskan, dan akan dinilai untuk rosot nilai setiap tahun, atau lebih kerap jika terdapat peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan amaun dibawa berkemungkinan mengalami rosot nilai. Usia penggunaan Aset Tak Ketara yang tidak mempunyai usia penggunaan disemak setiap tahun untuk menentukan sama ada taksiran usia penggunaan perlu terus disokong. Jika tidak, perubahan daripada tidak mempunyai usia penggunaan kepada mempunyai usia penggunaan dilakukan secara prospektif.

Aset Tidak Ketara Lain dan anggaran usia penggunaan ekonominya adalah seperti berikut:

Deposit Teras	6 tahun
Lesen dan Perisian Teknologi Maklumat	5 tahun
Lesen Perbankan	Tiada usia penggunaan

#### 2.12 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi Penyata Aliran Tunai, Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan, di bank (termasuk yang diuruskan oleh Pengurus Dana Luar), deposit dengan institusi kewangan dan pelaburan mudah cair di mana risiko perubahan pada nilai saksama adalah rendah serta tempoh asal kematangan adalah pada tiga (3) bulan atau kurang. Tunai dan Kesetaraan Tunai ini digunakan oleh Kumpulan dan KWSP untuk menguruskan komitmen jangka pendek.

Kumpulan dan KWSP mengelaskan aliran tunai daripada dividen daripada pelaburan yang diuruskan sebagai aktiviti operasi yang dikenali sebagai aliran tunai operasi, manakala dividen daripada Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Usaha sama diklasifikasikan sebagai aliran tunai pelaburan.

#### 2.13 Rosot Nilai

##### Aset Bukan Kewangan

Aset bukan kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk rosot nilai setiap tahun. Aset bukan kewangan yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan amaun dibawa berkemungkinan tidak boleh dipulihkan.

Rosot nilai diiktiraf apabila amaun dibawa aset bukan kewangan melebihi nilai boleh pulih. Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Bagi tujuan menilai rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada Muhibah yang mengalami rosot nilai disemak untuk kemungkinan rosot nilai dicatat semula pada setiap tarikh pelaporan.

Rosot nilai akan dicaj dalam Untung atau Rugi. Bagi aset-aset bukan kewangan lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam nilai boleh pulih, ianya diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.13 Rosot Nilai (Samb.)

##### Aset Kewangan

##### Kemerosotan Aset Kewangan

Kumpulan dan KWSP menggunakan pendekatan tiga (3) peringkat untuk mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka bagi kategori aset kewangan berikut yang tidak diukur pada FVTPL:

- Instrumen hutang yang diukur pada Kos Terlunas dan FVOCI;
- Komitmen pinjaman; dan
- Kontrak jaminan kewangan.

Tiada Elaun Kerugian Kredit Dijangka diiktiraf ke atas pelaburan ekuiti.

Tanda-tanda wajib yang digunakan oleh Kumpulan dan KWSP bagi menentukan sama ada terdapat peningkatan signifikan risiko kredit adalah apabila prinsipal atau faedah atau kedua-dua aset pembiayaan telah terlambat antara satu (1) hingga enam (6) bulan atau mencapai mana-mana petunjuk kualitatif seperti peningkatan penyebaran kredit dalaman kemudahan yang ada, pelanggaran perjanjian dan penurunan harga sekuriti. Risiko kredit juga boleh dianggap meningkat dengan signifikan sejak pengiktirafan awal berdasarkan faktor kualitatif yang berkaitan dengan proses pengurusan risiko kredit Kumpulan dan KWSP. Ini akan berlaku untuk pendedahan yang memenuhi beberapa kriteria risiko yang tinggi, seperti penempatan pada senarai amatan. Faktor kualitatif tersebut adalah berdasarkan penilaian pakar dan sejarah pengalaman pihak pengurusan yang berkaitan.

Kumpulan dan KWSP menentukan hari terlebih terhutang melalui pengiraan bilangan hari mulai hari terawal berlaku berhubung pembayaran penuh yang masih tidak diterima.

Sekiranya terdapat bukti bahawa tiada lagi peningkatan signifikan risiko kredit berbanding pengiktirafan awal, elaun rosot nilai ke atas aset kewangan akan kembali diukur pada Elaun Kerugian Kredit Dijangka 12 bulan. Beberapa petunjuk kualitatif mengenai peningkatan risiko kredit, seperti kegagalan pembayaran atau toleransi, mungkin menunjukkan peningkatan risiko terhutang yang berterusan selepas petunjuk telah tidak wujud. Bagi kes ini, Kumpulan dan KWSP menentukan tempoh percubaan di mana aset kewangan tersebut diperlukan untuk menunjukkan prestasi cemerlang sebagai bukti bahawa penurunan risiko kredit telah berlaku secukupnya. Apabila terma kontrak pembiayaan telah diubahsuai, bukti yang mengiktiraf Elaun Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat tidak lagi dipenuhi termasuk sejarah prestasi pembayaran terkini berbanding terma kontrak yang telah diubahsuai.

Aset kewangan yang tidak disemak secara individu dikumpulkan bersama-sama bagi tujuan penilaian rosot nilai. Aset kewangan tersebut dikumpulkan berdasarkan ciri-ciri risiko kredit bagi tujuan pengiraan anggaran kerugian kolektif. Anggaran aliran tunai terhadap kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif bagi tujuan rosot nilai adalah dianggarkan atas sejarah kerugian pengalaman bagi aset di mana ciri-ciri risiko kredit adalah serupa dengan ciri-ciri di kumpulan.

Aset kewangan bergerak melalui tiga (3) peringkat berikut berdasarkan perubahan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal:

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.13 Rosot Nilai (Samb.)

##### Aset Kewangan (Samb.)

##### Kemerosotan Aset Kewangan (Samb.)

##### Peringkat 1: Elaun Kerugian Kredit Dijangka 12 Bulan

Bagi pendedahan di mana tidak terdapat peningkatan signifikan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal dan kredit tidak terjejas semasa pengiktirafan awal, bahagian Elaun Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat yang dikaitkan dengan kebarangkalian peristiwa ingkar yang berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang diiktiraf.

##### Peringkat 2: Elaun Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Tidak Terjejas

Bagi pendedahan di mana terdapat kenaikan risiko kredit yang signifikan sejak pengiktirafan awal tetapi kredit tidak terjejas, Elaun Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat (iaitu menggambarkan baki tempoh hayat aset kewangan) diiktiraf.

Kumpulan dan KWSP menilai jika pendedahan telah meningkat dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal (Peringkat 2) melalui kriteria berikut:

- Kemerosotan kadar kredit seperti yang ditentukan oleh dasar kemerosotan KWSP;
- Kehilangan permulaan kadaran kredit; dan
- Penstrukturan dan penjadualan semula disebabkan oleh peningkatan risiko kredit.

##### Peringkat 3: Elaun Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Terjejas

Pendedahan dinilai sebagai kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset tersebut telah berlaku. Bagi pendedahan yang telah terjeaskan kredit, Elaun Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat diiktiraf dan hasil faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah efektif kepada kos dilunaskan (bersih daripada peruntukan) dan bukannya amaun dibawa kasar.

Kumpulan atau KWSP menilai jika pendedahan mengalami penurunan nilai kredit melalui kriteria berikut:

##### Pelaburan Kewangan pada Kos Terlunas

- 1 Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang diterima pada tarikh pelaporan;
- 2 Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- 3 Penamatan operasi perniagaan/mufli (bagi kes yang telah difailkan);
- 4 Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
- 5 Syarikat yang dilaburkan telah dikelaskan sebagai PN17;
- 6 Berita mengenai kes *fraud* signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan;
- 7 Syarikat yang melabur menerima Sijil Audit Bersyarat; dan/atau
- 8 Terdapat petunjuk kemerosotan prestasi kewangan syarikat yang membolehkan Pengurusan untuk membuat taksiran rosot nilai Peringkat 3 berdasarkan *Judgemental Triggers* seperti yang dibenarkan di bawah piawaian MFRS 9.

##### Aset Kewangan pada FVOCI

- 1 Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang diterima pada tarikh pelaporan;
- 2 Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- 3 Penamatan operasi perniagaan/mufli (bagi kes yang telah difailkan);
- 4 Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
- 5 Syarikat yang dilaburkan telah dikelaskan sebagai PN17;
- 6 Berita mengenai kes *fraud* signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan;
- 7 Syarikat yang melabur menerima Sijil Audit Bersyarat; dan/atau
- 8 Terdapat petunjuk kemerosotan prestasi kewangan syarikat yang membolehkan Pengurusan untuk membuat taksiran rosot nilai Peringkat 3 berdasarkan *Judgemental Triggers* seperti yang dibenarkan di bawah piawaian MFRS 9.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.13 Rosot Nilai (Samb.)

##### Aset Kewangan (Samb.)

##### Kemerosotan Aset Kewangan (Samb.)

##### Peringkat 3: Elaun Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Terjejas (Samb.)

###### Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

- 1 Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh pelaporan;
- 2 Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
- 3 Peminjam menghentikan operasi perniagaan/kebankrapan (apabila memfailkan kes itu);
- 4 Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
- 5 Berita mengenai kes *fraud* signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan/atau
- 6 Peminjam menerima Sijil Audit Bersyarat.

###### Pengukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka

Elaun Kerugian Kredit Dijangka diukur sama ada dalam tempoh 12 bulan atau sepanjang hayat bergantung kepada sama ada peningkatan ketara dalam risiko kredit telah berlaku sejak pengiktirafan awal atau sama ada sesuatu aset dianggap mengalami kredit terjejas.

##### Peringkat 1 dan 2

Kerugian kredit yang dijangkakan daripada pendedahan Peringkat 1 dan 2 adalah produk diskaun Kebarangkalian Ingkar (PD), Pendedahan Pada Ingkar (EAD) dan Kerugian Akibat Kemungkinan (LGD), yang ditakrifkan seperti berikut:

- a. Kebarangkalian Ingkar (PD) mewakili kemungkinan peminjam ingkar terhadap obligasi kewangannya, sama ada dalam tempoh 12 bulan akan datang atau sepanjang tempoh baki obligasi;
- b. Pendedahan Pada Ingkar (EAD) didasarkan pada jumlah yang dijangkakan oleh Kumpulan pada masa kegagalan, dalam tempoh 12 bulan akan datang atau sepanjang hayat yang selebihnya; dan
- c. Kerugian Akibat Kemungkinan (LGD) mewakili jangkaan Kumpulan tentang tahap kerugian pada pendedahan yang mungkir.

Elaun Kerugian Kredit Dijangka ditentukan dengan pengiraan Kebarangkalian Ingkar, Pendedahan Pada Ingkar dan Kerugian Akibat Kemungkinan untuk setiap bulan akan datang bagi setiap pendedahan individu. Ketiga-tiga komponen ini digandakan dan diselaraskan untuk kemungkinan kelangsungan hidup.

##### Peringkat 3

Peringkat 3 Elaun Kerugian Kredit Dijangka diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kaedah asal hasil efektif aset kewangan. Amaun dibawa aset kewangan dikurangkan dan amaun kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

###### Penghutang

Kumpulan dan KWSP menggunakan pendekatan mudah seperti yang dibenarkan oleh MFRS 9, yang memerlukan entiti untuk mengiktiraf elaun rosot nilai berdasarkan Elaun Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. MFRS 9 membenarkan penggunaan wajaran praktikal dalam mengukur Elaun Kerugian Kredit Dijangka dan menyatakan bahawa matriks peruntukan ialah contoh wajaran untuk penghutang perdagangan dan aset kontrak. Entiti yang mengaplikasikan wajaran peruntukan dibenarkan untuk menggunakan pengalaman rugi sejarah terhadap penghutang perdagangan, dan menyelaraskan kadar rugi sejarah untuk menunjukkan maklumat tentang keadaan semasa dan ramalan yang munasabah dan menyokong keadaan ekonomi masa hadapan.

###### Maklumat Masa Hadapan

Penilaian peningkatan signifikan risiko kredit dan pengiraan Elaun Kerugian Kredit Dijangka kedua-duanya memasukkan maklumat masa hadapan. Kumpulan dan KWSP telah melakukan analisis sejarah dan mengenal pasti pemboleh ubah ekonomi utama yang memberi kesan kepada risiko kredit dan kerugian kredit yang dijangka untuk setiap portfolio. Penilaian pakar juga telah digunakan dalam proses ini. Ramalan pemboleh ubah ekonomi ini disediakan secara tahunan dan memberikan pandangan anggaran terbaik ekonomi dalam tempoh lima (5) tahun akan datang bersama senario lain yang mungkin bersama-sama dengan wajaran senario.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.13 Rosot Nilai (Samb.)

##### Aset Kewangan (Samb.)

##### Kemerosotan Aset Kewangan (Samb.)

Pengukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka (Samb.)

Turun Nilai/Hapus Kira

Aset kewangan dan elaun rosot nilai yang berkaitan biasanya diturun nilai, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, apabila tiada kemungkinan perolehan aset kewangan yang realistik. Dalam keadaan di mana aset kewangan telah dijamin, penurunan nilai biasanya dilakukan selepas penerimaan perolehan daripada realisasi sekuriti.

Walau bagaimanapun, Kumpulan dan KWSP akan meneruskan untuk mengutip dan memantau aset kewangan yang diturun nilainya.

#### 2.14 Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan yang Diubahsuai

##### Aset Kewangan

Kumpulan dan KWSP menilai sama ada terdapat perubahan besar ke atas aliran tunai aset yang diubahsuai jika terma aset kewangan diubahsuai. Pengubahsuaian terma dan syarat pembayaran asal akan dibuat ke atas kemudahan pembiayaan berikutan peningkatan risiko kredit pelanggan. Ini tidak terhad kepada lanjutan tempoh dan fleksibel jadual pembayaran termasuk penangguhan pembayaran, pembayaran keuntungan, atau permodalan pokok atau keuntungan atau kedua-duanya. Sebaik sahaja aset kewangan tersebut telah diubahsuai, tahap prestasi yang memuaskan akan dipantau selama enam (6) bulan sebelum ianya boleh diklasifikasi semula sebagai tidak mengalami rosot nilai kredit.

Sekiranya terdapat perubahan besar ke atas aliran tunai, maka hak kontrak untuk aliran tunai dari aset kewangan asal dianggap telah tamat. Dalam kes ini, nilai asal aset dinyahiktiraf dan aset kewangan baru diiktiraf pada nilai saksama.

Sekiranya tiada perubahan besar ke atas aliran tunai aset yang diubahsuai yang dibawa pada Kos Terlunas atau pada FVOCI tidak jauh berbeza, pengubahsuaian tersebut tidak mengakibatkan penyahiktirafan aset kewangan. Dalam kes ini, Kumpulan dan KWSP mengira semula amaun dibawa kasar bagi aset kewangan menggunakan kadar faedah/keuntungan efektif asal aset dan mengiktiraf amaun keuntungan atau kerugian pengubahsuaian dalam Untung atau Rugi yang timbul daripada pelarasan yang dilakukan ke atas amaun dibawa kasar.

Sekiranya pengubahsuaian tersebut dilakukan kerana kesulitan kewangan peminjam, maka keuntungan atau kerugian ditunjukkan bersama dengan kerugian rosot nilai. Dalam kes lain, ia adalah dikemukakan sebagai pendapatan faedah/keuntungan, dikira menggunakan kaedah kadar faedah/keuntungan efektif.

##### Liabiliti Kewangan

Kumpulan dan KWSP tidak menyedari liabiliti kewangan apabila syaratnya diubah dan aliran tunai liabiliti yang diubah jauh berbeza. Dalam kes ini, liabiliti kewangan baru berdasarkan syarat yang diubah diiktiraf pada nilai saksama. Perbezaan antara jumlah dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan dan liabiliti kewangan baru dengan terma yang diubah diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

Sekiranya pengubahsuaian liabiliti kewangan tidak diambil kira sebagai penghentian pengiktirafan, maka kos pelunasan tanggungan dilunaskan dikira semula dengan mendiskaun aliran tunai yang diubah pada kadar keuntungan efektif yang asal dan keuntungan atau kerugian yang dihasilkan diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.15 Inventori

Inventori bagi Kumpulan merangkumi Tanah Dipegang untuk Pembangunan Hartanah dan Tanah Dipegang untuk Jualan.

##### a. Tanah Dipegang untuk Pembangunan Hartanah

Kos Tanah Dipegang untuk Pembangunan Hartanah dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos sejarah dan nilai boleh realis bersih. Kos Tanah Dipegang untuk Pembangunan Hartanah terdiri daripada harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran, levi berkaitan dan kos pembangunan langsung yang dibelanjakan untuk menyediakan tanah tersebut untuk pembangunan.

Nilai boleh realis bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan pengurusan biasa, tolak anggaran kos penyempurnaan dan anggaran kos penjualan. Jika nilai boleh realis bersih tidak boleh ditentukan, Inventori ini akan dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos atau nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Nilai saksama adalah nilai Inventori yang boleh dijual dalam transaksi urus niaga tulus.

Tanah Dipegang untuk Pembangunan adalah tanah dimana tiada aktiviti pembangunan signifikan dilakukan atau kegiatan pembangunan dijangkakan tidak dapat diselesaikan dalam kitaran kendalian normal.

Tanah Dipegang untuk Pembangunan akan dipindahkan kepada Tanah Dipegang untuk Jualan apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan aktiviti pembangunan dijangka selesai dalam kitaran kendalian normal Kumpulan.

##### b. Tanah Dipegang untuk Jualan

Tanah Dipegang untuk Jualan merangkumi hartanah yang telah siap, yang dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos sejarah dan nilai boleh realis bersih. Kos ini terdiri daripada kos yang berkaitan dengan pengambilalihan tanah, kos langsung dan overhead pembangunan yang sesuai.

#### 2.16 Cukai dan Zakat

##### a. Cukai

KWSP dikecualikan daripada cukai pendapatan berdasarkan perenggan 20 - Jadual 6, Bahagian I, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Cukai pendapatan Syarikat Subsidiari atas Untung atau Rugi untuk tahun semasa adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai yang dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung keuntungan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti serta amaun dibawa pada tarikh pelaporan. Pada dasarnya, Liabiliti Cukai Tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai dan Aset Cukai Tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna setakat mana kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan tersedia berbanding perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh cukai.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.16 Cukai dan Zakat (Samb.)

##### a. Cukai (Samb.)

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset dinyatakan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besar telahpun digubal menjelang tarikh pelaporan. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam Untung atau Rugi, kecuali apabila ia timbul daripada transaksi yang diiktiraf secara langsung dalam Penyata Kedudukan Kewangan, di mana cukai tersebut juga diiktiraf secara langsung dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan cukai tertunda yang timbul daripada gabungan perniagaan diselaraskan dengan muhibah atas pengambilalihan.

##### b. Zakat

Zakat yang dinyatakan adalah mewakili zakat perniagaan yang perlu dibayar oleh Syarikat Subsidiari yang mematuhi prinsip-prinsip Shariah dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Shariah. Zakat dikira berdasarkan kaedah modal kerja pada kadar 2.5%.

#### 2.17 Manfaat Pekerja

##### a. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan bayaran gratuiti kepada staf kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan KWSP. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

##### b. Pelan Caruman Ditetapkan

Caruman dibuat kepada KWSP bagi semua staf KWSP.

##### c. Manfaat Jangka Panjang

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

Bayaran manfaat pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf secara akruan di Untung atau Rugi tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja. Jenis-jenis manfaat pekerja jangka panjang yang akan diiktiraf secara akruan ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Faedah perubatan selepas persaraan;
- ii. Gratuiti kepada pesara; dan
- iii. Bayaran award wang tunai cuti gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini).

Pengiraan amaun tanggungan faedah perubatan selepas persaraan, liabiliti gratuiti dan bayaran award cuti gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini) kepada pesara adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan secara tahunan.

##### d. Manfaat Penamatan

Manfaat Penamatan perlu dibayar apabila staf menerima pemberhentian sukarela sebagai gantian untuk manfaat ini. Kumpulan dan KWSP mengiktiraf Manfaat Penamatan apabila terdapat komitmen ketara untuk menamatkan perkhidmatan staf semasa mengikut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan menarik kembali pelan tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.18 Pinjaman dan Overdraif

Pinjaman dan overdraf pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, selepas ditolak kos urus niaga. Pinjaman dan overdraf kemudiannya dinyatakan pada Kos Terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Sebarang perbezaan antara amaun kutipan (selepas ditolak kos urus niaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam Untung atau Rugi sepanjang tempoh pinjaman. Faedah, dividen, kerugian dan keuntungan berkaitan instrumen kewangan atau komponen yang dikelaskan sebagai liabiliti adalah dilaporkan sebagai perbelanjaan pelaburan dalam Untung atau Rugi.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan dan KWSP mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya selama 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Yuran yang dibayar bagi memperoleh kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman setakat mana sebahagian atau keseluruhan kemudahan pinjaman, yang berkemungkinan diluluskan.

#### 2.19 Peruntukan bagi Liabiliti

Peruntukan bagi Liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan KWSP mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lalu dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber faedah ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran munasabah berkaitan amaun obligasi boleh dilaksanakan. Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa ke atas wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menjelaskan obligasi.

#### 2.20 Liabiliti Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3)

Liabiliti Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 adalah bertujuan membiayai bayaran caruman syer pekerja bagi potongan yang dibuat atas gaji pekerja bersama amaun dividen atas caruman tersebut sekiranya majikan gagal membayar syer caruman pekerja tersebut didedahkan sebagai Caj Berkanun dalam Untung atau Rugi KWSP serta sebahagian daripada Pemiutang dan Liabiliti Terakru dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

#### 2.21 Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli

Caruman dikreditkan ke akaun ahli mengikut bulan caruman atas dasar terimaan tunai kecuali kes pengkreditan berasaskan Invokasi Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 seperti dinyatakan di Nota 2.20.

Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli adalah tanggungan semasa KWSP kepada ahli. Aset bersih bagi KWSP telah dikira seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang merangkumi Caruman Ahli, Lebihan Kumulatif dan Rizab.

#### 2.22 Dividen Dikreditkan/Dibayar kepada Ahli

Dividen tahunan dikira atas baki pembuka pada 1 Januari (selepas ditolak pengeluaran) dan dicampur caruman mengikut bulan caruman dan dikreditkan ke akaun ahli pada penutupan akhir tahun kewangan. Dividen ke atas pengeluaran adalah dikira dari awal tahun pengeluaran sehingga ke tarikh akaun caruman didebitkan. Dividen yang diagihkan pada tahun semasa daripada KWSP kepada ahli adalah pada tahap maksimum selepas mengambil kira semua pendapatan diterima dan perbelanjaan termasuk Turun Nilai Kos atas Ekuiti Tersenarai seperti yang didedahkan di dalam Nota 2.1(d)(iv) berlandaskan polisi perakaunan KWSP yang diluluskan oleh Lembaga.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.23 Rizab

##### **Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI)**

Rizab Aset Kewangan pada FVOCI telah diwujudkan untuk mengakaunkan pergerakan perubahan nilai saksama bagi aset kewangan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan pada FVOCI. Akaun Rizab Aset Kewangan pada FVOCI dikreditkan apabila terdapat perubahan positif kepada nilai saksama Aset Kewangan pada FVOCI. Sebaliknya, akaun rizab ini didebitkan apabila berlaku perubahan negatif kepada nilai saksama Aset Kewangan pada FVOCI. Sebarang penjualan bagi Aset Kewangan pada FVOCI, keuntungan dan kerugian secara kumulatif akan dipindahkan kepada Lebihan Kumulatif.

Sila rujuk Nota 2.1 (d) (iv) di bawah Anggaran dan Andaian untuk polisi perakaunan Turun Nilai Kos atas Ekuiti Tersenarai.

#### 2.24 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf sebagaimana dinyatakan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk amaun yang dikutip bagi pihak ketiga. Kumpulan dan KWSP mengiktiraf pendapatan apabila (atau semasa) memindahkan kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau semasa) pelanggan memperoleh kawalan ke atas aset tersebut.

Kumpulan dan KWSP memindahkan kawalan ke atas suatu barangan atau perkhidmatan pada sesuatu masa kecuali jika terdapat salah satu kriteria kepada penunaian obligasi prestasi di bawah dipenuhi dari masa ke masa:

- (i) pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh Kumpulan atau KWSP;
- (ii) keupayaan Kumpulan atau KWSP menyediakan atau menambah baik aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset tersedia atau ditambah baik; atau
- (iii) prestasi KWSP tidak mewujudkan aset untuk kegunaan alternatif kepada entiti dan KWSP mempunyai hak untuk membuat pembayaran ke atas prestasi yang telah dilaksanakan sehingga kini.

Pendapatan merangkumi nilai saksama bayaran yang diterima atau boleh diterima bagi penjualan barangan atau perkhidmatan dalam aktiviti rutin Kumpulan. Pendapatan diiktiraf sebagai nilai bersih selepas cukai, bayaran balik, rebat, diskaun dan tidak mengambil kira jualan dalam Kumpulan. Pendapatan Kumpulan dan KWSP dijelaskan di bawah:

##### **Pengiktirafan Pendapatan atas Penjualan Hartanah**

Pendapatan hasil daripada jualan hartanah siap diukur pada harga urus niaga tetap yang telah dipersetujui di bawah perjanjian jual beli selepas ditolak jangkaan bayaran ganti rugi yang ditentukan (LAD), berdasarkan kaedah nilai dijangka.

Pendapatan daripada penjualan hartanah yang telah siap diiktiraf apabila kawalan aset dipindahkan kepada pelanggan dan kemungkinan Kumpulan dan KWSP akan menerima bayaran yang mana ia berhak untuk melakukan pertukaran aset yang akan dipindahkan kepada pelanggan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.25 Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan Risiko Kewangan KWSP secara keseluruhannya adalah untuk mengoptimalkan wang simpanan persaraan ahli di samping menguruskan risiko impak buruk berikutan perubahan keadaan pasaran seperti turun naik kadar faedah dan ketidakpastian dalam pasaran kewangan.

KWSP perlu memastikan aktiviti-aktiviti pelaburan adalah seimbang dalam mencapai sasaran dividen tahunan dan menguruskan pelbagai risiko kewangan.

Rangka kerja pengurusan risiko KWSP secara keseluruhan berfungsi untuk meminimumkan potensi kesan buruk ke atas prestasi kewangan. Pelaburan KWSP adalah berlandaskan kepada Alokasi Aset Strategik (SAA) yang menetapkan alokasi dana yang optimum untuk jangka masa panjang bagi setiap kelas aset dan pasaran. SAA secara lazimnya menentukan alokasi aset optimum yang selari dengan selera risiko KWSP dengan mengambil kira jangkaan risiko/pulangan bagi setiap kelas aset dan hubung kait di antara kelas-kelas aset tersebut. Dengan mempelbagaikan calon alokasi aset, tahap risiko yang berbeza dapat dihasilkan. Berdasarkan pulangan dan risiko setiap calon portfolio, Panel Pelaburan boleh menentukan alokasi dana yang optimum untuk KWSP.

SAA adalah keputusan pelaburan aras tertinggi dan merupakan langkah terpenting dalam proses pelaburan kerana ia menentukan tahap pulangan dan risiko keseluruhan bagi pelaburan KWSP.

Pembangunan SAA adalah tertakluk kepada Pernyataan Risiko Kawalan KWSP seperti berikut:

- i. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada 18% jangkaan dividen menurun ke tahap kurang daripada 2.50% pada mana-mana tahun sepanjang 10 tahun akan datang.
- ii. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada 15% jangkaan Nilai Aset jatuh di bawah 95% daripada Nilai Liabiliti pada akhir tahun sepanjang 10 tahun akan datang.

SAA juga dibangunkan untuk mencapai sasaran pulangan seperti berikut:

- i. KWSP mensasarkan untuk menjana dividen tahunan melebihi daripada 10 tahun SKM + 0.5% bagi tiga (3) tahun bergerak.

Antara keputusan lain dalam proses pelaburan ialah mengenai Alokasi Aset Taktikal (TAA), yang membolehkan alokasi aset yang sedikit berbeza berbanding median SAA di samping memastikan keseluruhan risiko portfolio masih dalam lingkungan paras risiko yang dibenarkan.

Dalam mencapai misinya, KWSP perlu mengurus pelbagai risiko yang timbul dari persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Risiko-risiko ini termasuklah risiko operasi dan risiko kewangan.

#### a. Risiko Operasi

Risiko Operasi ditakrifkan sebagai risiko kegagalan hasil daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia atau sistem, atau daripada kejadian luaran termasuk risiko undang-undang. Ringkasnya, risiko operasi adalah peluang dan ketidakpastian yang dihadapi oleh organisasi dalam menjalankan aktiviti, prosedur dan sistem perniagaan hariannya.

#### b. Risiko Kewangan

Risiko Kewangan adalah risiko yang berkaitan dengan perubahan pelbagai aspek ekonomi yang memberi implikasi kepada kestabilan kewangan KWSP. Terdapat tiga (3) jenis risiko kewangan yang dihadapi oleh KWSP sebagaimana berikut:

- i. Risiko Pasaran (terdiri daripada risiko harga, risiko kadar faedah dan risiko pertukaran mata wang asing);
- ii. Risiko Kecairan; dan
- iii. Risiko Kredit.

Polisi terperinci mengenai setiap jenis risiko kewangan yang disenaraikan di atas adalah sebagaimana yang didedahkan di Nota 35.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**3. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN****3.1 KUMPULAN**

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Deposit Bermasa		<b>22,293,250</b>	18,034,590
Deposit Tetap		<b>8,779,945</b>	4,661,101
Komoditi Murabahah		<b>16,204,100</b>	17,526,980
Deposit Berkanun dengan Bank Negara Malaysia		<b>822,661</b>	610,000
Akaun Pasaran Wang dengan Bank Negara Malaysia	33	<b>2,601,615</b>	325,156
Akaun Pasaran Wang dalam Mata Wang Pelbagai		<b>2,368,709</b>	5,292,059
Akaun Pasaran Wang Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar		<b>3,528,175</b>	2,404,263
		<b>56,598,455</b>	48,854,149
Elaun Rosot Nilai	35.1b	-	(1)
	35.1a	<b>56,598,455</b>	48,854,148

Struktur kematangan bagi Deposit Kasar dengan Institusi Kewangan, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		<b>55,774,623</b>	48,244,149
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		<b>823,832</b>	610,000
	35.1c	<b>56,598,455</b>	48,854,149

Deposit berkanun tanpa faedah yang dikendalikan oleh anak syarikat dengan Bank Negara Malaysia mematuhi Seksyen 26(2)(c) Akta Bank Negara Malaysia, 2009 untuk memenuhi Keperluan Rizab Berkanun (SRR); yang ditentukan pada peratusan yang ditetapkan dari jumlah liabiliti yang layak.

**3.2 KWSP**

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Deposit Bermasa		<b>22,509,990</b>	18,034,590
Deposit Tetap		<b>2,862,931</b>	2,132,906
Komoditi Murabahah		<b>18,318,460</b>	19,087,963
Akaun Pasaran Wang dengan Bank Negara Malaysia	33	<b>2,601,615</b>	325,156
Akaun Pasaran Wang dalam Mata Wang Pelbagai		<b>2,368,709</b>	5,292,059
Akaun Pasaran Wang Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar		<b>3,532,079</b>	2,404,263
		<b>52,193,784</b>	47,276,937
Elaun Rosot Nilai	35.1b	-	(1)
	35.1a	<b>52,193,784</b>	47,276,936

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**3. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)****3.2 KWSP (Samb.)**

Struktur kematangan bagi Deposit Kasar dengan Institusi Kewangan, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		51,692,613	46,517,027
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		501,171	759,910
	35.1c	<b>52,193,784</b>	47,276,937

Deposit Bermasa, Deposit Tetap, Komoditi Murabahah, Akaun Pasaran Wang dengan Bank Negara Malaysia dan Akaun Pasaran Wang dalam Mata Wang Pelbagai seperti di atas berjumlah RM41.44 bilion (2022: RM42.16 bilion) bagi Kumpulan dan RM36.30 bilion (2022: RM40.29 bilion) bagi KWSP mempunyai tempoh kematangan kurang daripada tiga (3) bulan dari tarikh perolehan, maka ianya diambil kira sebagai tunai dan kesetaraan tunai di dalam Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan KWSP.

Butiran mengenai Deposit dengan Institusi Kewangan yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2023 adalah ditunjukkan dalam Nota 35.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah ditunjukkan dalam Nota 35.1b.

**4. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN****4.1 KUMPULAN**

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Sumbangan Dana Kursi		26,535	26,535
Prabayaran		173,863	91,718
Deposit Sewa		5,934	4,393
Penghutang Sewa		138,863	109,856
Hartanah Ditarik Balik		39,552	51,955
Penghutang Perdagangan		119,693	146,482
Cukai Boleh Pulih		256,473	418,000
Akruan Pelbagai Penghutang Bukan Pelaburan dan Deposit		1,355,452	863,453
Akruan Pendapatan Dividen		532,744	2,272,051
Akruan Penjualan Pelaburan		4,043,382	2,017,106
Caj Perkhidmatan Belum Terima		6,344	5,551
		<b>6,698,835</b>	6,007,100
Elaun Rosot Nilai:			
Penghutang Perdagangan	35.1b	(77,331)	(75,597)
Lain-lain	35.1b	(50,881)	(17,817)
Hartanah Ditarik Balik		(2,972)	(10,717)
		<b>6,567,651</b>	5,902,969

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 4. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN (SAMB.)

#### 4.1 KUMPULAN (Samb.)

Struktur kematangan bagi Penghutang, Deposit dan Prabayaran Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan	6,064,657	5,365,240
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan	634,178	641,860
	<b>6,698,835</b>	6,007,100

#### 4.2 KWSP

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Sumbangan Dana Kursi		26,535	26,535
Prabayaran		25,037	16,213
Deposit Sewa		2,154	2,091
Penghutang Sewa		14,726	8,814
Amaun Terhutang daripada Syarikat Subsidiari		9,730	73,988
Tuntutan Cukai atas Dividen Belum Terima		8,491	9,039
Akruan Pelbagai Penghutang Bukan Pelaburan dan Deposit		45,355	42,658
Akruan Pendapatan Dividen		580,144	2,321,050
Akruan Penjualan Pelaburan		3,994,223	1,968,383
Caj Perkhidmatan Belum Terima		6,344	5,551
		<b>4,712,739</b>	4,474,322
Elaun Rosot Nilai	35.1b	<b>(6,072)</b>	(4,818)
		<b>4,706,667</b>	4,469,504

Struktur kematangan bagi Penghutang, Deposit dan Prabayaran Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan	4,671,767	4,398,432
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan	40,972	75,890
	<b>4,712,739</b>	4,474,322

Butiran mengenai Penghutang dan Deposit (tidak termasuk Prabayaran, Hartanah Ditarik Balik dan Cukai Boleh Pulih) yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2023 adalah dinyatakan dalam Nota 35.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah dinyatakan dalam Nota 35.1b.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN****5.1 KUMPULAN**

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Pinjaman dan Pembiayaan	5.2a	<b>43,825,862</b>	45,393,030
Pembiayaan Peribadi		<b>19,467,482</b>	19,154,238
Pembiayaan Hartanah dan Pembiayaan Akhir		<b>9,636,637</b>	8,456,659
Pembiayaan Penyambung dan Lain-lain Pembiayaan Berjangka		<b>7,075,767</b>	7,247,738
Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	5.1a	<b>2,393,998</b>	2,203,418
Pembiayaan Perdagangan dan Kemudahan Overdraf		<b>2,831,206</b>	1,969,607
Kredit Pusingan		<b>113,356</b>	1,614,785
Sewa Beli dan Pembiayaan Auto		<b>786,752</b>	763,677
Pinjaman Berjangka Bersindiket		<b>2,018,478</b>	-
Akaun Margin		<b>1,003,996</b>	-
Pinjaman Staf		<b>224,897</b>	252,865
		<b>89,378,431</b>	87,056,017
Elaun Rosot Nilai:			
Pinjaman dan Pembiayaan	35.1b	<b>(355)</b>	(533)
Pembiayaan dan Pinjaman Korporat	35.1b	<b>(1,216,268)</b>	(1,029,528)
Pembiayaan dan Pinjaman Peribadi	35.1b	<b>(336,516)</b>	(596,505)
Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	35.1b	<b>(139)</b>	(1,688)
Pinjaman Staf	35.1b	<b>(328)</b>	-
	35.1a	<b>87,824,825</b>	85,427,763

- a. Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama tidak bercagar dan dikenakan faedah antara 3.90% hingga 8.00% (2022: 3.20% hingga 8.00%) setahun kecuali pinjaman daripada syarikat subsidiari KWSP, KWASA Europe S.à r.l. kepada syarikat usaha samanya yang mempunyai faedah berubah berdasarkan pinjaman kepada SPV Hartanah ditolak margin berkaitan untuk tahun kewangan yang berkenaan.

Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama ini juga tiada tempoh tetap bagi pembayaran balik kecuali pinjaman daripada KWASA Europe S.à r.l. yang akan matang pada tahun 2025 dan Naungan Sentosa Sdn Bhd yang akan dibayar balik pada bila-bila masa atas pilihan syarikat bersekutu.

Struktur kematangan bagi Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		<b>7,176,683</b>	4,881,394
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		<b>82,201,748</b>	82,174,623
	35.1c	<b>89,378,431</b>	87,056,017

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMB.)

#### 5.2 KWSP

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Pinjaman dan Pembiayaan	5.2a	<b>43,825,862</b>	45,393,030
Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari	5.2b	<b>4,746,471</b>	2,757,033
Pinjaman Staf		<b>196,090</b>	214,011
		<b>48,768,423</b>	48,364,074
Elaun Rosot Nilai:			
Pinjaman dan Pembiayaan	35.1b	<b>(355)</b>	(533)
Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari	35.1b	<b>(9,091)</b>	(13,544)
Pinjaman Staf	35.1b	<b>(328)</b>	-
	35.1a	<b>48,758,649</b>	48,349,997

- Pinjaman dan Pembiayaan ini diberikan kepada pelbagai agensi dan syarikat yang sebahagian besarnya dijamin oleh Kerajaan Malaysia.
- Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari KWSP ini tidak bercagar dan tanpa faedah kecuali pendahuluan modal kepada Kwasa Singapore Duo Pte Ltd, Kwasa Singapore Trio Pte Ltd, Kwasa Global (Jersey) Limited, Kwasa Logistics Sdn Bhd dan KLSB Business Services Sdn Bhd, syarikat subsidiari milik penuh Kwasa Land Sdn Bhd, yang dikenakan faedah antara 3.20% hingga 10.00% (2022: 3.20% hingga 7.00%) setahun.

Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari ini juga tiada tempoh tetap pembayaran balik kecuali KWASA Europe S.à r.l., Kwasa Global (Jersey) Limited, KLSB Business Services Sdn Bhd, Kwasa Logistics Sdn Bhd dan Kwasa Properties Sdn Bhd di mana tempoh pembayaran balik adalah selepas tamat tempoh pinjaman, iaitu antara 1 hingga 20 tahun (2022: 10 hingga 20 tahun) daripada tarikh perjanjian pendahuluan modal. Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari yang gagal ujian Pembayaran Hanya Prinsipal dan Faedah (SPPI) berdasarkan MFRS 9 telah diklasifikasikan sebagai Aset Kewangan pada FVTPL (Nota 6).

Struktur kematangan bagi Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		<b>2,185,905</b>	265,114
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		<b>46,582,518</b>	48,098,960
	35.1c	<b>48,768,423</b>	48,364,074

Butiran mengenai Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2023 adalah dinyatakan dalam Nota 35.1a. Pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah dinyatakan dalam Nota 35.1b.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**6. ASET/LIABILITI KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI****6.1 KUMPULAN**

	Nota	2023			2022		
		Nilai Nosional (RM'000)	Nilai Saksama		Nilai Nosional (RM'000)	Nilai Saksama	
			Aset (RM'000)	Liabiliti (RM'000)		Aset (RM'000)	Liabiliti (RM'000)
Aset Pelaburan Dipegang							
untuk Dagangan	35.1a	-	<b>21,407,673</b>	-	-	18,373,762	-
Instrumen Ekuiti		-	<b>6,778,188</b>	-	-	3,241,682	-
Instrumen Hutang	35.1a	-	<b>74,432,510</b>	-	-	61,703,564	-
Instrumen Lindung Nilai:	6b, 35.1a						
- Kontrak Hadapan		<b>121,312,308</b>	<b>1,467,618</b>	<b>578,372</b>	98,457,785	3,333,515	311,495
- Swap Mata Wang							
Bersilang		<b>847,290</b>	<b>2,094</b>	<b>46,181</b>	847,290	2,412	73,920
- Swap Kadar Faedah		<b>13,246,599</b>	<b>687,182</b>	<b>56,721</b>	11,175,542	505,092	529,040
Lain-lain Aset Kewangan							
Derivatif	35.1a	-	<b>760,944</b>	-	-	908,095	-
		<b>135,406,197</b>	<b>105,536,209</b>	<b>681,274</b>	110,480,617	88,068,122	914,455

**6.2 KWSP**

	Nota	2023			2022		
		Nilai Nosional (RM'000)	Nilai Saksama		Nilai Nosional (RM'000)	Nilai Saksama	
			Aset (RM'000)	Liabiliti (RM'000)		Aset (RM'000)	Liabiliti (RM'000)
Instrumen Hutang	35.1a	-	<b>70,820,355</b>	-	-	61,254,664	-
Pendahuluan Modal kepada							
Syarikat Subsidiari	6a, 35.1a	-	<b>7,780,168</b>	-	-	9,142,437	-
Instrumen Lindung Nilai:	6b, 35.1a						
- Kontrak Hadapan		<b>118,004,174</b>	<b>1,417,479</b>	<b>541,310</b>	96,480,899	3,318,498	288,025
- Swap Mata Wang							
Bersilang		<b>847,290</b>	<b>2,094</b>	<b>46,181</b>	847,290	2,412	73,920
Lain-lain Aset Kewangan							
Derivatif	35.1a	-	<b>735,282</b>	-	-	873,548	-
		<b>118,851,464</b>	<b>80,755,378</b>	<b>587,491</b>	97,328,189	74,591,559	361,945

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 6. ASET/LIABILITI KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)

- a. Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari merupakan pendahuluan modal yang telah gagal Ujian Pembayaran Hanya Prinsipal dan Faedah (SPP1) berdasarkan MFRS 9. Pendahuluan Modal ini tidak bercagar dan dikenakan faedah antara 0.50% hingga 8.00% setahun (2022: 0.50% hingga 8.00% setahun), kecuali kepada KWASA Capital Partners Limited dan Pinggiran Ventures Sdn Bhd di mana tiada faedah dikenakan ke atas pendahuluan modal berkenaan.

Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari ini tiada tempoh tetap pembayaran balik kecuali Tanjung Wibawa Sdn Bhd, KWASA Europe S.à r.l. dan KWASA Europe-I S.à r.l. di mana tempoh pembayaran balik adalah selepas tamat tempoh pinjaman, iaitu antara 5 hingga 27 tahun (2022: 5 hingga 15 tahun) daripada tarikh perjanjian pendahuluan modal.

- b. Instrumen lindung nilai diukur pada nilai saksama dan digunakan oleh Kumpulan dan KWSP untuk melindungi perubahan dalam nilai saksama aset kewangan akibat daripada perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing dan kadar faedah pasaran. Kesemua derivatif dikira sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan dikira sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif. Perubahan nilai saksama atas penilaian semula kontrak derivatif diiktiraf dalam Untung atau Rugi. Nilai saksama bagi Kontrak Hadapan adalah ditentukan dengan menggunakan kadar tukaran hadapan pada tarikh pelaporan dengan nilai terhasil didiskaunkan ke nilai semasa.

Termasuk dalam instrumen lindung nilai bagi Kumpulan adalah Swap Kadar Faedah daripada Syarikat Subsidiari yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dibawa pada nilai saksama bersih berjumlah RM612.58 juta (2022: RM60.86 juta) dan nilai nosional berjumlah RM11,145.09 juta (2022: RM10,281.46 juta). Syarikat Subsidiari menggunakan instrumen Swap Kadar Faedah untuk menguruskan pendedahan kepada pergerakan kadar faedah ke atas pinjaman bank melalui pertukaran sebahagian daripada pinjaman itu daripada kadar terapung kepada kadar tetap.

Swap Kadar Faedah bagi kadar terapung dan kadar tetap diselesaikan masing-masing pada setiap bulan dan suku tahunan. Syarikat Subsidiari akan menyelesaikan perbezaan di antara kadar faedah tetap dan terapung atas dasar bersih. Kontrak Swap Kadar Faedah yang menukar kadar faedah terapung kepada kadar faedah tetap mengurangkan pendedahan aliran tunai Syarikat Subsidiari yang disebabkan oleh kadar faedah berubah atas pinjaman dan ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**7. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN****7.1 KUMPULAN**

	2023	2022
	Nilai Saksama (RM'000)	Nilai Saksama (RM'000)
<b>EKUITI TERSIAR HARGA</b>		
Ekuiti Domestik Diuruskan Secara Dalaman	<b>118,863,286</b>	121,747,312
Ekuiti Domestik Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>20,656,140</b>	18,745,271
Ekuiti Global Diuruskan Secara Dalaman	<b>150,883,178</b>	123,625,181
Ekuiti Global Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>103,105,891</b>	82,654,967
	<b>393,508,495</b>	346,772,731
<b>EKUITI TIDAK TERSIAR HARGA</b>		
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	<b>414,937</b>	142,032
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	<b>2,930</b>	1,694,847
	<b>417,867</b>	1,836,879
<b>INSTRUMEN BERPENDAPATAN TETAP KEKAL</b>		
Instrumen Berpendapatan Tetap Kekal Domestik	<b>777,003</b>	829,459
Instrumen Berpendapatan Tetap Kekal Global	<b>179,253</b>	224,970
	<b>956,256</b>	1,054,429
<b>INSTRUMEN BERPENDAPATAN TETAP</b>		
Instrumen Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Secara Dalaman	<b>49,106,226</b>	41,487,210
Instrumen Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>28,874,236</b>	26,829,580
Instrumen Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Secara Dalaman	<b>7,082,436</b>	5,812,308
Instrumen Berpendapatan Tetap Global Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>23,368,475</b>	20,397,855
	<b>108,431,373</b>	94,526,953
<b>LAIN-LAIN INSTRUMEN</b>		
Sekuriti Hutang Persendirian Domestik Diuruskan Secara Dalaman	<b>16,972,093</b>	9,168,303
Sekuriti Hutang Persendirian Global Diuruskan Secara Dalaman	<b>18,568,169</b>	11,999,641
	<b>35,540,262</b>	21,167,944
	<b>538,854,253</b>	465,358,936

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 7. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)

#### 7.1 KUMPULAN (SAMB.)

Struktur kematangan bagi Instrumen Berpendapatan Tetap dan Lain-lain Instrumen dalam Aset Kewangan pada FVOCI Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		5,245,528	2,974,776
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		138,726,107	112,720,121
	35.1a	143,971,635	115,694,897

Butiran mengenai Aset Kewangan pada FVOCI yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi Kumpulan setakat 31 Disember 2023 adalah dinyatakan dalam Nota 35.1a. Pergerakan Elaun Rosot Nilai di Rizab Aset Kewangan pada FVOCI adalah dinyatakan dalam Nota 35.1b.

a. Kumpulan Telah Mengkelaskan Portfolio Ekuiti Berikut sebagai FVOCI:

	2023	2022
	Nilai Saksama (RM'000)	Nilai Saksama (RM'000)
<b>PORTFOLIO EKUITI MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN</b>		
Bursa Malaysia	139,519,426	140,492,584
NASDAQ	39,551,615	20,068,269
Bursa Saham New York	31,072,959	23,835,709
Bursa Saham Hong Kong	21,109,669	20,112,192
Bursa Saham Singapura	16,577,566	16,995,915
Bursa Saham Tokyo	15,649,484	11,745,140
Bursa Saham Thailand	13,437,263	13,063,044
Bursa Saham Taiwan	12,390,331	8,323,826
Bursa Euronext Paris	12,313,784	10,053,089
Bursa Saham Indonesia	11,599,924	8,703,431
Bursa Saham Korea Selatan	10,804,219	9,363,170
Bursa Saham London	9,893,223	12,106,670
Bursa Saham Frankfurt	8,789,731	6,146,769
Bursa Saham Brazil	7,460,831	4,865,943
Bursa Sekuriti Australia	5,225,146	3,521,337
Bursa Saham Filipina	5,023,949	5,349,369
Bursa Saham India	4,758,498	4,635,103
Bursa Euronext Amsterdam	3,795,882	2,840,765
Bursa Saham China	3,724,345	4,403,675
Bursa Saham Mexico	3,546,984	1,583,477
Bursa Saham Vietnam	3,488,020	2,929,995
Bursa Saham Madrid	3,358,273	2,865,189
Bursa Saham Itali	2,989,617	2,371,713
Bursa Saham Switzerland	2,979,377	3,531,493
Lain-lain Bursa Ekuiti Tersiar Harga	4,448,379	6,864,864
Ekuiti Tidak Tersiar Harga dan Instrumen Berpendapatan Tetap Kekal	1,374,123	2,891,308
	394,882,618	349,664,039

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**7. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)****7.2 KWSP**

	2023	2022
	Nilai Saksama (RM'000)	Nilai Saksama (RM'000)
<b>EKUITI TERSIAR HARGA</b>		
Ekuiti Domestik Diuruskan Secara Dalam	<b>118,863,609</b>	121,747,312
Ekuiti Domestik Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>20,656,140</b>	18,745,271
Ekuiti Global Diuruskan Secara Dalam	<b>150,883,178</b>	123,625,181
Ekuiti Global Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>103,105,891</b>	82,654,967
	<b>393,508,818</b>	346,772,731
<b>EKUITI TIDAK TERSIAR HARGA</b>		
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	<b>413,530</b>	118,017
	<b>413,530</b>	118,017
<b>INSTRUMEN BERPENDAPATAN TETAP KEKAL</b>		
Instrumen Berpendapatan Tetap Kekal Domestik	<b>777,003</b>	829,459
Instrumen Berpendapatan Tetap Kekal Global	<b>179,253</b>	224,970
	<b>956,256</b>	1,054,429
<b>INSTRUMEN BERPENDAPATAN TETAP</b>		
Instrumen Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan Secara Dalam	<b>39,142,311</b>	31,116,324
Instrumen Berpendapatan Tetap Domestik Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>28,974,688</b>	26,939,286
Instrumen Berpendapatan Tetap Global Diuruskan Secara Dalam	<b>7,082,436</b>	5,812,308
Instrumen Berpendapatan Tetap Global Diuruskan oleh Pengurus Dana Luar	<b>23,383,566</b>	20,412,739
	<b>98,583,001</b>	84,280,657
<b>LAIN-LAIN INSTRUMEN</b>		
Sekuriti Hutang Persendirian Domestik Diuruskan Secara Dalam	<b>14,299,781</b>	8,146,409
Sekuriti Hutang Persendirian Global Diuruskan Secara Dalam	<b>18,568,169</b>	11,999,641
	<b>32,867,950</b>	20,146,050
	<b>526,329,555</b>	452,371,884

Struktur kematangan bagi Instrumen Berpendapatan Tetap dan Lain-lain Instrumen dalam Aset Kewangan pada FVOCI Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		<b>3,744,171</b>	2,116,538
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		<b>127,706,780</b>	102,310,169
	35.1a	<b>131,450,951</b>	104,426,707

Butiran mengenai Aset Kewangan pada FVOCI yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi KWSP setakat 31 Disember 2023 adalah dinyatakan dalam Nota 35.1a. Pergerakan Elaun Rosot Nilai di Rizab Aset Kewangan pada FVOCI adalah dinyatakan dalam Nota 35.1b.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 7. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMB.)

#### 7.2 KWSP (Samb.)

##### a. KWSP Telah Mengkelaskan Portfolio Ekuiti Berikut Sebagai FVOCI:

	2023	2022
	Nilai Saksama (RM'000)	Nilai Saksama (RM'000)
<b>PORTFOLIO EKUITI MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN</b>		
Bursa Malaysia	139,519,749	140,492,584
NASDAQ	39,551,615	20,068,269
Bursa Saham New York	31,072,959	23,835,709
Bursa Saham Hong Kong	21,109,669	20,112,192
Bursa Saham Singapura	16,577,566	16,995,915
Bursa Saham Tokyo	15,649,484	11,745,140
Bursa Saham Thailand	13,437,263	13,063,044
Bursa Saham Taiwan	12,390,331	8,323,826
Bursa Euronext Paris	12,313,784	10,053,089
Bursa Saham Indonesia	11,599,924	8,703,431
Bursa Saham Korea Selatan	10,804,219	9,363,170
Bursa Saham London	9,893,223	12,106,670
Bursa Saham Frankfurt	8,789,731	6,146,769
Bursa Saham Brazil	7,460,831	4,865,943
Bursa Sekuriti Australia	5,225,146	3,521,337
Bursa Saham Filipina	5,023,949	5,349,369
Bursa Saham India	4,758,498	4,635,103
Bursa Euronext Amsterdam	3,795,882	2,840,765
Bursa Saham China	3,724,345	4,403,675
Bursa Saham Mexico	3,546,984	1,583,477
Bursa Saham Vietnam	3,488,020	2,929,995
Bursa Saham Madrid	3,358,273	2,865,189
Bursa Saham Itali	2,989,617	2,371,713
Bursa Saham Switzerland	2,979,377	3,531,493
Lain-lain Bursa Ekuiti Tersiar Harga	4,448,379	6,864,864
Ekuiti Tidak Tersiar Harga dan Instrumen Berpendapatan Tetap Kekal	1,369,786	1,172,446
	<b>394,878,604</b>	<b>347,945,177</b>

Kumpulan dan KWSP telah memilih untuk mengkelaskan portfolio ekuiti di atas pada FVOCI atas dasar pelaburan dibuat untuk memelihara dan meningkatkan nilai modal daripada caruman ahli serta mengekalkan pulangan yang stabil dalam jangka panjang.

Dividen yang diiktiraf atas instrumen ekuiti yang dikelaskan pada FVOCI bagi Kumpulan berjumlah RM12,429.47 juta (2022: RM12,096.01 juta) dan bagi KWSP berjumlah RM12,429.38 juta (2022: RM12,041.96 juta) seperti yang telah dinyatakan dalam Nota 24.

Sebagai sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan nilai modal daripada caruman ahli, Kumpulan dan KWSP telah menjual RM226,402.05 juta (2022: RM158,923.32 juta) instrumen ekuiti yang dikelaskan pada FVOCI yang menghasilkan keuntungan bersih sebanyak RM22,714.46 juta (2022: RM16,582.02 juta) bagi Kumpulan dan KWSP yang terangkum dalam pendapatan komprehensif lain seperti yang telah dinyatakan dalam Nota 23.2. Keuntungan bersih ini telah dipindahkan ke Lebihan Kumulatif. Kesan bersih ke atas instrumen ekuiti yang dijual ini tidak akan memberi kesan material ke atas pendapatan dividen pada masa hadapan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**8. ASET PELABURAN PADA KOS TERLUNAS****8.1 KUMPULAN**

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Sekuriti Kerajaan Malaysia		<b>138,860,898</b>	122,038,866
Terbitan Pelaburan Kerajaan		<b>141,209,828</b>	118,435,519
Bon dan Sukuk		<b>73,261,509</b>	73,535,034
		<b>353,332,235</b>	314,009,419
Elaun Rosot Nilai	35.1b	<b>(637,892)</b>	(585,400)
	35.1a	<b>352,694,343</b>	313,424,019

Struktur kematangan bagi Aset Pelaburan Kasar pada Kos Terlunas tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		<b>14,170,511</b>	5,584,546
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		<b>339,161,724</b>	308,424,873
	35.1c	<b>353,332,235</b>	314,009,419

**8.2 KWSP**

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Sekuriti Kerajaan Malaysia		<b>138,194,231</b>	122,038,866
Terbitan Pelaburan Kerajaan		<b>139,947,645</b>	118,057,217
Bon dan Sukuk		<b>70,903,457</b>	73,387,785
		<b>349,045,333</b>	313,483,868
Elaun Rosot Nilai	35.1b	<b>(636,043)</b>	(584,299)
	35.1a	<b>348,409,290</b>	312,899,569

Struktur kematangan bagi Aset Pelaburan Kasar pada Kos Terlunas tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		<b>13,612,075</b>	5,752,714
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		<b>335,433,258</b>	307,731,154
	35.1c	<b>349,045,333</b>	313,483,868

Butiran mengenai Aset Pelaburan pada Kos Terlunas ditaksir sebagai rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2023 adalah dinyatakan dalam Nota 35.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah dinyatakan dalam Nota 35.1b.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**9. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA****9.1 KUMPULAN**

	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Domestik	99,450	99,450
Ekuiti Tidak Tersiar Harga Global	4,761,733	4,304,444
Elaun Rosot Nilai	(4,361)	(4,361)
	<b>4,757,372</b>	4,300,083
Keuntungan dan Pelarasan dalam Syarikat Usaha Sama	260,870	496,359
	<b>5,117,692</b>	4,895,892

a. Butiran Syarikat Usaha Sama yang mana Kumpulan mempunyai kawalan bersama material adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Nota	Kaedah Pengukuran	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan	Kepentingan Pemilikan atas Hak Mengundi		Amaun Dibawa	
					2023 %	2022 %	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
Battersea Project Holding Company Limited		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Jersey	20.00	20.00	1,363,257	1,287,005
PNB Kwasa International Holding Limited		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Jersey	35.00	35.00	852,360	941,353
Melati Asia Holdings Limited		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Kepulauan Cayman	51.00	51.00	624,195	673,694
Yarra Park City Pty Ltd		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Australia	49.00	49.00	606,777	583,512
Goodman Lidcombe Industrial Trust		Perakaunan Ekuiti	Pelaburan Hartanah	Australia	49.00	49.00	374,539	349,960
The Arena Unit Trust		Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Jersey	50.00	50.00	639,924	306,329
Goodman Slough Industrial Trust		Perakaunan Ekuiti	Pelaburan Hartanah	Australia	49.00	49.00	321,881	300,907
PLUS Malaysia Berhad (PMB)	9.1a (i)	Perakaunan Ekuiti	Syarikat Pemegang Pelaburan	Malaysia	49.00	49.00	-	-
Syarikat Usaha Sama yang Tidak Material Secara Individu	9.1c						334,759	453,132
<b>Jumlah Pelaburan Dalam Syarikat Usaha Sama</b>							<b>5,117,692</b>	4,895,892

- (i) Kumpulan telah menghentikan pengiktirafan perkongsian kerugian daripada PMB sejak tahun 2017 setelah amaun dibawa bagi pelaburan Kumpulan dalam PMB menjadi sifar berdasarkan MFRS 128. Setakat 31 Disember 2023, kerugian kumulatif yang tidak diiktiraf dikongsi oleh Kumpulan bagi PMB ialah RM5,077.88 juta (2022: RM5,005.19 juta).

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**9. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA (SAMB.)****9.1 KUMPULAN (Samb.)**

- b. Jadual di bawah adalah ringkasan maklumat kewangan bagi Syarikat Usaha Sama yang material kepada Kumpulan. Maklumat ini menunjukkan jumlah yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan Syarikat Usaha Sama dan tidak mengikut peratusan pegangan saham Kumpulan. Ringkasan penyata kewangan berikut mengambil kira pelarasan yang telah dibuat oleh entiti yang menggunakan kaedah ekuiti termasuk pelarasan nilai saksama dan pengubahsuaian bagi perbezaan dalam dasar perakaunan:

	Battersea Project Holding Company Limited		PNB Kwasa International Holding Limited		Melati Asia Holdings Limited	
	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
<b>Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan</b>						
Tunai dan Kesetaraan Tunai	449,150	277,172	144,111	74,266	64,723	22,287
Lain-lain Aset	11,395,800	10,836,655	11,538,200	8,510,034	1,216,533	1,297,484
Jumlah Aset	11,844,950	11,113,827	11,682,311	8,584,300	1,281,256	1,319,771
Jumlah Liabiliti	(5,028,666)	(4,678,803)	(9,246,996)	(5,894,719)	(59,735)	(23)
<b>Jumlah Aset Bersih</b>	<b>6,816,284</b>	<b>6,435,024</b>	<b>2,435,315</b>	<b>2,689,581</b>	<b>1,221,521</b>	<b>1,319,748</b>
<b>Petikan daripada Penyata Pendapatan Komprehensif</b>						
Pendapatan	1,465,528	5,514,027	262,688	114,888	-	-
Pendapatan Faedah	3,139	583	-	-	-	-
Susut Nilai dan Pelunasan	(5,624)	(1,284)	-	-	-	-
Perbelanjaan Faedah	(69,122)	(38,196)	-	-	-	-
Cukai	(3,457)	(150)	-	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) selepas Cukai bagi Tahun Kewangan Semasa	(175,400)	(274,689)	(523,143)	73,060	(42,162)	(2,550)
Pendapatan Komprehensif Lain bagi Tahun Kewangan Semasa	-	-	-	-	3,648	4,414
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif bagi Tahun Kewangan Semasa</b>	<b>(175,400)</b>	<b>(274,689)</b>	<b>(523,143)</b>	<b>73,060</b>	<b>(38,514)</b>	<b>1,864</b>
<b>Dividen Diterima daripada Syarikat Usaha Sama pada Tahun Kewangan Semasa</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>29,856</b>	<b>-</b>
Bahagian Milik Kumpulan dalam % Bahagian Aset Bersih Milik Kumpulan	20%	20%	35%	35%	51%	51%
<b>Amaun Dibawa</b>	<b>1,363,257</b>	<b>1,287,005</b>	<b>852,360</b>	<b>941,353</b>	<b>624,195</b>	<b>673,694</b>
Bahagian Milik Kumpulan: Keuntungan/(Kerugian) bagi Tahun Kewangan Semasa	(35,080)	(54,938)	(183,100)	25,571	(21,503)	(1,301)
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	1,860	2,251
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif</b>	<b>(35,080)</b>	<b>(54,938)</b>	<b>(183,100)</b>	<b>25,571</b>	<b>(19,643)</b>	<b>950</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

### 9. PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHA SAMA (SAMB.)

#### 9.1 KUMPULAN (Samb.)

- b. Jadual di bawah adalah ringkasan maklumat kewangan bagi Syarikat Usaha Sama yang material kepada Kumpulan. Maklumat ini menunjukkan jumlah yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan Syarikat Usaha Sama dan tidak mengikut peratusan pegangan saham Kumpulan. Ringkasan penyata kewangan berikut mengambil kira pelarasan yang telah dibuat oleh entiti yang menggunakan kaedah ekuiti termasuk pelarasan nilai saksama dan pengubahsuaian bagi perbezaan dalam dasar perakaunan: (Samb.)

	Yarra Park City Pty Ltd		Goodman Lidcombe Industrial Trust		The Arena Unit Trust	
	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)	2023 (RM'000)	2022 (RM'000)
<b>Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan</b>						
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6,758	35,463	-	-	46,916	38,027
Lain-lain Aset	1,350,360	1,303,345	1,131,638	1,057,034	2,329,399	1,242,822
Jumlah Aset	1,357,118	1,338,808	1,131,638	1,057,034	2,376,315	1,280,849
Jumlah Liabiliti	(165,293)	(194,784)	(367,273)	(342,830)	(1,096,466)	(668,190)
<b>Jumlah Aset Bersih</b>	<b>1,191,825</b>	<b>1,144,024</b>	<b>764,365</b>	<b>714,204</b>	<b>1,279,849</b>	<b>612,659</b>
<b>Petikan daripada Penyata Pendapatan Komprehensif</b>						
Pendapatan	134,432	231,639	46,981	10,928	138,912	179,812
Susut Nilai dan Pelunasan	(1,865)	(1,985)	(7,551)	(7,642)	(68,739)	(21,918)
Perbelanjaan Faedah	-	-	-	(5,144)	(40,031)	(34,708)
Cukai	2,085	(6,180)	-	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) selepas Cukai bagi Tahun Kewangan Semasa	(4,970)	14,467	6,839	(5,989)	(61,046)	118,353
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif bagi Tahun Kewangan Semasa</b>	<b>(4,970)</b>	<b>14,467</b>	<b>6,839</b>	<b>(5,989)</b>	<b>(61,046)</b>	<b>118,353</b>
<b>Dividen Diterima daripada Syarikat Usaha Sama pada Tahun Kewangan Semasa</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>14,585</b>	<b>1,632</b>	<b>18,274</b>	<b>23,848</b>
Bahagian Milik Kumpulan dalam % Bahagian Aset Bersih Milik Kumpulan	49%	49%	49%	49%	50%	50%
Muhibah	22,782	22,940	-	-	-	-
<b>Amaun Dibawa</b>	<b>606,777</b>	<b>583,512</b>	<b>374,539</b>	<b>349,960</b>	<b>639,924</b>	<b>306,329</b>
Bahagian Milik Kumpulan: Keuntungan/(Kerugian) bagi Tahun Kewangan Semasa	(2,435)	7,089	3,351	(2,935)	(30,523)	59,176
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif</b>	<b>(2,435)</b>	<b>7,089</b>	<b>3,351</b>	<b>(2,935)</b>	<b>(30,523)</b>	<b>59,176</b>

